# Ekonomi Islam

## DASAR DAN AMALAN

Surtahman Kastin Hasan

# Ekonomi Islam

## DASAR DAN AMALAN

Surtahman Kastin Hasan

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur
2001

# Ekonomi Islam

DASAR DAN AMALAN

# KANDUNGAN

# PRAKATA

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Penyayang.

Segala puji terkhusus bagi Allah, Salawat dan Salam kepada junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w.

Dunia kini mula memberikan tumpuan kepada Islam untuk menyelesaikan berbagai-bagai masalah dan kekusutan kehidupan manusia di dunia. Sistem dan ilmu yang terus-menerus diambil dan diolah dari blok Barat dan Timur ternyata tidak banyak menyelesaikan masalah, malah menambah dan menimbulkan masalah-masalah lain. Walaupun setengah-setengahnya dapat diselesaikan, namun timbul pula masalah-masalah lain yang perlu diselesaikan. Inilah peluang Islam untuk mengetengahkan penyelesaiannya.

Walaupun sistem ekonomi Islam telah wujud sekian lama, namun baru kini melalui zaman kebangkitannya. Oleh itu, sistem ekonomi Islam torpaksa mencari dan membentuk identitinya sendiri, dan pada masa yang sama masih lesu dan belum benar-benar pulih. Ekonomi (Islam) sebagai salah satu cabang sistem hidup mempunyai kedudukan yang sama dengan bidang-bidang lain dalam Islam, iaitu masih dalam proses pembinaan setelah sekian lama diabaikan.

Memanglah menjadi keinginan setiap umat Islam untuk melihat ekonomi Islam itu dibentuk di atas tapak yang tersendiri, bebas daripada sebarang pengaruh dan sebarang bentuk atau rangka kerja ekonomi lazim (Barat). Walau bagaimanapun, tidaklah menjadi kesalahan untuk berdiri di atas tapak yang sudah sedia ada dengan mengubahsuaikannya selaras dengan kehendak Islam, sama ada dari segi falsafah, prinsip mahupun operasinya.*

---

* Contohnya Bank Islam Malaysia Berhad sendiri didirikan berasaskan model bank

Usaha untuk membentuk model ekonomi Islam yang tersendiri merupakan langkah terpuji. Namun begitu, memandangkan ilmu ekonomi Islam telah sekian lama ditinggalkan, iaitu seusia dengan berakhirnya sistem pemerintahan Islam, maka segala perkembangan dan pembinaan ekonomi yang semakin kompleks tidak dapat dihayati oleh ekonomi Islam. Ini adalah kesilapan umat, khususnya para sarjana ekonomi Islam sendiri, yang membenarkan khazanah ilmu (ekonomi) Islam terpendam apabila berakhirnya pemerintahan Islam. Sekiranya ilmu ekonomi Islam terus berkembang, nescaya umat Islam sudah mempunyai sistem ekonomi yang tersendiri. Walau bagaimanapun, perkembangan ilmu ekonomi Islam tidak akan bermakna sekiranya pemerintah Islam yang sekular tidak mahu menerapkannya.

Menyedari hakikat bahawa ilmu ekonomi Islam adalah ilmu lama yang sedang dibangunkan semula, maka bagi penulis adalah lebih mudah melihat sistem ekonomi lazim daripada membentuk ilmu ekonomi Islam tanpa berpandukan keadaan ekonomi semasa yang ada. Oleh itu, penulisan buku ini adalah berpandukan tajuk-tajuk dan rangka kerja yang terdapat dalam buku ekonomi lazim, tetapi ditokok, dikurang, diubah dan dipinda sesuai dengan kehendak Islam. Walaupun begitu, bukanlah menjadi fokus buku ini untuk mengkaji perbandingan ekonomi antara ekonomi lazim dengan ekonomi Islam.

Penulis berkeyakinan bahawa usaha menulis buku ekonomi Islam bukanlah usaha yang ada penghujungnya. Sebaliknya, usaha itu akan diteruskan oleh sesiapa sahaja yang meminati, mencintai dan ingin memantapkan ilmu yang dianggap sebagai ilmu yang baru oleh kebanyakan orang.

Penulis memohon kepada Allah Taala untuk mendapatkan taufik dan hidayat-Nya dan berkenan menerima amal ini, menjadikan diri

---

lazim. Cuma diubah suai. Misalnya, akaun simpanan tetap diubah kepada akaun simpanan pelaburan, bunga pinjaman digantikan dengan untung pembiayaan (mudharabah/murabahah), kadar bank digantikan dengan nisbah pembiayaan atau nisbah untung rugi, dan sebagainya. Kesemuanya berbeza daripada bank lazim sama ada dari segi falsafah, prinsip mahupun kendalian.

penulis ikhlas bagi memperoleh keredaan-Nya dan bermanfaat bagi sesiapa yang ingin memanfaatkannya.

Wassalam.

S.K. Hasan
Fakulti Ekonomi
Universiti Kebangsaan Malaysia
1992

# MUKADIMAH

Persoalan ekonomi bukanlah merupakan satu persoalan baru dalam sejarah peradaban manusia kerana kegiatan ekonomi itu sendiri adalah sebahagian daripada kehidupan. Nas al-Quran awal-awal lagi telah pun menyebut kisah Nabi Allah Yusuf a.s. dalam urusan yang dinamakan sekarang ini *ekonomi (iqtisad)*. Firman Allah yang bermaksud:

> Berkata Yusuf: 'Jadikanlah daku pengurus perbendaharaan Negara (Mesir), sesungguhnya aku adalah orang yang pandai menjaga, lagi berpengetahuan'.
>
> (al-Quran 12: 55)

Rancangan yang dikemukakan oleh beliau kepada pembesar Mesir untuk mengatur urusan pembekalan makanan demi menghadapi mala-petaka (kemarau) yang dijangkakan berlaku merupakan asas bagi ilmu ekonomi (Babilli 1988: 18). Agak tepat juga jika dikatakan bahawa pada zaman beliaulah terasasnya ilmu ekonomi Islam.[1] Dengan itu, Islamlah yang mula-mula memberikan isyarat kepada ilmu ini dengan bahasa yang unik (Babilli 1988: 18).

## PERKEMBANGAN KAJIAN EKONOMI ISLAM

Pada umumnya, perkembangan kajian ekonomi Islam telah melalui tiga

1 Agama yang dibawa oleh setiap Rasul ialah Islam, termasuklah Nabi Yusuf sendiri. Begitu juga Rasul-rasul yang diutus sebelum beliau (lihat al-Quran 2: 131-133 dan 136, 3:83-84). Justeru itu, ekonomi yang diamalkan oleh para Rasul juga merupakan ekonomi Islam.

tahap, iaitu tahap kesuburan, kemunduran dan kebangkitan (al-Fanjari 1988: 24–34, Sobri 1989: 44–51 dan lihat juga Babilli 1988: 22–24).

## Tahap Kesuburan

Pada masa awal Islam, kegiatan-kegiatan ekonomi terbatas dan terpusat kepada persoalan penternakan dan perniagaan. Oleh sebab itu, usaha para ulama' tertumpu kepada penjelasan hukum muamalat atau penyelesaian masalah ekonomi yang dihadapi pada waktu itu (al-Fanjari 1988: 24). Mereka tidak tertarik untuk menyingkap prinsip ekonomi Islam secara menyeluruh (Sobri 1989: 45).

Mulai dari abad kedua Hijrah, muncullah beberapa kitab, terutamanya kitab fiqh yang membahaskan kegiatan ekonomi secara terperinci, khususnya yang berkait dengan pengharaman riba, sistem harga, monopoli, pensyarikatan, kewangan kerajaan, pencukaian, perbelanjaan, dan sebagainya. Antara kitab-kitab fiqh yang mengandungi beberapa aspek ekonomi yang dibahaskan secara bertebaran adalah seperti yang berikut (Sobri 1989: 45–46):

(1) Golongan Maliki
- (i) *Al-Madwanat* oleh Imam Malik (wafat 179 Hijrah/795 Masihi).
- (ii) *Al-Jami il Ahkam al-Quran* oleh Abdullah al-Qurtubi (wafat 671 Hijrah/1174 Masihi).
- (iii) *Bidayat al-Mujtahid wal Nihayat al-Muqtasid* oleh Ibn Rushd (wafat 595 Hijrah/1198 Masihi).

(2) Golongan Hanafi
- (i) *Ahkam al-Quran* oleh al-Jassas (wafat 370 Hijrah/985 Masihi).
- (ii) *Al-Mabsut* oleh al-Sarkhasi (wafat 483 Hijrah/1090 Masihi).
- (iii) *Tuhfat al-Fuqaha* oleh al-Samarqandi (wafat 540 Hijrah/1145 Masihi).

(3) Golongan Syafii
- (i) *Al-Umm* oleh Imam al-Syafii (wafat 203/818 Masihi).
- (ii) *Al-Majmu'* oleh Imam al-Nawawi (wafat 657 Hijrah/1258 Masihi).
- (iii) *Al-Asybah wa al-Nazair* oleh al-Suyuti (wafat 911 Hijrah/1504 Masihi).

(4) Golongan Hambali
   (i) *Al-Muhalla* oleh Ibn Hazm (wafat 457 Hijrah/106 Masihi).
   (ii) *Al-Mughni* oleh Imam Muhammad Ibn Qudamah (wafat 620 Hijrah/1222 Masihi).
   (iii) *Al-Fatawa al-Kubra* oleh Ibn Taymiyah (wafat 728 Hijrah/1327 Masihi).

Walau bagaimanapun, ada juga beberapa buah kitab yang khusus membincangkan aspek-aspek ekonomi yang tertentu secara tersendiri. Antaranya termasuklah:

(1) *Al-Kharaj* oleh Abu Yusuf (wafat 182 Hijrah/762 Masihi). Ditulis pada masa beliau memegang jawatan *qadi al-qudah* (Kadi Besar) zaman pemerintahan Khalifah Harun al-Rashid (kerajaan Abbasiyah). Kitab tersebut membicarakan aspek kewangan dan ekonomi kerajaan dari segi perolehan dan perbelanjaan pendapatan demi kesejahteraan dan keadilan rakyat. Secara ringkas kitab ini mengandungi tiga perkara, iaitu (Babilli 1988: 21).

   (i) Kenyataan berkenaan sumber hasil negara dan cara membelanjakan hasil tersebut.
   (ii) Cara pembayaran sumber hasil tersebut dengan sebaik-baiknya.
   (iii) Peranan baitulmal yang sewajarnya yang diabaikan oleh setengah-setengah gabenor.

(2) *Al-Kharaj* oleh Yahya ibn Adam (wafat 203 Hijrah/778 Masihi).
(3) *Al-Amwal* oleh Abu Ubaid ibn Salam (wafat 224 Hijrah/805 Masihi). Kitab ini dianggap sebagai karya yang paling lengkap dan luas dalam hal yang berkenaan dengan harta benda dalam negara Islam (Babilli 1988: 28).
(4) *Al-Kasb fi ar-Rizq* oleh Imam Muhammad al-Syaibani (wafat 234 Hijrah/815 Masihi). Kitab ini lebih menumpukan kajiannya tentang pengeluaran dan penggunaan (Sobri 1989: 47).
(5) *Muqaddimah* oleh Ibn Khaldun (wafat 808 Hijrah/1406 Masihi). Mengandungi perbahasan tentang demografi, kegiatan ekonomi, hasil kekayaan, pengeluaran, harga, penawaran, permintaan, pertumbuhan penduduk, pembentukan modal, pembiayaan awam dan kitaran perniagaan (lihat juga Mannan, 1989: 47). Sehingga ada setengah-setengah penulis telah menyamakan buku ini dengan *The_Wealth_of_Nations* oleh Adam Smith (1776 Masihi).

Setengah-setengahnya pula mengatakan bahawa Ibn Khaldun dianggap sebagai pelopor aliran ilmiah dalam ekonomi moden (lihat al-Fanjari 1988: 28), dan tokoh yang mula-mula menyeru kepada sistem ekonomi bebas (Babilli 1988: 22).

(6) *Al-I'bar* oleh Ibn Khaldun. Kitab ini merupakan lanjutan *Muqaddimah* yang membicarakan antara lain persoalan ekonomi yang berkaitan dengan persoalan pemakanan, perkembangan masyarakat desa dan kota, pengertian rezeki, nafkah dan soal kehidupan ekonomi umumnya (Rus'an 1963: 16).

(7) *Al-Hisbah fil Islam* oleh Ibn Taymiyah (wafat 728 Hijrah/1328 Masihi). Mengandungi perbahasan tentang sistem pasaran, harga, penawaran, persaingan dalam pasaran, buruh dan upah, hak milik awam, tanggungjawab kerajaan memenuhi keperluan asas rakyat, kawalan harga, dan peranan sektor awam (Ibn Taymiyah 1982, Mannan 1989: 45).

(8) *Al-Siasah al-syariah fil Islah al-Rai wal Rai'ah* oleh Ibn Taymiyah (wafat 728 Hijrah/1328 Masihi). Sebuah buku undang-undang yang berkaitan dengan perkara awam dan persendirian, termasuk hal-hal ekonomi.

## Tahap Kemunduran

Pengkajian ilmu ekonomi Islam mula terbantut apabila berlakunya perpecahan di kalangan umat dan negara Islam. Mulai dari abad keempat Hijrah (abad ke-12 Masihi), para pemimpin, individu dan rakyat sibuk dengan fitnah-memfitnah (Sobri 1989: 48) dan kemunafikan serta timbulnya permusuhan antara ulama' yang berfatwa untuk menjatuhkan lawan-lawannya (al-Fanjari 1988: 29). Walaupun pada peringkat awal keadaan ini tidak menjejaskan kesuburan dan perkembangan ilmu Islam, namun dalam jangka panjang apabila perpecahan berterusan dan tidak dapat dibendung, maka terjadilah kebekuan dalam ilmu-ilmu Islam. Para ulama' hanya sekadar mampu untuk bertaklid (dan tertutuplah pintu ijtihad) dalam menyelesaikan persoalan yang mereka hadapi.

Demikian jugalah keadaannya dengan ilmu ekonomi Islam yang tidak berpeluang mendapat tokoh-tokoh yang benar-benar dapat menyubur dan menerapkan amalan sistem ekonomi Islam itu. Ilmu ekonomi Islam hanya tersimpan di dalam kitab-kitab yang lapuk (lihat Babilli 1988: 23) tanpa waris yang dapat mengembang dan yang dapat melaksanakan ilmu tersebut. Oleh yang demikian umat Islam telah

terpisah daripada ilmu yang pernah wujud, dimiliki dan diamalkan sebelumnya. Akibatnya, umat Islam mula menoleh ke Timur dan ke Barat untuk mengisi kekosongan yang ditinggalkan. Mereka mempelajari dan mengamal ilmu dari Barat sebagai alternatif dalam usaha mencari jawapan dan penyelesaian masalah yang dihadapi pada waktu itu (Sobri 1989: 48).

## Tahap Kebangkitan

Setelah beberapa abad umat Islam menimba dan mengamalkan ilmu dari Barat, namun ternyata bahawa usaha itu tidak dapat menyelesaikan beberapa masalah dengan memuaskan, bahkan beberapa masalah yang tidak dijangka turut timbul.

Umat Islam yang sekian lama disogok dengan ilmu dari Barat mula bangun dan sedar akan ketidakserasian ilmu berkenaan. Mereka mula menoleh ke belakang untuk mempelajari semula ilmu ekonomi Islam yang telah ditinggalkan. Timbul seruan di seluruh pelosok dunia supaya kembali kepada Islam. Namun begitu, sanggupkah umat Islam menerima ilmu yang telah lama ditinggalkan itu? Oleh itu, usaha perlu dicurahkan untuk mengemukakan ajaran-ajaran Islam (khususnya ekonomi Islam) dengan semangat dan kaedah yang baru sesuai dengan keperluan semasa (Babilli 1988: 30–31).

Kini para intelek dan pencinta Islam di seluruh dunia sedang berusaha menyingkap dan menggali semula khazanah ilmu ekonomi Islam dengan gigih. Usaha penelitian ilmu ekonomi Islam kini melibatkan tiga bentuk kajian, iaitu sebahagian, menyeluruh dan sejarah (al-Fanjari 1988: 31–34 dan Sobri 1989: 49–51).

***Kajian Bersifat Sebahagian.*** Kajian ini menyingkap tajuk-tajuk ekonomi yang tertentu, seperti monopoli, riba, bank, harga, syarikat insurans, hak milik, kebebasan ekonomi, campur tangan kerajaan dalam ekonomi, hisba, jaminan sosial dan lain-lain lagi. Antara kajian-kajian tersebut termasuklah:

(1) Seminar kajian ekonomi Islam — pertama (1951) di Paris, kedua (1961) di Damsyik, ketiga (1967) di Kaherah, keempat (1975) di Tunisia, kelima (1977) di Riyadh.
(2) Dialog prinsip ekonomi Islam di Kaherah (1967).
(3) Muktamar antarabangsa yang pertama untuk ekonomi Islam di Makkah (1976).

(4) Muktamar antarabangsa untuk Fiqh Islam di Riyadh (1977).
(5) Beberapa kajian tesis Sarjana dan Doktor Falsafah di universiti al-Azhar.

***Kajian Bersifat Menyeluruh.*** Kajian ekonomi yang menyeluruh dan menyingkap pokok dan strateginya. Antaranya termasuklah:

(1) *Al-Iqtisad al-Islami wal Iqtisad al-Mu'asyir* oleh M. Abdullah al-Arabi.
(2) *Al-Iqtisaduna* (1977) oleh M. Baqir al-Sadr.
(3) *L'Islam Face An Development Economique* oleh orientalis P. Jacques Austry.
(4) *Al-Madkhal ilal Iqtisadil Islami* (1971), *Dzatiyattus Siyasatil Iqtisadiyyah, al-Islam wal Musykilatul Iqtisadiyyah, dan al-Madz-habul Iqtisadi fil Islam* oleh M. Syauqi al-Fanjari.
(5) *Al-Mabadiul Iqtisadiyah fil Islam* (1968) oleh Ali Abd. ar-Rasul.
(6) *Nizamul Islam al Iqtisadi* (1972) oleh Muhammad al-Mubarak.
(7) *Al-Ittijah al Jama'i fi al Tasyri' al-Iqtisadi al-Islam* (1980) oleh M. Faruq al-Nabhani.
(8) *Al-Iqtisad al-Islam Madzhaban wa Nizaman* (1974) oleh Ibrahim al-Tahawi.
(9) *Al-Manhajul Islami li Tahqiqit Tanmiyatil Iqtisadi* oleh Yusuf Ibrahim Yusuf.

***Kajian Bersifat Sejarah.*** Merupakan analisis sistem ekonomi pada satu zaman tertentu atau menganalisis gagasan ekonomi oleh imam Islam yang tertentu. Contohnya, sistem ekonomi pada zaman pemerintahan Khalifah Umar al-Khattab, gagasan ekonomi Ibn Taymiyah, Ibn Hazm, Ibn Khaldun, al-Ghazali, dan sebagainya. Kajian tersebut ialah:

(1) *Al-Nizam al-Iqtisadi fi Abd. Umar al-Khattab* oleh Ahmad al-Shafie.
(2) *Haqqul Fuqara'fi Amwawil Aghniya*, oleh Ibrahim al-Liban (pe-mikiran Ibn Hazm)
(3) *Al-Madzahibun Ijmatima Iyyah was Siyasiyah Lada Ibn Taymiyah* oleh orientalis P. Henry Laoust.
(4) *Ara' ibni Taymiyah fid Daulah wa Mada Tadakhuliha fil Majal al-Iqtisadi* oleh Muhammad al-Mubarak.
(5) *Al-Fiqrul Iqtisadi fi Muqaddimati Ibn khaldun* oleh Muhammad Ali Nasyat.

(6) *Raidul Fiqril Iqtisadi Ibn Khaldun* oleh Muhammad Hilmi Murad.

## KEMUNCULAN ILMU EKONOMI MODEN/BARAT

Sejak beberapa abad, peradaban dan ilmu ekonomi Islam yang unik telah menguasai dan mencorakkan dunia. Ilmu ekonomi Islam diikuti dan diteladani dengan penuh minat oleh masyarakat Eropah, sehingga cara hidup Islam, termasuk cara berpakaian pun mengikut orang Islam. Banyak karya dan kitab tulisan ulama' Islam diterjemahkan ke dalam bahasa mereka. Karya dan kitab tersebut dipelajari, diterapi dan ditambah mengikut keperluan mereka, sehingga ilmu tersebut menjadi lebih berkembang dan subur, dan akhirnya mantaplah ilmu tersebut. Sedangkan pada masa yang sama, umat Islam mula dibuai kelalaian, khususnya kerana perebutan kemewahan; akibatnya Islam mula ditinggalkan. Ilmu ekonomi Islam terbantut kerana kesibukan dan perpecahan pemerintah, tokoh politik, cerdik pandai dan rakyat. Akibatnya, pintu ijtihad telah *tertutup*. Zaman kemerosotan dan kemalapan ilmu ekonomi Islam tersebut telah memberi ruang kepada ilmu ekonomi barat untuk mengisinya.

Penemuan Benua Amerika Utara dan penghantaran emas ke Sepanyol telah mewujudkan persaingan dari segi penerokaan tempat-tempat baru. Penjajahan telah membuka ruang baru dalam ilmu ekonomi di dunia sebelah Barat (lihat Babilli 1988: 25). Oleh itu, dipercayai bahawa kemunculan para ahli ekonomi yang terawal berlaku pada era penemuan tempat baru tersebut, iaitu abad ke-15 dan ke-16,[2] yang dikenali sebagai golongan merkantilis dan fisiokrat (Nungsari dan Abd. Rahim 1990: 3 dan Babilli 1988: 26).

Kelahiran golongan merkantilis dan fisiokrat (1500–1750M) berkaitan dengan proses gerak balas terhadap keadaan yang wujud pada masa tersebut. Oleh kerana perniagaan dan perdagangan dalam dan luar negeri berkembang secara menggalakkan, ditambah pendokong golongan merkantilis sendiri terdiri daripada pedagang, maka aliran pemikiran mereka tertumpu terhadap kebajikan negara hasil daripada lebihan

---

2 Ahli-ahli sejarah ekonomi mempersetujui bahawa usaha mencapai matlamat ekonomi dalam masyarakat Barat hanya menjadi penting pada abad ke-15, iaitu dengan berkembangnya proses perindustrian. Sebelumnya, kuasa ekonomi hanya dianggap sampingan kepada politik dan agama. Golongan sarjana mereka yang dikenali sebagai *scholastics* tidak boleh dinamakan sebagai ahli-ahli ekonomi kerana pembicaraan mereka yang terlalu umum.

perdagangan antarabangsa. Timbullah saranan campur tangan kerajaan dalam ekonomi (Babilli 1988: 26) melalui tarif, kuota, subsidi dan cukai bagi mencapai lebihan tersebut (Nungsari dan Abd. Rahim 1990: 5).

Golongan fisiokrat pula menekankan bahawa asas kepada kebajikan negara adalah sumber asli, iaitu lebihan pertanian. Golongan ini menolak campur tangan kerajaan dalam proses penentuan harga (Nungsari dan Abd. Rahim 1990: 5). Aliran pemikiran ini lebih mirip kepada pegangan ahli-ahli ekonomi klasik.

Selepas aliran merkantilis dan fisiokrat, lahir pula ahli-ahli ekonomi yang digolongkan sebagai ahli ekonomi klasik (1750–1870), seperti Adam Smith (1723–1790), David Richardo (1772–1823) J.S. Mills (1806–1873), Karl Marx (1818-1883) dan Alfred Marshall (1842–1924). Perkembangan diteruskan oleh ahli-ahli neoklasik dan kemudiannya fahaman Keynes hinggalah ke era kini.

Walaupun ilmu ekonomi Barat kelihatan begitu saintifik, kompleks dan maju, namun ilmu tersebut tidak kukuh dan tidak mantap dari segi konsep dan prinsipnya (Babilli 1988: 25), menjadikan seluruh dunia kini mengharapkan suatu bentuk ekonomi yang tidak terdapat cacat cela dan dipandu oleh norma yang mantap. Sistem ekonomi Islam satu-satunya sistem yang mempunyai ciri tersebut (lihat Babilli 1988: 34).

# BAB 1

## AL-ISLAM

### ERTI ISLAM

Islam yang berasal daripada kata dasar *aslama* membawa maksud pertama, sejahtera, damai; dan kedua, tunduk, patuh dan menyerah diri. Secara khusus, Islam adalah al-din yang mendasarkan kepatuhan dan penyerahan diri sepenuhnya kepada kehendak Allah (lihat Abdalati 1981: 9, Khurshid Ahmad 1981: 2 dan Taufiq Idris 1982: 9). Kedamaian dan kesejahteraan jasmani dan akal (dan kerohanian individu dan masyarakat) hanya dapat ditempuhi melalui kepatuhan dan pengabdian diri dengan sepenuhnya kepada Allah (Khurshid Ahmad 1981: 2). Firman Allah yang bermaksud:

> '(iaitu) mereka yang beriman dan hati mereka menjadi tenteram dengan mengingati Allah. Ingatlah hanya dengan mengingati Allah hati mereka tenteram. Orang yang beriman dan beramal salih, bagi mereka kebahagiaan dan tempat kembali yang baik'.
>
> (al-Quran 13: 28–29).

Seruan setiap Rasul adalah mengarah kepada kepatuhan dan penyerahan diri kepada Allah, tegasnya kepada Islam. Firman Allah yang bermaksud:

> 'Ketika Tuhannya berfirman kepadanya: Tunduk patuhlah *(aslim)*'. Ibrahim menjawab: Aku tunduk patuh *(aslam)* kepada Tuhan semesta alam.
>
> (al-Quran 2: 131)

Penyempurnaan ajaran Islam berlaku dengan terutusnya Rasul

terakhir, Muhammad s.a.w.. Firman Allah yang bermaksud:

> '... pada hari ini telah Aku sempurnakan untuk kamu agama kamu, dan telah Aku cukupkan kepada kamu nikmat Aku, dan telah Aku reda Islam itu menjadi agama bagi kamu ....'
>
> (al-Quran 5: 3)

Dengan penyempurnaan ini, maka Islam merupakan (penyerahan diri kepada) cara kehidupan yang berdasarkan ajaran Allah dan yang diatur oleh Nabi Muhammad s.a.w.. Tunduk dan patuh lahir dan batin kepada apa-apa yang disampaikan oleh Rasulullah (Taufiq 1982: 9).

## IMAN, AMAL DAN AKHLAK

Kepatuhan dan penyerahan diri yang dikehendaki oleh Allah merupakan kepatuhan dan penyerahan yang berpandukan ajaran Allah yang dibawa dan disampaikan oleh Nabi Muhammad s.a.w.. Segala ajaran Allah dan sunnah Rasul merupakan hukum yang perlu dipatuhi, supaya manusia dapat berada di jalan yang lurus (syariat). Hukum tersebut dinamakan syariat[1] kerana sistemnya lurus, benar dan tidak menyimpang. Kepatuhan bererti menjalani semua hukum yang diperundangkan oleh Allah yang mencakupi hukum *i'tikadiyah* (kepercayaan), hukum *amaliyah* (fiqh) dan hukum *akhlakiyah* (budi pekerti) (lihat Saedon 1990: 5). Oleh itu, (hukum) syariat mencakupi bidang iman, amalan dan akhlak. Koleksi daripada tiga hukum ini juga Islam (Ash Shiddieqy t.t.: 1).

Dari segi bahasa, iman adalah mengaku dengan hati, manakala dari segi syarak pula adalah percaya (mengaku) dengan hati, ikrar dengan lidah dan beramal dengan anggota (Ismail 1983: 3). Pengakuan itu mestilah disertai dengan reda dan menerima semuanya tanpa ragu-ragu dan tidak menjuzuk-juzukkan kepercayaan (Abdul Hadi 1985: 32). Oleh sebab iman itu adalah cahaya, maka hati, lidah, perbuatan dan budi pekerti orang yang beriman adalah putih bersih, bebas daripada kesesatan, keburukan dan kejahatan.

Apabila pengertian iman dan Islam di atas diteliti, tidak sewajarnya terdapat sebutan yang berbeza terhadap umat Rasulullah. Orang Islam semestinya sehakikat dengan orang yang beriman. Ini disebabkan kedua-duanya berhubung rapat antara satu dengan lain, ibarat rapatnya

---

1 Secara sempit, syariat kerap dihubungkan dengan amalan.

hubungan buah dengan pokok, musabab dengan asbab dan natijah dengan mukadimah (Ismail 1983: 9).

Iman dan amal merupakan dua perkara yang beriringan dan tidak terpisah, walaupun berbeza dari segi takrif, kerana amal itu adalah hasil daripada iman, dan iman pula tidak sempurna tanpa amal. Iman itu melahirkan penyerahan diri kepada Allah (iaitu, Islam). Penyerahan ini berlaku dengan dua cara, iaitu dengan kepercayaan dan pegangan hati yang dinamakan iman dan juga dengan sifat-sifat lahiriah melalui perkataan dan amal perbuatan yang dinamakan Islam (Abdul Hadi 1985: 37).

Iman tanpa amal adalah omong-omong kosong dan jauh daripada ajaran Islam. Ketiadaan amal akan menghilangkan nilai dan daya dorongan iman. Justeru itu, amal merupakan "makanan" bagi iman, yang menghidupkan dan memantapkan kekuatannya. Islam tidak memisahkan antara jiwa dengan raga, kerohanian dengan kebendaan, dan antara agama dengan kehidupan (Abdalati 1981: 67–68).

Akhlak (yang baik) merupakan sifat yang bersemi di dalam diri seseorang yang daripadanya terbit perbuatan yang baik (elok), indah dan terpuji (dengan meninggalkan yang keji dan tercela) yang menjadi tabiat daripada proses pembentukan dan didikan. Sifat dan tingkah laku yang baik ini terbit tanpa dipaksa seperti reda, sabar, tabah, adil, hormat, pemurah, penyantun, cermat, malu, jujur, syukur dan sifat-sifat baik yang lain (lihat al-Jazairi 1987: 1, 6). Pada masa yang sama ditinggalkan sifat-sifat yang tercela, seperti tamak, haloba, dengki, dendam, riak, sombong, takbur, dan sebagainya. Islam menggalakkan umatnya mempunyai akhlak yang baik, mendidik dan menyuburkan akhlak yang baik dalam diri mereka, menilai iman seseorang dengan sifat-sifat utama dan menilai keislaman mereka dengan akhlak mereka yang baik (al-Jazairi 1987: 2).

Segala apa yang diperundangkan oleh Allah, baik yang berhubung dengan soal i'tikad (kepercayaan), amalan (fiqh) dan akhlak (budi pekerti) – yang disebut sebagai syariat – wajib diimani dan dilaksanakan secara sebaik-baiknya dengan reda dan ikhlas. Mengingkari kewajipan bererti kufur, tidak mengamalkannya bererti fasik, mengamalkan tanpa reda (pengakuan) bererti munafik, dan menjadi jelek kalau diamalkan tanpa akhlak.

## CIRI-CIRI ASAS ISLAM

Islam merupakan satu cara hidup yang mempunyai sifat tersendiri yang

istimewa yang telah berjaya menarik berjuta-juta penganutnya pada masa silam dan begitu disukai pada masa sekarang (Khurshid Ahmad 1981: 8) dan mengagumkan para intelek agama lain.[2] Islam mempunyai ciri-ciri (sifat–sifat) asas Islam yang unggul dan istimewa. Khurshid Ahmad (1981: 8–19) menukilkan tujuh ciri tersebut, iaitu cara hidup yang sempurna; kesejagatan dan kemanusiaan; mudah, rasional dan praktis; perpaduan antara kebendaan dengan kerohanian; keseimbangan antara individu dengan masyarakat; unsur-unsur tetap dan berubah; dan rekod-rekod ajaran yang terpelihara.

Sementara Nasih Ulwan (1989: 17–65) menambahkan beberapa sifat keistimewaan dan ciri-ciri syariat Islam, seperti ketuhanan; memelihara maslahat manusia; hubungan erat antara aqidah dengan kehidupan; keharmonian antara syariat dengan hakikat hidup. Alias (1986) pula menambahkan beberapa ciri (atau istilah-istilah lain), seperti umum, jelas, unggul *(misali)*, realistik dan balasan dunia dan akhirat.

Secara ringkas diperturunkan ciri-ciri tersebut.

## Ketuhanan

Islam bukan ciptaan manusia. Setiap ciptaan manusia mempunyai kelemahan, keterbatasan dan terpengaruh oleh faktor-faktor persekitaran, budaya, watak dan nafsu. Akan tetapi, Allah ialah *Pencipta* dan *Pemilik* makhluk serta *Pentadbir* alam. Maka Dialah Pencipta yang sebaik-baiknya jauh daripada sifat kejahilan dan kekurangan.

## Cara Hidup yang Sempurna

Islam bukanlah sebuah agama dalam pengertian biasa, iaitu agama yang terbatas. Islam merupakan cara hidup yang sempurna. Kesempurnaan ini dapat dilihat dari berbagai-bagai sudut (lihat Hasan 1990: 9), iaitu

(1) Menyempurnakan agama para Rasul yang terdahulu.
(2) Merangkumi aspek keduniaan dan keakhiratan.
(3) Melengkapi aspek dalaman dan luaran dari segi aqidah, jiwa, pemikiran, akhlak dan amalan.

---

2 Hashem (t.t) dalam koleksinya yang berjudul *Kekaguman Dunia Terhadap Islam*, telah memaparkan sejumlah pendapat sarjana Barat tentang Islam.

(4) Merangkumi aspek yang sekecil-kecilnya sehingga yang sebesar-besarnya, daripada individu sehingga kepada antarabangsa dan alam sejagat.
(5) Merangkumi segala aspek kehidupan ekonomi, politik kepercayaan, sosial, dan sebagainya.

Aspek kesempurnaan ini dapat juga dilihat dari segi ketinggiannya sehingga dapat dijadikan keunggulan dan tidak ada tandingannya. Islam menjadikan kehidupan manusia berada pada peringkat yang unggul (sempurna dan tinggi).

## Kesejagatan dan Kemanusiaan

Misi Islam ditujukan kepada segenap umat manusia. Allah adalah Tuhan alam semesta (al Quran 1: 1), dan Rasulullah merupakan utusan untuk semua (al-Quran 7: 158; 25: 1 dan 21: 107). Menurut pandangan Islam, manusia adalah sama, tidak ada batas pemisah antara mereka. Pendekatan Islam bersifat antarabangsa dan tidak menyukai adanya batas-batas berasaskan warna kulit, bangsa, darah atau daerah, sebaliknya Islam mahu menyatukan keseluruhannya.

Di samping sifat yang tersebut di atas, kesejagatan Islam juga bersumber daripada kesesuaiannya dengan kedudukan dan naluri kehidupan manusia (Hasan 1990b: 9). Unsur kesejagatan ini dapat dilihat dari berbagai-bagai aspek seperti yang telah dinukilkan oleh Ishak (1983), antaranya:

(1) Meletakkan manusia ke taraf yang tinggi dan membebaskan mereka daripada segala bentuk perhambaan selain kepada Allah.
(2) Sistem yang bebas daripada segala bentuk pengaruh hawa nafsu, kejahilan dan kelemahan. Maka Islam menjamin keadilan, sesuai pada setiap zaman dan tempat.
(3) Selaras dan sesuai dengan peraturan alam sejagat. Seluruh alam patuh dan tunduk (*aslam*) kepada peraturan yang disebut *sunnatul-Lah*. Oleh itu, Islam juga agama alam sejagat.
(4) Keupayaannya untuk melahirkan tokoh-tokoh unggul dari segi keperibadian, keintelektualan dan keimanan, yang tidak mungkin dapat ditandingi.
(5) Islam disebarkan berasaskan persaudaraan manusia (konsep umat). Manusia adalah sama, kecuali taqwa yang membezakan mereka di sisi Allah.

## Mudah, Rasional, Realistik dan Praktis

Islam merupakan agama tanpa mitologi (Khurshid Ahmad 1981: 8). Ajarannya mudah difahami, mudah diamalkan, tidak keras dan tidak membebankan. Islam boleh diamalkan tanpa kesulitan, malah boleh dipermudahkan dalam keadaan tertentu. Ajaran Islam bebas daripada tahayul dan kepercayaan yang tidak masuk akal. Islam juga menggalakkan kecekapan berfikir dan penggunaan akal, di samping mengambil pengajaran daripada setiap kejadian alam. Hanya orang yang beriman saja yang berfikir. Segala ajaran Islam adalah untuk kebaikan dan kebajikan hidup manusia di dunia dan di akhirat. Oleh itu, Islam perlu diamalkan dan bukan untuk disimpan di dalam kitab-kitab.

## Keseimbangan dan Kesaksamaan

Konsep keseimbangan meliputi keseimbangan antara kebendaan dengan kerohanian, individu dengan masyarakat, kebebasan dengan berperaturan, dan kesederhanaan antara boros dengan kikir.

*Keseimbangan antara Kebendaan dengan Kerohanian* Islam tidak memisahkan antara kebendaan dengan kerohanian. Islam tidak menyuruh penganutnya bertapa di masjid dan menolak keduniaan secara mutlak. Oleh yang demikian, segala anugerah dan nikmat Allah perlu digunakan dengan sebaik-baiknya. Namun begitu, kemajuan kehidupan ini mestilah berlandaskan nilai-nilai yang sihat. Oleh sebab itu, perlu dibentuk kerohanian dan ketaqwaan yang kental terhadap Allah supaya kelakuan dalam mencari penghidupan di dunia ini diredai oleh Allah. Sehubungan dengan itu kerohanian perlu didahulukan sebelum kebendaan.

*Keseimbangan antara Individu dengan Masyarakat* Islam menjamin hak-hak asasi individu dan tidak mengizinkan sesiapa pun mencabuli hak tersebut. Sebaliknya, agama Islam juga membentuk rasa tanggungjawab sosial dalam diri manusia, menyuruh setiap individu supaya memperjuangkan kesejahteraan sosial. Islam bukan agama yang menjadikan penganutnya mementingkan kehidupan individu, tetapi juga mengajak individu memikir dan menyelesaikan masalah rakyat jelata, baik dari segi kebendaan mahupun kerohanian.

*Kebebasan dan Peraturan* Islam menjamin kebebasan yang boleh membawa manfaat dan kemajuan yang sewajarnya. Dalam hal yang memudaratkan atau mengancam, Islam mengenakan peraturan dan hukuman demi kebaikan manusia dan alam seluruhnya.

*Kesederhanaan antara Boros dengan Kikir* Islam bersifat sederhana, tidak condong ke kiri atau ke kanan, dan tidak melampau. Islam berada antara boros dengan kikir demi menjaga maslahat diri dan masyarakat.

### Memelihara Kemaslahatan Manusia

Matlamat umum syariat Islam ialah untuk memelihara kemaslahatan manusia dengan mencukupkan keperluan (*daruriyat*), memenuhi keperluan (*hajjiyat*) dan menjamin kesempurnaan keperluan (*tahsiniyat*) (Ulwan 1989: 35). Memelihara keperluan *daruriy* (seperti memelihara agama, jiwa, akal, kehormatan dan harta) merupakan hukum yang paling penting dan sangat perlu dijaga. Kemudian diikuti oleh hukum yang disyariatkan untuk memenuhi keperluan (*hajjiyat*) – seperti dibolehkan berbuka puasa Ramadan bagi orang sakit atau musafir, solat jama' dan qasar untuk musafir. Kemudian baru diikuti oleh hukum-hukum untuk melengkapkan keperluan (*tahsiniyat*) seperti bersuci dan membersih badan (lihat Ulwan 1989: 63).

### Tetap dan Dinamik

Berbagai-bagai unsur tetap dan berubah yang wujud dalam kebudayaan dan masyarakat manusia juga wujud dalam Islam. Berbagai-bagai idealogi dan sistem kebudayaan telah melakukan kesilapan dengan terlampau bersandar kepada salah satu daripada unsur tersebut. Sikap terlalu mementingkan nilai yang tetap akan menjadikan satu sistem kaku dan tidak progresif, manakala mengabaikannya pula menjadikan anarki, ketiadaan bentuk dan nilai moral yang tidak menentu (Khurshid Ahmad 1981: 17). Syariat Islam menghimpunkan antara yang tetap dengan yang berkembang; antara yang umum dengan yang terperinci dan antara yang lama dengan yang baru (Ulwan 1989: 48).

### Rekod Ajaran yang Terpelihara

Ajaran Islam terpelihara dalam bentuknya yang asal dan petunjuk Allah ini masih dapat diperoleh tanpa perubahan. Al-Quran yang berusia 14 abad masih terpelihara dalam bentuknya yang asal. Al-Sunnah juga terus terpelihara di dalam kitab-kitab dan dada-dada para hafiz dan *muhaddisin*.

## Ciri-ciri Lain

(1) ***Balasan dunia dan akhirat.*** Balasan terhadap amal buruk baik seseorang itu adalah di akhirat. Namun begitu, tidak pula bermakna bahawa setiap individu bebas berkelakuan semasa hidup di dunia tanpa peraturan dan hukuman. Walaupun peraturan dan hukuman dilaksanakan oleh pemerintah sebagai khalifah Allah di bumi, namun tidak pula bermakna bahawa si pelaku akan terlepas daripada hukuman di akhirat. Sebaliknya, peraturan dan hukuman semata-mata bertujuan mewujudkan kesejahteraan dan keharmonian hidup di bumi.

(2) ***Hubungan yang erat antara aqidah dan kehidupan.*** Apabila aqidah *rabbaniyah* telah berakar umbi, nescaya akan melahirkan satu perasaan *muraqabah* (berhati-hati), mendorong menunai kewajipan dan menggagalkan segala tipu daya syaitan untuk melakukan maksiat. Bangkitnya perasaan *muraqabah* dan perasaan tanggungjawab inilah mendorong umat Islam untuk bekerja dan beramal dengan lebih baik kerana matlamat segala amal perbuatan adalah semata-mata untuk mendapat keredaan Allah.

(3) ***Keharmonian antara syariat dengan hakikat hidup.*** Tidak berlaku pertembungan antara hukum-hukum Islam dengan maslahat manusia, antara nas syariat dengan kenyataan hidup. Ini kerana sifat Maha Mengetahui Allah akan menjadi realiti kehidupan sebelum manusia mengetahuinya.

# BAB 2

## ISLAM DAN EKONOMI

Agama dan ekonomi saling berkait rapat antara satu dengan yang lain. Di Barat pun ekonomi tidak pernah terpisah daripada agama sehinggalah pada akhir-akhir tahun 1700-an. Sebelum itu, ahli-ahli ekonomi Eropah juga merupakan paderi dan ahli agama (Kahf 1989: 69).

Islam sebagai satu cara hidup yang lengkap yang merangkumi segala aspek kehidupan, berbeza daripada agama-agama lain dari segi menangani masalah ekonomi yang merupakan satu aspek daripada sistem kehidupan yang menyeluruh. Islam mempunyai nilai yang berbeza dari segi menentukan kelakuan ekonomi. Oleh sebab Islam bererti "tunduk dan menyerah diri" kepada Allah, maka kegiatan ekonomi dalam Islam juga dalam konteks penyerahan diri kepada Allah. Apabila menjalani hidup berekonomi, umat Islam wajib mematuhi syariat Allah dalam bentuk amal, i'tikad dan akhlak.

Segala amalan ekonomi mestilah dirujuk kepada perintah Allah dari segi halal/haram, wajib/sunat dan harus/makruhnya. Yang haram dan (kalau boleh) yang makruh perlu ditinggalkan. Yang wajib dan (kalau boleh) yang sunat perlu dikerjakan. Umat Islam juga perlu ditanam dengan keyakinan bahawa asas penentuan hukum tersebut adalah hak Allah, tanpa perlu dipersoalkan lagi. Mereka perlu mengamalkannya dengan penuh yakin dengan menyedari bahawa sistem ekonomi yang berpandu kepada hukum Allah sahajalah yang terbaik dan diizinkan.

Di samping amalan dan keyakinan, Islam melengkapkan sistem ekonominya dengan ciri-ciri akhlak yang unik – seperti sifat ikhlas, jujur, amanah, ihsan, sabar, taqwa, tidak angkuh, tidak tamak, tidak dengki semata-mata untuk mendapat keredaan Allah, agar kebaikan

hidup dalam bermasyarakat menjadi kelaziman.

## EKONOMI DALAM RANGKA KERJA ISLAM

Walaupun syariat (Islam) sering disamaertikan dengan amal (fiqh), namun secara mendalam, syariat mencakupi bidang yang lebih luas. Syariat bukan sahaja hukum yang berkaitan dengan fiqh, tetapi juga hukum yang berhubung dengan aqidah dan akhlak.

Dari satu segi, fiqh merupakan petunjuk kepada manusia, yang menentukan sama ada sesuatu perkara itu wajib dilakukan atau sebaliknya, sama ada sesuatu tindakan itu sah atau sebaliknya dan seterusnya (lihat Saedon 1990: 7). Skema hukum fiqh terbahagi dua, iaitu *ma'rufat* yang mengandungi perkara wajib, sunat dan harus; dan *munkarat* yang mengandungi makruh dan haram (lihat Rajah 2.1).

**Rajah 2.1** Skema hukum fiqh

Pada asasnya, penentuan peraturan fiqh ini telah diperuntukkan dalam al-Quran dan al-Sunnah, manakala ulama' *mujtahidin* telah mengeluarkan hukum-hukum berdasarkan ijtihad daripada kedua-dua sumber tersebut. Oleh sebab kefahaman ulama tentang sesuatu hukum ini tidak sama, maka inilah yang membezakan fiqh antara satu mazhab dengan mazhab yang lain.

Walaupun wujud perbezaan pendapat, namun perbezaannya lebih tertumpu kepada soal *furuk* dan tidak kepada persoalan pokok. Perbezaan pendapat yang seperti inilah yang merupakan rahmat. Sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

"Perbezaan pendapat daripada ulama umatku adalah rahmat".

(Riwayat as-Suyuthi)

Dalam rangka kerja Islam, fiqh terbahagi kepada dua, iaitu fiqh ibadat dan fiqh muamalat. Gambaran ringkas dan menyeluruh tentang syariat (Islam) ditunjukkan dalam Rajah 2.2. Aspek ekonomi dalam rangka kerja Islam termasuk dalam bidang fiqh muamalat. Di sini terdapat urusan am dan peribadi yang berkait dengan hukum perniagaan, pewarisan, dan sebagainya yang boleh digolongkan dalam aspek ekonomi.

## FIQH MUAMALAT DAN EKONOMI ISLAM

Muamalat merupakan perhubungan sosial yang mengandungi berbagai-bagai kegiatan ekonomi dan bukan ekonomi. Dari segi hubungan dengan kegiatan ekonomi, Islam mengatur kegiatan ini dengan peraturan dan prinsip yang unik. Syariat atau peraturan ini merupakan had-had Allah yang barangkali dapat memberikan kelebihan sistem ekonomi Islam jika dibandingkan dengan sistem-sistem ekonomi yang lain (Abdul Halim 1990: 20). Segala keistimewaan ini sudah tentu akan dapat memastikan sistem ekonomi Islam lebih ampuh.

Kegiatan ekonomi Islam tidak boleh dipisahkan daripada fiqh muamalat, malah kegiatan itu hendaklah dikawal dan dipandu oleh fiqh muamalat (Saedon 1990: 9). Hubungan antara fiqh muamalat dengan ekonomi Islam adalah seumpama kajian "tatabahasa" dengan kemahiran penggunaan bahasa (Kahf 1982: 7), iaitu tatabahasa lebih merupakan prinsip, manakala penggunaan bahasa merupakan penggunaan prinsip tersebut.

Fiqh muamalat lebih merupakan peraturan Islam yang berkaitan dengan hukum-hukum perniagaan, dan lebih merupakan rangka kerja yang sah untuk ekonomi Islam. Ekonomi Islam bukanlah merupakan kekangan undang-undang perniagaan semata-mata. Tetapi, merangkumi juga aspek sosial dengan mengkaji proses dan natijah daripada kegiatan manusia secara lebih menyeluruh yang merangkumi penggunaan, pengeluaran dan pengagihan dalam masyarakat Islam (Kahf 1982: 7). Perbezaan yang tidak jelas antara kedua-duanya kerap menimbulkan tanggapan yang sempit tentang ekonomi Islam. Oleh sebab itu, teori penggunaan yang sepatutnya merupakan kajian kelakuan pengguna terhadap barang pengguna kadang kala hanya merupakan pernyataan

**Rajah 2.2** Gambaran syariah Islam secara ringkas

semula hukum-hukum Islam bersabit dengan makanan dan minuman. Begitu juga teori pengeluaran, yang dikurangkan skopnya kepada satu kajian terhadap hukum-hukum hak milik dalam Islam (Kahf 1982: 8).

Untuk menjadikan ekonomi Islam boleh berdiri dengan sendiri, maka di samping ilmu fiqh muamalat, kajian juga perlu dijalankan untuk menimba pemikiran ekonomi para ulama' Islam silam serta pengetahuan tentang perjalanan sistem ekonomi semasa. Pemahaman ketiga-tiga fenomena tersebut akan dapat menyingkap dan membuka skop yang lebih luas dari segi perkembangan konsep dan penggunaannya.

## EKONOMI SEBAGAI IBADAT

Setiap kegiatan kehidupan manusia sama ada yang kecil atau yang besar akan dinilai oleh Allah. Begitu juga kegiatan ekonomi, akan menjadi ibadat dan diberi nilai pahala jika dilakukan mengikut syarat-syarat yang telah ditetap — baik dari segi memenuhi tuntutan aqidah, akhlak mahupun syariat.

(1) ***Aqidah mestilah betul.*** Penuh keyakinan akan keesaan Allah dari segi *asma'* dan sifat, rububiyyah dan uluhiyah-Nya. Umat Islam mesti berkeyakinan bahawa sistem ekonomi Islam adalah satu-satunya sistem yang mendapat pengiktirafan Allah, dan oleh itu, merupakan sistem ekonomi yang terbaik, yang dapat menyelesaikan masalah ekonomi.

(2) ***Niat mestilah betul.*** Masalah ini berkait dengan kesucian hati. Segala kegiatan ekonomi mestilah diniatkan untuk Allah, iaitu mendapat keredaan-Nya bukan bertujuan untuk selain-Nya, umpamanya menunjuk-nunjuk dan bermegah-megah. Segala kegiatan ekonomi mesti ikhlas kerana Allah. Niat yang ikhlas ini lahir daripada keyakinan yang kukuh terhadap kemanfaatan dunia akhirat dengan mengamalkan perintah-perintah Allah.

(3) ***Kerja yang sesuai dengan tuntutan Islam.*** Bidang kerja yang diceburi mestilah bidang yang digalakkan dan dihalalkan dalam Islam. Bidang yang terkeji, terkutuk, haram, yang syubahat dan makruh perlu dijauhi.

(4) ***Cara melakukan kerja yang sesuai dengan ajaran Islam,*** iaitu tekun, sabar, amanah, tanggungjawab, berbudi, berperibadi mulia, bersyukur dan terhindar daripada amalan penipuan dan penindasan. Inilah antara sifat-sifat akhlak mulia yang perlu ada bagi setiap

Muslim supaya usaha tersebut mendapat keberkatan dan keredaan Allah.

(5) ***Natijahnya betul dan membawa faedah kepada orang ramai.*** Hasil ekonomi mestilah dibelanjakan ke arah jalan yang betul dan sesuai dengan kehendak Islam. Di samping digunakan untuk keperluan sendiri dan keluarga, hasil ekonomi perlu juga dimanfaatkan untuk keperluan orang ramai. Di sini timbulnya kewajipan berzakat dan kemuliaan bersedekah.

(6) ***Tidak meninggalkan ibadat wajib yang khusus.*** Kegiatan ekonomi (yang berbentuk ibadat umum) tidak seharusnya menjadi alasan untuk meninggalkan ibadat khusus, seperti solat dan puasa. Kesibukan mencari rezeki tidak seharusnya menyebabkan kita mengabaikan tanggungjawab terhadap Allah. Janganlah harta dan anak-anak itu melalaikan kita daripada mengingati Allah.

## TUNTUTAN MENCARI PENGHIDUPAN

Pada waktu Allah menciptakan makhluk-Nya yang bernama manusia, sejak awal-awal lagi, iaitu sejak dalam kandungan ibu telah ditentukan akan rezekinya, termasuk mati, amalan dan nasib baik buruknya. Sabda Rasulullah yang bermaksud:

> "Bahawasanya seseorang dihimpunkan kejadiannya dalam perut ibunya sebagai nutfah (air mani), kemudian menjadi *'alaqah* (gumpalan darah) selama 40 hari, kemudian menjadi *mudhghah* (segumpal daging) selama 40 hari pula, kemudian diutus oleh Allah akan Malaikat, maka ditiupkan kepadanya roh, dan disuruh tulis empat perkara tentang rezekinya, ajalnya, amalnya dan nasib buruk baiknya ...."
>
> (Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim)

Memang benar rezeki telah ditentukan, tetapi tiada siapa yang mengetahui banyaknya, jenisnya dan susah senang untuk mendapatkannya. Di sinilah timbulnya peranan usaha. Modal sudah pun ditetapkan, cuma usaha yang diperlukan. Rezeki merupakan modal yang perlu diusahakan. Tidak mungkin seseorang mendapat hasil daripada modal yang tidak diusahakan. Dunia ini tempat bergolak, maka sesiapa yang lemah dan lalai akan ditinggalkan oleh dunia itu sendiri (Fachruddin 1982: 22).

## Bumi Sebagai Bidang Penghidupan

Bumi ini dijadikan bidang penghidupan manusia supaya manusia berusaha dan bekerja demi mencapai dan memenuhi keperluan diri khususnya, dan masyarakat dan negara serta pembentukan tamadun Islam umumnya. Bumi ini dijadikan Allah adalah untuk manusia. Sebelum manusia dijadikan, bumi telah diciptakan terlebih dahulu. Oleh itu, persediaan bagi kehidupan manusia telah disediakan oleh Allah dan dirancangkan terlebih dahulu mengikut *qadar*-Nya.

Taraf manusia sebagai khalifah di bumi (lihat al-Quran 2: 30) dan hamba Allah yang kelakuannya sentiasa mengabdikan diri kepada Allah jelas menunjukkan bahawa manfaat bumi ini adalah untuk manusia. Malah semua makhluk atau benda-benda lain yang diciptakan oleh Allah di bumi ini adalah untuk keperluan manusia juga. Firman Allah yang bermaksud:

> "Dialah Allah yang menjadikan segala yang ada di bumi untuk kamu ...."
> (al-Quran 2: 29)

Semua makhluk tunduk kepada manusia, iaitu tunduk dalam erti kata "berkhidmat untuk manusia". Makhluk nurani, seperti Malaikat pun dijadikan untuk berkhidmat pada manusia.

## Kemuliaan Bekerja

Bekerja bermaksud menggerakkan fizikal atau mental seseorang, tidak membenarkannya duduk diam, terbiar atau malas. Kemalasan tidak sepatutnya ada dalam diri setiap Muslim kerana kemalasan akan membawa kelembapan fizikal dan mental. Kemalasan juga menyebabkan seseorang menjadi fakir yang akan menjadi beban kepada masyarakat dan agama. Kefakiran juga menyebabkan kekufuran. Hadis Nabi yang bermaksud:

> "Hampir-hampir kefakiran itu membawa kepada kekufuran".

Sebaliknya, lebih berfaedah menjadi orang kaya kerana ia boleh memberi bantuan daripada menjadi orang miskin yang meminta-minta, kerana Nabi telah bersabda yang maksudnya:

> "Tangan yang di sebelah atas (iaitu orang yang memberi) adalah lebih baik daripada tangan yang di sebelah bawah (yang menerima)".

Walau bagaimanapun, lebih baik menjadi orang yang miskin, tetapi tidak meminta-minta untuk menjadi orang kaya tetapi lupa daratan, lupa kepada nikmat Allah dan bertambah jauh daripada Allah (Hasan 1990: 20).

## Motivasi Kerja

Untuk mencapai dan memperoleh sesuatu, manusia perlu berusaha dan bekerja kerana kerja adalah sebagai "fitrah" bagi memenuhi keinginan. Tanpa bekerja lazimnya seseorang tidak akan dapat memenuhi keperluan diri, keluarga, dan lebih-lebih lagi keperluan masyarakat serta negara. Keinginan akan tinggal sebagai angan-angan (Hasan 1990: 20). Kalau keinginan atau keperluan diri mahu dipenuhi, maka ia perlu bekerja. Begitu juga dengan keperluan-keperluan lain, iaitu dalam bentuk bantuan kepada masyarakat. Hasrat untuk membantu atau memberi sumbangan kepada masyarakat dan negara tidak akan terhasil kalau ia tidak bekerja secara tekun dan bersungguh-sungguh.

Keperluan kehidupan di dunia tidak akan dapat dicapai dengan hanya berkhayal dan bertawakal, tetapi dengan berusaha bersungguh-sungguh dan tawakal. Sayyidina Umar al-Khattab pernah berkata: "Sesungguhnya langit itu tidak sekali-kali akan menghujankan emas dan perak" dan katanya lagi "Kalau aku memandang seorang pemuda, lalu aku dapati ia tidak mempunyai pekerjaan, maka jatuhlah ia daripada pandangan mata ku" (lihat Fachruddin 1982: 36).

## Bekerja untuk Memakmurkan Bumi

Setiap manusia perlu mempunyai motivasi ini sebab Allah sendiri telah berfirman yang bermaksud:

> "... Dia (Allah) yang telah menjadikan kamu daripada bumi (tanah) dan menjadikan kamu pemakmurnya ...."
>
> (al-Quran 11: 61)

Sumber pengeluaran yang dianugerahi Allah di bumi ini perlu digunakan, tidak boleh dibiarkan tersimpan atau sehingga terlepas ke tangan orang lain, khususnya musuh-musuh Islam yang akan menggunakannya bagi menghadapi orang Islam.

Walau bagaimanapun, usaha untuk kemakmuran tidak terhad kepada perkara keduniaan dan kebendaan semata, tetapi lebih luas

daripada itu. Di samping menjalani hidup dan menguruskan bumi ini secara yang dikehendaki dan dibenarkan oleh Allah, perkara yang lebih pokok ialah menyebar dan meneguhkan pegangan Islam pada setiap diri manusia. Itulah usaha untuk kemakmuran yang hak, kerana usaha itu, kebajikan dan keharmonian yang sebenar dapat diwujudkan.

# BAB 3

## ASAS EKONOMI ISLAM

Ekonomi Islam ditegakkan atas dasar keadilan. Usaha mewujudkan keadilan yang hakiki tidak akan tercapai tanpa memahami, menghayati dan menyedari akan wujudnya hubungan timbal balik antara manusia dengan Penciptanya dan dengan persekitarannya.

Kehidupan manusia terbentuk berasaskan hubungan tiga penjuru, iaitu hubungannya dengan Allah, yang berbentuk hubungan menegak; dan dengan persekitarannya, termasuk hubungannya dengan manusia lain, haiwan, tumbuhan, harta benda, sumber atau alam seluruhnya, yang berbentuk hubungan mendatar. Hubungan yang berbagai-bagai dimensi ini mencorakkan pegangan dan tanggapan yang unik seseorang ataupun masyarakat terhadap kegiatan ekonomi yang akan diamalkan.

### TAKRIF EKONOMI ISLAM

Ilmu ekonomi sepatutnya neutral, tetapi ia kerap condong kepada persekitaran. Takrif ilmu ekonomi sepatutnya dapat digunakan dan sesuai dengan sesiapa sahaja, sama ada ia beragama atau tidak, Islam atau bukan Islam. Kalau dikatakan ekonomi itu "merupakan rumusan tafsiran peristiwa manusia dalam menghadapi alam benda"nya (Sobri 1989: 23), atau seperti kata Ibn Khaldun sebagai "kehidupan manusia daripada satu rupa dan keinginan untuk mendapat rezeki dan berusaha untuk mendapatkannya" (lihat Fachruddin 1982: 11), maka tentunya bagi orang Islam, persemukaan mereka dengan alam benda dan usaha untuk mendapat rezeki mempunyai kaedah dan matlamat yang tersendiri, berbeza daripada orang lain. Tetapi oleh sebab manusia (Muslim) seringkali terlupa dan tidak sedar tentang tanggungjawab sendiri, maka pernyataan yang lebih jelas diperlukan bagi takrif di atas. Oleh itu,

takrif yang lebih khusus diperlukan bagi ekonomi Islam.

Akram Khan (1984: 55) mentakrifkan ekonomi Islam sebagai kajian *al-falah* manusia melalui pengurusan sumber bumi berasaskan kerjasama dan penyertaan. Sementara Hasanuzzaman (1984: 55) pula mentakrifkan ekonomi Islam sebagai ilmu pengetahuan dan penggunaan perintah dan peraturan syariat demi melindungi ketakadilan dalam perolehan dan penggunaan sumber asli bagi tujuan memenuhi kepuasan manusia dan bagi membolehkan mereka melaksanakan tanggungjawab terhadap Allah dan masyarakat seluruhnya.

Masudul Alam Choudhury (1986: 4) mentakrifkan ekonomi Islam sebagai kajian sejarah, empirik dan teori bagi menganalisis keperluan manusia dan masyarakat berasaskan panduan sistem nilai Islam.

Amir Mohd. al-Faysal al-Su'ud berpendapat ekonomi Islam ialah satu ilmu wasilah (alat) yang digunakan oleh manusia bagi memenuhi segala hajat individu dan masyarakat sesuai dengan peraturan syariat (dipetik daripada Hamzah dan Shahbari 1982: 3).

Mannan (1980: 36) menganggap ekonomi Islam sebagai sains sosial yang mengkaji masalah ekonomi yang berpegang pada nilai Islam.

Dapat ditegaskan di sini bahawa ekonomi Islam merupakan ilmu yang mengkaji kegiatan manusia yang selaras dengan kehendak syariat, dari segi memperoleh, mengguna atau mengurus sumber asli untuk kebaikan diri serta kebaikan bersama secara kebendaan dan kerohanian demi mendapat keredaan Allah (Hasan 1990b: 11).

Daripada berbagai-bagai takrif di atas, terdapat beberapa perkara penting yang perlu diperhatikan. Pertama, ialah soal alat. Kelakuan individu berasaskan penggunaan alat yang dikenali sebagai *sumber*. Tanpanya, penghidupan manusia di bumi ini akan menjadi sukar. Allah telah melengkapkan kehidupan di dunia ini dengan sumber yang mencukupi. Konsep sumber dalam Islam adalah sesuatu yang bermanfaat (untuk dunia dan akhirat) (Hasan 1990a: 4).

Kedua, ialah berkenaan dengan kaedah. Di samping sebagai individu sosial, individu Islam juga individu yang beragama. Sebagai individu yang beragama, maka kelakuan berekonominya adalah tunduk kepada panduan (hukum agama) yang dalam takrif di atas disebut sebagai syariat dan nilai Islam.

Ketiga, ialah berhubung dengan persoalan matlamat. Semua kegiatan kehidupan mempunyai matlamat yang tersendiri, termasuk kegiatan ekonomi. Matlamat ekonomi Islam dapat dilihat pada dua peringkat, iaitu matlamat perantaraan dan matlamat akhir. Dalam takrif

di atas, matlamat perantaraan dinamakan keperluan, kebaikan, kepuasan, hajat, manakala matlamat akhir dinyatakan sebagai tanggungjawab, keredaan dan *al-falah*. Matlamat perantaraan tidak akan ada nilainya di sisi Islam, kecuali matlamat itu dijadikan alat untuk pencapaian matlamat yang hak. Memenuhi keperluan, kepuasan, kebaikan dan hajat adalah lebih berbentuk keduniaan yang semestinya dijadikan tempat dan alat untuk mencapai matlamat yang lebih tinggi lagi, iaitu keredaan, dan *al-falah*. Oleh sebab objektif syariat adalah untuk kesejahteraan manusia dan seluruh alam, maka bidang keutamaan ekonomi Islam ialah pencapaian matlamat tersebut, iaitu kesejahteraan dan kemenangan dunia akhirat. Dari sudut ini, skop ekonomi Islam lebih komprehensif kerana tidak terbatas kepada faktor-faktor ekonomi semata, tetapi juga merangkumi faktor-faktor bukan ekonomi, seperti nilai akhlak, etika, sosial dan politik, yang semuanya mempunyai peranan dalam pencapaian kesejahteraan tersebut.

Islam menangani soal ekonomi berdasarkan aqidah yang kukuh. Rezeki yang disediakan oleh Allah di dunia ini adalah mencukupi untuk seluruh makhluk-Nya. Kalau ada manusia yang mengatakan rezeki tidak mencukupi, maka itu merupakan kelemahan manusia sendiri, sama ada kerana tamak, kikir, mementingkan diri sendiri, boros, membazir atau kekurangan pengetahuan untuk mengenali atau memperoleh sumber-sumber lain atau yang belum dapat diterokai. Allah melalui kudrat-Nya boleh membuka segala khazanah di dunia ini atau sebaliknya sebahagian sahaja, atau boleh menjelmakan sumber atau khazanah baru dengan hanya menyebutkan "kun" sahaja.

## FALSAFAH EKONOMI ISLAM

Falsafah ekonomi Islam[1] ditegakkan berdasarkan pegangan ajaran agama terhadap kehidupan, manusia dan Allah (Kahf 1989: 72). Khurshid (1980: 178–179) mengemukakan empat falsafah iaitu, tauhid, rububiyyah, khilafah dan tazkiyyah, manakala Arif (1989: 85) memasukkan satu lagi, iaitu tanggungjawab terhadap hari akhirat. Di samping menyentuh soal keesaan Allah dan hari pembalasan (akhirat),

---

1 Walaupun asas falsafah ekonomi mempunyai takrif yang berbeza dengan prinsip ekonomi Islam, namun kedua-duanya kerap disamaertikan. Sukar untuk ditonjolkan perbezaan yang jelas antara kedua-duanya. Oleh itu, perkara-perkara yang dibincangkan dalam falsafah mungkin juga terdapat dalam prinsip.

Kahf (1989: 76–77) juga membincangkan konsep hak milik dan kesamaan manusia. Abdul Rahim (1979: 305–307) juga membincangkan persoalan tauhid, khalifah dan kedaulatan Allah dalam hak milik. Begitu juga perkara tauhid, rububiyyah, kesamaan dan persaudaraan dan konsep hak milik manusia disentuh oleh Abu Sulayman (1976: 13–19). Falsafah ini lebih lengkap kalau dapat memasukkan satu persoalan asas lagi, iaitu matlamat kehidupan berekonomi (lihat Hasan 1990b: 13).

## Konsep Tauhid

Tauhid merupakan yang paling asas dalam cara hidup Islam. Oleh itu, tauhid juga merupakan asas kepada falsafah ekonomi Islam. Konsep tauhid merangkumi hubungan antara manusia dengan Penciptanya (Allah), dan hubungan manusia dengan manusia. Perhubungan manusia dengan manusia adalah dalam naungan sinaran perhubungan dengan Allah, tidak takut kepada manusia sebab manusia adalah makhluk Allah yang tidak ada kuasa, sebaliknya tidak menganiaya manusia lain kerana Allah merupakan Pencipta dan Pemelihara segala makhluk, termasuk manusia.

## Konsep Rububiyyah

Sifat Allah sebagai Penguasa yang membuat peraturan yang bertujuan menjaga dan menampung kehidupan makhluk kepada kesempurnaan. Dalam konteks ekonomi, rububiyyah merupakan peraturan Ilahi bagi menyusun rezeki dan kegiatan ekonomi manusia demi kepentingan yang sebenar (Ab. Rashid 1984: 18).

## Konsep Tazkiyyah

Konsep tazkiyyah ialah membentuk kesucian jiwa dan ketinggian akhlak. Salah satu tujuan perutusan Rasul-rasul adalah untuk memurnikan dan membersihkan hati manusia dalam hubungannya dengan Allah, manusia dan alamnya. Pembersihan harta adalah melalui zakat dan sedekah. Daripada tazkiyyah lahirlah al-falah. Keluhuran tazkiyyah adalah natijah daripada pelaksanaan konsep rububiyyah (Ab. Rashid 1984: 18).

## Hari Pembalasan

Kepercayaan kepada adanya Hari Pembalasan menjadikan kegiatan ekonomi manusia akan sentiasa berada pada landasan yang dibenarkan. Segala tindakan dan kelakuan manusia akan sentiasa dianalisis dari segi kesannya terhadap kehidupan pada hari akhirat. Oleh itu, segala kegiatan ekonomi di dunia ini akan dilihat dari segi "nilai kini bagi natijah masa akhirat" (lihat Kahf 1989: 76).

## Manusia Sebagai Khalifah

Sebagai khalifah yang sekaligus merupakan hamba Allah, manusia adalah pemegang amanah dan mempunyai tanggungjawab yang perlu dilaksanakan. Manusia berperanan untuk memakmurkan bumi. Walau bagaimanapun, peranan ini adalah dalam hubungan pengabdian diri kepada Allah.

## Kesamaan dan Persaudaraan Manusia

Alam sejagat ini dicipta oleh Allah. Dialah juga yang mencipta manusia yang pertama, iaitu Adam. Manusia semuanya adalah berbapakan Adam. Oleh itu, semua manusia adalah daripada satu keturunan, semuanya bersaudara dan mempunyai hak yang sama dalam kehidupan.

Persaudaraan kemanusiaan dan persaudaraan keagamaan tidak dibatasi oleh geografi, bangsa, bahasa, warna kulit, dan sebagainya. Wujudnya rasa persaudaraan akan membuahkan keadilan dengan menolak kezaliman sesama manusia. Setiap individu akan menegakkan keadilan terhadap dirinya, masyarakatnya dan alam sekitarnya. Masing-masing akan berusaha untuk menjadi orang yang berfaedah dan memberi sumbangan kepada masyarakat. Oleh itu, pemerasan, eksploitasi, penindasan dan penyelewengan tidak mungkin dengan sewenang-wenangnya berlaku. Oleh yang demikian, wujudlah tolong-menolong dan kerjasama, khususnya antara Muslim, di samping diikat oleh bapa yang sama (Adam), diikat juga oleh ideologi dan aqidah yang sama.

Persaudaraan adalah sebahagian daripada tauhid. Rasa kasih sayang, hormat-menghormati, bertanggungjawab dan rela berkorban untuk saudaranya adalah tanda iman seseorang.

Seruan oleh setiap Rasul ialah keadilan. Oleh itu, keadilan hanya dapat ditegakkan atas dasar taqwa. Keadilan dari segi ekonomi ialah

sumbangan setiap individu kepada masyarakat. Dengan itu, tidak akan timbul pemerasan, penindasan dan eksploitasi antara satu dengan yang lain. Larangan eksploitasi ini bertujuan untuk melindungi hak setiap individu dalam masyarakat, dan untuk meningkatkan kebajikan umum.

## Konsep Hak Milik

Dunia ini adalah kepunyaan Allah: Segala harta, kekayaan, dan sumber adalah milik-Nya. Dia mengamanahkan anugerah ini kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya supaya diurus dan dimanfaati secara yang dikehendaki-Nya. Oleh sebab pengurusan anugerah ini terikat dengan peraturan-Nya, maka pemilikan manusia terhadap anugerah itu tidak mutlak, tetapi hanya dalam bentuk amanah dan ujian yang akan dipertanggungjawabkan di akhirat nanti. Pemilikan amanah ini akan menjadikan manusia menguruskan pemilikannya secara yang diredai oleh Allah.

## Matlamat Kegiatan Ekonomi

Pencapaian *al-falah* merupakan satu-satunya matlamat (objektif) unggul yang terpenting sebagai satu matlamat terakhir. Sementara matlamat lain (ekonomi dan sosial) adalah matlamat perantaraan bagi tujuan mencapai matlamat yang unggul ini.

Skop *al-falah* merangkumi kejayaan di dunia dan di akhirat berdasarkan ketaatan dan pengabdian diri kepada Allah secara ikhlas. Oleh itu, arah kegiatan ekonomi Islam mestilah merangkumi kedua-dua aspek kesejahteraan tersebut. Menegak dan meneruskan sistem ekonomi yang seperti ini merupakan satu kewajipan demi kejayaan setiap individu.

Matlamat ekonomi dan sosial adalah seperti yang dicatat (sebahagiannya) oleh Hasan (1990: 24) iaitu:

(1) Kesejahteraan ekonomi yang merupakan objektif ekonomi yang terpenting. Sistem ekonomi Islam bermatlamat mewujudkan kesejahteraan ekonomi bagi individu dan masyarakat serta negara amnya.
(2) Keperluan asas yang mencukupi. Dengan itu, menghindarkan kelaparan dan ketakutan yang wujud dalam masyarakat, memastikan keperluan asas bagi setiap manusia dipenuhi dari segi

makanan, pakaian, perlindungan (rumah) perubatan/kesihatan dan pendidikan.

(3) Penggunaan sumber yang optimum, cekap, berkesan, jimat dan tidak membazir.
(4) Kesaksamaan agihan harta, kekayaan, pendapatan dan pembangunan.
(5) Menjamin kebebasan individu.
(6) Kesamaan hak dan peluang.
(7) Kerjasama dan keadilan.

## CIRI-CIRI EKONOMI ISLAM

Al-Assal dan Abdul Karim (1981: 15–30) mengemukakan dua ciri[2] ekonomi Islam yang penting, iaitu pertama ekonomi merupakan sebahagian sistem kehidupan dan kedua keseimbangan antara kepentingan individu dengan masyarakat. Sebenarnya ciri-ciri asas Islam juga merupakan ciri-ciri ekonomi Islam. Ciri-ciri ketuhanan, cara hidup yang lengkap, keseimbangan antara kepentingan individu dengan masyarakat, keseimbangan kebendaan dengan kerohaniannya, tetap dan dinamik, rekod-rekod ajaran yang terpelihara, dan sebagainya[3] merupakan ciri-ciri yang terdapat dalam ekonomi Islam. Oleh itu, ciri-ciri ekonomi Islam ialah:

(1) Ekonomi yang berasaskan al-Quran dan al-Sunnah. Oleh itu, ekonomi Islam adalah ekonomi Ilahi (ketuhanan) dari segi prinsipnya (al-Fanjari 1988: 22 dan 47).
(2) Merupakan bahagian daripada keseluruhan sistem kehidupan Islam yang lengkap. Ekonomi Islam sendiri adalah lengkap, sempurna dan mampu untuk menyelesaikan masalah keperluan kehidupan manusia, malah seluruh makhluk di bumi ini.
(3) Kepentingan individu dan masyarakat dalam ekonomi Islam akan sentiasa diseimbangkan. Masing-masing ada tempatnya yang tersendiri, walaupun tidak secara mutlak. Apabila kepentingan individu dan kepentingan umum tidak mungkin disesuaikan maka Islam mendahulukan kepentingan umum (al-Fanjari 1988: 51, al-Assal *et al.* 1981: 29).

---

2 Perkataan ciri dan sifat sukar dibezakan. Kedua-duanya selalunya disamaertikan.
3 Ciri-ciri asas Islam ini telah pun dibincangkan dalam Bab 1.

(4) Walaupun kegiatan ekonomi bersifat kebendaan, tapi bercorak kerohanian. Manusia bukan sahaja mempunyai hubungan dengan sesama manusia, tetapi juga mempunyai hubungan dengan Allah. Kegiatan ekonomi tidak memisahkan kebendaan daripada kerohanian.
(5) Ekonomi Islam sentiasa sesuai sepanjang zaman dan masa kerana sifatnya yang tetap dan dinamik. Ekonomi Islam dianggap tetap kerana prinsipnya yang teguh tanpa boleh dipersoalkan, dan pada masa yang sama dinamik kerana mempunyai kaedah penggunaan yang berbeza dan sesuai dengan keadaan.
(6) Asas hukum ekonomi Islam ialah al-Quran dan al-Sunnah. Al-Quran terjamin keasliannya hingga ke hari kiamat. Begitu juga al-Sunnah. Oleh itu, ekonomi Islam akan sentiasa sesuai untuk sepanjang zaman.

## SUMBER HUKUM EKONOMI ISLAM

Pada umumnya hukum ekonomi Islam berasaskan sumber perundangan Islam, yang terdiri daripada dua sumber utama, iaitu al-Quran dan al-Sunnah dan beberapa sumber-sumber lain seperti ijmak, kias, pendapat sahabat, *uruf*, ijtihad, istihsan dan sebagainya yang semuanya adalah manifestasi daripada dua sumber yang utama.

Segala kegiatan ekonomi yang berjalan atas dasar kepatuhan kepada arahan perintah dalam bentuk suruhan dan larangan (Allah) dan sesuatu yang tidak bercanggah dengannya merupakan kegiatan yang dibenarkan oleh Islam.

### Sumber Utama

Sumber hukum yang utama terdiri daripada al-Quran dan kemudian diikuti oleh al-Sunnah. Kedua-duanya merupakan sumber yang paling utama dalam perundangan Islam. Al-Quran merupakan sumber yang terpenting dan dalil pertama dalam penentuan hukum, oleh itu, tidak boleh didahului oleh sumber-sumber hukum yang lain. Sementara al-Sunnah merupakan perjalanan Rasulullah, yang meliputi ucapan, perbuatan dan pengakuannya. Al-Sunnah adalah sumber perundangan kedua selepas al-Quran. Jika dibanding dengan al-Quran, al-Sunnah adalah penjelas, pemerinci dan penghurai kepada al-Quran.

## Sumber-sumber Rujukan

Sumber ini terdiri daripada sumber selain al-Quran dan al-sunnah sama ada dalam bentuk ijmak, kias, ijtihad, perjalanan sahabat, istihsan, uruf dan sebagainya yang semuanya tidak lari daripada sumber asal, iaitu al-Quran dan al-Sunnah.

Ijmak merupakan kesepakatan ulama' mujtahidin (mereka yang benar-benar mendalami dan menghayati ilmu-ilmu agama) tentang sesuatu hukum dan peraturan agama (*al-din*). Sementara kias ialah suatu hukum agama yang telah tetap tentang sesuatu perkara dan dijadikan hukum untuk sesuatu perkara yang lain apabila kedua-duanya dianggap mempunyai sebab atau sifat yang sama. Ijtihad merupakan usaha seorang *faqih* untuk mendapat hukum syariat yang belum terdapat dengan terang sama ada dalam al-Quran atau Hadis. Oleh itu, ijtihad hanya boleh dilakukan oleh individu tertentu sahaja iaitu mujtahid.

## Sumber-sumber Lain

Sumber-sumber lain ialah pendapat sahabat, istihsan, istislah, istishab dan uruf. Pendapat sahabat hampir setaraf dengan sunnah Rasulullah kerana mereka hidup sezaman dengan baginda. Mereka yang lebih faham tentang Islam kerana mereka hidup bersama-sama Rasulullah.

Istihsan bermaksud meninggalkan pendapat yang terhasil daripada penggunaan kaedah kias, sebaliknya merujuk pendapat yang disokong oleh dalil yang lebih kuat. Sementara istislah ialah tindakan melarang atau mengizinkan sesuatu perkara, semata-mata kerana maslahat (faedah). Istishab bermaksud menjadikan hukum yang sabit pada waktu yang lalu, tetap berlaku sampai sekarang sehingga ada dalil yang mengubahnya. Uruf merupakan nilai, adat atau kebiasaan masyarakat, selagi tidak bercanggah sebaliknya selaras dengan kehendak Islam.

# BAB
# 4

## SISTEM EKONOMI ISLAM

Sistem ekonomi Islam sesuai dilaksanakan pada segenap zaman dan tempat. Di samping merupakan satu-satunya sistem ekonomi yang mendapat restu daripada Allah kerana prinsipnya yang utuh iaitu bersumberkan wahyu, sistem itu juga sesuai dengan keperluan dan cita rasa manusia yang sentiasa berubah mengikut masa dan tempat. Wujudnya kedua-dua unsur (iaitu unsur tetap dari segi prinsip asasnya dan unsur berubah dari segi mekanisme pelaksanaannya) inilah menjadikan sistem ekonomi Islam sentiasa "baharu" dan berada "terkehadapan".

Bab ini akan menyingkap persoalan ketetapan dan tajdid (pembaharuan) dalam ekonomi Islam terlebih dahulu, dan diikuti dengan pembicaraan tentang sistem dan organisasi ekonomi Islam.

### POKOK EKONOMI YANG PUTUS

Antara ciri-ciri Islam yang paling agung dan menonjol ialah menghimpunkan antara unsur yang tetap dengan yang berkembang, dan antara unsur lama dengan baru. Unsur yang tetap ini merupakan asas ekonomi yang diambil terus daripada al-Quran dan al-Sunnah. Unsur ini tidak berubah, walau apa sekalipun keadaan, tempat, masa dan tingkat kemajuan ekonomi dalam masyarakat (al-Assal dan Abdul Karim 1981: 13, al-Fanjari 1988: 12). Pokok atau prinsip ini agak sedikit dan terbatas yang biasanya berkait dengan keperluan asas setiap manusia. Misalnya, riba, arak, judi, curi, zakat, perwarisan, keadilan, kesaksamaan, silaturahim, tanggungjawab ulilamri, dan sebagainya, hukumnya telah diputuskan (*qat'iy*) dan tidak boleh dipersoalkan lagi, oleh itu, diharamkan berijtihad. Bidang ekonomi yang telah diputuskan hukumnya

(tetap) ini disebut sebagai asas (mazhab) ekonomi Islam (al-Fanjari 1988: 12–19 dan 46), dan oleh kebanyakan penulis dinamakan sebagai prinsip ekonomi Islam.

Dalam konteks pembicaraan ekonomi Islam, konsep hak milik kerap dibincangkan sebagai salah satu prinsip ekonomi Islam oleh kebanyakan penulis. Misalnya, al-Fanjari (1988: 12–19), Kahf (1989: 77–78), Abu Saud (1984: 6–9), Abdul Rahim (1979: 311–313), Maudoodi (1969: 46–47), dan Ab. Rashid Dail (1984).

Perkara kedua, ialah konsep keseimbangan (keadilan dan kesaksamaan) yang juga dibincangkan oleh al-Fanjari (1988), Kahf (1989), Qadri (1969: 39–40), Choudhury (1986: 8–10), Abdul Rahim (1979), dan Maudoodi (1969). Konsep tauhid dibincangkan oleh Ab. Rashid (1984) dan Choudhury (1986). Konsep-konsep lain ialah pengharaman amalan ekonomi yang batil dan memudaratkan (Ab. Rashid 1984, Qadri 1969, Abu Saud 1984, al-Fanjari 1988); peranan pemerintah dalam ekonomi (al-Fanjari 1988), dan Ab. Rashid 1984); konsep kerja, ganjaran dan produktiviti (Abu Saud 1984, dan Choudhury 1986); konsep khalifah (al-Fanjari 1988), konsep kerugian untuk keuntungan, dan susut nilai (Abu Saud 1984), dan akhirnya tentang kewajipan mengamalkan ekonomi secara halal (Ab. Rashid 1984).

Daripada berbagai-bagai konsep yang dikemukakan di atas, tidak semuanya dapat dianggap sebagai prinsip. Oleh kerana prinsip merupakan asas dan pokok kepada pemikiran dan kegiatan ekonomi,[1] maka di bawah ini disusun semula prinsip di atas secara yang lebih sesuai dengan takrif tersebut.

## Konsep Tauhid, Rububiyyah dan Tazkiyyah

Firman Allah yang bermaksud:

> "Hai manusia, sembahlah Tuhanmu yang telah Menciptakanmu ...."
>
> (al-Quran 2: 21)

> "... Dia menghasilkan dengan hujan itu segala jenis buah-buahan sebagai rezeki untukmu; kerana itu janganlah kamu mengadakan sekutu bagi Allah".
>
> (al-Quran 2: 22)

---

1 Ab. Rashid Dail (1984: 5) mentakrifkan prinsip ini sebagai keunggulan am dan komprehensif yang menjadi asas kepada pemikiran ekonomi Islam.

Dari segi ekonomi, ini merupakan pengakuan akan kekuasaan Allah Yang Maha Pencipta, yang mengatur manusia dalam menjalani kehidupan dan rezeki di dunia. Kesucian jiwa manusia yang dilahirkan melalui akhlak dan amalan adalah pancaran daripada keimanannya yang betul dan luhur. (Konsep tauhid rububiyyah dan tazkiyyah ini telah juga dibincangkan dalam bahagian awal Bab 3, iaitu dalam perbincangan falsafah ekonomi Islam).

## Konsep Pencipta dan Pemilik

Maksud firman Allah:

> "... Kepunyaan Allah kerajaan langit dan bumi dan apa yang di antara kedua-duanya: Dia mencipta apa yang dikehendaki-Nya ...."
>
> (al-Quran 5: 17)

> "Segala puji bagi Allah, Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, Pemilik Hari Pembalasan".
>
> (al-Quran 1: 2-4)

Allah adalah Pencipta segala yang ada di bumi (dan di langit) dan di akhirat. Allah pemilik "mutlak" terhadap segala ciptaan-Nya. Tetapi, segala-galanya untuk manusia kerana Allah tidak memerlukan apa-apa manfaat daripada apa yang diciptakan. Manusia diciptakan sebagai khalifah Allah di bumi yang bertanggungjawab menguruskan sumber bumi ini secara yang hak. Manusia hanya diberi hak untuk mengurus dan mengambil manfaat anugerah tersebut sebagai satu amanah yang akan dipertanggungjawabkan pada hari akhirat nanti. Pertanggungjawaban ini menguatkan hujah bahawa hak milik dalam Islam adalah tidak mutlak kerana setiap yang mutlak tidak boleh dipersoalkan.

## Konsep Hak Milik

Maksud firman Allah:

> "Dan Dia menundukkan untukmu apa yang ada di langit dan apa yang ada di bumi semuanya (sebagai rahmat) daripada-Nya ...."
>
> (al-Quran 45: 13)

"Kemudian kamu pasti akan ditanya pada hari itu tentang kenikmatan (yang kamu megah-megahkan (di dunia)".

(al-Quran 102: 8)

Konsep pemilikan dalam Islam adalah terbatas, di samping keperluan memenuhi kehendak syarak, konsep tersebut masih tertakluk kepada beberapa perkara. Kahf (1989: 77) mengemukakan tiga perkara, iaitu pertama, hak milik hanyalah terhadap penggunaan dan bukannya kepunyaan. Dalam negara Islam, jika sesuatu harta itu tidak digunakan, maka hak kepunyaan akan hilang (atau paling tidak akan berkurangan), contohnya tanah yang tidak diusahakan. Kedua, pemilikan hanya terhad sepanjang hidup pemiliknya sahaja. Selepas pemiliknya meninggal dunia harta itu akan berpindah ke tangan orang lain mengikut ketentuan syarak. Ketiga, tidak semua harta boleh dimiliki secara individu, seperti sumber asli yang merupakan milik awam.

Muhammad al-Assal dan Abdul Karim 1981: 34–72) membahagikan hak milik kepada dua bahagian, iaitu hak milik khusus (perseorangan) dan hak milik awam (negara).

*Hak Milik Khusus.* Islam mengakui fitrah manusia untuk memiliki harta. Oleh itu, Islam membenarkan pemilikan harta secara individu, menghormati dan bukan menganiaya pemilikan tersebut. Ini kerana:

(1) Harta termasuk antara lima benda yang wajib dipelihara, iaitu agama, jiwa, akal, kehormatan dan harta.
(2) Larangan syariat terhadap pelanggaran dan pencerobohan terhadap pemilikan harta individu, seperti mencuri dan merampas.

Islam mengatur pemilikan harta kerana wujudnya bahaya harta itu sendiri, iaitu:

(1) Keghairahan terhadap harta boleh melalaikan manusia dan mendorong mereka menderhakai Allah (al-Quran 96: 6–7).
(2) Kemelaratan boleh membawa kepada kehinaan, malah kepada kekufuran. Sabda Nabi yang maksudnya, "Hampir-hampir kefakiran itu membawa kepada kekufuran".

Islam mengatur dan mengikat kemerdekaan orang dalam menggunakan hak milik, khususnya dengan ikatan-ikatan yang menjamin tidak adanya bahaya, kerosakan atau gangguan terhadap orang lain demi kemaslahatan umum. Maka hak milik berkait dan menyangkut

semua hak. Yang dimaksudkan menimbulkan bahaya ialah penganiayaan yang dilarang dalam Islam.

Hak Milik khusus dapat diperoleh melalui pewarisan, wasiat, jual beli, pemberian (derma/hadiah), bekerja, bercucuk tanam dan mengerjakan tanah terbiar.

*Hak Milik Awam.* Merupakan harta yang dikhususkan bagi kepentingan awam atau kepentingan jemaah. Contohnya, jalan raya, sungai, tempat rekreasi, padang ragut dan pertahanan negara. Sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

> "Semua orang Islam berkongsi dalam tiga perkara, iaitu air, rumput dan api".
>
> (Hadis Riwayat Ahmad dan Abu Dawud)

Barang awam ini boleh dibahagikan kepada dua:

(1) Kemudahan yang disediakan oleh kerajaan, seperti jalan raya, jambatan, pertahanan negara dan taman negara.
(2) Kemudahan yang tidak disediakan oleh kerajaan seperti air dan udara bersih, sungai, tempat-tempat rekreasi semula jadi, sumber perikanan dan perhutanan. Sementara bahan galian (yang juga tidak disediakan oleh kerajaan), jika galian itu terdapat di tanah yang bukan milik khusus (individu), maka galian itu akan jadi hak milik awam. Tetapi kalau sebaliknya, maka mengikut mazhab Syafii galian itu akan mengikuti tanah tersebut (iaitu menjadi hak milik individu yang berkenaan). Sedangkan mengikut mazhab Maliki, galian itu akan menjadi milik awam kerana galian itu dikiaskan dengan air, api dan rumput yang dinaskan oleh hadis. Sementara mazhab Hanafi membolehkan negara mengambil satu perlima bahagian daripada hasil galian tersebut.

Hak milik awam diuruskan oleh pemerintah. Oleh itu, pemerintah tidak pula boleh mengeluarkan harta itu dengan sewenang-wenangnya untuk hal-hal yang tidak diterangkan secara hukum. Walau bagaimanapun, pemerintah Islam boleh memperluas dan menyempitkan bidang hak milik awam ini menurut keperluan maslahat masyarakat atau mengikut kemajuan ekonomi.

## Keadilan, Keseimbangan dan Kesaksamaan

Firman Allah yang bermaksud:

"... berlaku adillah kerana adil itu lebih dekat kepada taqwa ...."

(al-Quran 5: 8)

"... supaya harta itu jangan hanya beredar di antara orang-orang kaya sahaja antara kamu ...."

(al-Quran 59: 7)

Yang dinamakan adil ialah apabila meletakkan sesuatu pada tempatnya. Jika meletak sesuatu bukan pada tempatnya dinamakan zalim. Keadilan mesti dilaksanakan pada setiap peringkat kegiatan ekonomi. Keadilan mewujudkan keseimbangan dan kesaksamaan. Pengeluar yang menjalankan kegiatan pengeluaran, di samping mendapat keuntungan, juga berupaya untuk memberikan sumbangan kepada pengguna dan masyarakat umumnya dengan penawaran output keperluan yang banyak, harganya yang berpatutan, kualiti yang terjamin serta pengeluaran zakat. Sumbangan pengeluar yang seperti ini akan lebih menyeimbangkan agihan kekayaan dalam masyarakat.

Walau bagaimanapun, konsep keseimbangan tidak terhad dalam konteks agihan semata, tetapi lebih luas daripada itu, yakni meliputi kesederhanaan antara kikir dengan boros, kebebasan dengan peraturan, kebendaan dengan kerohanian, dan antara individu dengan masyarakat. Nas al-Quran dan Hadis banyak membicarakan konsep di atas.

Kesaksamaan tidak bermakna kesamaan kerana tindakan ke arah mencapai kesamaan mungkin akan menzalimi pihak yang lain. Kesamaan agihan itu sendiri bertentangan dengan sifat alam semula jadi. Tidak semua manusia mempunyai kebolehan, keupayaan, kekuatan, kepakaran, dan kesedaran yang sama. Mereka dilahirkan dalam keadaan yang berbeza (Maudoodi 1969: 47). Oleh itu, penekanan adalah terhadap kesaksamaan kerana ini menjamin keadilan.

## Amalan Ekonomi yang Manfaat dan Mudarat

Maksud firman Allah:

"... Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba ...."

(al-Quran 2: 275)

Pada asasnya, sesuatu itu adalah halal sehingga ada nas yang mengharamkannya. Sesuatu itu menjadi larangan Allah jika

memudaratkan. Maka setiap yang memberi mudarat dan mengganggu kepentingan orang ramai adalah haram. Setiap yang haram, wajib dihindarkan. Begitu sebaliknya, setiap yang tidak memberi apa-apa mudarat dibolehkan dan digalakkan jika boleh memberi manfaat, dan diwajibkan jika menghilangkan mudarat, di samping memberi manfaat.

Pengharaman amalan ekonomi yang batil merangkumi kegiatan penggunaan dan pengeluaran. Ini termasuklah segala "kegiatan" yang diharamkan secara nas qat'iy seperti riba, judi, pelacuran, kikir, boros, membazir, pemerasan, monopoli, menyorok barang keperluan, menipu timbang atau sukat, menyongsong barang orang di dusun sebelum sampai ke pasar, menjual beli barang yang belum dimiliki atau belum wujud atau tidak diketahui dengan lengkapnya dan segala kegiatan yang boleh merosak, membahaya dan mengganggu keselamatan fizikal dan mental tanpa keperluan syarak. Di samping itu, segala "barang" yang diharamkan, seperti arak, babi, anjing dan segala barang yang boleh merosak, membahaya dan mengganggu keselamatan fizikal dan mental, kecuali kerana darurat.

Di samping melaksanakan apa yang telah Allah wajibkan dalam ekonomi, seperti zakat, nafkah dan silaturahim, seseorang Muslim yang mahu memenuhi keperluan hidupnya diwajibkan bergiat dalam lapangan ekonomi dengan menjalankan kegiatannya secara yang halal. Maksud sabda Rasulullah s.a.w.:

> "Mencari yang halal adalah wajib sesudah yang wajib".
>
> (Misykatul Mashabih)

Ini termasuklah:

(1) Amalan ekonomi yang hak, mendapat keizinan daripada Allah baik dari segi zat, cara dan tujuannya.
(2) Kesucian dan kebersihan. Barang tersebut mestilah baik, bersih, suci dan berguna, tidak busuk, najis atau yang boleh memudaratkan pengguna.
(3) Kesederhanaan, menjauhi sifat boros dan membazir, sebaliknya tidak pula kikir.
(4) Kerohanian, iaitu sifat-sifat terpuji yang didorong oleh keimanan, sebagai memenuhi tuntutan jiwa.
(5) Kemanfaatan dan kemaslahatan. Segala anugerah Allah hendaklah digunakan supaya boleh memberi manfaat dan kebaikan kepada orang ramai.

## Peranan Pemerintah

Maksud firman Allah:

> "Hai orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah Rasul dan ulilamri antara kamu ...."
>
> (al-Quran 4: 59)

> "... lelaki yang mencuri dan perempuan yang mencuri potonglah tangan kedua-duanya (sebagai) balasan bagi apa yang mereka kerjakan ...."
>
> (al-Quran 5: 38)

Pemerintah sebagai penguasa yang telah diberi amanah oleh Allah untuk mentadbirkan bumi, bertanggungjawab terhadap kehidupan rakyatnya, baik secara kebendaan mahupun kerohanian. Perkara-perkara *hudud*, *qisas*, zakat, dan soal-soal keadilan, keseimbangan, dan sebagainya yang disebut sama ada dalam nas al-Quran atau al-Hadis merupakan perkara-perkara yang berhubung sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan pemerintah. Dalam perkara yang tersebut di atas, individu tidak (atau kurang) berkeupayaan dan kewibawaan untuk melaksanakannya. Oleh itu, pemerintah amat penting dalam perjalanan ekonomi Islam.

Pada umumnya campur tangan pemerintah dalam kegiatan ekonomi adalah dalam hal-hal yang berkaitan dengan pengurusan, penyusunan, pengagihan, penerangan dan peraturan untuk mewujudkan kelancaran, keadilan dan keseimbangan dalam masyarakat.

Kerajaan perlu memastikan amalan sistem Islam bagi setiap individu melalui pendidikan, peraturan, dan jika perlu melalui paksaan (Siddiqi 1981: 18). Bentuk-bentuk paksaan adalah seperti hukuman dan denda, pencukaian, penentuan harga, upah dan sewa, dan memiliknegarakan.

Di samping itu, kerajaan bertanggungjawab menjaga hak dan kepentingan awam, seperti hak milik dan kemudahan awam, umpamanya jalan raya, sungai dan sumber yang perlu dikongsi sama seperti air dan api (Kahf 1982: 64).

Menjamin taraf hidup yang minimum bagi rakyatnya dan memelihara mereka yang kurang berupaya untuk bekerja daripada ancaman kemiskinan menjadi tanggungjawab kerajaan. Kerajaan juga bertanggungjawab mengambil alih hutang individu yang tidak berupaya menyelesaikannya (*gharimin*) atau mati tanpa harta yang mencukupi

untuk membayarnya, menanggung tanggungan si mati pada taraf hidup yang mencukupi, dan jaminan keperluan perumahan, pengangkutan, dan persediaan berkeluarga pekerja-pekerjanya (Kahf 1982: 67).

Selain itu, kerajaan bertanggungjawab memelihara kesejahteraan ekonomi dalam bentuk guna tenaga penuh, pertumbuhan ekonomi, kestabilan nilai mata wang dan keharmonian antarabangsa (Siddiqi 1981: 19–20). Khaf (1982: 63–64) menegaskan bahawa kerajaan perlu mengambil langkah-langkah positif dalam bidang pengeluaran, dan agihan. Sementara Siddiqi (1981: 18) mengatakan bahawa kerajaan bertanggungjawab mengekalkan suasana sihat dalam pasaran demi memastikan fungsi pasaran berjalan dengan betul.

Sobri (1989: 19–21) merumuskan lapan tanggungjawab pemerintah yang perlu dilaksanakan, iaitu:

(1) Memastikan pelaksanaan undang-undang dan peraturan.
(2) Jaminan sosial (masyarakat).
(3) Agihan pendapatan (harta).
(4) Pengawasan pasaran.
(5) Dasar pekerjaan dan upah.
(6) Memerangi riba, rasuah dan monopoli
(7) Mobilisasi sumber asli.
(8) Kesaksamaan peluang.

## KAEDAH OPERASI EKONOMI ISLAM

Di samping hakikat pokok atau prinsip yang bersifat tetap, sistem ekonomi Islam juga mengandungi bahagian yang boleh berubah, dinamik dan baru. Ulwan (1989: 48) membahagikan perkara-perkara yang boleh berubah ini kepada dua tahap, iaitu tahap "boleh" dan tahap "terpaksa tunduk" kepada perkembangan.

Kebanyakan masalah ekonomi diputuskan melalui ijtihad. Contohnya, muamalat kewangan, kaedah keadilan dan pentadbiran (Ulwan 1989: 49), ataupun kaedah pelaksanaan zakat. Dalam soal muamalat, akad jelas hukumnya terdapat dalam al-Quran (surah 5: 1), tetapi tafsiran jenis-jenis akad sentiasa berkembang dengan munculnya bentuk muamalat yang baru. Begitu juga zakat, jelas hukumnya, tetapi kaedah pelaksanaannya bergantung pada keadaan. Seterusnya prinsip keadilan yang kaedah dan bentuk pelaksanaannya terserah kepada perubahan.

Masalah hukum yang "terpaksa tunduk" kepada perkembangan merupakan kes-kes baru yang tidak dijumpai dengan jelas dalam nas

al-Quran dan al-Sunnah. Dalam keadaan seperti ini, ulama' perlu berijtihad untuk menyelesaikan masalah yang timbul bagi menjaga kemaslahatan ramai. Contohnya, jaminan persaraan pegawai dan buruh, wang jasa, dan jaminan sosial (Ulwan 1989: 4).

Pada umumnya, dalam bidang kaedah pelaksanaan prinsip atau dalam bidang yang tidak diputuskan hukumnya oleh salah satu daripada prinsip ini, maka masyarakat, ulama' atau pemerintah berhak (atau wajib) berijtihad demi menyelesaikan masalah ekonomi mengikut situasi masyarakat dengan petunjuk daripada Kitab Allah dan Sunnah Rasul. Mereka boleh menentukan *modus operandi* berdasarkan saiz ekonomi, kawasan, penduduk, iklim, sumber, persekitaran sosiobudaya, tingkat pertumbuhan ekonomi dan ketersediaan teknologi (Khan 1983: 15).

## Alat Kendalian Ekonomi Islam

Untuk mengendalikan prinsip ekonomi Islam, kaedah dan alat yang berkesan diperlukan. Choudhury (1986: 14–17), membentangkan empat alat dasar kendalian bagi menukar prinsip ekonomi Islam menjadi amalan, iaitu zakat, mudarabah (*qirad*), penghapusan riba dan penghapusan pembaziran. Dengan mengecualikan alat 'penghapusan pembaziran, Kahf (1989: 78–81) menambahkan empat alat lagi iaitu jaminan sosial, jaminan hutang, pewarisan dan peranan negara. Sementara Saefuddin (1984: 25–36), memasukkan satu alat lagi yang tidak dibincangkan, iaitu kerjasama ekonomi.[2]

Sebagai ketetapan dan kewajipan terhadap Allah, *zakat* bukanlah cukai yang lebih merupakan ketetapan daripada pemerintah. Peranan zakat amat penting dalam agihan pendapatan dan kekayaan. Melalui ijtihad, ulama' telah dapat mengembangkan konsep zakat dari segi jenis-jenisnya (lihat al-Mazini 1989) dan kaedah pelaksanaannya secara yang lebih bermanfaat dan berkesan. Zakat tidak menjadikan pengeluar jatuh papa, tetapi sebaliknya sedikit sebanyak memberi kesan positif terhadap kelakuan penerima dari semasa ke semasa.

Adanya zakat menjadikan seseorang itu tidak akan menyimpan hartanya secara beku kerana simpanan beku akan dikenakan zakat, sebanyak 2.5 peratus. Simpanan *wadi'ah* di bank bukan sahaja tidak

---

2 Saefuddin juga mengemukakan alat-alat kendalian yang lain dalam sistem ekonomi Islam, seperti zakat, penghapusan riba, jaminan sosial dan peranan negara.

dapat mengembangkan jumlahnya (kerana ribanya dilarang) tetapi juga boleh mengurangkannya akibat pengenaan zakat.

Adanya *riba* menyebabkan satu pihak (pemberi pinjam) terlepas daripada apa-apa risiko dengan meninggalkan pihak yang satu lagi (peminjam) menghadapi risiko bersendirian. Ini menyebabkan pemberi pinjam sentiasa berada dalam keadaan selamat dengan memperoleh keuntungan bunga yang terjamin tanpa apa-apa usaha terhadap wangnya. Keuntungan yang tidak mengambil kira kesukaran atau kerugian yang dihadapi oleh peminjam adalah satu penindasan.

Kadar bunga merupakan kadar yang telah ditetapkan terlebih awal, mengukur spekulasi dan bukan merupakan kos modal sebenar. Dalam ekonomi Islam, hanya kos sebenar, seperti yang ditentukan dalam kos pengeluaran dikira sebagai pampasan kepada susut nilai modal dan bukan untuk kos spekulasi (Choudhury 1986: 15). Oleh sebab itu, kadar keuntungan lebih tepat jika dibandingkan dengan kadar bunga dalam menilai kos modal, iaitu melalui mudarabah.

*Mudarabah* ialah bentuk perniagaan perkongsian antara pembiaya modal (wang) dengan usahawan, iaitu untung rugi perniagaan itu dikongsi bersama-sama. Dalam kes mudarabah (atau *qirad*), usahawan merupakan rakan kongsi dan bukan sebagai peminjam.

Tanpa bunga, kuasa beli wang akan digunakan sama ada untuk penggunaan atau pelaburan melalui konsep perkongsian untung mudarabah. Adanya mudarabah, kadar bunga digantikan dengan kadar untung. Kadar untung yang positif akan menghapuskan masalah permintaan spekulasi terhadap baki tunai, sebab permintaan *ex-ante* akan bertukar kepada permintaan sebenar bagi modal wang (Choudhury 1986: 16). Pertambahan peruntukan modal wang untuk pelaburan akan mengurangkan jumlah perbelanjaan penggunaan. Oleh itu, mudarabah dapat menghindarkan perbelanjaan penggunaan yang berlebihan, di samping secara automatik, membawa arah peruntukan modal wang yang dikehendaki antara penggunaan dengan pelaburan. Dalam ekonomi Islam, keputusan penggunaan dan pelaburan tidak terpisah, tidak seperti dalam ekonomi kapitalis.

Pulangan yang tinggi dalam pelaburan mudarabah akan meningkatkan kegiatan pelaburan, dan secara relatifnya akan mengurangkan perbelanjaan penggunaan. Ini secara automatik akan mengawal daripada berlakunya *pembaziran* dari segi perbelanjaan penggunaan. Peruntukan yang bertambahan terhadap pelaburan tidak bermakna tingkat perbelanjaan penggunaan minimum akan terjejas — khususnya keperluan asas dan keselesaan.

Keperluan hidup yang cukup akan terjamin dalam ekonomi Islam melalui zakat atau bentuk-bentuk cukai yang lain jika sumber zakat tidak mencukupi. Sementara *hutang* yang tidak terbayar dijamin oleh kerajaan. Mereka yang berhutang dan tidak mampu membayarnya boleh mendapat peruntukan daripada zakat, malah segala hutang ini akan ditanggung pembayarannya oleh baitulmal jika penghutang ini mati tanpa harta yang mencukupi untuk membayarnya.

Sistem *pewarisan* (faraid) dapat mengelakkan daripada penumpuan milikan harta, dan menyediakan bentuk agihan semula harta secara yang lebih adil.

*Kerjasama* adalah sifat ekonomi Islam dan bukannya persaingan bebas, seperti dalam sistem kapitalis atau kediktatoran, seperti dalam sistem komunis. Bantu-membantu menghasilkan kesejahteraan, keberkatan dan rahmat (al-Quran 9: 71), mencegah penindasan ekonomi dan agihan kekayaan yang tidak saksama (al-Quran 89: 17–20), dan melindungi kepentingan ekonomi bagi golongan yang lemah (al-Quran 4: 7–8). Kerjasama dalam ekonomi jelas kelihatan dalam bentuk mudarabah (qirad) dan musyarakah. Implikasi daripada kerjasama ialah musyawarat dalam segala keputusan yang melibatkan kepentingan umat (Saefuddin 1984: 31–33).

*Kerajaan* merupakan pengeluar, pengurus, perancang, pemilik, pengagih dan pengawal melalui institusi *al-hisba*. Kewujudannya bertujuan untuk memastikan keharmonian dan keadilan dalam ekonomi dan pasaran. Kerajaan juga berperanan memastikan perjalanan ekonomi negara dan rakyatnya adalah secara Islam. Lazimnya, peranan kerajaan ialah secara langsung dan tidak langsung. Peranan secara langsung boleh dilihat dari segi pemilikan, pelaksanaan, pengawalan, penguatkuasaan, perundangan, dan sebagainya, manakala peranan tidak langsung terdiri daripada galakan, kemudahan, nasihat, pengawasan dan lain-lain yang membantu perjalanan dan pencapaian kesejahteraan ekonomi rakyat.

## ANTARA PRINSIP DENGAN KAEDAH

Ekonomi Islam adalah ekonomi Ilahi dari segi asalnya, dan ijtihadi dari segi kendaliannya (al-Fanjari 1988: 46). Oleh yang demikian, itu menjadikannya sebagai ekonomi yang "tetap" dan "berubah" (berkembang). Oleh sebab kendalian (pelaksanaan)nya bergantung pada kesesuaian keadaan, maka wujud bermacam-macam bentuk kendaliannya lantaran kepelbagaian masyarakat. Namun begitu, kepelbagaian kaedah

pelaksanaan ini bukanlah dalam soal pokok atau prinsip, tetapi dalam soal cabang dan perinciannya kerana yang pokok memang sudah jelas tidak boleh berubah dan tidak berbeza antara zaman dan tempat.

Ulama' Islam mempunyai pandangan dan perincian yang berbeza dalam soal pelaksanaan prinsip. Perbezaan ini wujud kerana perbezaan pemahaman nas al-Quran dan al-Sunnah, suasana dan keperluan setempat. Perbezaan pendapat yang seperti inilah yang merupakan rahmat. Sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

> "Perbezaan pendapat ulama' umatku adalah rahmat".
>
> (Hadis Riwayat as-Suyuthi)

Sistem ekonomi Islam merangkumkan kedua-duanya: Prinsip dan kaedah. Prinsip yang dijelmakan dalam pelaksanaan itulah yang dinamakan sebagai sistem. Oleh sebab pemahaman manusia terhadap prinsip adalah berbeza atau kerana setengah-setengah manusia mengambil kaedah kendalian yang berbeza, maka muncullah berbagai-bagai sistem ekonomi Islam. Sistem boleh ditakrifkan sebagai satu set prinsip yang merupakan rangka kerja organisasi kegiatan ekonomi (Kahf 1989: 72). Kahf juga menegaskan bahawa terdapat tiga bahagian penting dalam satu-satu sistem ekonomi, iaitu falsafah, prinsip dan kendalian (Kahf 1989: 72).

Sistem ekonomi Islam yang mempunyai unsur tetap dan dinamik menjadikannya sentiasa "baru" serta "terkehadapan" dan mampu menangani segala masalah yang wujud pada bila-bila masa dan di mana-mana saja manusia hidup. Inilah keistimewaan sistem ekonomi Islam, bukan sahaja sesuai dilaksanakan dalam masyarakat Islam, malah sesuai untuk kesejahteraan seluruh umat manusia.

## ORGANISASI EKONOMI ISLAM

Daripada sumber syariat, perbahasan ekonomi Islam boleh dibahagikan kepada tiga kelompok perbincangan, iaitu *ekonomi kenegaraan* (*siasi*), *ekonomi kemasyarakatan* (*ijtima'iy*) dan *ekonomi perdagangan* (*tijari*) (Mahsin 1984: 9). Abdul Halim (1990: 14) pula menamakan kelompok ekonomi ini sebagai sektor, iaitu *sektor awam* (*siasi*), *sektor sosial* (*ijtima'iy*) dan *sektor swasta* (*tijari*).

## Sektor Ekonomi

*Ekonomi Kenegaraan (Siasi).* Membahaskan perkara-perkara yang berkaitan dengan pelaksanaan dasar ekonomi yang berlandaskan syarak, pengurusan harta milik negara, campur tangan kerajaan dalam ekonomi (Abdul Halim 1990: 14) dan sumber pendapatan negara (Mahsin 1984: 13). Entiti yang biasanya terlibat dalam kegiatan atau bahagian ini, ialah sektor awam. Kegiatannya meliputi:

(1) Soal mata wang.
(2) Hasil negara, iaitu alfai, ghanimah, jizyah, usyur, dan cukai-cukai yang lain.
(3) Harta pusaka.
(4) Tanah.
(5) Perlombongan/galian.

*Ekonomi Perdagangan (Tijari).* Bahagian ini membahaskan aspek keuntungan yang halal melalui kerja bagi setiap individu Muslim (Abdul Halim 1990: 15) serta melalui modal pusingan, pelaburan, perusahaan dan lain-lain lagi yang ada kaitan dengan perdagangan (Mahsin 1984: 11). Sektor yang terlibat dan bergiat dalam ekonomi perdagangan ini ialah sektor swasta, sama ada yang berbentuk orang perseorangan atau entiti sah. Selaras dengan kehendak syariat, konsep dan kegiatan yang terlibat dalam bahagian ini boleh dibahagikan kepada dua, akad perkongsian untung dan akad pertukaran (Abdul Halim 1990: 16). Akad perkongsian untung ialah mudarabah dan musyarakah. Akad pertukaran ialah jual-beli tunai, jualan dengan tambahan untung (murabahah), jualan harga tertangguh (bai bithaman ajil), jualan salam, jualan tempahan (al-istisnak), sewa (ijarah), gadai (al-rahn), jaminan (kafalah), wakil-mewakil (wakalah), pertukaran mata wang, dan jual janji (wafak).

*Ekonomi Kemasyarakatan (Ijtima'iy).* Bahagian ini membahaskan aspek kebajikan dan pembelaan nasib golongan tertentu, khususnya fakir miskin (Mahsin 1984: 10, Abdul Halim 1990: 16). Kedua-dua sektor, awam dan swasta boleh berperanan secara berganding bahu dalam bahagian ekonomi ini. Walau bagaimanapun, sektor awam mempunyai peranan yang lebih (Abdul Halim 1990: 17). Antara hukum-hukum ekonomi yang bersangkutan dalam bahagian ini ialah zakat, sedekah, derma, wakaf dan hutang kebajikan (qardh ul-hasan).

Dari sudut institusi, terdapat baitulmal, jabatan zakat, jabatan atau

kementerian wakaf, dan yayasan/badan amal.

## Pelaku Ekonomi

Daripada perbincangan tentang organisasi ekonomi Islam, kita telah didedahkan secara langsung atau tidak langsung dengan beberapa pelaku penting dalam sesebuah ekonomi dan peranan mereka dalam ekonomi serta serba sedikit melihat bahagian dan ruang kegiatan mereka dalam ekonomi.

Secara keseluruhannya, kegiatan ekonomi mengarah kepada pencapaian sesuatu matlamat yang dikehendaki oleh pelakunya. Walaupun matlamat zahir berbeza antara satu pelaku dengan pelaku yang lain, namun dasarnya adalah sama, iaitu kesejahteraan. Ada pelaku yang mementingkan kesejahteraan diri sendiri melalui pemaksimuman kepuasan dan pemaksimuman keuntungan, seperti pengguna atau pengeluar. Mereka akan bertindak mengikut kemampuan dan pertimbangan sendiri, asalkan kehendak mereka dapat dipenuhi. Sementara ada pelaku yang mementingkan kesejahteraan awam, misalnya kerajaan. Di samping terlibat dalam kegiatan ekonomi, kerajaan juga bertindak sebagai badan pengawal, penunjuk dan penggalak supaya kesejahteraan persendirian dan awam dapat berjalan secara harmoni.

Islam tidak menolak mekanisme pasaran, sebaliknya tidak pula menghalang wujudnya campur tangan pihak kerajaan dalam pasaran, asalkan bertujuan untuk maslahat awam.

Pemilik, pengguna, pengusaha, pengeluar, peniaga, buruh dan usahawan merupakan pelaku terpenting dalam kegiatan ekonomi. Beberapa bab yang berikut akan membincangkan bagaimana mekanisme pasaran dapat berjalan dalam keadaan wujudnya kawalan dalaman (iman dan Islam) dan zahir (kerajaan) bagi pelaku tersebut.

# BAB 5

## ANALISIS PENGGUNAAN DALAM ISLAM

Dalam hierarki barang dan perkhidmatan, kepenggunaan merupakan peringkat terakhir selepas proses pengeluaran dan pemasaran (pengagihan). Pengeluaran barang semata-mata untuk tujuan penggunaan. Tanpa penggunaan barang, tidak mungkin pengeluaran akan dilakukan. Walaupun begitu, bukan bererti pengguna mempunyai kuasa mutlak dalam menentukan barang yang akan dikeluarkan. Dalam ekonomi Islam, pengguna dan pengeluar mempunyai hubungan yang rapat antara satu sama lain, walaupun kedua-duanya mempunyai peranan yang berbeza dari segi kegiatan ekonomi. Perhubungan yang erat ini menunjukkan kefahaman tanggungjawab masing-masing terhadap Pencipta mereka. Tanggungjawab inilah menjadikan tindakan satu pihak akur dengan pihak yang satu lagi, tidak seperti dalam ekonomi lazim.

Pengguna ialah manusia yang mempunyai berbagai-bagai kehendak untuk dipenuhi supaya mereka mendapat kepuasan. Pengguna Islam ialah pengguna yang istimewa, berbeza daripada pengguna-pengguna lain dari segi kehendak, jenis dan kuantiti barang yang akan digunakan dan matlamat penggunaannya, sehingga penggunaannya memberi keberkatan hidup di dunia dan kesejahteraan di akhirat.

### PRINSIP KEPENGGUNAAN

Konsep harta sebagai amanah, ujian, alat dan pemilikannya yang tidak mutlak menjadikan manusia lebih berhati-hati dalam mencari dan mengguna harta kekayaan. Mereka akan lebih bersedia untuk mengaku batas-batas[1] yang wajar kepada kenikmatan dan penggunaan harta

1 Batas-batas ini bukanlah merupakan halangan kepada kelicinan kehidupan manusia,

tersebut dan juga mengakui hak Allah untuk melantik orang lain atau masyarakat sebagai penuntut yang sah terhadap sebahagian daripada harta itu (al-Quran 57: 7, dan 24: 33).

Dengan demikian, nyatalah bahawa apa yang dikatakan oleh Ahmad al-Naggar bahawa tiada satu pun yang digunakan oleh manusia (pengguna atau pengeluar) adalah percuma dari segi akhlak, walaupun percuma dari segi ekonomi (dipetik daripada Anas 1983: 19). Penggunaan tersebut adalah terikat, iaitu pembayarannya perlu dijelaskan dalam bentuk pematuhan "perintah" Allah dan Rasul-Nya, misalnya pembayaran zakat, meninggalkan riba, rasuah, dan sebagainya.

Kelakuan ekonomi manusia dalam rangka kerja Islam ditentukan oleh tiga prinsip umum, kepercayaan kepada hari akhirat, konsep kejayaan dan konsep kekayaan (Kahf 1981: 22).

*Kepercayaan* kepada adanya hari akhirat menjadikan perkiraan hidup orang Muslim lebih panjang, iaitu meliputi hidup sebelum dan selepas mati. Kelakuan individu Muslim akan diarahkan kepada penghasilan yang baik bagi kedua-dua kehidupan tersebut. Adanya pertimbangan akhirat ini menyebabkan pilihan penggunaan individu bertambah – kerana adanya perbelanjaan untuk akhirat. Pengguna bukan sahaja akan berbelanja untuk faedah yang segera, tetapi juga faedah yang tidak nampak, yang hanya akan dirasai di akhirat yang dalam rasional kapitalisme bernilai sifar atau negatif.

*Kejayaan* dalam Islam ialah apabila kita mendapat "keredaan Allah" bukannya dalam kekayaan. Segala-gala yang kita lakukan mestilah selaras dan tidak berlawanan dengan perkara yang telah Allah tentukan. Sumber, harta, tenaga dan masa mesti dapat digunakan untuk jalan-Nya bukan untuk kepentingan diri sendiri yang berpandukan nafsu.

*Kekayaan* atau harta dalam Islam merupakan amanah dan ujian Allah terhadap pemiliknya. Tidak pula bermakna harta itu merupakan lambang "kejahatan", kerana syurga bukan sahaja untuk orang miskin, tetapi juga untuk orang yang berharta (kaya). Harta mesti dapat dibelanjakan secara yang hak dan bukan secara boros, berlebihan, membazir atau ke jalan yang terlarang, secara kikir, disorok dan dibekukan.

Manusia mempunyai keperluan kebendaan dan kerohanian. Ke-

---

sebaliknya merupakan panduan dan bimbingan ke arah kesejahteraan dan keselamatan bukan sahaja kehidupan di akhirat, tetapi juga di dunia.

bahagiaan yang hakiki memerlukan kedua-dua aspek keperluan tersebut. Berasaskan hakikat inilah penggunaan sumber dan kekayaan yang ada di bumi ini perlu mempunyai ukuran yang tertentu supaya dapat mencapai matlamat tersebut. Manan (1980: 80–82), telah menggariskan beberapa panduan kepada prinsip penggunaan; kebenaran atau hak, kebersihan atau suci, kerohanian atau akhlak, kesederhanaan, dan kemanfaatan dan kemaslahatan.

## Kebenaran/Hak

Prinsip ini hanya membenarkan manusia menggunakan perkara-perkara yang mendapat keizinan daripada Allah – baik dari segi ain (zat), cara atau tujuan penggunaan tersebut. Islam membenarkan benda-benda yang halal, cara yang halal dan tujuan yang hak terhadap penggunaan tersebut. Arak, babi, barang curi, barang yang diperoleh secara penipuan dan penindasan adalah tertegah dalam Islam. Begitu juga barang halal akan menjadi haram apabila tujuan penggunaannya bukan kerana Allah, seperti penyembelihan yang bertujuan untuk penyembahan dewa, jin, syaitan, dan sebagainya. Maka arah penggunaan barang tersebut bukan pada dasar yang hak. Tujuan yang benar atau hak hanyalah kepada Allah.

## Kebersihan/Suci

Barang yang akan digunakan mestilah bersih, suci, baik, berguna dan sesuai untuk dimakan (jika barang makanan). Barang yang haram, kotor, bercampur najis, buruk atau busuk ataupun basi adalah barang yang mudarat dan tidak boleh diguna atau dimakan. Begitu juga persediaan barang atau makanan, seperti bekas atau tangan yang digunakan untuk makan mestilah bersih dan suci daripada sebarang kekotoran atau najis. Malah, lebih jauh daripada itu keburukan barang atau bekas barang dan makanan juga dilihat kesannya terhadap hati. Islam mengharamkan barang emas dan sutera bagi orang lelaki, seperti yang dimaksudkan dalam hadis:

> "Kedua-dua ini (iaitu sutera dan emas) haram buat orang laki-laki daripada umatku".
>
> (Hadis Riwayat Ahmad dan Abu Daud)

Begitu juga Rasulullah memberi amaran yang keras kepada sesiapa yang menggunakan bekas emas atau perak untuk makanan, seperti

sabdanya yang bermaksud:

> "Sesungguhnya orang yang makan dan minum dengan bejana (bekas) emas dan perak, maka akan gemercik suara api neraka dalam perutnya".
>
> (Hadis Riwayat Muslim)

## Kesederhanaan

Islam menganjurkan penggunaan setakat yang minimum supaya dapat mengawal dan menahan kehendak nafsu dan tidak berlebih-lebih (al-Quran 25: 67, 7: 31, 2: 219). Rasulullah bersabda yang maksudnya;

> "Tiada satu pun daripada harta benda kamu (harta dan pendapatan) menjadi kepunyaan kamu, kecuali apa yang kamu makan dan gunakan, apa yang kamu gunakan untuk pakai dan apa yang kamu belanjakan untuk sedekah, pembalasannya akan disediakan untuk kamu".
>
> (Hadis Riwayat Muslim dan Ahmad)

Penggunaan berlebihan merupakan amalan yang dikeji, dan perbuatan ini dianggap *israf* (boros) dan *tabthir*.[2] Islam menganjurkan penggunaan dan perbelanjaan yang sederhana dan seimbang — yang terletak antara keborosan dengan kekikiran (al-Quran 25: 67).

Pertambahan pengeluaran dan pendapatan tidak seharusnya digunakan untuk meningkatkan penggunaan. Lebihan pendapatan selepas memenuhi keperluan minimum perlu dibelanjakan untuk *infak fisabilil-Lah*, sama ada secara langsung atau secara tertangguh,[3] bagi membantu keluarga, jiran, orang miskin, anak yatim, musafir dan orang dalam kesusahan yang memerlukan pertolongan (al-Quran 17: 26, 2: 273, 70: 24–25, 9: 60). Rasulullah juga pernah bersabda yang bermaksud:

> "Barang siapa melepaskan seseorang yang miskin daripada sesuatu kesusahan dunia, nescaya Allah akan melepaskan dia daripada

---

2 Israf merupakan perbelanjaan secara berlebihan terhadap perkara-perkara yang halal, manakala tabthir ialah perbelanjaan yang salah atau yang haram atau perbelanjaan yang membazir (lihat Kahf 1978: 24–25).

3 Perbelanjaan tertangguh adalah seperti pelaburan bagi menolong golongan yang memerlukannya secara berterusan.

> kesusahan akhirat, dan barang siapa memberikan kelonggaran kepada seorang yang susah, nescaya Allah memberikan kelonggaran baginya di dunia dan di akhirat ...."
>
> (Hadis Riwayat Muslim)

Anjuran tingkat penggunaan yang minimum mempunyai beberapa hikmatnya:

(1) Berlebihan di dunia akan hanya melalaikan. Kekenyangan akan menjadikan banyak tidur, malas dan lemah fikiran.
(2) Bagi tujuan maslahat generasi akan datang yang perlu dijamin ketahanan hidup (survival) dan penghidupan mereka.
(3) Bagi merendahkan pusing gantian barang tahan lama, yang dengannya persaingan bagi bahan mentah berada pada tingkat yang rendah dan harga juga rendah.

## Kemanfaatan dan Kemaslahatan

Segala anugerah Allah yang halal tidak salah untuk digunakan selagi anugerah itu boleh memberikan manfaat dalam bentuk ketahanan hidup, pemulihan dan pembentukan kesihatan, serta kesempurnaan dalam usaha mengabdikan diri (ibadat) kepada Allah. Malah dalam keadaan darurat (nyawa terancam), barang yang haram pun dibolehkan, asal tidak keterlaluan (al-Quran 2: 173).

## Kerohanian dan Akhlak

Kepenggunaan mesti dapat memenuhi etika, adat kesopanan dan kelakuan yang terpuji dengan mengetepikan sifat-sifat cela. Sifat syukur, zikir, fikir dan sabar perlu ada pada masa penggunaan. Bersyukur dengan anugerahan yang ada, sambil memikirkan nasib mereka yang tidak mendapat mengecap nikmat ini. Ingat kepada Allah yang memberikan kita kehidupan dengan melakukan sesuatu perbuatan dengan kalimah Bismillah. Umat Islam perlu bersabar dengan nikmat dan ujian Allah, dan tidak gelojoh apabila menggunakan nikmat yang ada. Kepenggunaan mesti dapat meningkatkan nilai kerohanian dan akhlak.

Batas-batas Allah dalam penggunaan seharusnya juga difahami sebagai tarbiyah ketahanan kerohanian. Menahan lapar terhadap perkara-perkara yang halal, seperti makan dan minum dan berseronok-

seronok antara suami isteri dalam bulan Ramadan sebenarnya latihan ke arah pembentukan kerohanian dan akhlak manusia Muslim.

## KONSEP BARANG

Konsep barang berkait dengan kehendak. Dalam ekonomi neo-klasik, kehendak manusia hanyalah bersangkutan dengan barang ekonomi semata-mata, iaitu yang melibatkan kos dan harga. Terdapat berbagai-bagai kehendak manusia, di samping kehendak kebendaan, terdapat kehendak bukan kebendaan yang berbentuk kerohanian, seperti kebebasan, keadilan, ketenangan, keharmonian dan sebagainya.

Konsep barang dalam Islam memasukkan kedua-dua kehendak ini, tidak memisahkan kedua-dua keperluan tersebut, iaitu antara kebendaan dengan kerohanian. Dengan perkataan lain, kedua-duanya sentiasa berada dalam keadaan keseimbangan. Islam mengharmonikan kedua-dua kehendak itu — tidak berkonflik, seperti dalam ekonomi lazim. Malah menjadikan kehendak kebendaan sebagai alat untuk mencapai kehendak kerohanian yang lebih abadi kesan dan kepuasannya.

Daripada perbincangan di atas, dapat dirumuskan bahawa terdapat dua komponen barang yang penting dalam Islam, iaitu barang kebendaan dan barang kerohanian. Pilihan individu Muslim ialah ke arah keseimbangan antara kedua-dua barang tersebut. Sebagai pengguna Islam yang akur kepada ketetapan syariatnya tentulah mereka mempunyai ukuran yang tersendiri terhadap barang kebendaan, sehingga tidak semua barang kebendaan dianggap sebagai "barang". Hanya barang yang boleh guna, berfaedah, yang penggunaannya membawa kepada kebaikan kebendaan, akhlak dan kerohanian (dan tidak terlarang) kepada pengguna sahaja yang dianggap sebagai "barang" dalam Islam (Kahf 1982: 29). Barang-barang yang lain bukanlah barang atau harta bagi orang Islam.

## KEUTAMAAN PENGGUNAAN

Kebanyakan penulis, khususnya penulis ekonomi Islam (umpamanya, Mannan 1980: 82–85, Muslehuddin 1980: 58–59) membahagikan keutamaan penggunaan kepada tiga, iaitu barang keperluan asas, barang keselesaan, dan barang mewah. Afzal-Ur-Rahman pula (1975: 18–30) membahagikannya kepada empat, iaitu barang keperluan asas, barang keperluan kecekapan, barang keselesaan, dan barang mewah. Walau bagaimanapun, untuk lebih khusus, pembahagian ini boleh dikem-

bangkan menjadi enam keutamaan, lima daripadanya telah dikemukakan oleh Sadeq (1987: 37) – iaitu barang keperluan hidup, barang keperluan asas, barang keselesaan, barang mewah, dan barang membahaya/merosakkan. Di sini boleh ditambahkan satu lagi barang yang telah juga dibincangkan oleh Afzal-Ur-Rahman, iaitu barang keperluan kecekapan. Keutamaan barang ini seharusnya terletak antara barang keperluan asas dengan barang keselesaan.

## Barang Keperluan Hidup

Hal ini merujuk kepada barang yang tanpanya seseorang itu akan mati. Misalnya, makanan bagi orang yang dilanda kebuluran, rumah dan pakaian bagi orang yang sedang dalam kedinginan. Dalam keadaan darurat, barang yang haram, seperti babi dan arak pun boleh digunakan. Maksud firman Allah:

> "Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan bagimu bangkai, darah, daging babi dan binatang yang (di ketika disembelih) disebut (nama) selain Allah. Tetapi barang siapa dalam keadaan terpaksa (darurat), sedang ia tidak menginginkannya dan tidak (pula) melampaui batas maka tidak ada dosa baginya ...."
>
> (al-Quran 2: 173)

## Barang Keperluan Asas

Barang ini merujuk kepada barang atau perkhidmatan yang tanpanya seseorang itu akan hidup susah, tetapi tidak membawa kepada kematian yang segera. Misalnya, rumah, pakaian dan kemudahan kesihatan. Barangkali keperluan ini boleh dijadikan asas kepada penentuan garis kemiskinan.

## Barang Keperluan Kecekapan

Barang yang diperlukan untuk kecekapan pekerjaan, seperti keperluan makanan yang seimbang bagi buruh, iaitu yang mengandungi daging, susu dan sayuran serta tidur yang cukup, tilam dan kasut yang sesuai – menjadikan pergerakan mereka selesa semasa bekerja merupakan barang keperluan kecekapan. Barang ini menjadikan setiap manusia segak, cergas, kuat dan cekap.

### Barang Keselesaan

Barang yang menjadikan hidup seseorang itu lebih selesa, sempurna. Walau bagaimanapun, tanpanya hidup seseorang tidak akan menjadi susah. Misalnya, pakaian dan rumah yang cantik serta kemas dan perkakas dapur yang lengkap.

### Barang Mewah

Barang yang tidak diperlukan untuk keselesaan, tetapi sebaliknya untuk kemewahan dan gaya hidup moden, dan kebiasaannya untuk prestij, bermegah-megah dan berbangga-bangga. Oleh sebab menunjuk-nunjuk dan bermegah-megah adalah riak dan diharamkan dalam Islam, maka penggunaannya bagi tujuan ini adalah terlarang dalam segala keadaan. Tetapi, kalau penggunaannya kerana untuk kepuasan sendiri atau kerana mengikuti gaya hidup yang moden, maka penggunaannya dibolehkan dalam setengah-setengah keadaan.

### Barang Membahaya atau yang Merosakkan

Setiap barang yang boleh membawa mudarat, sama ada kepada penggunanya atau masyarakatnya adalah dilarang. Misalnya, arak boleh merosakkan fikiran peminumnya dan mengganggu masyarakat dari segi jenayah akibat hilangnya kewarasan. Begitu juga dengan pelacuran, babi, dan sebagainya, semuanya haram. Barang ini tidak boleh dimiliki dan diniagakan oleh orang Islam dalam ekonomi Islam kerana bukan dianggap sebagai "barang" dalam Islam. Seperti yang ditegaskan oleh Kahf (1982: 29) barang pengguna ialah barang yang boleh digunakan, yang memberi faedah dan penggunaannya membawa kebaikan kebendaan, moral, kerohanian kepada pengguna.

## PEMBENTUKAN CORAK PERMINTAAN PENGGUNA

Penggunaan barang kebendaan dan seterusnya kepuasannya tidak menjadi matlamat akhir bagi pengguna. Penggunaan tersebut hanya menjadi alat atau asas kepada pencapaian kepuasan yang hakiki di akhirat.

"Kepuasan" dalam Islam tidak harus dipandang dari segi kebendaan (ekonomi), tetapi perlu juga dinilai dari segi kerohanian. Mana-mana kepuasan ekonomi yang berlawanan kepentingannya dengan nilai

Islam, maka kepuasan ini perlu dilepaskan. Oleh itu, pengguna yang rasional dalam Islam ialah pengguna yang dapat memandu tingkah lakunya supaya dapat mencapai "kesesuaian maksimum" dengan norma-norma Islam (Siddiqui 1979: 90). Norma-norma Islam akan membentuk kelakuan pengguna dan seterusnya corak permintaan dalam ekonomi (Siddiqui 1979: 91–99).

Sebahagian barang penggunaan akan terkeluar daripada jadual permintaan pengguna — iaitu barang yang terlarang. Permintaan terhadap barang ini adalah sifar. Emas dan sutera tidak ada dalam jadual permintaan bagi orang laki-laki. Akhirnya jumlah permintaan keseluruhannya akan jatuh.

Penggunaan barang mewah mengikut nafsu juga dilarang. Penggunaannya juga perlu mengambil kira keadaan negara. Jika taraf hidup rakyat rendah, maka menggunakan barang mewah adalah tercela. Jika taraf hidup rakyat tinggi, maka penggunaannya memadai. Walau bagaimanapun, barang mewah yang tidak menyumbang kepada kecekapan atau kesejahteraan ataupun kebajikan tidak digalakkan dalam segala keadaan (Siddiqui 1979: 92). Penggunaan barang yang bertujuan untuk bermegah-megah, menunjuk-nunjuk dan mencari nama dikutuk oleh Islam kerana merupakan cara hidup syaitan (Siddiqui 1979: 16). Oleh itu, permintaan keseluruhan terhadap barang mewah adalah rendah dalam Islam, malah setengah-setengah barang mewah atau dalam keadaan tertentu barang tersebut tidak ada dalam jadual permintaan pengguna. Ini lebih bermakna bagi negara membangun yang memerlukan pengorbanan penggunaan bagi tujuan pembangunan.

Barang keperluan hidup, keperluan asas dan barang keperluan kecekapan tidak akan berkurangan dalam negara Islam. Fungsi zakat, wakaf, ushur dan institusi-institusi lain di samping matlamat negara Islam mahu menyediakan keperluan kehidupan kepada rakyatnya (sebagai amanah Allah), maka keadaan ini akan berubah, yakni penawarannya tetap wujud dan permintaan yang sentiasa dapat dilayani. Sementara bagi setengah-setengah barang selesa, permintaannya akan meningkat, tetapi peningkatannya tidak setinggi seperti di negara-negara bukan Islam.

Permintaan terhadap kehendak budaya, seperti kehendak pendidikan dan kehendak masa lapang bagi tujuan bukan ekonomi, seperti perhubungan sosial, kebajikan, peningkatan kerohanian dan untuk jalan Allah akan memberi kesan terhadap kelakuan pengguna.

Individu tidak akan terlalu tertumpu kepada kegiatan yang bercorak keuntungan. Ini menjadikan permintaan terhadap kehendak budaya

yang bercorak amal kebajikan akan meningkat. Ini bermakna juga penawaran tenaga buruh akan berkurangan, dan kekosongan ini dapat diisi oleh tenaga buruh lain sebagai cara untuk mengurangkan pengangguran.

Ekonomi Barat yang menitikberatkan kerja ekonomi akan menjadikan manusia sebagai "mesin pengeluaran". Sebaliknya, Islam membawa keseimbangan antara kepentingan kehidupan ekonomi dengan bukan ekonomi.

Di samping kepentingan persendirian, individu perlu juga berkorban untuk masyarakat – dari segi harta, tenaga dan masa. Kesannya, corak permintaan individu tersebut akan berubah akibat berlakunya perubahan peruntukan harta, tenaga dan masa untuk perkara-perkara yang bukan ekonomi. Ini juga akan mengubah corak permintaan terhadap penerima faedah daripada sumbangan-sumbangan sosial tersebut.

Di samping itu, dijangkakan bahawa setiap individu akan bekerjasama dengan perkara yang didatangkan dari negara (pemerintah) Islam. Ini akan mewujudkan keharmonian antara individu, masyarakat dan negara yang sentiasa terjamin dan dirahmati Allah.

## ANALISIS PERMINTAAN PENGGUNA

Tidak seperti dalam teori kelakuan pengguna neoklasik yang dikekangi oleh pendapatan wang, pengguna Islam tidak dikekangi oleh apa-apa faktor dalam memaksimumkan pahala. Perolehan pahala tidak bergantung pada jumlah harta modal yang dimiliki. Sebaliknya, bergantung pada kesanggupan untuk melakukan seberapa banyak amalan baik (wajib/sunat) dan meninggalkan yang haram dan makruh, di samping beberapa syarat utama yang perlu ada pada pengguna, iaitu:

(1) Aqidahnya betul.
(2) Niatnya kerana Allah.
(3) Jenis penggunaan yang halal dan mengikut keutamaan kepentingan dan keperluan — barang keperluan hidup, keselesaan dan barang mewah, dan mempunyai natijah yang baik.
(4) Cara penggunaan yang betul: sederhana, tidak membazir atau kikir.
(5) Tidak meninggalkan ibadat wajib.

Penggunaan semestinyalah dijadikan alat untuk penyempurnaan pengabdian diri kepada Allah. Setiap penggunaan yang diniatkan kerana Allah akan diberi nilai pahala. Pengguna yang mampu, tetapi

kikir sehingga keperluan hidupnya tidak dipenuhi atau membelanjakan secara membazir atau penggunaan barang mewah secara riak akan dibalas dengan dosa. Bahkan pengenaan jumlah zakat yang kecil tidak menjejaskan keupayaan pengguna untuk menggunakan barang mewah. Pergerakan perbelanjaan pengguna adalah berada pada titik antara $C_1$ dan $C_3$ (Rajah 5.1).

(*Sumber*: Diubah suai daripada Anas Zarqa (t.t: 32b))

**Rajah 5.1** Hubungan antara harga akhirat dengan hierarki barang

Penggunaan barang $C_1$ dan $C_2$ yang disertai dengan niat, akan

diberi pahala $P_1$ dan $P_2$ (yang jumlahnya $OP$). Sementara penggunaan yang tidak berniat, tidak mendapat apa-apa pahala, iaitu pahalanya sifar. Bagi pengguna yang mampu, faktor ketaqwaan menjadi pengukur kepada kelakuan kepenggunaannya. Ini disebabkan ketaqwaan, pengguna tidak akan melewati tingkat $C_3$, sebaliknya ia akan membelanjakannya ke jalan Allah. Balas imbal antara penggunaan dan pengorbanan ini ditunjukkan oleh keluk $T_1$ $T_1$ dan $T_2$ $T_2$. Pada keluk $T_2$ $T_2$ misalnya, apabila penggunaan dilihat pada $C_x$, maka pahala yang diterima oleh pengguna ialah $OP$. Sebaliknya, jika pengguna tersebut mengurangkan penggunaan dari $C_x$ ke $C_n$ dan menambahkan perbelanjaannya ke jalan Allah, maka pahala yang akan diterima ialah sebanyak $ON$.

Bagi pengguna yang mampu, tetapi sengaja menyusahkan diri dengan tidak mahu memenuhi keperluan hidupnya kerana terlalu kedekut atau kerana malas mencari keperluan hidup, maka ia akan mendapat ancaman dosa. Perbuatan yang berdosa ini ditunjukkan oleh keluk $C_2$ $D_1$, iaitu semakin kedekut, semakin susah dan menyusahkan, maka semakin besar dosanya.

Begitu juga bagi pengguna yang berbelanja berlebihan, ia akan diancam dosa dan perbuatan membazir ini disamakan tarafnya dengan sahabat syaitan (al-Quran 17: 27). Keluk dosa bagi perbuatan ini ialah pada $C_3$ $D_3$.

Bagi barang mewah, walaupun asasnya dibenarkan, namun dalam keadaan taraf hidup rakyat yang rendah, maka penggunaannya adalah tercela (Siddiqui 1979: 92) atau lebih tepat membazir (lihat keluk $C_n$ $D_4$ dan $C_x$ $D_4$). Bahkan penggunaannya menjadi dosa besar jika niatnya untuk tujuan prestij, bermegah-megah dan menunjuk-nunjuk (riak). Oleh sebab riak adalah perbuatan syirik, maka dijangkakan dosanya lebih besar daripada membazir dan kedekut. Perbuatan berdosa ini ditunjukkan oleh keluk $C_2$ $D_2$.

Kesimpulannya, bagi pengguna Islam, kegiatan penggunaannya akan sentiasa berada pada tingkat pahala dan akan menghindarkan penggunaan yang boleh membawa kepada dosa. Itulah penggunaan bagi pengguna yang rasional.

## PERUNTUKAN PERBELANJAAN DUNIA-AKHIRAT

Manusia kebendaan akan hanya menumpukan penggunaan pendapatannya demi memuaskan nafsu dalam bentuk penggunaan barang dan perkhidmatan. Tumpuan manusia yang beriman ialah terhadap perbelanjaan "infak fisabililLah" dan pengisian kebendaan adalah setakat

keperluan dan ketahanan hidup. Sementara dari satu segi yang lain hanya sebagai alat ke arah mencapai kepuasan yang hakiki di akhirat.

Kehendak nafsu mendorong seseorang itu berbelanja melebihi pendapatannya. Begitu juga dengan dorongan keimanan dan ketaqwaan seseorang sanggup mengorbankan segala pendapatan dan hartanya untuk jalan Allah. Misalnya, Sayyidina Abu Bakar pernah membelanjakan seluruh hartanya untuk agama Allah dalam Perang Tabuk sehingga tiada yang tinggal, baik untuk dirinya mahupun untuk keluarganya. Sementara Sayyidina Umar al-Khattab mengorbankan separuh hartanya bagi tujuan yang sama.

Pengaruh etika, norma dan perundangan yang berasaskan penghayatan falsafah ketauhidan kepada Allah akan mencorakkan segala bentuk kegiatan ekonomi, termasuk kepenggunaan. Dalam keadaan seperti ini, pengguna Islam dijangka akan berbelanja bagi tujuan kebajikan diri sendiri (termasuk keluarga), $B_1$ dan kebajikan masyarakat seluruhnya, $B_2$ (Khan 1984: 3).

Pengguna bertanggungjawab pertamanya kepada keperluan diri dan tanggungggannya. Usaha memenuhi keperluan ini dianggap sebagai sedekah dan berada di jalan Allah. Tanggungjawab pengguna kepada masyarakat ($B_2$) adalah berdasarkan kemanusiaan dan persaudaraan seagama. Semakin tinggi pendapatan dan hartanya, maka semakin tinggi pula sumbangan dan manfaatnya kepada masyarakat, khususnya sumbangan wajib dalam bentuk zakat. Sementara sumbangan lain, seperti sedekah, derma, wakaf, wasiat, dan sebagainya walaupun sunat, namun juga dijangka akan meningkat sejajar dengan peningkatan perolehannya.

Islam menyatakan "lebih banyak seseorang berbelanja untuk jalan Allah, maka lebih baik dan banyak manfaat baginya di dunia dan di akhirat." Manfaat dunia mungkin boleh dilihat dari segi keberkatan kehidupan, perpaduan dan kasih sayang, manakala manfaat akhirat ialah dalam bentuk balasan pahala dan syurga daripada Allah.

Secara umumnya, perbelanjaan untuk keperluan diri ($B_1$) lebih bersifat keperluan dunia,[4] manakala perbelanjaan $B_2$ bukan bersifat keduniaan yang pemberi peroleh, sebaliknya lebih bersifat faedah keakhiratan. Perbelanjaan $B_2$ had minimumnya ialah jumlah zakat[5] yang

---

4 Khan (1984: 6) juga menghujahkan bahawa segala unsur tabungan dan pelaburan bagi penggunaan masa depan terangkum dalam komponen $B_1$ ini. Sementara pelaburan yang bertujuan untuk kepentingan sosial terangkum dalam komponen $B_2$.

5 Kewajipan perbelanjaan zakat ialah apabila seseorang itu telah memenuhi syarat nisab.

merupakan satu kewajipan, mesti dikeluarkan demi keperluan masyarakat. Oleh itu, had minimum perbelanjaan individu terhadap masyarakat ialah jumlah zakat ini. Sumbangan yang melebihi dari had ini adalah satu kebaikan, umpamanya sedekah. Pemilik harta tidak boleh menggunakan bahagian zakat ini bagi keperluan diri, sebaliknya wajib dibelanjakan kepada golongan tertentu yang telah ditetapkan oleh syarak. Baki harta setelah zakat ialah jumlah maksimum yang seseorang (pemilik) itu halal membelanjakan bagi keperluan diri dan tanggungannya. Walau bagaimanapun, orang yang bertaqwa tidak akan menghabiskan semua had maksimum ini bagi keperluan diri, sebaliknya membelanjakan pula sebahagiannya demi keperluan masyarakat juga.

Peruntukan perbelanjaan antara $B_1$ dengan $B_2$ adalah terletak pada kelakuan dan kerasionalan pengguna yang pula dipengaruhi oleh tingkat ketaqwaannya kepada Allah (Khan 1984: 8).

Kalau fungsi utiliti pengguna ialah

$$U = f(B_1, B_2), \text{ dan}$$

$$Y = B_1 + B_2, \text{ dengan } Y = \text{pendapatan},$$

maka utiliti sut bagi $B_1$ dan $B_2$ ialah

$$f_1 = \partial U/\partial B_1 \quad > \quad 0$$

$$f_2 = \partial U/\partial B_2 \quad > \quad 0$$

yang menunjukkan utiliti sutnya positif apabila bertambahnya penggunaan barang tersebut ($B_1$ dan $B_2$). Seperti penggunaan barang-barang yang lain, di samping positif, utiliti sut $B_1$ juga akan mengalami kekurangan apabila penggunaannya terus ditambah, iaitu $f_{11} = \partial f/dB_1 < 0$. Tetapi, agak sukar untuk mengatakan utiliti sut $B_2$ akan berkurangan dengan bertambahnya pengorbanan di jalan Allah. Ini kerana semakin pengguna berjihad hartanya di jalan Allah, maka semakin ia bertambah puas, reda dan dekat dengan Allah. Setiap sen yang dibelanjakan akan menambah kepuasan keimanan dan ketenangan. Oleh itu, Khan seterusnya menekankan bahawa utiliti sut bagi $B_2$ adalah positif dan "malar",[6] iaitu $f_2 = \partial U/\partial B_2\ a > 0$. Semakin tinggi tingkat ketaqwaan pengguna,

6 Anas Zarqa menekankan bahawa utiliti sut bagi $B_2$ positif dan mempunyai sifat berkurangan seperti juga sifat $B_1$. Ini bertujuan membolehkan keluk puas sama berbentuk kembung (lihat Khan 1984: 9).

maka semakin tinggi nilai pada $a$, dan semakin banyak pula pendapatannya dibelanjakan[7] terhadap $B_2$, iaitu;

$\partial B_2/\partial a > 0$ , dan
$\partial B_2/\partial Y > 0$

Dijangkakan bahawa perkara yang pasti dilakukan oleh setiap pengguna Islam ialah:

$B_2 = f(a,Y) > 0$, apabila $Y > Y^*$

(dengan $Y^*$ ialah tingkat nisab zakat)

Tetapi, oleh sebab malar $a$ merupakan penentu terpenting pembelanjaan terhadap $B_2$, maka dalam keadaan tertentu, walaupun $Y$ tidak mencapai syarat nisab ($Y < Y^*$), namun $B_2$ masih tetap positif dan tidak menjadi kesalahan seandainya berlaku keadaan tersebut, iaitu

$B_2 = f(a, Y) > 0$, walaupun $Y < Y^*$

**Rajah 5.2** Perbelanjaan terhadap $B_1$dan $B_2$

7 Di samping membataskan kuantiti sesuatu jenis barang yang digunakan, pengguna Islam juga tidak berminat untuk mengembangkan penggunaan terhadap barang-barang yang lain kerana dengan yang demikian bermakna juga kuantiti barang keseluruhan akan menjadi tidak terbatas, cuma yang mungkin berlaku ialah penggantian jenis barang.

Peruntukan wajib perbelanjaan $B_1$ dan $B_2$ telah ditentukan bagi individu Islam kerana kewajipan pengeluaran zakat. Dengan kadar zakat sebanyak 2.5 peratus, pengguna akan berada pada keadaan seimbang, misalnya pada titik *Z*, (Rajah 5.2) dan bagi orang yang lebih bertaqwa, peruntukan perbelanjaannya akan berada pada titik ke kiri dari *Z*, misalnya pada *Y*. Bagi orang yang kurang bertaqwa, peruntukan perbelanjaannya akan berada ke kanan dari titik *Z*, yang menandakan perbelanjaannya ditumpukan kepada keperluan keduniaan.

## PERUNTUKAN PERBELANJAAN AKHIR, TABUNGAN DAN PELABURAN

Penggunaan akhir dalam Islam meliputi perbelanjaan terhadap barang dan perkhidmatan, dan perbelanjaan untuk jalan Allah. Namun begitu, Kahf (1981: 24) tidak memasukkan perbelanjaan pelaburan sebagai penggunaan akhir. Begitu juga tabungan kerana kedua-duanya dapat meninggalkan kesan terhadap tingkat kekayaan pada masa depan. Seterusnya, dalam analisis tentang keputusan peruntukan pendapatan, Kahf tidak memisahkan antara perbelanjaan barang dan perkhidmatan dengan perbelanjaan untuk jalan Allah, malahan kedua-duanya disatukan sebagai perbelanjaan akhir.

### Peruntukan Perbelanjaan Akhir dan Tabungan

Semakin tinggi tingkat kecenderungan untuk berbelanja, maka semakin kurang baki untuk ditabung. Seperti yang dilakukan oleh Sayyidina Abu Bakar apabila seluruh hartanya pada satu masa telah dibelanjakan untuk jalan Allah, sehingga tidak ada baki tabungan.

Dalam ekonomi yang tiada riba (kadar bunga sifar), maka kecerunan garis belanjawan adalah bernilai mutlak 1, iaitu ditunjukkan oleh garisan *YY*. Pada kadar bunga yang positif, garis belanjawan menjadi lebih cerun, iaitu *YY'* (lihat Rajah 5.3). Perbelanjaan akhir dalam ekonomi yang ada kadar bunga akan berada pada tingkat *C'*. Oleh sebab riba ditiadakan dalam ekonomi Islam, maka bukan sahaja pengguna tidak mendapat faedah bunga daripada tabungannya, tetapi sebaliknya ia dikenakan zakat tabungan sebanyak 2.5 peratus. Pengenaan kadar zakat sebanyak 2.5 peratus ini akan menurunkan kecerunan garis belanjawan ke-*YY"* dan ini akan membawa kepada pertambahan perbelanjaan akhir ke-*C"*.

(*Sumber*: Kahf (1981: Rajah 3a, hlm. 28))

**Rajah 5.3** Peruntukan tabungan dan perbelanjaan akhir

## Peruntukan Pelaburan dan Perbelanjaan Akhir

Setiap pengguna ingin hidup pada masa depan dalam keadaan yang lebih baik. Oleh sebab itu, pengguna akan memperuntukkan sebahagian harta (dan wang)nya untuk ditabung dan dilabur. Walau bagaimanapun, tabungan tidak dapat memberikan kepuasan yang segera. Tabungan yang tidak disertai dengan keputusan untuk melabur akan menjadikan pengguna berada pada tingkat keluk puas sama yang rendah (Kahf 1981: 31), iaitu pada keluk *KPS* (lihat semula Rajah 5.3 yang juga boleh digunakan bagi menerangkan keadaan ini).

Kecerunan garis *Y* (belanjawan) ditentukan oleh kadar penggunaan tabungan, *V*, kadar pulangan projek, *R*, kadar keuntungan pelaburan, *Q*,

dan kadar zakat, *Z*. Kecerunan garis *Y* akan mendatar jika tabungan kurang digunakan untuk pelaburan. Pada tingkat tabungan sifar, $S = 0$, perbelanjaan akhir semasa berada pada titik *Y*. Pada tabungan adalah satu, $S = 1$, dengan pelaburan sifar, $V = 0$, kecerunan garis belanjawan pengguna berada pada *YY*. Keseimbangan pengguna akan berada pada tingkat *KPS* yang terendah, iaitu *KPS*. Dengan $V = 1$,. iaitu apabila tabungan segera digunakan untuk pelaburan, maka kadar keuntungan pelaburan dan kadar pulangan projek akan menentukan peningkatan tingkat kepuasan pengguna (Kahf 1981: 32).

# BAB 6

## ANALISIS PENGELUARAN DALAM ISLAM

Allah mencipta sesuatu itu tidak percuma dan sia-sia, tetapi ada tujuannya. Tujuan itu adalah untuk keperluan manusia. Maksud firman Allah:

> "Allah yang menciptakan langit dan bumi dan menurunkan hujan dari langit, kemudian Dia mengeluarkan dengan air hujan itu berbagai-bagai buah-buahan menjadi rezeki untukmu; dan Dia telah menundukkan bahtera bagimu supaya bahtera itu belayar di lautan dengan kehendak-Nya, dan Dia telah menundukkan (pula) bagimu sungai-sungai".
>
> (al-Quran 14: 32)

> "Dan Dia telah menundukkan (pula) bagimu matahari yang terus-menerus beredar (dalam orbitnya); dan telah menundukkan bagimu malam dan siang".
>
> (al-Quran 14: 33)

> "Dialah Allah yang menjadikan segala yang ada di bumi untuk kamu ...."
>
> (al-Quran 2: 29)

Begitu seterusnya penciptaan makhluk yang dinamakan manusia juga mempunyai tujuan yang tersendiri; firman Allah yang bermaksud:

> "Tidak Aku jadikan jin dan manusia itu kecuali untuk mengabdikan diri (menyembah) kepada Ku ...."
>
> (al-Quran 51: 56)

Oleh itu, manusia Islam bertanggungjawab membuktikan bahawa setiap yang wujud di alam ini ada kegunaannya. Hanya dengan usaha dan dilaksanakan secara yang diredai Allah sahaja akan menghasilkan manfaat dan keberkatan yang hakiki. Usaha yang sedemikian terangkum dalam istilah "pengabdian" dalam firman di atas.

## OBJEKTIF PENGELUARAN

Pengeluaran adalah "usaha manusia untuk membaiki bukan sahaja kedudukan kebendaannya, tetapi juga untuk meningkatkan kedudukan akhlaknya sebagai asas pencapaian matlamatnya (kebahagian hidup) di akhirat" (Kahf 1982: 37).

Pengeluaran bermaksud "penciptaan utiliti". Namun penciptaan sesuatu itu tidak terhasil tanpa 'sesuatu' (khususnya sumber asli) kerana tidak seorang pun yang boleh mencipta jirim. Dari sudut ekonomi, pengeluaran ialah menjadikan sesuatu benda itu berguna dan boleh memberi perkhidmatan kepada manusia (Mannan 1980: 85).

Di samping mengambil kira keuntungan (dunia dan akhirat), pengeluaran orang Muslim mestilah juga bertujuan memenuhi keperluan asas terlebih dahulu. Islam menggalakkan pengeluaran, iaitu melalui pergerakan (mobilisasi) sumber. Tanpa pengeluaran, maka tidak akan berlaku pemasaran, perdagangan dan penggunaan.

Secara ringkas, usaha pengeluaran ini mempunyai beberapa kepentingan, antaranya termasuklah:

(1) Sebagai menyahut seruan Allah untuk berusaha dan bekerja (Aidit Ghazali 1986: 6, Kahf 1982: 33–34).
(2) Sebagai langkah mengelakkan diri daripada pengenaan hukuman atau denda kerana membiarkan harta yang dimiliki tanpa digunakan (seperti tanah) dan mengelakkan diri daripada kemalasan (Kahf 1982: 34–38).
(3) Bagi menampung keperluan hidup mengikut keutamaan barang — keperluan hidup, keperluan asas dan keselesaan (Aidit Ghazali 1986: 6–7).
(4) Bagi menampung keperluan mengikut tanggungan — keperluan diri, keluarga, keperluan masa depan, keperluan generasi akan datang dan untuk jalan Allah (Siddiqui 1979: 14).
(5) Keperluan pembangunan negara dan umat seluruhnya (Aidit Ghazali 1986: 7).

## KESAN PENGGUNAAN TERHADAP PENGELUARAN

Penentuan pengeluaran sebahagiannya dipengaruhi oleh corak penggunaan. Penyesuaian penggunaan yang berlaku daripada pengambilan unsur-unsur Islam akan mempengaruhi corak pengeluaran sedikit sebanyak. Pengeluar akan mengeluarkan barang dan perkhidmatan serta memperuntukkan sumber bagi pengeluaran barangan dan perkhidmatan yang diminta oleh pengguna.

Kesan penggunaan Islam terhadap corak pengeluaran[1] ini telah dirumuskan oleh Siddiqui (1979: 101) seperti yang berikut:

(1) Barang atau perkhidmatan yang terlarang sudah tidak lagi diminta oleh pengguna, oleh itu, pengeluaran dan peruntukan sumber terhadap pengeluaran tersebut menjadi sifar.
(2) Berikutan daripada berkurangnya jenis dan kuantiti barang mewah yang diminta, maka pengeluaran juga akan jatuh dan peruntukan sumber terhadap pengeluarannya turut berkurangan.
(3) Berkembangnya industri keluaran barang keperluan asas dan barang keselesaan yang utama. Sumber akan diperuntukkan terhadap pengeluaran barang tersebut.
(4) Lebih banyak sumber ekonomi, khususnya reka cipta buruh dan kebolehan lain akan tertumpu terhadap pengeluaran barang dan perkhidmatan budaya (*kultural*).
(5) Bertambahnya permintaan terhadap masa lapang, dan kerja di luar bidang pengeluaran akan menyebabkan penawaran buruh, khususnya tenaga mental dan tenaga khidmat bagi yang berada pada kumpulan berpendapatan tinggi akan jatuh.

Di samping pengaruh penggunaan, corak pengeluaran itu sendiri pun mengalami perubahan apabila adanya pengambilan dan pengamalan unsur-unsur Islam di kalangan pengeluar. Corak pengeluarannya bukan sahaja mengikut kehendak pengguna, tetapi juga lahir daripada kesedaran dan semangat keislaman yang wujud dalam diri pengeluar. Antara corak pengeluaran yang boleh berlaku termasuklah:

(1) Keluaran yang mengganggu dan membahayakan kesihatan fizikal dan rohani tidak akan dikeluarkan kerana ia terlarang.

---

1 Corak pengeluaran yang dibincangkan oleh Siddiqui ini merupakan corak pengeluaran yang berpunca daripada penggunaan Islam dan bukannya corak pengeluaran yang telah mengambil unsur-unsur Islam.

(2) Keluaran yang boleh merosakkan nilai akhlak dan kemanusiaan tidak akan dikeluarkan kerana terlarang.
(3) Keluaran yang boleh meruntuhkan maruah dan kesejahteraan manusia tidak akan juga dikeluarkan kerana terlarang.
(4) Keluaran yang boleh membawa manusia kepada kejahatan (dosa) juga tidak akan dikeluarkan.
(5) Hanya keluaran yang baik, suci, berkualiti, membawa kesejahteraan orang ramai dan meningkatkan nilai kemanusiaan sahaja yang perlu digiatkan sebagai memenuhi tuntutan fardhu kifayah.

## MATLAMAT PENGELUAR

Kesenangan, kemewahan dan perolehan kebendaan boleh menjadi asas kepada pencapaian *al-falah*, kerana keadaan kelaparan, tekanan fizikal dan gangguan mental tidak akan menyediakan suasana yang baik bagi pencapaian *al-falah.*[2] Oleh itu, setiap individu juga bertanggungjawab berusaha dan bekerja dalam kegiatan berdaya keluaran (pengeluaran), demi mencapai beberapa matlamat, seperti yang telah digariskan oleh Siddiqui (1979: 14–31), iaitu memenuhi keperluan seseorang secara sederhana, memenuhi keperluan keluarga, peruntukan bagi keperluan masa depan, peruntukan bagi generasi akan datang dan khidmat sosial dan sumbangan di jalan Allah. Di samping itu, pengeluar juga perlu memastikan agar firmannya dapat terus hidup dan berkembang bagi membolehkannya memberikan sumbangan kepada masyarakat secara berterusan.

### Memenuhi Keperluan Seseorang Secara Sederhana

Memenuhi keperluan asas kehidupan dan segala usaha memperoleh keperluan hidup dikira sebagai ibadat — keperluan makanan, pakaian, perlindungan, kesihatan. Walau bagaimanapun, pengeluaran yang melebihi daripada keperluan ini digalakkan, supaya dapat memberikan sumbangan kepada masyarakat.

2 Tidak pula penulisan ini menganjurkan sepenuhnya bahawa kemewahan kebendaanlah yang menjadikan seseorang itu makin bertaqwa dan hampir kepada Allah. Kerana telah terbukti daripada sejarah, khususnya yang dirakamkan dalam al-Quran apabila Allah sentiasa memberi peringatan bahawa kemewahan dunia itulah yang kerap melalaikan manusia daripada tanggungjawab terhadap Tuhannya, kecuali orang yang benar-benar beriman dan bertaqwa.

## Memenuhi Keperluan Keluarga

Walaupun memenuhi keperluan isteri, anak, ibu bapa merupakan satu kewajipan, namun ia juga boleh dianggap sebagai sedekah. Hadis Nabi (yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah) menyarankan supaya umat Islam memulakan sedekah kepada tanggungan terlebih dulu sebelum orang lain. Sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

> "Sebaik-baik sedekah ialah yang dilakukan oleh orang yang berharta. Dan mulailah pemberian itu kepada tanggunganmu."
>
> (Hadis Riwayat Bukhari)

Oleh yang demikian, seseorang itu perlu berusaha memenuhi keperluan ini.

## Peruntukan bagi Keperluan Masa Depan

Nabi melarang umatnya berlebihan dalam penggunaan (perbelanjaan), sehingga Nabi menghalang sahabat yang bercadang untuk membelanjakan seluruh hartanya di jalan Allah. Sebaliknya Nabi menasihatkan sahabatnya supaya menyimpan harta tersebut demi keperluan masa depannya. Sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

> "Simpanlah sebahagian daripada harta kamu untuk kamu kerana itulah lebih baik bagi kamu".
>
> (Hadis Riwayat Bukhari)

Namun begitu, ini tidak bermakna bahawa menyorok atau menimbun kekayaan dibenarkan kerana perbuatan tersebut jelas terlarang, lebih-lebih lagi untuk tujuan keuntungan.

## Peruntukan bagi Generasi akan Datang

Islam juga menganjurkan umatnya supaya menyimpan demi keperluan generasi akan datang. Sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

> "... sesungguhnya meninggalkan anak-anak kamu dalam keadaan berharta adalah lebih baik daripada meninggalkannya miskin, meminta-minta belas kasihan orang lain".
>
> (Hadis Riwayat Bukhari)

Kerana kepentingan inilah timbul harta pewarisan dalam Islam – faraid, dan ini jelas dinyatakan dalam al-Quran.

### Khidmat Sosial dan Sumbangan ke Jalan Allah

Ini merupakan insentif utama pengusaha untuk menghasilkan tingkat pengeluaran yang lebih tinggi demi memenuhi tanggungjawab sosial terhadap masyarakat. Walaupun keperluan individu, keluarga dan keperluan masa depan generasi kini dan generasi akan datang telah dipenuhi, namun seseorang itu tidak harus pula berpeluk tubuh. Sebaliknya, ia perlu berusaha lagi supaya dapat memberikan sumbangan kepada masyarakat melalui zakat, sedekah wajib ataupun sunat. Khidmat sosial, iaitu menolong yang susah dan yang memerlukannya adalah satu amalan yang mulia. Sabda Nabi yang maksudnya:

> "Manusia yang paling dikasihi Allah ialah yang paling memberi manfaat kepada manusia, dan pekerjaan yang paling disukai oleh Allah ialah menggembirakan seseorang Muslim atau membebaskannya daripada beban atau melepaskannya daripada hutang atau menghilangkan kelaparannya ...."
>
> (Hadis Riwayat Tabrani)

### Daya Tahan dan Perkembangan Firma

Ini adalah antara matlamat-matlamat yang penting bagi usahawan. Usaha memenuhi pemenuhan matlamat-matlamat lain seperti yang disebutkan sebelum ini adalah bergantung pada matlamat ini. Bagi memastikan sesebuah firma itu berupaya memberikan sumbangan yang berkekalan, maka masalah daya tahan dan perkembangan firma amat penting. Usahawan perlu merancang dan mempunyai strategi tertentu yang dapat memastikan pencapaian tingkat keuntungan yang wajar dan memuaskan agar membolehkannya mengekalkan dan memajukan perusahaannya demi memenuhi keperluan yang semakin meningkat.

## KELUARAN DAN PERUNTUKAN SUMBER

### Pemaksimuman Keluaran

Pengeluar Islam yang mempunyai kewajipan sosial memang wajar memaksimumkan outputnya dan bukannya memaksimumkan keuntungannya. Umat Islam yang bijak akan bertindak menambahkan pahala

daripada membebankan kesengsaraan umat Islam dengan mengaut keuntungan. Pengeluaran yang banyak, terutamanya barang keperluan asas patut mendapat sanjungan kerana kuantiti yang banyak akan memudahkan masyarakat untuk memperoleh barang tersebut, di samping harganya yang lebih rendah.

Kalau fungsi pengeluaran diberi sebagai

$$Y = f(X_1, X_2 \dots X_n)$$

dengan $Y$ = output dan $X_i$ = input ke-$i$ dan $i = 1, 2, \dots, n$, dalam keadaan input adalah percuma, maka pemaksimuman keluaran tercapai apabila

$$f_i = KS_i = \frac{\partial y}{\partial x_i} = 0 \dots \quad (6.1)$$

Sama ada pengeluaran atau firma itu firma yang berada dalam sistem pasaran Islam ataupun bukan Islam, syarat pemaksimuman di atas tidak menjadi keraguan lagi, iaitu pasti terjadi apabila keluaran sut (*KS*) mencapai sifar.[3] Selagi *KS* positif, maka selagi itu output masih dapat ditambahkan melalui penambahan input.

Di samping pembesaran keluaran, Islam juga melarang pemborosan dan pembaziran, baik dari segi penggunaan mahupun pengeluaran. Dalam pengeluaran, pemborosan boleh dikaitkan dengan penggunaan sumber atau kos (belanja), lebih-lebih lagi bagi sumber yang digunakan (dalam proses pengeluaran) secara bukan percuma.

Kalau sumber air merupakan satu sumber input dalam proses pengeluaran, maka penggunaannya, biarpun diperoleh secara percuma — seperti air hujan, air sungai, air tasik, dan sebagainya, namun pembaziran tetap terlarang. Ini dijelaskan sendiri oleh Rasulullah s.a.w. yang melarang pembaziran dalam penggunaan air sungai yang mengalir untuk kegunaan wuduk. Lebih-lebih lagi kalau input air itu diperoleh

---

3 Katakan fungsi pengeluaran sebenar ialah

$$Y = 65.54 + 1.084X - 0.003X^2$$

maka pemaksimuman output hanya terjadi apabila

$$KS = 1.084 - 0.006X = 0, \text{ dengan}$$

$$X = 1.084/0.006 = 180.67$$

Apabila $X = 180.67$, maka output maksimumnya ialah

$$Y = 65.54 + 1.084\,(180.67) - 0.003(180.67)^2 = 163 \text{ unit.}$$

secara pembelian (tidak percuma), maka penjimatan penggunaan air secara tidak langsung juga akan menjimatkan kos pengeluaran.

## Peruntukan Sumber antara Keluaran-keluaran

Sumber ekonomi yang ada perlu diagihkan penggunaannya supaya dapat menghasilkan barang dan perkhidmatan yang sesuai dengan kehendak Islam serta selaras dengan keperluan dan keadaan sesebuah negara (Islam). Memang tidak dinafikan bahawa sesebuah negara perlu memastikan pengeluaran yang mencukupi bagi barang keperluan hidup atau asas sebelum mengeluarkan barang-barang lain. Malah menjadi tanggungjawab kerajaan pula untuk menentukan pengeluaran barangan ini secara yang mencukupi demi kesejahteraan rakyatnya. Kerajaan juga berkuasa mengehadkan pengeluaran barang-barang lain, sekiranya pengeluaran barang tersebut menjejaskan peruntukan sumber bagi pengeluaran barang keperluan.

(*Sumber*: Saiful Azhar (1986:14))

**Rajah 6.1** Keluk kemungkinan pengeluaran (KKP)

Dalam ekonomi yang mundur, iaitu taraf hidup rakyat adalah melarat ataupun dalam keadaan apabila saiz penduduk sesebuah negara itu besar, maka memang wajar jika sumber negara diperuntukkan sebahagian besarnya bagi pengeluaran barang keperluan hidup, seperti makanan, pakaian, perumahan, perubatan, dan sebagainya. Peruntukan ini dapat dilihat dalam Rajah 6.1 yang ditunjukkan oleh titik *A* pada keluk kemungkinan pengeluaran *(KKP).* Begitu juga sebaliknya, sumber dapat digunakan untuk mengeluarkan barang selesa (dan barang mewah secara terhad) apabila taraf hidup rakyat adalah tinggi atau apabila saiz penduduk negara itu adalah rendah jika dibandingkan dengan sumber-sumber kekayaan yang ada dalam negara itu. Peruntukan sumber bagi negara ini dapat ditunjukkan, misalnya pada titik *B*.

Pergerakan titik-titik kombinasi keluaran barang pada sepanjang keluk kemungkinan pengeluaran, *KKP* menunjukkan titik-titik pilihan yang melibatkan soal-soal kepentingan dan keadilan dalam masyarakat (Saiful Azhar 1986: 15).

## KELAKUAN KEUNTUNGAN PENGELUAR

Kelakuan memaksimumkan keuntungan bagi pengeluar adalah berasaskan ajaran ekonomi kapitalis. Islam tidak memandang objektif ini sebagai satu kebaikan yang mutlak. Pengamatan menunjukkan bahawa "keuntungan" merupakan indeks bagi status dan kuasa (Siddiqui 1979: 104). Perusahaan besar akan terus mencari untung yang besar sebagai cara untuk menonjolkan perusahaannya. Pembesaran perusahaan seperti ini menjadi idaman dan kemegahan.

Islam tidak memandang "keuntungan" itu seperti golongan kapitalis. Keuntungan dalam Islam merupakan "keuntungan tanggungjawab", iaitu di samping tidak mementingkan diri sendiri, juga tertakluk kepada norma Islam. Inilah "keuntungan tanggungjawab" yang merangkumi tanggungjawab terhadap Allah dan tanggungjawab terhadap masyarakat seluruhnya.

Setengah-setengah penulis ekonomi Islam memberikan berbagai-bagai nama kepada "keuntungan tanggungjawab". Misalnya, Khurshid Ahmad dan Naiem Siddiqui menyebut "keuntungan adil" (lihat Aidit 1986: 25): Kahf (1973: 20), Chapra (1970: 20–21) dan Tahawi (lihat Siddiqui 1981: 57) menamakannya sebagai "pemaksimuman keuntungan terbatas"; Siddiqui (1979: 107) menyebutnya sebagai "keuntungan yang memuaskan", Choudhury (1986:34) sebagai "keuntungan normal" dan S. K. Hasan (1990: 41) sebagai "keuntungan berpada".

## Keuntungan yang Mencukupi

Siddiqui dengan gagasan "keuntungan memuaskan" mencadangkan agar pengeluar Islam mengusahakan pencapaian tingkat keuntungan yang terletak antara had tertinggi (iaitu tingkat keuntungan yang dibenarkan, yang tidak melanggar prinsip dan hukum Islam) dengan had terendah (iaitu tingkat keuntungan yang membolehkan usahawan memenuhi keperluan hidupnya serta untung yang secara puratanya dapat menutupi kerugian yang dialami (Siddiqui 1979: 102–107)). Ringkasnya, "keuntungan yang memuaskan" adalah keuntungan yang usahawan berpuas hati dari segi kebaikannya, perolehan wangnya, kebolehan mengekalkan dan mengembangkan perusahaan demi memenuhi keperluan pengguna, orang ramai dan kerajaan secara terus-menerus (Siddiqui 1979: 107).

Menyedari akan aspirasi[4] yang perlu dipenuhi inilah maka setiap pengeluar Islam akan berusaha untuk menghasilkan sejumlah keuntungan yang memadai. Di samping aspirasi ini, pengeluar juga akan mengambil kira beberapa pertimbangan yang terlibat dalam proses pengeluaran, baik dari segi penggunaan (dan perbelanjaan) atas input (kos) mahupun dari segi pengeluaran output itu sendiri.

Prinsip pengeluaran Islam tidak dapat memperoleh keuntungan secara monopoli — iaitu melalui pengawalan kuantiti output dan harga dengan sepenuhnya — dengan menurunkan kuantiti output dan menaikkan harga outputnya. Sementara firma persaingan sempurna pula yang mementingkan keupayaan untuk bersaing (yang kerap disertai dengan pembaziran sumber, misalnya belanja iklan) juga tidak sesuai dengan Islam. Oleh itu, disarankan agar kegiatan pengeluaran firma Islam berada dalam bentuk lain yang dinamakan oleh Choudhury (1986: 37) sebagai "persaingan-kerjasama" iaitu dengan mengeluarkan output lebih besar (pada $K_i$) daripada output persaingan sempurna dan monopoli dan juga menawarkan harga yang lebih rendah (pada $P_i$) daripada harga persaingan sempurna dan monopoli (Rajah 6.2).

Kesamaan antara kos sut ($KS$) dengan hasil sut ($HS$) sebagai penentu tingkat keluaran dan harga (khususnya dalam jangka pendek)

---

4 Sekiranya melalui kaedah ini pun pengguna (yang miskin) masih tidak berupaya untuk menambahkan penggunaannya, maka langkah-langkah lain diperlukan, sama ada bantuan kepada pengguna atau memberikan subsidi kepada pengeluar bagi menampung keperluan kos yang makin meningkat kerana tidak mungkin pengeluar beroperasi jika ia menanggung kerugian.

tidak semestinya sentiasa sesuai digunakan dalam analisis di sini. Sebaliknya, penentuan tersebut dicapai melalui kaedah atau kesamaan lain, misalnya kesamaan antara kos purata (*KP*) dengan hasil purata (*HP*) seperti yang ditunjukkan oleh Rajah 6.2.[5] Tingkat itulah yang menghasilkan tingkat keuntungan "memuaskan" jika bandingkan dengan tingkat keuntungan "lebih normal" persaingan sempurna dan monopoli.

**Rajah 6.2** Penentuan kuantiti dan harga dalam firma Islam, persaingan sempurna dan monopoli tulen dalam jangka pendek

Bagi mencapai maksud tersebut, Choudhury (1986: 35) telah menghujahkan bahawa kriteria objektif ekonomi yang sesuai dalam firma Islam adalah peminimuman kos yang tertakluk kepada kekangan keuntungan (dan bukan sebaliknya):

---

5 Begitu juga dengan keterangan dan gambar rajah oleh Siddiqui (1979: 150), yang menunjukkan bahawa pengeluar yang mencari keuntungan memuaskan akan mengeluarkan output pada persilangan antara keluk permintaan (yang juga *HP*) dengan keluk *CP* dalam kes apabila faktor semula jadi memaksakan pengeluar menjadi monopoli Islam.

$$\text{Min } C = C(Y, C_1, C_2 \ldots\ldots, C_n)$$

$$\text{tertakluk kepada} = \pi = p_y Y - \sum_{i=1}^{n} p_i c_i$$

dengan,

$C$ = fungsi kos
$Y$ = tingkat output
$C_i$ = kuantiti input ke- $i$ dan $i = 1, 2 \ldots n$
$\pi$ = kekangan tingkat keuntungan
$p_y$ = harga output
$p_i$ = harga input ke-$i$ dan $i = 1, 2, \ldots, n$

Oleh itu, fungsi objektif yang perlu diselesaikan ialah:

$$\text{Min L} = \min \left[C(Y, C_1, C_2, \ldots, C_n) + (p_y Y - \sum_{i=1}^{n} p_i C_i)\right]$$

Melalui fungsi objektif ini beliau telah dapat membuktikan bahawa $p_y = HP = KP$, seperti yang telah digambarkan oleh Rajah 6.2.

Masalah kecekapan dan keberkesanan firma menurut Islam tidak semestinya disamakan dengan ukuran yang digunakan dalam ekonomi lazim. Sebagai sebuah institusi separuh sosial, wajar juga ukuran-ukuran yang digunakan oleh badan perusahaan awam dipertimbangkan.[6] Sesuatu pengeluaran itu dianggap cekap jika dikendalikan dengan menggunakan kos (belanja) yang optimum (minimum), dan dianggap berkesan jika dapat mencapai tujuan-tujuan yang telah ditetapkan, khususnya dalam mencapai kebajikan masyarakat.

## Pemaksimuman Bahagian Untung

Tidak semua usahawan mampu menyediakan modal sendiri untuk mengendalikan pengeluaran. Kebanyakan mereka memperoleh sumber modal dari luar, sama ada dalam bentuk pembiayaan secara mudarabah atau musyarakah. Dalam kedua-dua kes, keuntungan yang usahawan

---

6 Ukuran kecekapan dan keberkesanan perusahaan awam dibincangkan secara mendalam oleh Raja Mohammad Affandi (1982: Bab 7).

peroleh adalah secara kongsi untung. Anwar (1987: 31) mengandaikan bahawa firma Islam yang bebas daripada riba akan mengarahkan kegiatannya kepada pemaksimuman bahagian untung, iaitu

$$\Omega = p_y Y - wL - (a\pi * + r - i)\, cM$$

dengan

$\Omega$ = bahagian untung
$p_y$ = harga output
$Y$ = output, $Y = f(M, L)$
$w$ = kadar upah buruh
$L$ = buruh sewa yang digunakan oleh firma
$c$ = kadar kos modal (merangkumi $a$, iaitu nisbah bahagian untung pembiaya; r, iaitu kadar susut nilai modal; dan $i$, iaitu kadar inflasi)
$\pi^*$ = kadar keuntungan normal Islam yang ditunjukkan oleh $\pi * = (pY - wL) / cM$
$M$ = stok modal yang digunakan oleh firma

Anwar selanjutnya menghujahkan bahawa mana-mana tambahan kepada bahagian untung firma juga akan mewujudkan pertambahan yang sama kepada bahagian untung pembiaya. Oleh sebab perubahan bahagian untung sebelah pihak tidak mungkin, maka semangat perniagaan dalam Islam adalah sebenarnya dalam bentuk kerjasama antara kedua-dua pihak. Kedua-dua pihak mempunyai kepentingan yang sama, dan tidak mungkin dapat dipisahkan antara kedua-duanya.

Walau bagaimanapun, bahagian untung antara kedua-duanya boleh diubah sesuai dengan tingkat keuntungan normal yang diperoleh oleh usahawan. Misalnya, nilai $a$ (bahagian untung pembiaya) boleh dikurangkan apabila usahawan berjaya memperoleh tingkat keuntungan yang tertentu dan dikurangkan lagi apabila mencapai keuntungan yang lebih tinggi. Perubahan nisbah bahagian untung pembiaya akan menggalakkan usahawan supaya melipatgandakan usaha. Dengan keuntungan yang lebih tinggi, maka nisbah bahagian untung (usahawan) akan turut meningkat.

## Ke Arah Kesejahteraan Masyarakat

Pembaziran bukan sahaja terjadi pada masa penggunaan input, sumber

atau kos, tetapi ia juga boleh berlaku dalam perbelanjaan output atau hasil[7] yang diterima oleh pengeluar. Output atau hasil yang dikeluarkan oleh pengeluar mestilah pula digunakan (dibelanjakan) atau disalurkan ke jurusan yang dianjurkan dan dibenarkan oleh syarak.

Setelah output atau hasil itu dibelanjakan untuk menampung keperluan indvidu dan keluarga pengeluar (secara sederhana), hasil ini perlu pula diagihkan kepada masyarakat awam melalui zakat (jika telah cukup syarat nisab dan haul)[8], atau sedekah jika mampu dan berkeinginan untuk melaksanakannya.

Perbelanjaan output atau hasil untuk kepentingan individu dan keluarga semata-mata adalah terlarang sekiranya output atau hasil itu telah memenuhi syarat-syarat pembayaran zakat. Pembayaran zakat sama ada dalam bentuk barang atau wang kepada golongan tertentu secara zahirnya akan dapat merapatkan jurang kesejahteraan antara golongan kaya dengan golongan miskin. Melalui zakat, sedikit sebanyak akan mengurangkan harta orang kaya dan meningkatkan pemegangan harta orang miskin.

Zakat berperanan menyatupadukan dan merapatkan jurang antara kedua-dua golongan (kaya dan miskin). Golongan yang menerima akan merasa kasih kepada golongan kaya, manakala golongan yang membayar akan merasa nikmat kesyukuran terhadap anugerah kekayaan daripada Allah dan bersimpati terhadap golongan miskin yang tidak sebaik nasib mereka.

Pengagihan perbelanjaan output atau hasil pengeluar antara perbelanjaan keperluannya dengan perbelanjaan bagi keperluan di jalan

---

7 Output dibezakan daripada hasil kerana output merupakan kuantiti fizikal, manakala hasil adalah nilai output, iaitu harga output didarab dengan kuantiti output, $p_Y Y$.

8 Syarat nisab dikenakan terhadap tanaman, manakala syarat nisab dan haul dikenakan terhadap ternakan, kegiatan perniagaan dan wang simpanan (yang meliputi simpanan semasa/tabungan/pelaburan, bil-bil atau surat-surat jaminan, bon, debentur atau saham). Bagi tanaman (buahan dan bijian) yang menjadi makanan yang boleh mengenyangkan, tahan lama atau boleh disimpan, boleh sisukat — seperti padi, gandum, barli dan tamar — zakat dikenakan terhadap kuantiti fizikal output tersebut. Walau bagaimanapun, tanaman yang tidak dikategorikan sebagai tanaman zakat, sepatutnya juga dikenakan zakat sesuai dengan semangat zakat itu sendiri. Dalam keadaan ini, zakat sesuai dikenakan terhadap nilai keluaran tanaman tersebut setiap tahun (haul). Bagi ternakan (yang boleh dimakan) yang lain — seperti ayam itik — zakat patut juga dikenakan dengan alasan semangat zakat itu sendiri. Dalam hal ini, zakat yang sesuai ialah terhadap nilainya dan bukan kuantiti fizikalnya yang dikenakan apabila cukup nisab dan haul, seperti juga zakat perniagaan dan kewangan.

Allah (iaitu zakat, *Z*, dan sedekah, *S*) adalah yang seperti berikut:

$$B_1 = \sum_{i=1}^{n} Y_i - r \sum_{i=1}^{n} Y_i - S$$
$$= Y_i - Z - S$$
$$= Y_i - B_2$$

bagi zakat berbentuk kuantiti fizikal. Zakat bagi bentuk ini dikenakan apabila Y > 700 kilogram (paras nisab bagi tanaman bijian)

atau $$B_1 = \sum_{i=1}^{n} p_i Y_i - r \sum_{i=1}^{n} p_i Y_i - S .$$
$$= JH - Z - S$$
$$= JH - B_2$$

bagi zakat berbentuk nilai wang. Zakat bagi bentuk ini dikenakan apabila JH> $3000 (anggaran 2 paras nisabnya)

dengan $Y$ = output $i$
$p$ = harga output $i$
$r$ = kadar zakat
$JH$ = jumlah hasil yang meliputi hasil jualan (*HJ*), tunai dalam tangan (*T*), dan baki inventori (*I*), $JH = HJ + T + I$

Tetapi, sekiranya output dan hasil kurang daripada paras nisabnya, seperti $Y_i$ kurang daripada 700 kilogram (bagi tanaman bijian), dan *JH* kurang daripada $3000,[9] maka zakat tidaklah diwajibkan, namun begitu sedekah digalakkan, kalau mahu.

## SUMBER PEMBIAYAAN FIRMA

Usahawan boleh membiayai firmanya dengan dua sumber: Sumber dalaman yang terdiri daripada modal sendiri yang diperoleh daripada tabungan sendiri, keuntungan operasi dan pendapatan tertahan perniagaannya; sumber luaran yang diperoleh daripada keluarga, sahabat, institusi kewangan tempatan dan luar negeri. Antara kedua-dua sumber

9 Bagi zakat berbentuk nilai wang, anggaran nisabnya ialah lebih kurang $3000, iaitu berpandukan nilai emas semasa.

tersebut sumber luaranlah yang lebih penting, khususnya yang berbentuk musyarakah dan mudarabah.[10]

## Mudarabah

Mudarabah dan qirad adalah sama makna: "Iaitu memberikan modal kepada seseorang untuk diniagakan dengan untung dikongsi bersama antara kedua-duanya ..." (lihat Abu-Saud 1981: 66). Pembahagian nisbah keuntungan adalah melalui persetujuan antara mereka. Jika kerugian berlaku bukan kerana kecuaian usahawan, maka kerugian itu akan ditanggung sendiri oleh pemodal. Sebaliknya, jika kerugian itu berlaku kerana usahawan itu cuai atau tidak mematuhi syarat-syarat perjanjian, maka kerugian itu akan dipertanggungjawabkan terhadap usahawan.

## Musyarakah

Musyarakah merupakan perjanjian perkongsian antara dua orang pemodal atau lebih bagi membiayai dan menjalankan projek perniagaan secara usaha sama. Keuntungan akan dibahagikan mengikut persetujuan dalam perjanjian yang telah dimeteraikan. Walau bagaimanapun, nisbah keuntungan ini tidak semestinya mengikut nisbah sumbangan modal masing-masing. Segala kerugian akan ditanggung bersama-sama mengikut nisbah modal masing-masing.

## Saham

Saham merupakan kertas modal yang dijual kepada pelabur-pelabur, termasuk orang awam untuk mendapat dana syarikat. Wang yang didapati daripada penjualan ini juga merupakan sumber pembiayaan firma. Musyarakah memperoleh dana secara penjualan saham seperti ini.

---

10 Sumber pembiayaan usahawan, sama ada berbentuk pembiayaan projek, pembiayaan memperoleh harta atau pembiayaan perdagangan, banyak dibincangkan oleh penulis Islam dan juga badan kewangan Islam, seperti Bank Islam Malaysia Berhad. Perbincangan bagi tajuk ini adalah berpandukan risalah Bank Islam Malaysia Berhad (1983), Mohd. Azmi 1988 (13–39), dan Sobri (1988: 74–87).

## Murabahah (Jualan dengan Tambahan Untung)

Murabahah ditakrifkan sebagai jualan barang dengan harga yang meliputi kadar keuntungan yang dipersetujui bersama oleh kedua-dua pihak (Sobri 1988: 79). Usahawan yang tidak mempunyai wang yang cukup untuk membeli sesuatu barang (atau input) boleh memilikinya secara ini. Pembiaya (misalnya Bank Islam Malaysia Berhad) akan membeli harta yang dikehendaki oleh pelanggan dan menjualkannya pula kepada pelanggan pada harga yang meliputi kos belian dan margin keuntungan.

## Bai Bithaman Ajil (Jualan Harga Tangguh)

Konsepnya sama seperti murabahah, cuma memberikan kelonggaran kepada usahawan untuk menangguhkan bayaran sehingga satu tempoh tertentu atau pembayaran secara ansuran.

## Ijarah (Sewa)

Usahawan menyewa sesuatu jenis harta daripada pemilik pada tempoh, kadar dan syarat-syarat sewa lain yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

## Bai ul-Takjiri (Sewa Beli)

Konsepnya sama seperti ijarah, cuma memberikan peluang kepada usahawan untuk memiliki terus harta tersebut dengan menetapkan harga, tarikh dan menjadikan jumlah sewa yang telah dibayar sebagai sebahagian daripada bayaran harta tersebut.

## Gadaian (al-Rahn)

Memperoleh wang secara mencagarkan barang berharga kepada pihak yang sanggup membiayai usahawan. Sekiranya usahawan (orang yang berhutang) gagal membayar balik hutangnya pada tempoh yang telah ditetapkan, maka pihak yang menerima gadaian akan menjual barang cagaran dan harganya diambil sekadar jumlah yang masih terhutang dan bakinya dikembalikan kepada usahawan itu.

## Hutang Kebajikan (Qardh ul-hasan)

Merupakan hutang yang diberikan, tanpa dikenakan apa-apa bayaran tambahan yang disyaratkan oleh pemiutang, kecuali hadiah atau sagu hati daripada penghutang (usahawan). Tempoh dan syarat-syarat hutang ditentukan terlebih dahulu. Sahabat handai dan Bank Islam Malaysia Berhad boleh menyediakan sumber pembiayaan ini.

# BAB 7

## SISTEM PASARAN

Perjalanan firma di sesebuah negara Islam bukan sahaja dianggap Islam kerana pengaruh dan semangat Islam yang benar-benar meresap di jiwa setiap pengeluar,[1] tetapi juga kerana penguatkuasaan hukum dan norma Islam yang dilaksanakan oleh pemerintah.

Di samping memenuhi tanggungjawab terhadap Allah, pengeluar Islam juga bertingkah laku dalam keadaan yang boleh menyenangkan orang lain — pengguna atau orang ramai. Tanggungjawab terhadap orang lain inilah yang melahirkan kerjasama dari aspek peruntukan dan pengagihan semula sumber (Mannan 1986: 149). Dalam konteks yang lebih luas, kerjasama melibat antara pengeluar dengan pengeluar dan pengeluar dengan pengguna.

Dalam usaha untuk mendapatkan ganjaran daripada usahanya, pengeluar akan memasarkan keluarannya di pasaran untuk tujuan pertukaran. Maka di situ berlakulah "kerugian untuk keuntungan", apabila pengeluar terpaksa berkorban dengan melepaskan barang keluarannya untuk mendapatkan balasan harga barang yang dilepaskan kepada pembeli. Begitulah juga bagi pembeli yang terpaksa rugi kerana melepaskan wangnya untuk dipampas dengan pemilikan barang yang telah diserahkan oleh penjual. Begitulah kerugian dan keuntungan yang dihadapi oleh pengeluar dan pengguna yang akhirnya memberikan kepuasan dan kerelaan.

---

1 Semangat ini diperkukuhkan dengan pengaruh pengguna dalam mencorakkan bentuk kepenggunaan Islam.

# ANALISIS HARGA

## Keseimbangan Firma

Sistem pasaran Islam berbeza dengan sistem pasaran lain kerana pasaran Islam dihadiri oleh pelaku-pelaku ekonomi yang bersih daripada pengaruh "nafsu amarah" yang mementingkan diri sendiri semata-mata. Tindak-tanduk pengeluar akan sentiasa memikirkan kepentingan dan kebajikan orang lain atau orang ramai, di samping kepentingan diri sendiri. Ini berlaku berasaskan kesedaran bahawa diri mereka (pengeluar) itu sendiri merupakan sebahagian daripada orang ramai (masyarakat umat), dan setiap manusia adalah bersaudara.

Pertimbangan firma terhadap kesejahteraan orang lain akan mengubah suasana keseimbangan pasaran. Oleh sebab itulah Choudhury (1986: 34) dan Siddiqui (1979: 150) mengambil kos purata dan hasil purata dalam menentukan keseimbangan firma.[2] Begitu juga Mannan (1986: 147), lebih cenderung menerima konsep purata daripada konsep sut.

## Harga Adalah Ketetapan Allah

Penentuan harga dalam Islam pada asalnya adalah "urusan" Allah. Ini dapat dikesani bahawa usahawan Islam yang benar-benar beriman tidak mungkin mengkhianati orang lain semata-mata kerana mahu menghasilkan keuntungan persendirian. Iman merupakan penguasa asli untuk mengawal penentuan harga yang berlaku dengan sewenang-wenang. Walau bagaimanapun, iman yang tidak kukuh menyebabkan kawalan kerajaan amat diperlukan sebagai pelengkap kepada penguasa asli yang telah sedia ada.

Penentuan harga yang merupakan ketetapan Allah ini juga dapat dibuktikan daripada satu peristiwa pada zaman Rasulullah apabila berlakunya kenaikan harga barang di Madinah. Rasulullah diminta untuk menetapkannya. Sebaliknya, baginda menjawab yang maksudnya:

> "Sesungguhnya Allah sahajalah yang menahan, memberi rezeki, melapangkan dan menetapkan harga. Sangatku mengharapkan agar

---

2 Keseimbangan firma persaingan sempurna dalam jangka panjang juga terletak pada kesamaan *CP* dan *HP* di samping *CS* dan *HS*.

aku menemui Allah (kelak) dalam keadaan tidak seorang pun yang mendakwa bahawa aku menzaliminya dalam darah mahupun harta".

(Hadis Riwayat Abu Daud dan Termizi)

Rasulullah enggan menetapkan harga kerana dirasakan penetapan ini akan menzalimi pedagang, iaitu menjadikan mereka rugi. Rasulullah mengetahui peniaga adalah jujur dan tidak mempermainkan harga demi kepentingan keuntungan mereka. Kenaikan harga ketika itu kerana harga import yang memangnya sudah mahal. Dalam keadaan seperti ini berserahlah kepada Allah dengan membiarkan permintaan dan penawaran yang menentukan harga. Walau bagaimanapun, pemerintah boleh memberi subsidi harga supaya harga yang tinggi tidak dibebani oleh orang ramai.

Di Barat, seperti kata Schumpeter (1972: 305), sebelum pertengahan abad ke-18 tidak banyak diketahui tentang teori mekanisme harga. Dalam sejarah Islam, konsep mekanisme pasaran telah pun diterokai lebih awal, iaitu yang lebih jelas ialah pada awal abad ke-13 oleh Ibn Taymiyah (Islahi 1985: 55).

Ibn Taymiyah (wafat 1328 Masihi) telah menyedari bahawa penentuan harga dalam pasaran adalah bergantung pada permintaan dan penawaran (seperti yang dikenali sekarang), apabila beliau berkata:

> "Kenaikan dan kejatuhan harga tidak semestinya berpunca daripada kezaliman setengah-setengah pihak (peniaga). Kadang-kadang kenaikan dan kejatuhan berpunca daripada kekurangan pengeluaran atau kejatuhan import barang tersebut. Oleh itu, jika permintaan barang itu meningkat, sedangkan penawarannya berkurangan, maka harga akan naik. Sebaliknya, apabila penawarannya bertambah, sedangkan permintaannya berkurangan, maka harga akan jatuh. Kekurangan dan lebihan ini mungkin bukan bersebabkan tindakan setengah-setengah orang. ..." (dipetik daripada Islahi 1985: 55–56).

Ibn Taymiyah juga menyatakan bahawa kenaikan harga yang berpunca daripada kekurangan barang atau pertambahan penduduk adalah kerana kehendak Allah — ketentuan Allah (Islahi 1985: 57). Ibn Taymiyah juga menyokong kawalan harga dalam keadaan pasaran yang tak sempurna (tidak normal) dan menentangnya jika pasaran sihat, walaupun harganya meningkat.

Al-Ghazali (wafat 1111 Masihi) juga membincangkan penawaran dan permintaan apabila beliau mengatakan:

> "... apabila petani yang membawa bijian tidak menemui orang yang berkehendakkannya, maka ia terpaksa menjual harga yang murah kepada saudagar-saudagar untuk tujuan disimpan sehingga wujud keperluan orang terhadap barang tersebut" (al-Ghazali 1980: 89).

Ibn Khaldun (wafat 1406 Masihi) juga membincangkan soal pengaruh penawaran terhadap harga, Beliau berkata:

> "... apabila barang (yang dibawa dari luar) sedikit dan berkurangan, harganya akan naik. Sebaliknya, apabila negeri itu berdekatan dan perjalanannya selamat, akan terdapat ramai (peniaga yang) akan mengangkut barang, oleh itu barang akan berlebihan dan harganya akan jatuh ..." (dipetik daripada Islahi 1985: 61).

Namun begitu, Ibn Khaldun tidak menyebut tentang kawalan harga.

Dapat disimpulkan bahawa pada umumnya, harga ditentukan oleh kuasa pasaran: Permintaan dan penawaran, yang dalam Islam disebut sebagai ketentuan Allah.

## Kawalan Harga

Peranan kerajaan dalam sistem ekonomi barat adalah bersifat bermusim, iaitu bergantung pada keperluan dan keadaan, sedangkan dalam ekonomi Islam pada umumnya bersifat semula jadi, dasar dan berkekalan. Ini berpandukan maksud firman Allah:

> "Hai orang yang beriman taatilah Allah dan taatilah Rasul dan Ulilamri di kalangan kamu ...."
>
> (al-Quran 4: 59)

Sementara dalam perincian atau hal-hal tertentu yang lain ia bersifat bermusim. Misalnya, fungsi kestabilan harga, kerajaan mempunyai peranan semula jadi dalam bentuk pengharaman riba dan pengenaan zakat, di samping peranan bermusim dalam bentuk kawalan harga dan dasar pendapatan.

Dengan itu, jelaslah bahawa dalam konteks harga, peranan kerajaan adalah bersifat bermusim. Maksudnya, kerajaan akan hanya campur tangan jika keadaan kezaliman atau kecurangan berlaku dalam pasaran.

Jika tidak, kuasa pasaran akan menentukannya.[3]

Dalam keadaan normal, kawalan harga tidak dibenarkan oleh syarak. Nabi pernah menolak permintaan penduduk Madinah supaya baginda campur tangan demi mengelakkan kenaikan harga. Bukti ini jelas menunjukkan satu ketetapan hukum daripada Nabi yang perlu kita patuhi. Oleh itu, ada setengah-setengah fuqaha mengharamkan penentuan harga dalam segala keadaan (Khan 1982: 144). Walau bagaimanapun, setengah-setengah fuqaha pula melihat pengharaman penentuan harga ini hanya benar dalam keadaan normal. Jika penjual jujur, tidak berlaku zalim, dan harga naik kerana pertambahan permintaan atau kerana kurangnya penawaran barang tersebut, maka ini adalah ketentuan Allah dan penentuan harga adalah kezaliman (Ibn Taymiyah 1982: 35). Tetapi, jika kenaikan harga disebabkan penahanan dan keengganan penjual menjual barangnya atau kerana wujudnya monopoli bagi sesuatu barang, maka harga mesti dikawal supaya penjual dapat menjual barang pada harga yang lebih wajar (Ibn Taymiyah 1982: 36).

Imam Malik menegaskan bahawa penentuan harga adalah wajib jika berlaku kezaliman dan kerakusan untuk menghasilkan keuntungan yang berlipat ganda oleh penjual (dipetik daripada Muhammad al-Assal dan Abdul Karim 1981: 222)

Selain Ibn Taymiyah dan Imam Malik, Al-Ghazali dan Al-Mawardi juga menekankan perlunya pihak kerajaan campur tangan dalam kelakuan pasaran apabila wujud kecurangan. Oleh itu, penentuan harga dibolehkan (diwajibkan) dalam keadaan tertentu, khususnya untuk barang keperluan (dipetik daripada Hamzah dan Shahbari 1982: 14)

Kerajaan Islam (yang lampau) sentiasa mengesahkan penentuan harga yang kemudiannya diumumkan secara meluas. Malah ada peniaga yang telah didenda kerana kecurangan yang dilakukan (Khan 1982: 144). Perlu diingatkan bahawa campur tangan kerajaan bukannya untuk tujuan yang curang atau untuk menjadi pemonopoli yang menindas, tetapi sebaliknya untuk kebaikan seluruh rakyatnya.[4]

---

3 Mannan (1986: 147) menambah dengan menegaskan bahawa harga yang wajar bukan merupakan konsesi, tetapi hak dasar yang boleh dikuatkuasakan dengan undang-undang oleh kerajaan.

4 Terdapat tiga keadaan tertentu yang memaksa kerajaan menjadi pemonopoli, iaitu kos dan teknologi yang tinggi, dalam industri kos berkurangan (monopoli semula jadi) dan anugerah sumber asli.

## PENGAWASAN KERAJAAN DALAM PASARAN

Persoalan pengawasan dan kawalan kerajaan dalam pasaran adalah berkait dengan institusi al-hisba.[5] Al-hisba yang bererti hisab atau ganjaran adalah bertujuan untuk mengatur kehidupan orang ramai, iaitu akhlak mereka yang tinggi dapat dicapai dan masyarakat dapat dilindungi daripada keburukan kelakuan, penipuan, pemerasan, pengeksploitasian dan pemalsuan. Perlindungan pasaran merupakan salah satu tanggungjawab kerajaan (Khurshid Ahmad 1982: 7).

Peranan al-hisba dalam sistem pasaran telah meninggalkan beberapa implikasi positif terhadap ekonomi, antaranya:

(1) ***Harga.*** Kemestian campur tangan kerajaan dari segi penentuan harga dalam keadaan tertentu dapat mewujudkan tingkat harga yang adil kepada pengguna. Begitu juga pengharaman penentuan harga dalam keadaan tertentu yang lain akan memastikan peniaga tidak dizalimi. Dengan itu, kepentingan pengguna dan peniaga akan terjamin.

(2) ***Keseimbangan.*** Perjalanan ekonomi negara yang dikawal oleh kerajaan dengan sepenuhnya melalui al-hisba menjadikan keseimbangan yang dicapai adalah benar-benar adil dan cekap (Khan 1982: 142).

(3) ***Pengaturan penawaran.*** Keluaran dan penawaran akan terjamin dari segi halal. Segala bentuk penipuan, penyorokan aib atau penyongsongan barang oleh peniaga sebelum sampai ke pasar dapat dihindarkan.

(4) ***Struktur kredit.*** Bentuk kredit yang terlibat dengan riba atau yang menekan dan menyulitkan pihak-pihak yang terlibat dengannya akan dihindarkan.

(5) ***Penggunaan tenaga buruh.*** Tidak ada orang yang menjadi pemalas atau hanya berpeluk tubuh. Yang sihat akan bekerja dan memenuhi tanggungjawab terhadap keluarga dan majikan.

(6) ***Kecekapan sektor awam.*** Pengawasan daripada institusi al-hisba menjadikan penglibatan ekonomi oleh kerajaan akan berjalan secara bersih: Tanpa pembaziran, penyelewengan atau rasuah.

---

5 Penerangan yang lebih lanjut tentang al-hisba terdapat dalam Bab 9.

## KEPENTINGAN PASARAN

Pasaran merupakan tempat pertukaran keperluan antara pengguna dengan pengeluar. Pengeluar memerlukan pasaran bagi mendapatkan input dan memperoleh wang bagi barang yang dikeluarkan. Sementara pengguna pula memerlukan pasaran bagi mendapatkan barang keperluan dan ganjaran kewangan bagi khidmat tenaga buruh yang ditawarkan.

Dari segi Islam, pasaran merupakan tempat yang penting kerana antara perkara-perkara yang mula-mula Rasulullah usahakan setelah beliau menetap di Madinah di samping masjid ialah pasar. Ini khususnya untuk menampung barang keperluan asas supaya dapat dipenuhi dan boleh didapati dengan senang. Walaupun peranan pasaran penting, tetapi kerana pasaran menjadikan orang lalai, leka dan lupa tanggungjawab terhadap Allah, boros serta membazir dalam perbelanjaan, dan berlakunya kezaliman kecurangan dan penipuan demi kepentingan sendiri, maka Rasulullah sendiri mengisytiharkan bahawa pasaran menjadi tempat yang dibenci dan masjidlah tempat yang paling disukai.

## NORMA PASARAN

Islam mengemukakan norma akhlak serta hukum untuk menjadikan pasaran berfungsi sebagai tempat bersih bagi persaingan mendapatkan dan memenuhi keperluan pelaku ekonomi supaya perjalanan pasaran terhindar daripada ketegangan, penekanan, penipuan, monopoli dan riba.

Islam menghendaki supaya sesuatu urusan dalam pasaran dilakukan secara jelas, jujur, ikhlas, amanah, dan bersih daripada sifat kecurangan dan kepentingan kebendaan diri sendiri. Oleh itu, norma pasaran perlu ada supaya dapat dijadikan pegangan dan amalan pemasaran segala jenis barang dan juga kegiatan yang bermatlamat pasaran atau kegiatan dalam pasar itu sendiri. Di sini perbincangan tentang norma tersebut dibahagikan kepada dua tajuk, iaitu kelakuan pelaku ekonomi dan perkara yang berkaitan dengan barang.

### Kelakuan dalam Pasaran

Kelakuan pasaran merupakan kelakuan pelaku ekonomi yang terpenting yang terdiri daripada pembeli-penjual, pengeluar-penjual dan pembeli-

pengguna, seperti membiarkan petani menjual barangannya sendiri, tidak mengganggu harga (*najash*), tidak mempengaruhi pembeli secara kotor, tidak menyembunyikan kecacatan barang, tidak menyorok, menimbun dan monopoli, menepati sukatan dan timbang, tidak dilakukan ketika solat Jumaat dan tidak melibatkan riba atau perjudian.

Islam melarang pembeli menyongsong barang dagangan yang belum sampai di pasaran. Hadis Nabi yang bermaksud:

> "... jangan kamu sekalian menyongsong barang dagangan sebelum diturunkan di pasaran".

Larangan ini bertujuan supaya penjual tahu harganya di pasaran, supaya tidak tertipu dengan harga jualan yang rendah. Larangan ini juga menggalakkan supaya penjual pergi sendiri ke pasar dan secara tidak langsung akan mengurangkan bilangan orang tengah, dengan itu, kuranglah margin keuntungan. Ini tentu akan memberi manfaat, khsususnya memberi harga yang rendah untuk pembeli.

Menawarkan harga sesuatu barang bukan tujuan untuk membelinya, tetapi semata-mata untuk menggemparkan pembeli-pembeli lain supaya tertarik sama untuk membeli barang itu disebut mengganggu harga (*najash*). Dalam hal ini, pembeli tersebut merupakan sekutu penjual mengganggu harga dengan meletakkan harga barang dijual dengan begitu tinggi supaya pembeli lain sanggup pula menawarkan harga yang lebih tinggi. Perbuatan ini disebut sebagai *najasi*, manakala penjual dan pembeli yang berpakat itu sama-sama berdosa. Ibn Umar melaporkan bahawa Rasulullah s.a.w. melarang jual beli *najasi* ini.

Ibn Abi Aufa berkata:

> "Seseorang *najis* (iaitu orang yang melakukan perbuatan najasi) adalah pemakan riba dan pengkhianat".
>
> (Mohammad Thalib 1980: 42).

Ada setengah-setengah penjual menawarkan dan mempengaruhi pembeli supaya membatalkan pembelian barang penjual lain yang telah dipersetujui harganya. Perbuatan ini boleh memotong rezeki dan tentunya mengecewakan harapan dan perasaan penjual pertama. Hadis Rasulullah yang bermaksud:

> "Jangan menjual setengah daripada kamu atas jualan orang lain. Jangan menawar salah seorang daripada kamu atas tawaran saudaranya".
>
> (Hadis Riwayat al-Qurtubi)

Segala kecacatan yang ada pada barang jualannya mestilah ditunjukkan dan diberitahu kepada pembeli. Tujuannya ialah supaya pembeli tidak tertipu. Pernah Rasulullah s.a.w. lalu pada longgokan bahan makanan (bijian), diselukkan tangan baginda ke dalam longgokan itu dan didapati basah. Walaupun diberi alasan terkena hujan, namun Rasulullah s.a.w. mengarahkan supaya yang basah itu diletakkan di atas supaya semua orang tahu. Sabda Rasulullah yang bermaksud:

> "... mengapa tidak engkau letakkan sahaja di bahagian atas supaya orang ramai boleh melihatnya. Barang siapa menipu umatku dia bukan daripada golonganku".
>
> (Hadis Riwayat Muslim)

*Ihtikar* adalah menahan (menyorok) barang bagi tujuan mendapatkan harga yang tinggi. Apabila barang disorok, penawaran barang tersebut akan berkurangan. Ini membolehkan penjual meletakkan harga yang tinggi. Namun begitu, tindakan ini menzalimi pengguna. Hadis Nabi yang bermaksud:

> "Tidak akan menyorok barang, kecuali orang yang berdosa".
>
> (Hadis Riwayat Muslim)

Abu Yusuf berkata "Apa sahaja yang diperlukan oleh manusia, tetapi ditahan, maka perbuatan itu dikatakan *ihtikar*, sekalipun emas" (dipetik daripada Mohammad Thalib 1980: 56). Larangan menyorok itu adalah untuk barang yang bersifat umum. Oleh itu, penyorok barang keperluan asas tentulah lebih dilarang.

Perbuatan yang tidak menepati ukuran, sukatan dan timbangan dianggap sebagai menipu dan akan dibalas dengan dosa. Allah telah mengingatkan kita akan hal tersebut dalam al-Quran (11: 84–85, 26: 181–182, 83: 1–6).

Jual beli adalah haram antara waktu azan kedua sehingga selesai solat Jumaat (Mahsin 1984: 81). Ini berpandukan nash al-Quran (62: 9).

Riba juga berlaku dalam jual beli barang (barang tertentu atau mata wang). Riba berlaku apabila barang tersebut ditukar dengan barang yang sama jenis tanpa persamaan dari segi timbangan atau sukatan atau serah-menyerah dalam tempoh yang tidak sama (lihat Mahsin 1984: 76).

Begitu juga dengan unsur perjudian yang terdapat dalam jual beli. Di sini pembeli membaling batu ke arah barang yang hendak dibelinya,

mana satu barang yang terkena batu tersebut akan menjadi haknya (Mahsin 1984: 77), sedangkan harganya telah ditentukan sebelum membaling.

Satu lagi bentuk kegiatan yang dilarang ialah jual beli *al-'Arabun* iaitu jual beli yang dikenakan cengkeram. Wang cengkeram itu akan hilang (hangus) jika pembeli gagal membelinya (Mahsin 1984: 78).

## Barang

Barang haram bukan terbatas kepada zat barang itu, seperti babi dan arak, tetapi juga meliputi barang yang diperoleh daripada cara atau sumber yang haram seperti barang curi atau barang yang dibeli daripada wang judi.

Dari segi syarak, barang najis tidak dianggap sebagai harta (lihat Mahsin 1984: 75). Walau bagaimanapun, barang najis yang boleh dimanfaatkan, seperti tahi ayam untuk baja, maka bayaran yang dikenakan terhadap barang itu bukanlah harga jual beli, tetapi sebagai kos upah mengangkut dan menyediakannya.

Barang yang belum pasti sifat, hasil dan manfaatnya ialah termasuk menjual beli benih binatang (mani) dengan jalan mempersenyawakan antara dua jantina binatang yang hasilnya tidak diketahui. Begitu juga dengan menjual beli janin binatang yang masih berada dalam perut ibunya yang tidak diketahui jenis dan sifatnya. Keadaan yang sama juga berlaku pada buah-buahan yang belum masak atau belum boleh dimanfaatkan (lihat Mahsin 1984: 77– 78).

Buah-buahan seperti anggur atau tamar yang diyakini pembeliannya adalah untuk tujuan dijadikan arak, maka haram penjual menjualkannya. Ini sabit dengan hadis nabi yang bermaksud:

> "Barang siapa menahan anggurnya pada musim memetiknya, kemudian dijual kepada seorang Yahudi atau Nasrani atau kepada tukang membuat arak, maka sungguh jelas dia akan masuk neraka".
>
> (Hadis Riwayat Tabarani)

## Kerosakan Pertukaran

Kesemua perkara yang disebutkan di atas merupakan norma yang perlu dijadikan panduan; penyelewengan daripadanya bererti menjerumuskan kepada yang haram. Ada antara perkara-perkara tersebut bukan sahaja haram, tetapi menjadikan urusniaga tersebut tidak sah (rosak dan

terbatal), seperti jual beli yang melibatkan riba, perjudian, 'arabun, barang najis dan barang yang belum pasti sifat, hasil dan manfaatnya. Sementara yang lainnya sah jual beli tersebut, walaupun haram. Contohnya, menyongsong barang di dusun, mengganggu harga, mempengaruhi pembeli dengan jalan kotor, menyorok dan monopoli, buah-buahan untuk arak dan jual beli ketika solat Jumaat (lihat Mahsin 1984: 76–83).

## BENTUK STRUKTUR PASARAN

Dasar penting teori harga dalam Islam bagi melahirkan tingkat harga yang wajar ialah melalui prinsip kerjasama dan persaingan yang sihat. Manan (1986: 147 dan 149), Kahf (1982: 50–62), dan Siddiqui (1979: 139–141) membayangkan bahawa bentuk struktur pasaran yang harus wujud dalam ekonomi Islam ialah kerjasama bebas. Di samping menonjolkan kerjasama (tetapi bukannya dalam bentuk monopoli), bentuk struktur pasaran juga mempunyai kebebasan dan persaingan secara terpimpin mengikut akhlak Islam.

### Kebebasan

Kebebasan dalam Islam merupakan kebebasan yang berarah, sesuai dengan akhlak Islam. Kebebasan dalam pasaran tidak bermaksud melepaskan dan merelakan segala bentuk tindak-tanduk pelaku penting dalam pasaran. Tetapi sebaliknya, kebebasan ini bergerak dan berlaku dalam ruang lingkup kegiatan yang tidak bercanggah dengan norma murni yang telah ditentukan.

Setiap orang bebas mengeluarkan serta memasarkan barang yang sama atau yang berlainan daripada orang lain. Begitu juga pembeli, mereka berhak terhadap apa sahaja barang dan mana-mana penjual yang mereka kehendaki. Ibn Taymiyah juga menyebut kebebasan seseorang (pengeluar atau pengguna) untuk keluar masuk pasaran (Kahf 1982: 58).

### Persaingan

Persaingan yang dibenarkan dalam Islam adalah persaingan secara sihat dan terpimpin. Persaingan yang sihat tidak bermakna persaingan sempurna dalam istilah moden sekarang, tetapi persaingan yang bebas daripada unsur-unsur spekulasi, sorokan, monopoli, penyeludupan

(Mannan 1986: 147), pembaziran, dan sebagainya. Persaingan juga dikatakan sihat jika berunsurkan untuk meningkatkan kebajikan, kemudahan dan manfaat orang ramai khususnya pengguna. Masing-masing akan mengarah kepada peningkatan perkhidmatan selaras dengan kehendak pengguna dan masyarakat, dan bukannya persaingan yang bertujuan untuk menghapuskan pesaing-pesaingnya.

## Kerjasama

Kebebasan dalam ekonomi Islam lebih merupakan kebebasan yang mengarah kepada wujudnya kerjasama. Ini sangatlah bersesuaian dengan anjuran Islam bahawa setiap orang Islam adalah bersaudara. Firman Allah yang bermaksud:

> "... dan tolong – menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan taqwa dan janganlah kamu tolong – menolong dalam membuat dosa dan pelanggaran ...
>
> (al-Quran 5:2)
>
> "Sesungguhnya orang-orang Mukmin adalah bersaudara".
>
> (al-Quran 49: 10)

Sabda Nabi yang bermaksud:

> "Perumpamaan orang-orang yang beriman, sesama mereka cinta-mencintai, sayang-menyayangi dan bantu-membantu, seumpamanya satu tubuh. Apabila salah satu anggota sakit, anggota yang lain akan turut merasainya sama".
>
> (Hadis Riwayat Muslim)

Ini menunjukkan bahawa tolong-menolong, bantu-membantu dan bekerjasama dalam memelihara kesejahteraan bersama dianjurkan oleh Islam.

Siddiqui (1979: 140) menganjurkan pelbagai cara yang kerjasama dapat dilakukan, seperti tindakan bersama atau nasihat yang bertimbal balik yang membolehkan setiap individu mengambil tindakan yang selaras dengan pencapaian yang harmoni, antara matlamat individu dengan matlamat sosial.

Dari segi pengeluar, kerjasama dapat berlaku dalam bentuk penyebaran maklumat pasaran berkaitan dengan kehendak pengguna, harga, kualiti, teknologi, dan sebagainya. Maklumat ini dapat menolong pengeluar untuk mengambil dasar yang betul atau memperbetulkan dasar yang kurang sesuai yang telah diamalkan.

Bentuk kerjasama yang lain ialah membentuk projek penyelidikan bersama, skim kebajikan pekerja dan nasihat timbal balik dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan hal-hal dasar, kualiti, harga keluaran dan juga peiklanan bersama, dan sebagainya semata-mata bukan bertujuan untuk keuntungan/kepentingan individu (pengeluar) tetapi juga pengguna dan masyarakat. Tegasnya, kerjasama Islam bertujuan untuk perkhidmatan sosial.

## Bukan Monopoli

Usaha kerjasama tidak bermaksud untuk tujuan monopoli. Islam tidak memandang monopoli itu suatu yang baik, kerana monopoli lebih bertujuan memeras dan menyekat kebebasan pasaran.[6]

Ibn Taymiyah (Kahf 1982: 59) tidak membenarkan penggabungan ahli ikhtisas, sama ada mereka daripada kumpulan penjual atau pembeli. Beliau membenarkan campur tangan kerajaan dalam menentukan harga yang sesuai apabila timbulnya unsur-unsur monopoli dalam pasaran. Begitu juga Ibn Khaldun (Sattar 1978: 113), beliau menganggap bahawa monopoli perdagangan dan pertanian hanya akan menghancurkan ekonomi, bukannya membangunkannya.

6 Monopoli dalam konteks ini bukan monopoli kerajaan yang sememangnya bertindak demi kepentingan rakyat.

# BAB 8

# AGIHAN PENDAPATAN FAKTOR DAN HARTA

Islam telah mengatur cara bagaimana pulangan daripada kegiatan ekonomi sepatutnya diagihkan. Pertama, agihan pulangan kepada yang terlibat secara langsung dalam pengeluaran, khususnya faktor pengeluaran. Kedua, agihan pulangan kepada yang tidak terlibat dalam kegiatan pengeluaran.

Agihan yang diperoleh oleh mereka yang terlibat dalam kegiatan pengeluaran secara langsung dinamakan *pendapatan faktor* yang terdiri daripada sewa, upah dan keuntungan. Sementara agihan yang diperoleh oleh mereka yang tidak terlibat dalam kegiatan pengeluaran dinamakan *infak* yang terdiri daripada zakat, sedekah, derma, dan sebagainya.

## PENGELASAN FAKTOR PENGELUARAN

Pada umumnya, teori ekonomi lazim membahagikan faktor pengeluaran kepada empat, iaitu usahawan, buruh, tanah dan modal (setengah-setengahnya memasukkan juga teknologi sebagai faktor pengeluaran). Dalam Islam, kalaupun kita mengakui keempat-empat faktor ini, namun penetapan nilai bagi setengah-setengah faktor adalah berbeza. Misalnya modal, Islam meletakkan nilai untung (ataupun sewa) bagi modal dan bukannya bunga.

Afzal-ur-Rahman (1974: 161), Mawdudi (lihat Siddiqi 1981: 57) dan Mannan (1986: 56–64) menerima empat faktor pengeluaran seperti dalam ekonomi lazim, iaitu tanah, buruh, modal dan organisasi (usahawan), cuma memberi penilaian yang berbeza terhadap faktor ini sesuai dengan kehendak Islam. Bagi Mannan, modal bukannya faktor pengeluaran yang penting. Modal merupakan alat yang dihasilkan untuk tujuan pengeluaran; dihasilkan daripada penggunaan buruh dan sumber

alam (Mannan 1986: 60).

Abu-Saud dan al-Sadr (lihat Siddiqi 1981: 57) hanya membincangkan tiga faktor, iaitu unsur semula jadi, kerja yang baik (buruh dan organisasi) dan modal. Bagi mereka, modal dihasilkan daripada usaha sumber manusia terhadap unsur-unsur semula jadi. Selanjutnya al-Sadr juga mempersoalkan kedudukan buruh sebagai faktor pengeluaran kerana buruh (termasuk organisasi) bukanlah harta kekayaan yang boleh dimiliki, ini menjadikan hanya unsur-unsur semula jadi yang merupakan faktor pengeluaran yang terpenting.

Abu Sulaiman hanya memasukkan dua faktor, iaitu tanah dan modal dengan mengetepikan buruh sebagai faktor pengeluaran kerana katanya buruh adalah idea kapitalis (lihat Siddiqi 1981: 57). Buruh dicipta untuk memanfaatkan faktor pengeluaran. Dengan meletakkan buruh sebagai faktor pengeluaran akan menundukkan manusia untuk manusia lain (Siddiqi 1981: 58).

Tahawi pula mengiktiraf hanya dua faktor pengeluaran iaitu buruh (termasuk usahawan) dan harta kekayaan. Beliau memasukkan tanah dan modal ke dalam harta kekayaan (lihat Siddiqi 1981: 57). Sementara Najjar juga menyebut dua faktor pengeluaran, iaitu buruh dan modal, memasukkan usahawan ke dalam buruh, dan tanah ke dalam modal (lihat Siddiqi 1981: 57). Uzair (1981: 38–39) juga dengan dua faktor pengeluaran, iaitu sumber manusia (yang meliputi daripada buruh hingga kepada pengurus) dan modal (dengan tidak memisahkannya daripada faktor usahawan).

Pengkelasan yang paling menarik ialah oleh Abdul Halim (1990: 9) yang hanya mengiktiraf dua faktor pengeluaran, iaitu al-amal (usaha dan kerja) dan al-mal (harta).

Daripada perbincangan di atas jelas bahawa terdapat pendapat tentang faktor pengeluaran serta susunan kepentingan di kalangan penulis ekonomi Islam. Dengan mengambil kira segala pendapat di atas, ternyata bahawa hanya tiga faktor pengeluaran, iaitu sumber semula jadi, harta kekayaan dan kerja/usaha sebagai faktor yang terpenting. Pencerakinan ini mendekati pendapat dan pengkelasan faktor pengeluaran yang dibuat oleh Abdul Halim (1990).

## Skop Faktor Pengeluaran

Mengikut teori ekonomi moden, faktor pengeluaran ialah perkhidmatan berdaya keluaran atau sumber atau input (Watson 1972: 457). Faktor pengeluaran membantu dalam proses pengeluaran (Afzal-ur-Rahman

1974: 161) serta daripadanya manusia menghasilkan pendapatan dan kekayaan (Abdul Halim 1990: 9). Daripada pernyataan di atas, maka faktor pengeluaran adalah "alat" yang:

(1) Menghasilkan sesuatu sama ada barang akhir atau perantaraan.
(2) Menghasilkan sesuatu sama ada dalam bentuk barang atau kewangan.
(3) Menjadikannya tetap seperti bentuk asal atau berubah bentuknya.

Faktor pengeluaran diperlukan (diminta) bukan disebabkan penggunaannya secara langsung, seperti barang penggunaan, tetapi diminta kerana perkhidmatannya yang dapat menghasilkan barang lain.

## UNSUR-UNSUR SEMULA JADI

Abu-Saud dan al-Sadr (lihat Siddiqi 1981: 57) selain daripada secara jelas menonjolkan unsur-unsur semula jadi sebagai salah satu daripada faktor pengeluaran yang utama, juga menganggap sebagai sumber yang terpenting.

Baqir al-Sadr (1982: 83) membahagikan unsur-unsur semula jadi kepada empat subfaktor yang mengandungi:

(1) Tanah (permukaan).
(2) Bahan yang terkandung di dalam tanah, termasuk galian.
(3) Saliran semula jadi sebagai sumber kegiatan pertanian dan perhubungan.
(4) Kekayaan semula jadi yang lain di bumi dan di laut, seperti binatang, ikan, tumbuh-tumbuhan, dan sebagainya.

Dalam kategori tanah (permukaan) bolehlah dimasukkan segala tanah rata, bukit-bukau dan kesuburannya. Sementara kategori ketiga termasuklah segala sungai, tasik dan laut. Air hujan, udara, cuaca, dan iklim boleh juga dimasukkan sebagai unsur-unsur alam semula jadi.

Dalam al-Quran dan seterusnya mengikut istilah fiqh tanah disebut sebagai *al-ard* (bumi). Di dalam al-Quran, kalimah *al-ard* ini disebut lebih daripada 400 kali dengan pengertian yang luas (lihat Sobri 1989: 75 dan 77). Afzal Ur-Rahman (1974: 161–169) merangkumkan istilah bumi untuk meliputi tanah permukaan, galian, gunung, hutan, binatang, hujan dan iklim. Dengan itu, diperkatakan bahawa sumber tanah atau sumber bumi itulah juga merupakan sumber semula jadi. Dengan itu,

jelaslah bahawa yang membezakan antara sebahagian bumi daripada sebahagian yang lain ialah mutu atau kandungan yang boleh didapati pada bumi tersebut, termasuk kandungan di dalam perut, di permukaan atau di persekitaran bumi.

Bumi (tanah) adalah segala yang diciptakan oleh Allah di atasnya dalam bentuk semula jadi. Unsur-unsur semula jadi inilah yang akan menentukan pulangan terhadap tanah. Tanah yang di dalamnya terdapat galian misalnya, akan menjadikan pulangan terhadap tanah itu lebih tinggi daripada tanah yang tiada sumber tersebut, dan pulangan ini diperoleh melalui pengusahaan sumber tersebut.

### Tanah Permukaan

Tanah permukaan merupakan subfaktor yang terpenting kerana tanah tersebut menjadi tapak kepada segala kegiatan kehidupan manusia. Semua kegiatan kehidupan manusia termasuk ekonomi berada di atas tanah. Ukuran kepadatan penduduk adalah berpandukan keluasan tanah permukaan ini. Walaupun penawarannya terhad, namun penambahan dapat dilakukan dengan penambakan, biarpun kesannya mungkin minimum.

### Saliran, Sungai, Tasik, Laut, Air Hujan, Udara, Cuaca dan Iklim

Saliran, sungai, tasik, laut, udara, cuaca dan iklim yang mempengaruhi kegiatan ekonomi adalah juga merupakan subfaktor pengeluaran yang penting. Kegiatan ekonomi memerlukan sumber tersebut, sama ada sebagai input langsung (seperti air) ataupun secara tidak langsung, seperti sebagai media perhubungan atau kesesuaiannya dengan jenis kegiatan yang akan dijalankan (seperti cuaca dan iklim). Walaupun sumber ini percuma (anugerah Allah), namun satu dimensi tingkat harga amat wajar ditentukan seandainya berlaku penggunaan terhadap sumber tersebut. Harga atau nilai yang sesuai bagi sumber ini ialah kos pencemaran yang dapat dielakkan. Sebarang kos yang terlibat bagi menjamin keaslian kualiti sumber ini dianggap sebagai harganya.

### Bahan dalam Perut Bumi

Bahan dalam perut bumi, seperti galian bukanlah merupakan bahan akhir, tetapi adalah bahan mentah yang perlu melalui proses pengeluaran untuk menjadikannya berguna. Oleh itu, galian adalah input bagi

menghasilkan sama ada barang perantaraan atau barang akhir.

**Binatang, Ikan dan Tumbuhan**

Jika dilihat secara yang tersendiri, sumber dalam kategori ini lebih merupakan barang akhir, yang akan digunakan bagi penggunaan akhir dan tidak sebagai alat untuk menghasilkan barang lain. Walau bagaimanapun, beberapa pengecualian, seperti untuk alat kenderaan, kulit, minyak atau kayunya dijadikan alat untuk menghasilkan barang lain.

**Tanah dan Sewa**

Pulangan terhadap tanah antaranya ditentukan oleh jenis kegunaannya. Sementara kegunaannya pula bergantung pada kesesuaian yang merupakan penentu kepada pulangannya. Tanah yang di dalamnya terdapat galian berharga adalah lebih sesuai untuk penggunaan perlombongan kerana pulangannya lebih tinggi daripada kegunaan lain. Tanah yang tidak subur, kering (kekurangan hujan) beriklim padang pasir, berbukit batu tidak sesuai untuk ditanam dengan getah, tetapi lebih sesuai untuk penggunaan kegiatan pemecahan batu. Kegiatan pemecahan batu akan menghasilkan pulangan yang lebih kepada tanah tersebut.

Pulangan faktor tanah ialah sewa.[1] Pada umumnya, tingkat sewa tanah bergantung hasil atau perolehan yang dapat dikeluarkan dari tanah tersebut. Semakin tinggi hasil, maka semakin tinggilah sewanya.

Secara zahir, sewa seolah-olahnya sama seperti bunga, cuma sewa terhadap tanah, dan bunga terhadap modal. Malah setengah-setengah penulis Islam memasukkan tanah sebagai faktor modal.[2] Mannan (1986: 115) menjelaskan enam sebab mengapa sewa itu berbeza daripada bunga, iaitu:

(1) Sewa terhasil daripada inisiatif, pengusahaan dan kecekapan.
(2) Adanya unsur keusahawanan dalam sewa.

---

1 Perbincangan sewa di sini dihadkan kepada sewa yang dibayar oleh penyewa kepada tuan tanah dan tidak kepada sewa ekonomi.

2 al-Najjar (lihat Siddiqi 1981: 57) memasukkan tanah ke dalam faktor modal. Walaupun begitu beliau tidak mengiktiraf pulangan bunga terhadap faktor tanah/modal.

(3) Pemilik tanah terlibat dalam penentuan corak, saiz dan nilai faedah keluaran.

(4) Sewa tidak dimasukkan ke dalam harga hasil keluaran kerana sewa sendiri ditentukan oleh hasil.

(5) Adanya unsur kerugian dalam sewa.

(6) Tanah tidak boleh diubah bentuknya, dan sewa tanah lebih hampir menyamai upah dan gaji.

Dalam kes penggunaan tanah untuk tujuan pertanian, penentuan sewa berdasarkan dua prinsip asas, iaitu keadilan dan kebajikan, dan satu prinsip tambahan, iaitu menjaga kepentingan bersama (Afzal Ur-Rahman 1975: 106–108). Dari segi keadilan, penentuan sewa terletak pada keupayaan membayar oleh penyewa supaya ia merasa puas hati dan seterusnya bekerja dengan lebih keras untuk menambahkan daya pengeluaran tanah tersebut. Sementara kebajikan bertujuan untuk memelihara kebajikan penyewa termasuk keluarganya. Sewa akan hanya dikeluarkan sekiranya hasil pengeluaran tanah melebihi keperluan asas penyewa. Dari segi kepentingan bersama, sewa mesti tidak mencederakan atau memudaratkan sama ada pihak penyewa mahupun tuan tanah. Sewa mesti tidak terlalu tinggi hingga membebankan penyewa atau terlalu rendah sehingga menjejaskan kepentingan tuan tanah. Demi menjaga kepentingan kedua-dua pihak, Afzal Ur-Rahman (1975: 108) mencadangkan supaya tiga perkara diambil kira, iaitu daya pengeluaran tanah, penyewa dan kebajikannya, dan kos penanaman.

Sementara kadi Abu Yaala (lihat Afzal Ur-Rahman 1975: 109) menyimpulkan tiga prinsip bagi penentuan sewa tanah dalam negara Islam, iaitu perbezaan tanah (kesuburan), perbezaan tanaman (jenis tanaman), dan perbezaan pengairan (kemudahan air). Namun begitu, perlu ditegaskan bahawa sewa yang wajar dalam Islam perlu mengambil kira beberapa perkara, antaranya:

(1) Daya pengeluaran tanah (hasil), termasuk kesuburannya.
(2) Perbezaan jenis tanaman.
(3) Lokasi tanah, termasuk iklim, suhu dan kemudahan pengangkutan.
(4) Kos penanaman, termasuk kemudahan air.
(5) Kebajikan penyewa.

Begitu juga dalam kes penggunaan tanah untuk kegunaan-ke-

gunaan lain, misalnya untuk perlombongan,[3] sewanya bergantung pada jenis galian, kos perlombongan, lokasi tanah perlombongan, dan aspek kebajikan penyewa.

Oleh itu, sewa tidak boleh ditetapkan oleh tuan tanah dengan sewenang-wenangnya tanpa mengambil kira perkara di atas. Begitu juga, sewa tidak boleh ditentukan pada tingkat jumlah tertentu, misalnya sekian gantang untuk seekar kerana penentuan seperti ini menyerupai bunga.

## Kontroversi Sewa

Pada prinsipnya, setiap tanah yang dimiliki mestilah diusahakan dan tidak dibiarkan. Tuntutan hak milik terhadap tanah terbiar boleh digugur, dan kerajaan boleh mengambil tanah itu untuk diberikan kepada orang lain. Setiap tanah yang dimiliki lebih baik diusahakan sendiri oleh pemiliknya. Kalau pemiliknya tidak mampu mengerjakan tanah itu atas sebab-sebab tertentu, maka lebih baik dia membenarkan orang lain mengusahakannya tanpa mengenakan bayaran. Hadis Rasulullah yang bermaksud:

> "Sesiapa yang memiliki tanah, mestilah mengusahakannya sendiri, ataupun memberikannya kepada saudaranya secara percuma". Dalam hadis lain, ada dinyatakan bahawa "seseorang itu lebih baik memberikan tanah itu kepada saudaranya secara percuma daripada mengenakan sejumlah bayaran (sewa) yang tertentu".
>
> (Hadis Riwayat Bukhari)

Hadis di atas tidak memberi isyarat tentang haramnya sewa, sebaliknya mengutamakan penggunaan tanah kepada orang lain secara percuma. Kalau tanah terpaksa disewakan, biarlah tingkat bayaran itu tidak menekan penyewa. Walau bagaimanapun, keharusan sewa bergantung pada jenis-jenis sewa itu sendiri. Di sini diperturunkan beberapa jenis sewa, seperti yang dituliskan oleh Yusuf (1957: 30–31) iaitu:

---

3 Bagi setengah-setengah negara (termasuk Malaysia) yang bahan galian yang terdapat di dalam tanah menjadi milik negara, maka harga bayaran lesen yang diberikan kepada pelombong merupakan pulangan terhadap tanah, yang menyerupai sewa.

(1) Sewa tentu plot, iaitu sewa yang menetapkan supaya hasil pada plot yang berhasil tinggi (kerana terdapat kemudahan air atau subur) diserahkan kepada tuan tanah dan hasil bagi plot-plot lain kepada penyewa.
(2) Sewa hasil tetap iaitu menetapkan sewa pada jumlah kuantiti yang tertentu tanpa mengambil kira hasil yang dikeluarkan, misalnya seguni bagi setiap seekar.
(3) Sewa berkadar hasil, iaitu satu kadar atau nisbah tetap sewa bagi hasil yang dikeluarkan, misalnya 30 peratus (atau 30: 70) daripada hasil keluaran tanah.
(4) Sewa tunai, iaitu sewa yang dibayar dalam bentuk tunai yang tertentu jumlahnya, bergantung pada keadaan tanah.

Antara keempat-empat bentuk sewa ini, yang pastinya bentuk pertama dan kedua adalah dilarang dalam Islam. Sementara bentuk ketiga merupakan *muzaraah*[4] seperti dalam kes mudarabah, dalam kes ini, modalnya ialah tanah. Cara ini, dianggap sebagai halal oleh sebahagian ulamak, termasuk Imam Syafii[5] (Yusuf 1957: 32). Sementara bentuk keempat, bukan merupakan *muzaraah*, tetapi termasuk dalam konsep dan hukum *ijarah* yang secara umumnya juga halal (Yusuf 1957: 33).

## HARTA KEKAYAAN

Pengelasan harta kekayaan mengikut Tahawi (dipetik daripada Siddiqi 1981: 57) ialah modal dan tanah. Oleh sebab tanah telah dikelaskan sebagai sumber semula jadi, maka faktor harta kekayaan tinggal modal sahaja. Bagi faktor modal, menurut Alavi, kekayaan yang diberi dalam bentuk pinjaman tidak dianggap sebagai modal (lihat Siddiqi 1981: 58). Sementara Ahmad menambah bahawa modal hanya akan dianggap modal jika benar-benar berdaya keluaran dan menyertai proses pengeluaran (dipetik daripada Siddiqi 1981: 58). Daripada kenyataan tersebut dapat dipastikan bahawa modal terdiri daripada wang. Menurut

4 Muzaraah ialah kontrak terhadap tanah kosong yang belum ditanami, sementara bagi tanah yang telah ditanami (dengan buah-buahan), maka disebut *musaqat* (lihat Afzal-ur-Rahman 1975: 168, Md. akhir 1987: 63).

5 Syafii mengehadkan tanaman kepada buah-buahan (anggur dan tamar).

Afzal-Ur-Rahman (1974: 199–200), modal adalah kekayaan yang membantu pengeluaran kekayaan yang lain. Dengan itu, modal bukan setakat modal wang, tetapi juga merupakan stok terkumpul sebuah loji dan kelengkapan perniagaan (lihat Kahf 1982: 45). Ini juga membawa makna bahawa modal terdiri daripada barang tahan lama yang digunakan untuk mengeluarkan barang-barang lain, seperti mesin.

### Wang Pelaburan

Ekonomi lazim meletakkan nilai bunga sebagai pulangan terhadap faktor modal. Islam tidak mengakui pulangan modal dalam bentuk riba yang jelas haramnya secara *qat'iy*, tetapi memberi jalan keluar, iaitu dalam bentuk keuntungan atau sewa mengikut jenis modal.

Islam telah menetapkan saluran yang tertentu apabila modal itu dapat menghasilkan pulangan bukan dalam bentuk bunga, tetapi dalam bentuk keuntungan. Dengan melabur, pemodal akan benar-benar terlibat dalam proses pengeluaran dan sanggup menghadapi risiko untung atau rugi. Ini berbeza dengan hutang, yakni pemiutang tidak terlibat dalam kegiatan pengeluaran secara langsung, dan tidak sanggup menghadapi risiko kerugian. Sebaliknya, pemiutang hanya mahu menerima keuntungan yang tetap, iaitu dalam bentuk bunga.

Islam menghalalkan berbagai-bagai bentuk pelaburan untuk diusahakan, seperti mudarabah, musyarakah (perkongsian) atau secara persendirian.

### Kelengkapan

Pulangan terhadap modal yang berbentuk kelengkapan, alat tahan lama, stok terkumpul loji ialah *ijarah* (sewa). Misalnya, pengenaan sewa terhadap penggunaan mesin.

### Analisis Modal

Pulangan terhadap modal ialah keuntungan yang merupakan perkadaran daripada jumlah keuntungannya dan tidak kepada jumlah kekayaan modalnya. Mannan (1986: 123–124) mengatakan bahawa teori modal Islam lebih realistik kerana daya pengeluaran yang berubah-ubah, bergantung pada pengeluaran sebenar. Di samping itu, modal lebih komprehensif kerana mengambil kira semua pembolehubah, seperti penduduk, mata wang, reka cipta, kebiasaan, citarasa dan taraf

kehidupan serta lebih beretika kerana pembolehubah bahagian modal yang adil dan saksama serta bebas daripada eksploitasi ejen pengeluaran yang lain.

Mannan (1986: 124–130) selanjutnya menghujahkan beberapa perkara yang membuktikan ekonomi tanpa riba lebih baik daripada ekonomi beriba, dan lambat-laun ekonomi beriba akan terkebelakang. Di sini diperturunkan hujah-hujah beliau secara ringkas:

(1) Wujudnya golongan kapitalisme yang menguasai kehidupan melalui riba.
(2) Tabungan dan pelaburan yang merupakan penggerak utama kepada pembangunan industri berskel besar masih dapat dipertingkatkan melalui margin keuntungan yang tinggi dan risiko yang berkurangan.
(3) Riba mewujudkan pengangguran dana pelaburan, menyekat pelaburan dalam pengeluaran dan merendahkan kecekapan sut modal.
(4) Riba menjadikan kemelesetan dan melambatkan pemulihannya.
(5) Riba meninggalkan projek penting yang berpulangan rendah.
(6) Riba mewujudkan masalah perlunasan perkhidmatan hutang yang membebankan kebanyakan negara membangun yang banyak bergantung pada hutang untuk membiayai projek pembangunannya.
(7) Peranan riba yang makin berkurangan di negara membangun khususnya negara Islam.
(8) Riba menghalang keharmonian dunia sebab berbentuk eksploitasi. Dicadangkan supaya mengenakan tambahan cukai di negara pemiutang sebagai pulangan yang boleh menggantikan pulangan riba.

## PEKERJA DAN USAHAWAN

Sebagai manusia, segala usaha, kerja dan amal pekerja dan usahawan tidak dapat dipisahkan daripada jasadnya kerana tiada amal tanpa jasad, dan tiada jasad tanpa amal, kecuali mati. Setiap amal akan kembali kepada jasadnya.

Manusia diciptakan sebagai khalifah untuk tujuan memakmurkan alam ini (al-Quran 11: 61). Untuk tujuan ini maka Allah telah melengkapi manusia dengan segala kemudahan yang ada, baik kelengkapan yang terdapat pada dirinya atau pada alam sekelilingnya. Manusia dijadikan sempurna dan sebaik-baik kejadian (al-Quran 95: 4), diaturkan dan dicukupkan dengan segala persediaan bagi keperluan

hidupnya di bumi (al-Quran 31: 20), supaya ia benar-benar dapat menjalankan tanggungjawab dan amanahnya, baik di dunia mahupun akhirat.

Semua makhluk yang ada dalam alam ini (baik sumber atau harta kekayaan) dijadikan dan ditundukkan khusus untuk keperluan manusia supaya manusia memperalatkannya demi kebaikan. Maksud firman Allah:

> "Dialah Allah yang menjadikan segala yang ada di bumi untuk kamu ...."
>
> (al-Quran 2: 29)

> "Sesungguhnya Kami (Allah) telah menempatkan kamu sekalian di muka bumi dan Kami (Allah) adakan bagi kamu di muka bumi itu (sumber) penghidupan ...."
>
> (al-Quran 7:10)

Manusia tidak dijadikan alat atau tujuan bagi makhluk lain, bahkan kepada sesama manusia sekalipun. Manusia dijadikan hanya untuk mengabdikan diri kepada Penciptanya, iaitu Allah.

Makhluk manusia yang beriman dan yang bertaqwa bukanlah merupakan faktor pengeluaran yang berperanan sebagai alat pengeluaran, tetapi peranannya sebagai khalifah (wakil Allah) di dunia yang bertugas sebagai penyebar rahmat dan pemakmur.

Tugas sebagai khalifah yang sekaligus sebagai hamba dan pemakmur dunia hanya dapat dilakukan oleh manusia Mukmin dan tidak termampu bagi manusia lain untuk memikulnya. Oleh itu, istilah manusia sebagai faktor pengeluaran dalam ekonomi lazim hanya sesuai bagi manusia di kalangan mereka sahaja. Kerana istilah faktor lebih mendekati fungsi *robot* bagi tujuan kebendaan.

Manusia yang beriman boleh lebih tinggi dan mulia daripada malaikat. Ini jelas berlaku, pertamanya ketika Allah memerintahkan seluruh malaikat tunduk, yakni sujud kepada manusia Adam dalam firman-Nya yang bermaksud:

> "Dan (ingatlah) ketika Kami (Allah) berfirman kepada para malaikat: Sujudlah kamu kepada Adam, maka sujudlah mereka, kecuali iblis ...."
>
> (al-Quran 2: 34)

Bukti kedua berlaku ketika peristiwa israk dan mikraj apabila

Rasulullah s.a.w. dapat menghadap Allah, sedangkan Jibrail (selaku ketua malaikat) tidak termampu untuk menemani Rasulullah ke sisi Allah.

Oleh itu demi menjaga status manusia yang mulia, maka buruh dan usahawan Islam adalah penguasa dan khalifah Allah di dunia, tenaga pemakmur dan pekerja Allah yang sentiasa tunduk dan mengabdikan diri kepada kehendak Allah, yang sifatnya bukan sebagai alat pencapaian kebendaan atau hamba kepada makhluk- makhluk lain.

Peranan manusia, khususnya dari segi pembangunan dunia memang penting. Tanpa manusia, dunia tidak akan dicipta. Ini menunjukkan pentingnya kejadian manusia. Tetapi ini tidak bermakna bahawa manusia sebagai alat pembangunan kerana mengistilahkan manusia sebagai alat lebih memungkinkan berlakunya "penundukan manusia untuk manusia lain", seperti yang dibimbangi oleh Abu Sulaiman (lihat Siddiqi 1981: 58). Oleh yang demikian, manusia bukanlah sebagai faktor, tetapi sebagai pemilik, pengurus dan pengolah faktor pengeluaran, iaitu semua faktor pengeluaran ditunduk kepada manusia.

Manusia sebagai makhluk istimewa sentiasa mendapat perhatian yang juga istimewa daripada Allah. Segala gerak-gerinya diawasi, diperhati dan dibukukan oleh Allah bagi tujuan pembalasan. Segala yang dilakukan oleh manusia di dunia ini akan mendapat balasan daripada Allah, dan balasan yang seperti ini tidak berlaku kepada makhluk lain.[6] Dalam maksud yang lebih luas segala amal, kerja dan usaha manusia bukan sahaja akan dibayar di dunia, tetapi juga di akhirat.

Kerja-kerja manusia di dunia akan diberikan ganjaran dalam bentuk upah, gaji atau untung. Sementara di akhirat akan dibayar pahala bagi kerja yang baik dan dosa bagi yang jahat atau syurga/neraka.

Manusia dijadikan Allah berbeza-beza dari segi kebolehan, bakat, keupayaan, kecerdasan, kemahiran, pemilikan, kekayaan, dan sebagainya. Perbezaan ini menjadikan manusia mempunyai peranan yang berbeza-beza. Ada yang menjadi buruh, pegawai sehingga kepada pengurus dan ada yang menjadi usahawan kerana kelebihan hartanya atau kerana kemahuannya untuk menghadapi risiko untung rugi dengan mengusahakan kegiatan ekonominya.

---

6 Cuma makhluk manusia dan jin (termasuk syaitan) sahaja yang akan dipertanggungjawabkan amalannya di akhirat.

### Pekerja

Istilah pekerja meliputi daripada peringkat buruh sehinggalah kepada peringkat pengurus. Mereka semua merupakan golongan manusia yang dibayar dengan ganjaran upah dan gaji. Pulangannya mestilah positif tanpa mengambil kira hasil keuntungan yang diperoleh oleh kegiatan pengeluaran majikan. Tingkat ganjaran pekerja bergantung pada kualiti fizikal, mental, kelayakan, kemahiran dan kebolehan. Ganjaran usahawan yang bekerja tidak diambil kira sebagai upah (Anwar 1987: 30) kerana ganjarannya adalah untung.

Usaha pekerja terhadap penggunaan sumber asli akan menghasilkan utiliti pengguna. Usaha menghasilkan utiliti ini wajar mendapat ganjaran upah. Islam mengambil berat tentang kehidupan pekerja. Pada hakikatnya, kesejahteraan pekerja dan majikan bergantung pada keadaan hubungan baik antara kedua pihak.

### Usahawan

Usahawan adalah tenaga manusia yang memiliki kegiatan pengeluaran yang mungkin sekaligus merupakan juga pengurus dan pentadbir. Dia bertanggungjawab terhadap perjalanan pengeluaran. Ganjaran baginya ialah dalam bentuk lebihan setelah semua pulangan diagihkan kepada pekerja, tanah dan modal. Oleh sebab usahawan menerima pulangan dalam bentuk lebihan, maka dia menghadapi risiko kerugian. Ini bermakna pulangannya tidak semestinya positif, sebaliknya mungkin negatif. Kedudukan lebihan bagi usahawan sebahagiannya bergantung pada kebolehan, keupayaan, ketekunan dan pengalaman. Usahawan yang juga bekerja sebagai pengurus misalnya, tidak wajar mendapat ganjaran upah atau gaji kerana ganjarannya ialah dalam bentuk keuntungan. Maka dalam hal ini sumbangannya sebagai pekerja adalah semata-mata untuk penguasaan dan pengawasan kegiatan pengeluaran keseluruhannya demi memastikan pencapaian keuntungan yang dikehendaki.

## KEADILAN PENGAGIHAN

Bagi memastikan keadilan dari segi pengagihan sumber asli dan harta kekayaan, seperti yang telah dinyatakan oleh Zakaria (1986: 3–14), Islam menggariskan tiga kaedah utama yang perlu dilaksanakan oleh manusia: Menghapuskan penumpuan pemilikan, ganjaran faktor yang

wajar dan *infak* kepada bukan faktor.

## Menghapuskan Penumpuan Pemilikan

Islam awal-awal lagi telah memberi isyarat agar pemilikan sumber itu sama ada sebelum atau selepas berlakunya proses pengeluaran tidak tertumpu kepada golongan tertentu sahaja. Maksud firman Allah:

> "... supaya harta itu jangan hanya beredar antara orang-orang kaya sahaja di kalangan kamu ...."
>
> (al-Quran 59: 7)

Sumber yang belum melalui proses pengeluaran yang disebut sebagai sumber asli dan sumber yang telah melalui proses pengeluaran yang dinamakan harta kekayaan perlu diagihkan secara adil dan peluang yang sama untuk mendapatkannya terbuka kepada sesiapa sahaja.

Bagi memastikan keadilan dalam pemilikan, Islam juga mengakui keperluan kepada bentuk pemilikan negara, awam dan perseorangan, yang masing-masingnya mempunyai tempat dan ruang yang tersendiri dan tidak konflik antara satu sama lain. Bagi pemilikan perseorangan, Islam mengakui kerja dan usaha sebagai perkara utama bagi mendapatkannya. Begitu juga bagi mendapatkan manfaat daripada sumber pemilikan negara dan awam, usaha tertentu kadang-kadang perlu juga dilakukan.

## Ganjaran Faktor yang Wajar

Untuk mendapatkan keadilan pengagihan, faktor perlu mendapat ganjaran yang wajar. Islam telah menetapkan bentuk ganjaran tertentu kepada faktor pengeluaran: Sewa kepada tanah, sewa dan untung kepada modal. Sementara pekerja dan usahawan sebagai pekerja Allah di dunia mendapat ganjaran upah atau gaji dan untung. Penentuan kadar pulangan faktor pengeluaran ini dalam Islam adalah berpandukan pertimbangan keperluan dan kepentingan bersama, sehingga tidak ada mana-mana pihak yang dizalimi.

## Infak kepada Bukan Faktor

Faktor pengeluaran bukanlah penerima pulangan yang tunggal dalam

proses pengeluaran. Walaupun pulangan ini adalah haknya, namum menyedari hakikat bahawa sumber asli dan harta kekayaan adalah hak mutlak Allah, maka menjadi hakNya pula untuk menentukan penuntut-penuntut yang sah terhadap pulangan atau harta yang dimiliki-Nya.

Tidak semua orang mempunyai faktor pengeluaran. Sekalipun mereka mempunyai faktor pengeluaran, tidak semua orang menerima pulangan yang mencukupi bagi keperluan diri dan keluarga mereka. Perolehan pendapatan yang tidak mencukupi ini perlu mendapat bantuan. Golongan ini juga perlu dijamin untuk sama-sama menerima faedah daripada kegiatan ekonomi sesebuah negara.

Antara yang tergolong dalam kumpulan ini ialah mereka yang belum mampu bekerja, seperti kanak-kanak, yang tidak mampu bekerja, seperti orang tua, cacat, uzur, golongan wanita, anak yatim, fakir miskin, orang yang menghadapi hutang, musafir yang kehabisan bekalan dan lain-lain lagi. Orang yang mampu diwajibkan menghulurkan pertolongan kepada golongan ini dalam bentuk zakat dan digalakkan melalui sedekah.

Zakat memainkan peranan penting dari segi pengagihan, khususnya bagi orang yang mempunyai pulangan yang kurang atau tidak terlibat dalam pemilikan faktor pengeluaran. Adanya zakat, maka pada masa tertentu (apabila tiba nisab dan haul) kebanyakan orang Islam akan menjadi pemegang modal. Pemberi dan penerima zakat masing-masingnya akan menjadi pemegang modal. Oleh sebab tingkat nisab dikenakan secara minimum, maka pemilik harta (pemberi zakat) masih berupaya untuk mengguna, menyimpan dan melabur baki harta tersebut bagi keperluannya. Kekayaan yang dimiliki oleh setiap Muslim diselaraskan setiap tahun (melalui nisab dan haul) supaya orang miskin dapat ditingkatkan taraf hidupnya.

## AGIHAN SEMULA PENDAPATAN

Tujuan pengagihan semula pendapatan ialah untuk memastikan setiap orang miskin berupaya menerima dan menjadi pemilik kekayaan sebenar pada tingkat yang minimum. Al-Jarhi (1985: 27) membahagikan kaedah pengagihan zakat (golongan fakir miskin) kepada dua, iaitu,

(1) Golongan yang masih berupaya mencari sumber kehidupan.
(2) Golongan yang tidak berupaya mencari kehidupan.

Menurut beliau, bagi golongan pertama, pemberian zakat adalah dalam bentuk harta, seperti modal, tanah dan peralatan. Golongan ini akan menjadi golongan pemilik harta dan tidak layak menerima pemberian zakat pada masa depan. Golongan kedua pula perlu mendapat pemberian dalam bentuk wang dari semasa ke semasa, misalnya setiap bulan atau setiap minggu.

Selain zakat, cara pengagihan semula dalam ekonomi Islam ialah sedekah, derma, hadiah, pusaka/waris, wasiat, ghanimah, fai' dan lain-lain lagi, yang diterima dalam Islam, seperti wakaf dan kafarat.

# BAB 9

# EKONOMI KEBAJIKAN DAN KERAJAAN

Kebajikan masyarakat bergantung pada kebajikan setiap individu (anggota) dalam masyarakat. Namun begitu, peningkatan kebajikan individu tidak semestinya membawa kesan yang selari dengan kebajikan anggota yang lain dalam masyarakat. Pencapaian kebajikan yang boleh menjejaskan kebajikan orang lain tidaklah dinamakan kebajikan. Kebajikan yang sebenar ialah kebajikan seluruh anggota masyarakat, iaitu kegiatan seseorang tidak menjejaskan kebajikan orang lain.

Kebajikan dalam Islam bukan sahaja dapat memastikan kebajikan orang lain tidak terjejas, malah akan sama-sama meningkatkan kebajikan seluruh anggota masyarakat. Kegiatan seseorang Muslim yang baik tidak sahaja terhad kepada peningkatan kebajikan ekonomi (kebendaan) yang tidak menjejaskan kebajikan orang lain, tetapi juga kebajikan kerohanian yang akan mempengaruhi peningkatan kerohanian orang lain, sehingga kesan akhirnya ialah peningkatan kebajikan yang menyeluruh, iaitu *al-falah.*

## KONSEP KEBAJIKAN

### Kebajikan Berbanding dengan al-Falah

Mengikut ajaran Islam, semua kegiatan manusia mestilah diarahkan kepada pencapaian al-falah, yang merupakan matlamat yang komprehensif, iaitu meliputi kebajikan di dunia dan kebajikan di akhirat.

Al-falah tidak harus ditafsirkan sama seperti dengan istilah kebajikan, seperti yang difahami dalam ekonomi moden kini.[1] Kebajikan

---

1 Al-falah dalam al-Quran adalah seerti dengan perkataan "keredaan Allah" (lihat Siddiqui 1979: 3).

dalam ekonomi moden Barat merujuk semata-mata kepada keadilan kebendaan di dunia sahaja, manakala al-falah merujuk kepada kesejahteraan di dunia dan akhirat (Siddiqui 1979: 3).

Kebajikan boleh disamaertikan dengan al-falah, jika pencapaian kebajikan kebendaan di dunia selaras dengan pencapaian kebajikan di akhirat. Oleh itu, kedua-duanya perlu sentiasa diselaraskan supaya tidak berlaku pertembungan dan pertentangan. Sememangnya pertentangan tidak akan berlaku kerana penyelarasan hanya memerlukan agar pencapaian kebajikan kebendaan mestilah secara Islam dan seterusnya kesejahteraan dunia itu dijadikan alat untuk mencapai kesejahteraan di akhirat. Maka jadilah "dunia itu ladang bagi akhirat" (maksud Hadis).

## Kebajikan di Dunia

Kebajikan di dunia lebih bersifat kebajikan sosial (Siddiqui 1979: 4), iaitu terpaksa mengambil kira kebajikan orang lain. Setiap individu saling berhubung dengan individu lain dalam konteks bermasyarakat kerana tidak ada individu yang tidak bermasyarakat.

Konsep (ekonomi) kebajikan sosial moden Barat merupakan satu konsep yang telah pun terdapat dalam Islam yang menunjukkan keseimbangan peruntukan kebendaan yang tidak mungkin lagi untuk menjadikan seseorang itu lebih baik tanpa menjejaskan kebajikan orang lain.[2] Keadaan ini dikenali sebagai kebajikan sosial maksimum, (KSM) (lihat Seneca dan Taussig 1979: 30).

Seperti yang telah selalu dinyatakan, Islam bukanlah agama kepentingan individu, tetapi menyeimbangkan antara kepentingan individu dengan kepentingan masyarakat. Kedua-dua kepentingan adalah secocok, yakni tidak menjejaskan antara satu dengan yang lain. Seandainya berlaku pertentangan antara kedua-duanya, maka Islam mengutamakan kepentingan masyarakat. Islam menyeimbangkan kepentingan kebendaan tersebut sehingga secara seluruh anggota masyarakat merasa sejahtera. Inilah juga yang dijadikan asas kepada ekonomi kebajikan moden Barat.

---

2 Konsep kebajikan sosial Barat semata-mata merujuk kepada keadilan kebendaan. Yang membezakannya daripada kebajikan sosial Islam ialah ketiadaan unsur-unsur syariat di dalamnya.

## Kebajikan Akhirat

Kebajikan sosial di dunia akan mempengaruhi kebajikan di akhirat. Usaha dan kerja seseorang yang dilakukan secara Islam dan tidak mementingkan kebajikan kebendaan diri sendiri, dan menjadikan hasil kebendaan yang diperoleh untuk tujuan akhirat, akan mendapat ganjaran pahala daripada Allah. Begitu juga usaha mengukuhkan iman dan amal pada diri sendiri dan orang lain akan mendapat ganjaran yang setimpal di sisi Allah. Segala usaha ini akan menentukan kedudukan kita di akhirat.

Kehidupan di akhirat adalah secara *nafsi-nafsi*, tidak memikirkan hal orang lain, sebaliknya untuk kepentingan diri sendiri; cara ini tidak dibenarkan dilakukan di dunia. Masing-masing akan cuba melepaskan diri sendiri daripada tanggungjawab: Seorang ayah akan berusaha untuk melepaskan diri daripada tanggungjawab terhadap anggota keluarganya, sedangkan seorang anak pula akan menuntut tanggungjawab daripada ayah dan ibunya, dan seterusnya. Cuma ahli-ahli yang *mukhlisin, siddiqin, muttaqin* dan ahli-ahli tertentu sahaja yang akan memikirkan kesejahteraan orang lain. Misalnya, seorang hafiz boleh memberi syafaat kepada 10 orang ahli keluarganya untuk masuk syurga Allah. Begitu juga syafaat Rasulullah untuk seluruh umatnya.

Berbeza dengan kebajikan sosial dunia, kesejahteraan akhirat hanya akan dirasai secara bersendirian. Kedamaiannya di akhirat adalah secara mutlak sehingga tidak ada mana-mana pihak yang boleh mengganggu tingkat kesejahteraan seseorang. Segala yang diingini akan tersedia tanpa mengurangi atau menjejaskan kesejahteraan orang lain.

Begitulah kesejahteraan di akhirat apabila telah ditetapkan tempat kesudahannya (syurga atau neraka), maka tidak ada lagi usaha manusia ketika itu untuk mencorakkan hidupnya kepada bentuk yang lain. Setiap individu akan merasai sama ada kenikmatan yang berpanjangan atau kesengsaraan yang berkekalan.

Ahli-ahli syurga akan menikmati segala-galanya tanpa usaha, cuma dengan mengingini atau menyebutnya sahaja, segala yang dikehendaki akan tersedia di hadapan mata. Ketika itu terputuslah tanggungjawab seseorang individu terhadap individu yang lain. Setiap individu bebas bertindak melakukan apa sahaja tanpa perlu memikirkan hal orang lain, di samping keinginannya pun tidak memberi kesan terhadap kesejahteraan orang lain kerana mereka telah berada dalam masyarakat *Dar ul-Salam* yang semuanya sejahtera.

## KEBAJIKAN PERSENDIRIAN

*Kepuasan kebendaan.* Individu yang berkeupayaan dikehendaki memenuhi keperluan dirinya. Ia mesti berusaha sendiri sedaya upaya tanpa meminta pertolongan orang lain bagi menampung keperluan kehidupannya. Rezeki yang diperoleh melalui tangan (usaha) dan titik peluhnya sendiri lebih baik daripada minta pertolongan orang lain.
Maksud hadis:

> "Tidak seorang memakan makanan yang lebih baik dari apa yang ia makan daripada usaha tangannya ...."
>
> (Hadis Riwayat Bukhari)

> "Tangan yang di sebelah atas (pemberi) adalah lebih baik daripada tangan yang di sebelah bawah (penerima)".

Setiap individu (baik pengeluar atau pengguna) ingin mencapai kepuasan daripada usaha yang dilakukan. Dari kepuasan yang diperoleh ini akan memberikan tenaga dan ketenangan baginya untuk beribadat lebih kepada Allah, serta memberikan semangat untuk terus bekerja dan berusaha dalam lapangan yang ia ceburi.

Pengeluar dan pengguna yang berbekalkan hukum syariat dan dorongan taqwa serta mengingati akhirat akan menjalankan kegiatan yang dapat menghasilkan keuntungan dan kepuasan yang memadai dan berpatutan, sesuai dengan keperluan dan tuntutan masing-masing.

*Kepuasan kerohanian.* Di samping keperluan kebendaan, setiap individu dipertanggungjawabkan untuk menjadi seorang Muslim yang baik. Ilmu adalah perkara asas untuk menjadikan seseorang itu baik. Oleh itu, Islam menggalakkan setiap Muslim menuntut ilmu, walau di mana-mana sekalipun. Maksud hadis:

> "Menuntut ilmu adalah wajib bagi setiap Muslim".
> "Tuntutlah ilmu walau ke negeri China sekalipun".
>
> (Hadis Riwayat Baihaqi dan Anas)

Untuk menjadikan seseorang itu beriman perlu mengetahui ilmu aqidah sedikit sebanyak. Iman adalah pendorong kepada amal. Tanpa iman yang kukuh, segala amal ibadat menjadi berat, dengan maksiat menjadi ringan. Memang menjadi kefardhuan bagi setiap individu Muslim untuk mempelajari ilmu yang asas, seperti ilmu keimanan, ilmu

perundangan (syariat) yang berkait dengan ibadat dan hukum halal/ haram, ilmu muamalat, dan ilmu tasawuf. Kefahaman tentang ilmu tersebut akan memudahkan individu Muslim untuk melaksanakan segala perintah Allah dengan cara yang lebih sempurna.

Kepuasan dalam melakukan segala amalan baik yang berbentuk ibadat fardhu ain, seperti iman, zakat dan solat, atau ibadat fardhu kifayah dan umum, seperti amalan kehidupan harian, kegiatan ekonomi dan mencari rezeki secara Islam merupakan kepuasan kerohanian yang akan mendekatkan diri individu Muslim dengan Allah.

Kedua-dua bentuk kepuasan ini (kepuasan kebendaan dan kepuasan kerohanian) adalah kepuasan fitrah manusia. Manusia yang terdiri daripada dua unsur, iaitu jasad dan roh memerlukan kedua-dua bentuk kepuasan tersebut.

Memang tidak dinafikan setiap individu bertanggungjawab membaiki diri sendiri baik dari segi kebendaan mahupun kerohanian tanpa mengharapkan pertolongan orang lain. Namun pemenuhan tanggungjawab masing-masing ini kerap melahirkan sikap individualistik yang tidak sesuai dengan ajaran Islam.

Manusia Islam bukanlah seperti manusia biasa yang sentiasa memikirkan kepuasan dan kesejahteraan diri sendiri, baik dari segi kebendaan mahupun kerohanian, tetapi sebaliknya juga berkeinginan supaya apa yang ia nikmati dan hajati akan dirasai juga oleh orang lain.

## KEBAJIKAN SOSIAL ISLAM

### Alat Fungsi Kebajikan Sosial

Terdapat dua alat penting yang boleh membantu ke arah pembentukan fungsi kebajikan sosial, iaitu alat syariat dan taqwa atas akhirat. Syariat merupakan alat penting bagi penunjuk kardinal fungsi kebajikan sosial (Choudhury 1986: 111). Syariat menjadikan pilihan individu lebih tersusun, mengarah kepada pilihan masyarakat, dan mengurangkan perbezaan.

Kekuatan pengaruh syariat terhadap pembentukan fungsi kebajikan bergantung pada keadaan sama ada syariat dikuatkuasakan oleh negara (wujudnya negara Islam) atau tidak. Syariat yang dikuatkuasakan oleh negara memudahkan penyusunan dan penyatuan pilihan masyarakat. Dalam keadaan negara Islam tidak wujud, maka penyusunan dan penyatuan ini hanya akan bergantung pada faktor taqwa atas akhirat yang terdapat dalam setiap individu Muslim.

## Fungsi Kebajikan Sosial

Ahli-ahli ekonomi moden Barat masih menghadapi kesukaran untuk menjelaskan konsep fungsi kebajikan sosial dengan tepat, sedangkan dalam dunia Islam, konsep itu telah pun dapat dirumuskan sejak lebih 800 tahun yang lalu oleh dua orang pemikir Islam iaitu al-Ghazali (wafat 505 Hijrah) dan al-Shatibi (wafat 790 Hijrah).

Islam menentukan matlamat hidup manusia yang dengannya dapat meninggikan kebajikan sosial. Al-Ghazali dan kemudiannya al-Shatibi yang menyelidik ajaran dan hukum Islam telah membuat rumusan bahawa secara umumnya kebajikan (utiliti) sosial dalam Islam boleh dibahagikan kepada tiga tingkat: Keperluan, kesenangan atau keselesaan dan kemewahan.

Keperluan mengandungi semua perkara yang penting untuk penjagaan lima asas kehidupan individu dan masyarakat yang baik: Agama, nyawa, akal, kehormatan atau keturunan dan harta yang merupakan matlamat utama agama Islam. Agama wajib dijaga misalnya dengan melaksanakan lima rukun Islam dan berjihad. Nyawa dijaga dengan menyara kehidupan, makan minum, pakaian dan perlindungan. Akal dijaga dengan pengharaman hal-hal yang boleh merosakkan fikiran, seperti arak. Keturunan dijaga dengan institusi perkahwinan. Harta dijaga dengan penguatkuasaan hak milik dan larangan pencerobohan.

Keselesaan mengandungi perkara-perkara yang diperlukan untuk meringankan atau mengetepikan halangan atau kesukaran dalam kehidupan. Contohnya, baju tebal yang dapat menahan kesejukan pada musim sejuk, lif untuk rumah pangsa lima tingkat, dan sebagainya.

Kemewahan mengandungi kegiatan dan benda-benda yang melebihi had-had keselesaan. Kemewahan lebih merupakan perhiasan kehidupan. Contohnya, rekreasi, perabot bermutu, kereta yang mahal dan sebagainya. Semua perkara ini boleh dilepaskan tanpa mengurangkan sedikit pun tingkat keselesaan. Dalam banyak hal dan keadaan, penggunaan bermewahan tersebut akan dianggap sebagai membazir dan *disutiliti*.

Rekreasi yang bertujuan untuk merehatkan fikiran dan memulihkan tenaga bagi kerja yang lebih mencabar, memiliki kereta mewah dalam ekonomi berada pada taraf hidup rakyat yang tinggi adalah memadai. Rekreasi pada masa negara diancam musuh, memiliki kereta mewah dalam keadaan taraf hidup rakyat melarat atau kerana bermegah-megah adalah dilarang dan ternyata tidak sedikit pun menyumbangkan sebarang utiliti, sebaliknya *disutiliti*. Tingkat atau hierarki kemewahan ini

dalam Islam diletakkan sebagai kategori tingkat yang terendah jika dilihat hubungannya dengan kebajikan sosial.

Fungsi kebajikan sosial sepatutnya menolong kita memilih beberapa situasi sosial (atau ekonomi) yang jelas supaya alternatif yang paling tinggi dapat menambah kebajikan atau paling kurang mendatangkan kerugian. Dalam pemilihan seperti ini sering terjadi peristiwa apabila pencapaian sesuatu objektif akan menghalang kita daripada mencapai objektif lain yang berharga. Maka pemilihan akan menghasilkan kos melepas. Supaya fungsi kebajikan sosial menjadi bernilai, pemilihan ini mestilah menolong menyelesaikan sesuatu konflik antara matlamat-matlamat ini. Al-Ghazali dan al-Shatibi telah menggariskan peraturan dan keutamaan yang diperlukan. Tindakan atau benda-benda yang berada pada kategori tingkat rendah akan diketepikan jika bertentangan dengan objektif yang berada pada kategori tingkat yang lebih tinggi. Peraturan yang serupa boleh juga dilaksanakan dalam sesuatu kategori itu sendiri.

Inilah bentuk fungsi kebajikan sosial Islam yang penentuannya berdasarkan hukum (fiqh) Islam. Benjamin Ward (dipetik daripada Anas Zarqa 1983: 25) telah mencadangkan supaya ahli-ahli ekonomi mengasaskan pertimbangan kebajikan sosial pada undang-undang warisan Anglo-Amerika dan pada proses undang-undang. Sedangkan al-Ghazali dan al-Shatibi telah lama mengambil pertimbangan undang-undang (hukum) dalam masalah kebajikan sosial.

## KEBAJIKAN UMAT

Kebajikan umat adalah kebajikan yang menyeluruh yang mengambil kira pertama, kebajikan sosial Barat yang telah diterima oleh Islam dengan memasukkan unsur syariat, dan kedua, kebajikan kerohanian yang memasukkan unsur iman, taqwa, akhirat, amal, dan unsur dakwah yang semuanya membawa manfaat ramai.

Dari perspektif Islam, kebajikan sosial yang kesannya dirasai dalam bentuk keduniaan[3] mempunyai skop yang terbatas. Konsep kebajikan yang menyeluruh bukan sahaja menghendaki setiap anggota umat memikirkan kepentingan keduniaan bersama, tetapi juga perlu sentiasa memikirkan dan mengusahakan supaya setiap anggota umat

---

3 Kebajikan keduniaan terdapat dalam bentuk nilai-nilai politik dan sosial di samping ekonomi.

dapat menjalani hidup ini menurut keredaan Allah, iaitu melalui dakwah.

Individu Islam tidak hanya mahu membaiki dan mempertingkatkan iman dan amal diri sendiri, sehingga peningkatan diri sendiri boleh menjejaskan iman dan amal orang lain,[4] sebaliknya perlu menyebarkan dan menyedarkan orang lain supaya sama-sama menjadi Muslim yang baik. Kefahaman dan kesedaran Islam ini pula akan menjadikan manusia Islam berlumba-lumba mengerjakan amalan yang mendapat keredaan Allah. Dengan itu, tidak timbul perasaan serong dan dengki terhadap mereka yang berjaya meningkatkan iman dan amal, sebaliknya akan terdorong untuk sama-sama meningkatkan iman dan amal. Oleh yang demikian, peningkatan iman dan amal seseorang akan meningkatkan iman dan amal orang lain.

*Kebajikan Sosial.* Setiap Muslim akan sentiasa memikirkan kebajikan orang lain dari segi kecukupan kebendaan. Setiap tindakan individu akan dianalisis kesannya terhadap masyarakat. Pengeluaran dan penggunaan individu akan dikaji kesannya terhadap orang lain, baik kesan pengagihan sumber dan output ataupun kesan luaran (eksternaliti) yang terhasil daripada agihan tersebut. Kalau penggunaannya (sumber atau keluaran) boleh menjejaskan penggunaan orang lain atau menghasilkan kesan luaran yang negatif, maka ia akan mengubahsuai penggunaan tersebut supaya orang lain tidak mengalami kerugian atau kesulitan.

Islam telah menggariskan beberapa panduan dari segi pelaksanaan keadilan peruntukan ini, umpamanya melalui zakat, faraid, galakan berkasih sayang dan silaturahim sesama Islam, larangan penindasan, sorokan dan sebagainya. Semuanya ini akan mendorong kegiatan ekonomi yang boleh membawa manfaat kepada orang ramai.

*Kebajikan Kerohanian.* Begitu juga dengan kerohanian. Setiap individu bertanggungjawab terhadap individu lain dalam setiap aspek keagamaan, baik terhadap anggota keluarga, masyarakat negara ataupun umat seluruhnya.

Islam dilahirkan untuk rahmat seluruh alam. Oleh sebab itu, setiap penganutnya bertanggungjawab menyebarkan nikmat ini ke seluruh

---

4 Orang Islam yang lemah iman, amal, kurang pendidikan dan kefahaman agama akan memandang dengki, hina, meluat dan berbagai-bagai tanggapan yang serong terhadap orang yang warak dan ahli ibadat. Keadaan ini boleh menjejaskan keimanan mereka.

alam. Di sinilah timbulnya peranan dakwah. Dakwah kepada orang bukan Muslim adalah satu kemestian, manakala berdakwah kepada orang Islam sendiri adalah lebih utama lagi. Orang Islam kini kebanyakannya Islam pada nama, tetapi tidak pada amalannya. Ramai orang Islam tidak menjelmakan Islam, sama ada kerana jahil atau kurang kesedaran dan keimanan. Oleh itu, usaha menyelamatkan orang Islam yang seperti ini lebih diutamakan.

Setiap manusia adalah bersaudara dan persaudaraan itu lebih kuat jika di kalangan seagama, iaitu persaudaraan seagama. Orang Islam dengan orang Islam yang lain adalah seumpama sebuah bangunan, kuat memperkuat antara satu dengan yang lain.

> "Sesungguhnya orang mukmin adalah bersaudara ...."
>
> (al-Quran 49: 10)

Dengan rasa persaudaraan inilah timbulnya tanggungjawab yang sama terhadap diri dan saudaranya. Maksud sabda Rasulullah:

> "Tidak beriman seseorang itu sehingga ia menyayangi saudaranya sebagaimana ia menyayangi dirinya sendiri".

Kerana itulah usaha keagamaan penting ditekankan dan ditumpukan terhadap orang Islam terlebih dahulu.

## Nilai Kebajikan

Kebajikan ekonomi merupakan salah satu bahagian daripada kebajikan yang menyeluruh. Kebajikan yang menyeluruh bukan sahaja mengandungi nilai ekonomi tetapi juga merangkumi segala nilai sosial dan politik, di samping nilai akhlak dan kerohanian (Mannan 1986: 354).

(1) ***Nilai sosial.*** Nilai ini akan membentuk dan mengatur kelakuan individu dalam keluarga, antara jiran, terhadap golongan miskin atau yang lemah dan seterusnya. Perbezaan kulit, bangsa, kekayaan, dan sebagainya tidak menjadikan seseorang itu lebih tinggi atau rendah daripada orang lain. Di sisi Allah, mereka adalah sama, satu keturunan dan bersaudara.

(2) ***Nilai politik.*** Kekuasaan dan kedaulatan hanyalah terdapat pada Allah. Walaupun manusia sebagai khalifah, namun kedaulatan manusia adalah terbatas, iaitu setakat yang diizinkan Allah.

Memang menjadi tanggungjawab setiap rakyat untuk mentaati pemerintah atas perkara-perkara yang bukan maksiat. Oleh sebab pemerintah mempunyai peranan penting dalam kebajikan rakyatnya, maka nilai ini menjadi penting dari segi penentuan kebajikan.

(3) *Nilai ekonomi.* Segala kegiatan ekonomi hendaklah dijiwai dengan hukum al-Quran dan al-sunnah, halal/haram, dari aspek penggunaan, pengeluaran, peruntukan, pengagihan, pemilikan, dan sebagainya.

(4) *Nilai akhlak dan kerohanian.* Asas nilai ini ialah kecintaan terhadap Allah. Yang mencintai Allah ialah hamba-hamba yang mengenalinya, dan yang mengenalinya ialah orang yang faham dan sedar tentang Islam, bukan jahil atau fasik (walaupun alim). Dengan kecintaan terhadap Allah inilah lahir kecintaan terhadap sesama manusia.

Segala nafsu kebendaan manusia hendaklah diubahkan kepada nafsu yang berkualiti akhlak. Di sinilah perlunya pendidikan dan tarbiyah untuk membentuk jiwa manusia supaya menilai kerohanian dan akhlak, seperti nilai kebendaan.

## Fungsi Kebajikan Umat

Islam bukanlah agama individu, dan bukan pula agama "sosial" semata, tetapi sebaliknya merangkumi kedua-duanya sekali, iaitu individu dan masyarakat. Terdapat ruang bagi membolehkan individu dan masyarakat berfungsi dengan baik. Islam menganjurkan supaya setiap individu memenuhkan keperluan dirinya sendiri melalui usaha dan kerja, dan pada masa yang sama, individu juga bertanggungjawab memastikan keperluan individu lain dapat dikekalkan dan dipenuhi. Maksud firman Allah:

> "Dan dirikanlah solat dan tunaikan zakat ...."
>
> (al-Quran 2: 43)

Dari satu segi, ayat tersebut menguatkan hujah di atas, dan dari satu segi yang lain, ayat itu menggambarkan supaya setiap individu Muslim membaiki kedua-dua aspek: Kerohanian dan kebendaan, baik untuk dirinya sendiri mahupun untuk orang lain. Terdapat banyak ayat al-Quran lagi yang menggandingkan antara solat dengan zakat.

Menganuti dan mengamalkan Islam secara langsung akan memberi

kebajikan diri sendiri dan orang lain, baik di dunia mahupun di akhirat. Islamlah satu-satunya cara kesejahteraan hakiki dapat direalisasikan kerana Islam mengutamakan keperluan kehidupan di dunia dan di akhirat, dan antara kepentingan individu dengan masyarakat.

Itulah kebajikan umat yang memastikan kebajikan kebendaan dan kerohanian seluruh masyarakat melalui kerjasama berasaskan persaudaraan dan tanggungjawab. Perhubungan antara kebajikan kebendaan dengan kerohanian serta individu dengan individu lain dapat ditunjukkan seperti yang berikut:

$$U_x = U_x \quad (B_x, A_x)$$

tertakluk kepada

$$U_y = U_y \quad (B_y)$$

dan

$$U_y = U_y \quad (B_y, \quad A_y)$$

tertakluk kepada

$$U_x = U_x \quad (B_x)$$

dengan kepuasan individu $x$, $U_x$ bergantung pada barang kebendaan yang ia belanjakan, $B_x$, dan iman serta amalnya sama ada dalam bentuk zakat atau dakwah, dan sebagainya, $A_x$

Oleh sebab dalam jangka panjang iman dan amal individu dijangkakan tidak meninggalkan kesan negatif terhadap iman dan amal orang lain, serta usaha dakwah pula dapat meninggalkan kesan positif terhadap iman dan amal orang lain, maka usaha ke arah mencapai kepuasannya tidak ada sebarang kekangan. Sebaliknya, penggunaan barang kebendaan, B, akan menjejaskan peruntukannya kepada orang lain, maka wujud kekangan bagi penggunaan barang tersebut. Keadaan yang sama juga berlaku terhadap individu $y$. Setelah mengambil kira kekangan ini masing-masing fungsi objektif akan menjadi

$$U_x = U_x \quad (B_x, A_x) + \lambda \quad [U_y - U_y \quad (B_y)] \quad \text{dan}$$

$$U_y = U_y \quad (B_y, A_y) + \lambda \quad [U_x - U_x \quad (B_x)]$$

Fungsi kebajikan umat bagi kes dua individu ialah

$$W^{u} = W(U_{x}, U_{y})$$

## NEGARA KEBAJIKAN ISLAM

Negara yang menjalankan pemerintahan Islam adalah negara kebajikan Islam (NKI) kerana negara itu bertanggungjawab memastikan dan menyediakan kesejahteraan kebendaan dan kerohanian rakyatnya. Negara berperanan untuk menjadikan rakyatnya tunduk kepada Allah melalui pelaksanaan hukum syariat. Walaupun begitu, tidak bermakna bahawa negara Islam merupakan "negara polis". Semangat pelaksanaan Islam bukan setakat halal dan haram semata-mata, tetapi kesan baik dan buruk amalan tersebut di dunia dan di akhirat. Objektif syariat seperti yang dinyatakan oleh al-Ghazali (lihat Chapra 1981: 146) ialah untuk mempertingkatkan kebajikan manusia. Kebajikan itu pula terletak pada kesejahteraan iman, nyawa, akal (keintelektualan), keturunan dan harta yang umumnya bersifat kebajikan di dunia dan di akhirat.

Oleh sebab pelaksanaan syariat adalah bagi menjamin kesejahteraan setiap manusia, maka tidak timbul soal paksaan atau "negara polis", kerana seseorang yang waras tidak akan menolak kesejahteraan melalui syariat ini, kecuali yang jahil atau yang kurang akal.

Chapra (1981: 147) mencadangkan agar penonjolan nilai Islam oleh negara Islam melalui tiga arah demi memudahkan nilai itu diamalkan, iaitu:

(1) Menyediakan suasana yang boleh membantu pengamalan ajaran Islam, melalui kerjasama, kasih sayang dan tolong-menolong.
(2) Menyediakan sistem pendidikan yang boleh melahirkan generasi yang cintakan Islam.
(3) Menguatkuasakan norma dan nilai Islam dan mengenakan hukuman bagi yang melanggarnya.

Chapra (1981: 162), seterusnya menghujahkan bahawa negara Islam dikatakan mencapai kebajikan kebendaan dan kerohanian yang unggul sekiranya pelaksanaan itu berjaya:

(1) Menaikkan tingkat kerohanian dalam masyarakat dan meminimumkan kelalaian dan kecurangan akhlak.
(2) Memenuhi kewajipan kebajikan ekonomi mengikut sumber yang ada.

(3) Keadilan agihan dan penghapusan eksploitasi.

Jika dilihat dalam konteks syariat yang objektifnya telah dijelaskan, seolah-olahnya menggambarkan negara Islam memaksakan rakyatnya hidup sejahtera di dunia dan di akhirat. Walaupun tugas tersebut tidak salah, malah merupakan kewajipan, namun terdapat satu lagi unsur penting yang boleh menjadikan seseorang itu mengikut kehendak syariat tanpa kawalan negara, iaitu iman. Iman berperanan mencorakkan kehidupan seseorang. Rasulullah sendiri telah menunjukkan kepada kita dengan mengambil masa 13 tahun, khusus bagi menyemaikan iman para sahabat. Oleh itu, untuk melicinkan perjalanan negara kebajikan Islam, perkara iman mesti menjadi keutamaan yang teratas.

## KERAJAAN MENURUT ISLAM

Kehidupan manusia di dunia ini memerlukan panduan. Islam dengan sistemnya yang unik memberikan panduan yang selengkapnya bagi keperluan kesempurnaan kehidupan tersebut melalui ketentuan Allah dalam bentuk suruhan dan larangan. Tetapi, oleh sebab kelemahan iman manusia, maka kerapkali panduan ini tidak dapat dipenuhi dan berlakulah kekusutan. Oleh itu, manusia pada masa yang sama memerlukan satu institusi yang boleh menguatkuasakan panduan suruhan dan larangan tersebut. Maka lahirlah ulilamri dalam bentuk kepimpinan, penguasa, pemerintah atau kerajaan.

Dalam sebuah masyarakat, sama ada kecil atau besar, perlu ada ketua yang bertindak sebagai pengawas, pengawal, penasihat atau wali bagi kumpulan tersebut. Malah Rasulullah sendiri mengarahkan para musafir supaya melantik seseorang sebagai ketua (amir) walaupun dalam satu kumpulan tiga orang sahaja. Sabdanya yang bermaksud:

> "Apabila tiga orang keluar bermusafir, maka hendaklah mereka melantik seorang daripadanya sebagai amir".
>
> (Hadis Riwayat Abu Dawud)

Begitu juga dalam hal solat fardhu, walaupun cuma ada dua orang, maka lantiklah salah seorang yang lebih tua menjadi imam.

Dalam al-Quran, kita diperintahkan untuk mentaati Allah, Rasul dan ulilamri. Dalam firman Allah yang bermaksud:

> "Hai orang yang beriman, taatilah Allah, taatilah Rasul dan ulilamri di kalangan kamu ...."
>
> (al-Quran 4: 59)

Ulilamri sebagai pihak yang berkuasa wajib ditaati, selagi ia mentaati Allah dan Rasul-Nya. Sayidina Abu Bakar sendiri dalam ucapan ulungnya sejurus selepas dilantik menjadi Khalifah menekankan: "... taatlah kepadaku, selagi aku taat kepada Allah. Tetapi, jika aku tidak taat kepada Allah, maka janganlah kamu mentaati aku lagi" (Ibn Taymiyah 1982: 117).

Kuasa kerajaan merupakan amanah dari segi pelaksanaan tanggungjawab. Dengan menyedari hakikat bahawa segala kekuasaan, pemerintahan dan kerajaan adalah milik Allah, maka kerajaan yang sifatnya sebagai khalifah Allah, adalah tunduk kepada segala kehendak-Nya secara keseluruhannya. Sementara rakyat pula perlu mentaati pemerintah yang tunduk kepada Allah.

## Hak Pemerintahan

Pemerintahan adalah hak mutlak Allah. Allah adalah "Pemerintah" sebenar di alam ini, kerana Allah yang mencipta dan memilikinya.

Manusia yang dilantik menjadi khalifah di dunia terikat dengan syarat pematuhan sepenuhnya akan perintah dan hidayat Allah. Sebagai wakil Allah di dunia, tidaklah wajar sama sekali pemerintah melanggar perintah dan arahan Allah (Audah 1983: 118). Sebagai makhluk, manusia perlu melaksanakan segala tanggungjawab yang diamanahkan oleh Allah. Hanya dengan cara ini akan menyelamatkan mereka serta orang yang dipimpin daripada azab dan kesengsaraan hidup di dunia dan di akhirat.

## Tanggungjawab Pemerintah

Pemerintah wajib menyeru dan mengamalkan dasar dan sistem Islam dalam pemerintahan negara. Malah melaksanakan perintah Allah, hukum dan sistem Islam menjadi tugas utama pemerintah Islam (Audah 1983: 153). Oleh sebab itu, jawatan khalifah perlu berada di tangan ulama' atau paling tidak seseorang yang bersedia berdampingan dan mengambil segala panduan dan nasihat ulama'. Audah (1983: 22) menegaskan bahawa "hanya orang yang beriman dan beramal salih yang benar-benar berhak menjadi khalifah dan pemerintah". Orang yang beriman semata-mata masih tidak layak menjadi khalifah, sebaliknya perlu disertai dengan amal salih yang bercorak keduniaan dan keakhiratan.

Selagi para pemegang tugas khalifah ini masih tetap setia berpegang dan melaksanakan perintah Allah, maka selagi itulah mereka tetap terikat dengan janji Allah untuk memberi kekuatan dan kemuliaan sambil memperoleh rezeki yang banyak yang datangnya dari segenap penjuru (Audah 1983: 30).

Kesejahteraan negara Islam adalah kesejahteraan yang dapat merangkumi keduniaan dan keakhiratan. Oleh sebab kebajikan "sementara" dan kebajikan "abadi" rakyat tertakluk kepada ketaatan suruhan dan larangan (Allah), maka pemerintah yang telah diberi amanah untuk membawa rakyatnya kepada kebaikan dan melindunginya daripada kejahatan bertanggungjawab untuk bertindak bagi kepentingan terbaik rakyat yang diperintahnya (El-Awa 1980: 78).

Pada umumnya, tugas dan peranan pemerintah berkisar kepada persoalan pemeliharaan agama (keimanan) dan mentadbirkan urusan di dunia menerusi garis panduan agama itu sendiri (Farid 1986: 1). Yang dimaksudkan dengan pemeliharaan agama ialah pemeliharaan keutuhan Islam, melalui pelaksanaan hukum dan tuntutan Islam dalam kehidupan, pembasmian kemungkaran dan kerosakan dalam masyarakat. Pemeliharaan keimanan merupakan aspek pertama dan tujuan terpenting dari segi pembentukan kerajaan dalam negara Islam (El-Awa 1980: 77–78). Pemeliharaan negara Islam daripada pencerobohan musuh (Farid 1986: 1), serta pengukuhan negara Islam melalui jihad terhadap penentang-penentang Islam setelah diseru kepada Islam atau menerima perlindungan (El-Awa 1980: 77). Jihad memerlukan angkatan tentera yang berfungsi melindungi kebenaran dan menangkis segala usaha yang menghalangnya (Ishak 1985: 1–2).

Pemerintah perlu mentadbirkan urusan negara dan rakyat menerusi garis panduan Islam, iaitu prinsip, hukumannya dalam bentuk merealisasikan kepentingan rakyat (Farid 1986: 1–2). Pemerintah perlu menegakkan keadilan antara manusia, di samping menguatkuasakan keputusan kehakiman dan menyelesaikan pertelagahan (El-Awa 1980: 77). Pemerintah perlu mewujudkan keamanan dan kestabilan negara, serta keselamatan negara (termasuk jajahannya) supaya rakyat dapat hidup selamat, sama ada semasa di rumah atau ketika dalam perjalanan. Kerajaan juga perlu menjaga sempadan negara dengan kelengkapan dan mempertahankan daripada musuh (El-Awa 1980: 77).

Selain itu, pemerintah menyediakan keperluan hidup manusia, seperti pendidikan, pekerjaan dan perusahaan (Farid 1986: 2), pembayaran gaji dan perbelanjaan lain daripada perbendaharaan (baitulmal) tanpa membazir dan kikir, melantik orang yang jujur dan berkebolehan

demi memastikan kebajikan negara (El-Awa 1980:77). Pemerintah perlu menggerakkan kekayaan dan sumber negara bagi tujuan kesejahteraan rakyatnya. Kutipan zakat, cukai dan derma memang sesuai dengan peruntukan syarak (El-Awa 1980: 77).

## Hak Pemerintah

Pemerintah atau pemimpin Islam mempunyai hak yang setimpal dengan tugasnya. Umat Islam berkewajipan untuk menunaikan tanggungjawab mereka terhadap pemimpin mereka yang telah menunaikan tanggungjawabnya. Kalau pemerintah atau pemimpin mempunyai tanggungjawab yang perlu dilaksanakan, maka umat Islam juga berkewajipan untuk menunaikan tanggungjawab terhadap pemerintah yang telah menunaikan tanggungjawabnya secara yang sempurna. Ishak (1985), menggariskan tiga bentuk hak pemerintah Islam yang mesti ditunaikan oleh umat Islam, iaitu,

(1) ***Taat setia.*** Oleh sebab pemerintah Islam perlu mentaati perintah Allah dan Rasul-Nya, maka tidak ada sebab bagi umat Islam teragak-agak untuk mentaati mereka kerana setiap yang diperintah oleh mereka pada prinsipnya adalah didatangkan daripada Allah dan Rasul-Nya.

    Taat kepada pemerintah tidak terhad kepada perkara-perkara yang disukainya sahaja, tetapi ketaatan yang menyeluruh, termasuk perkara-perkara yang dibencinya. Mentaati pemimpin bukanlah kerana kemuliaan atau takut kepadanya, tetapi kerana jawatan khalifah yang dianugerahkan Allah kepadanya (Ishak 1985: 53).

(2) ***Sokongan dan kerjasama.*** Pemerintah yang memerintah berlandaskan perintah Allah dan Rasul-Nya berhak mendapat sokongan dan kerjasama rakyat. Sokongan dan kerjasama terdapat dalam berbagai-bagai bentuk: Adakalanya secara berdiri teguh di belakang kerajaan, adakalanya dengan mempertahankan kewibawaannya melalui berbagai-bagai cara dan adakalanya dengan mengorbankan harta dan jiwa (Ishak 1985: 54).

(3) ***Teguran dan nasihat.*** Pemerintah berhak untuk mendapatkan buah fikiran rakyatnya, sama ada nasihat atau teguran bagi tujuan pembaikan kepimpinannya atau pembetulan sekiranya tindakannya terkeluar daripada landasan Islam (Ishak 1985: 55).

    Menyedari hakikat kepentingan peranan teguran dan nasihat ini, maka para pemimpin Islam pada abad yang silam sentiasa

bersifat terbuka, walaupun dalam majlis awam, tanpa takut dan segan untuk menerima teguran.

Sayidina Umar al-Khattab pernah berpendapat bahawa khalifah apabila menganggap dirinya mempunyai keistimewaan dan mewujudkan jurang perbezaan antaranya dengan rakyat, dan tidak terdapat rakyat yang berani menegurnya, maka wujudlah punca kekacauan dan kemusnahan masyarakat, dan menyebabkan hubungan antara pemimpin dengan yang dipimpin akan pupus (Ishak 1985: 56).

## PEMERINTAH: TUGAS MENYURUH DAN MELARANG

Pemerintah berperanan melakukan kerja yang menyuruh kepada kebaikan dan melarang kemungkaran. Peranan menyuruh dan melarang ini merupakan peranan institusi *al-hisba* dalam Islam (Farid 1988: 2).

Dalam situasi yang unggul, setiap peringkat dalam masyarakat akan diuruskan mengikut ketentuan yang tersendiri. Tetapi, oleh sebab kelemahan manusia, maka kehadiran institusi sosial, termasuk negara adalah menjadi sebahagian daripada program sosial Islam. Institusi sosial akan campur tangan pada masa yang diperlukan demi melindungi kepentingan golongan yang lemah dan memastikan keadilan kepada semua golongan (Khurshid Ahmad 1982: 7). Al-hisba merupakan satu institusi sosial yang dibentuk untuk mengatur masyarakat dan ekonomi dan memastikan kesuburan perlakuan norma Islam.

### Sistem Al-Hisba

Al-hisba dengan erti "hisab" atau "ganjaran" bertujuan untuk mengatur kehidupan rakyat bagi mencapai akhlak yang tinggi dan masyarakat dapat dilindungi daripada keburukan tingkah laku, penipuan, pemerasan, eksploitasi dan pemalsuan. Perlindungan pasaran adalah salah satu antara tanggungjawabnya (Khurshid Ahmad 1982: 7).

Bidang atau perkara yang menjadi sasaran utama hisba ialah kemungkaran. Dua kemungkinan yang akan menerima tindakan hisba, iaitu melakukan perbuatan yang dilarang oleh syarak dan meninggalkan perbuatan yang dituntut syarak (Farid 1986: 14).

Bidang yang *muhtasib*[5] boleh bertindak dapat dibahagikan kepada

---

5 Muhtasib merupakan orang yang menjalankan tugas hisba.

tiga kategori, iaitu perkara kemungkaran yang berhubung dengan hak Allah, hak manusia, dan hak Allah dan manusia (Khan 1982: 138). Hak Allah meliputi segala kegiatan keagamaan, seperti menunaikan solat fardhu, solat Jumaat, solat hari raya, dan penjagaan masjid (Khan 1982: 138), enggan berzakat, berbuka puasa tanpa uzur dan tidak menyempurnakan syarat solat dan adabnya (Farid 1986: 19). Sementara Hak manusia meliputi perkara kemasyarakatan, seperti pencerobohan seorang jiran terhadap jirannya, pergaulan bebas antara lelaki dengan wanita, perkara yang boleh menimbulkan prasangka, merosakkan kemudahan awam, menangguh pembayaran hutang, kegiatan ekonomi yang dilarang, perjudian, penipuan perniagaan, pemalsuan, dan monopoli (Farid 1986: 18 dan 20), kelakuan dalam pasaran, seperti ketepatan timbangan atau ukuran, dan kejujuran (Khan 1982: 138). Hak keduaduanya, Allah dan manusia berkait dengan pentadbiran perbandaran, seperti penjagaan kebersihan jalan dan lorong, dan halangan pembinaan kilang atau penempatan yang boleh mengancam kepentingan orang ramai (Khan 1982: 138), pembinaan bangunan atau longkang di tengah-tengah jalan atau pasar, mencari rezeki melalui sihir, tilik, permainan yang sia-sia dan melalaikan, mengahwinkan anak-anak perempuan apabila sudah bersedia untuk berkahwin (Farid 1986: 18–19, 21–22).

### Muhtasib dan Muhtasib 'alaihi

*Muhtasib* ialah orang yang menjalankan tugas hisbah, sama ada terdiri daripada pemimpin sendiri, seperti yang dilakukan khalifah al-Rashidin atau dilantik secara rasmi akan orang tertentu, seperti Rasulullah telah melantik Said bin al-As sebagai muhtasib di Makkah dan Umar al-Khattab di Madinah (Khan 1982: 136).

Dalam kes tertentu, jawatan kadhi dan muhtasib disandang oleh orang yang sama, manakala di tempat lain, jawatan polis dan muhtasib juga diketuai oleh orang yang sama, walaupun tugas muhtasib agak berbeza dengan tugas kadhi dan polis (Khan 1982: 137).

Secara tradisi, muhtasib terdiri daripada orang Islam lelaki yang jujur, pemesra, penyabar, dihormati dan mempunyai status sosial. Juga seorang yang berilmu agama, berpengetahuan dari segi selok-belok sosial dan adat (Khan 1982: 137–138), di samping seorang mukalaf dan berkeupayaan untuk menghapuskan kemungkaran (Farid 1986: 9).

Sementara *muhtasib alaihi* ialah orang atau pihak yang dihisba. Setiap pihak yang melakukan kemungkaran adalah terkena tindakan

hisba, tanpa pengecualian, sama ada orang Islam atau orang kafir, keluarga terdekat atau yang jauh, pegawai kerajaan, para hakim atau golongan profesional (Farid 1986: 12–14).

## Tindakan Hisba

Muhtasib memperoleh maklumat tentang sesuatu kemungkaran sama ada melalui aduan daripada orang ramai atau melalui usaha pemerhatian dan siasatan sendiri. Walaupun mempunyai bidang kuasa dan pilihan tindakan yang luas, namun muhtasib akan menggunakan kuasa yang ada padanya dengan sebaik-baik agar matlamat penghapusan kemungkaran dan penyuburan kebaikan terhasil dalam bentuk yang lebih harmoni.

Terdapat beberapa langkah yang boleh diambil oleh muhtasib dalam perkara-perkara yang memerlukan tindakan. Muhtasib boleh bertindak hanya setakat memberi nasihat, atau memberi amaran, celaan, halangan, ugutan, memenjarakan atau buang daerah (Khan 1982: 138). Muhtasib hanya akan memilih hukuman yang lebih berat jika hukum yang ringan tidak meninggalkan kesan. Ia akan bertindak mengikut budi bicara dan kebijaksanaannya demi penghasilan yang lebih kepada kebaikan daripada keburukannya.

## Implikasi Hisba terhadap Ekonomi

Kewujudan institusi al-hisba memberi beberapa implikasi positif terhadap ekonomi. Khan (1982: 141–148) memberikan beberapa ciri ekonomi kesan dari perlaksanaan hisba, antaranya ialah:

(1) ***Keseimbangan.*** Muhtasib berperanan mengawal perjalanan ekonomi negara: bertindak jika diperlukan, menjadikan keseimbangan yang dicapai adalah benar-benar adil dan cekap (Khan 1982: 142).

(2) ***Kawalan penawaran.*** Muhtasib akan memastikan keluaran dan penawaran yang halal dan tidak berlaku penipuan, sorokan atau monopoli terhadap sesuatu keluaran, tidak berlaku penyongsongan barang di dusun sebelum sampai ke pasaran serta penyorokan kecacatan barang oleh penjual (Khan 1982: 142–143). Ini semua menjadikan penawaran dalam pasaran berkedudukan bersih.

(3) ***Kawalan harga.*** Dalam keadaan tertentu apabila berlaku manipulasi harga oleh golongan yang berkepentingan, kawalan harga adalah satu kemestian demi menjamin keadilan dan kepentingan

orang ramai. Dalam keadaan normal, harga ditentukan secara proses semula jadi (Khan 1982: 143–144).

(4) ***Struktur kredit.*** Adanya muhtasib menjadikan struktur kredit bebas daripada unsur penekanan dan riba. Segala bentuk jual beli, pertukaran dan hutang bebas daripada riba. Begitu juga kelewatan pembayaran balik hutang serta kemudahan menangguhkan pembayaran hutang (Khan 1982: 144–145) akan dapat diurus secara yang lebih adil, tidak membebankan mana-mana pihak.

(5) ***Hak milik.*** Hak milik individu sentiasa dilindungi daripada sebarang gangguan atau pencerobohan, misalnya membina bangunan yang menghalang rumah jirannya atau mendirikan kilang di kawasan perumahan (Khan 1982: 145).

(6) ***Penggunaan tenaga buruh.*** Muhtasib akan memastikan mereka yang sihat dan kuat tubuh badan bekerja dan tidak menjadi pemalas dan pengemis. Muhtasib juga memastikan kedudukan hamba (atau pekerja) diberi pampasan dengan keperluan hidup yang mencukupi. Begitu juga pekerja yang tidak memenuhi tanggungjawab terhadap majikan akan diambil tindakan. Di samping itu, Muhtasib memastikan tingkat upah yang adil dengan melibatkan diri dalam perundingan antara pekerja dengan majikan (Khan 1982: 146).

(7) ***Kecekapan sektor awam.*** Termasuk pengawasan terhadap penyalahgunaan harta dan kewangan awam oleh pemerintah atau pegawai kerajaan secara rasuah atau penyelewengan. Dengan bertambahnya hasil negara dan bidang penglibatan ekonomi oleh kerajaan, maka semakin bertambah peluang penyelewengan ini berlaku. Muhtasib pada masa yang lalu juga berkuasa menegur pemerintah untuk menunaikan tanggungjawabnya terhadap Allah dan rakyat yang diperintah, berkelakuan baik dan menahan diri daripada kelakuan yang sumbang. Ini berasaskan nas hadith Rasulullah sendiri yang menyatakan jihad yang terbesar ialah menyatakan kebenaran di hadapan pemerintah yang zalim (lihat Khan 1982: 147).

## FUNGSI EKONOMI PEMERINTAH

Pada asasnya, tanggungjawab pemerintah dalam sistem ekonomi, mengikut perspektif Islam, adalah bersifat semula jadi, tetap dan berkekalan, berbeza dengan peranan pemerintah dalam sistem ekonomi lazim (barat) yang bersifat bermusim, iaitu bergantung pada keadaan dan keperluan. Seperti juga ekonomi lazim, dalam Islam pemerintah

mempunyai tiga fungsi ekonomi yang utama, iaitu fungsi kestabilan, peruntukan dan pengagihan. Ketiga-tiganya juga merupakan matlamat utama dasar fiskal dan kewangan negara Islam.

Inflasi, kemelesetan ekonomi dan pengangguran tidak dapat diterima dalam Islam kerana kesan buruknya (Iqbal dan Khan 1981: 26). Begitu juga kestabilan nilai benar wang merupakan satu keperluan supaya proses pembangunan berjalan licin (Salama 1983: 101). Bagi fungsi kestabilan ini, peranan kerajaan terdapat dalam beberapa bentuk, antaranya pengharaman riba, pengenaan zakat, kawalan harga, dasar pendapatan, kawalan import dan galakan eksport.

Sumber dalam Islam akan hanya digunakan dalam bentuk yang boleh membawa seseorang itu kepada kebajikan di dunia dan di akhirat. Oleh itu, di samping penggunaannya menjamin penghasilan keperluan orang ramai dan tidak membazir, kecekapan peruntukannya juga perlu dilihat dari aspek keharmonian antara keperluan kebendaan dengan kerohanian (Salama 1983: 100). Bagi tujuan fungsi ini, kerajaan akan menentukannya melalui pengeluaran barang keperluan asas, mencegah penyorokan, monopoli dan pembekuan sumber.

Islam menganjurkan kesaksamaan dan demokrasi ekonomi, iaitu setiap orang diberi peluang yang sama bagi memperolehi keperluan hidup (Metwally 1983: 61–62). Setiap orang berpeluang memperoleh keperluan hidup dan bahagian yang diterima adalah sesuai dengan tingkat usaha, kemahiran dan kelayakannya. Bagi setengah-setengah golongan yang tidak dapat merebut peluang ini dengan sebab tertentu atau kerana bahagian yang diterimanya masih tidak mencukupi, maka kerajaan perlu menyelesaikan melalui cukai, zakat, faraid, wasiat dan derma.

## Fungsi Semula Jadi dan Bermusim

Daripada fungsi kerajaan di atas ternyata ada yang bersifat semula jadi dan ada yang bersifat bermusim. Ini dapat diringkaskan seperti yang berikut:

(1) ***Fungsi kestabilan***
   (a) Semula jadi: Pengharaman riba dan pengenaan zakat.
   (b) Bermusim: Kawalan harga, dasar pendapatan, kawalan import dan galakan eksport.

(2) ***Fungsi peruntukan***
   (a) Semula jadi: Keadilan dan pengeluaran barang daruri.

(b) Bermusim: Pencegahan pembekuan, sorok dan monopoli.

(3) ***Fungsi pengagihan***

(a) Semula jadi: Zakat, faraid, wasiat, kerja dan pendidikan.

(b) Bermusim: Cukai dan derma.

Dapatlah disimpulkan di sini bahawa penglibatan kerajaan dalam ekonomi adalah bersifat semula jadi dan diperkukuhkan dengan sifatnya yang bermusim.

## ALAT DASAR EKONOMI

Seperti yang telah dinyatakan, peranan kerajaan dalam ekonomi adalah sebagai sebahagian daripada tanggungjawab yang menyeluruh. Fungsi kerajaan dalam ekonomi amat penting dan bersifat semula jadi, khususnya demi mencapai kepentingan kolektif yang kerap diabaikan oleh pihak swasta.

Alat-alat ekonomi yang dimiliki oleh pemerintah amat luas, iaitu bermula daripada tarbiyah dan galakan moral sehinggalah kepada pentadbiran jentera ekonomi secara langsung (Kahf 1982: 139).

*Tarbiyah* merupakan asuhan jiwa dan fizikal supaya kedua-duanya kuat, berkemampuan serta mudah menghayati segala bentuk yang makruf dengan penuh reda dan tanggungjawab. Jiwa yang kukuh menjadikan seseorang itu tidak perlu dikawal atau diawasi kerana sudah cukup dengan kawalan dan pengawasan Allah. Kalau sesuatu itu baik, dan dianjurkan oleh Islam, maka akan dilaksanakannya dengan senang hati, malah diperelok dan ditambahkan tanpa paksaan. Misalnya, dalam keadaan negara kekurangan hasil, maka setiap orang akan menambah sedekah atau derma untuk baitulmal. Begitu juga dalam keadaan kekurangan bekalan sesuatu barang dalam ekonomi, pedagang tidak mengambil kesempatan untuk menaikan harga atau menyorokkan untuk mendapat harga lebih tinggi pada masa depan. Seterusnya, sikap tolong-menolong dan bantu-membantu, khususnya terhadap golongan yang kurang berada menjadikan penglibatan kerajaan dalam dasar pengagihan dapat diminimumkan.

*Alat kewangan* termasuklah pengenaan zakat, iaitu pengutipan dan pengagihannya, pengurusan wang dan pengurusan kredit tanpa bunga dari aspek tingkat dan pengagihannya (Kahf 1982: 141). Sementara *alat fiskal* termasuklah segala bentuk pencukaian dan zakat, perbelanjaan, hutang dan bayaran pindahan serta subsidi. *Alat pengeluaran* dicipta melalui pembentukan dasar pengeluaran sektor awam yang boleh

mempengaruhi keputusan peruntukan sumber sektor swasta secara langsung atau tidak langsung (Kahf 1982: 142) atau kerajaan boleh menentukan dasar tertentu bagi sektor swasta.

*Alat agihan* utama ialah zakat. Zakat bukan sahaja berperanan mengagihkan semula pendapatan antara golongan kaya dengan golongan miskin, tetapi juga mengagihkan pendapatan antara keperluan penggunaan dengan keperluan pelaburan. Alat-alat lain ialah pendidikan, latihan vokasional, pemulihan dan dasar guna tenaga (Kahf 1982: 142). Sementara itu, penguatkuasaan *undang-undang* merupakan rangkaian alat yang terletak di satu sudut yang sifatnya lebih tegas dan keras bertentangan dengan tarbiyah keimanan dan moral yang sifatnya secara sukarela dan lembut. Oleh itu Kahf (1982: 143) menganggap alat ini sebagai alat terakhir antara alat-alat dasar ekonomi yang ada.

# BAB 10

## EKONOMI KEWANGAN

Masyarakat Islam telah lama menggunakan wang sebagai media pertukaran dan urusan bank sebagai tempat pertukaran dan simpanan wang. Walau bagaimanapun, isu-isu yang berkait dengan wang, urusan bank dan dasar kewangan dari perspektif baru mula diketengahkan pada abad ke-20. Kelahiran bank-bank moden dan institusi kewangan yang lain, pengenalan wang kertas dan surat jaminan (sekuriti) di negara Islam telah menyebabkan para fuqaha Islam berhadapan dengan berbagai-bagai persoalan yang perlu dijawab (Siddiqi 1983: 15). Timbul keperluan untuk menganalisis riba, bunga, perjudian, spekulasi, jualan hadapan, pertukaran asing dan bermacam-macam konsep urusniaga moden yang telah diserapkan di negara Islam yang baru bebas daripada penjajahan. Ini semua memerlukan satu formula baru selaras dengan kehendak syariat Islam.

### WANG

Wang mempunyai kelebihan sebagai media pertukaran jika dibandingkan dengan sistem barter. Bagi setengah-setengah penulis Islam, pengharaman riba *al-fardlu*[1] merupakan langkah ke arah peralihan kepada sistem wang tersebut, di samping untuk menjadikan sistem barter lebih rasional dan menghindarkan daripada sebarang kemungkinan ketakadilan dan eksploitasi (lihat Siddiqi 1983: 16).

---

1 Riba al-fardlu adalah riba jual beli barang *ribawi* (seperti emas, perak, gandum, sekoi, tamar dan garam) sama jenis dengan tanpa persamaan timbangan/sukatan, seperti menjual 5 gantang gandum dengan 6 gantang atau 10 gram emas dengan 11 gram walaupun berlainan kualiti (Mahsin 1984: 109, 111).

Al-Ghazali (1980), telah menunjukkan beberapa kekurangan sistem barter ini dan telah mengemukakan beberapa langkah yang perlu bagi mengatasinya. Antara kekurangan-kekurangan yang disebutkan oleh beliau ialah:

(1) ***Masa keperluan.*** Masa keperluan seseorang terhadap sesuatu barang itu berbeza antara satu dengan yang lain. Misalnya, apabila tukang kayu memerlukan barang pertanian daripada petani, sedangkan petani belum memerlukan alat daripada tukang kayu sebagai pertukaran, maka tukar-menukar tidak akan dapat dilakukan (al-Ghazali 1980: 89). Ini menunjukkan bahawa sistem tukar-menukar barang hanya boleh berlaku apabila wujud kehendak serentak. Misalnya tukang kayu memerlukan barang pertanian dan pada masa yang sama petani juga memerlukan alat pertanian daripada tukang kayu.

(2) ***Ketakadilan dari segi kadar pertukaran*** (al-Ghazali 1980: 90). Apakah ukuran kadar pertukaran ini? Berapakah banyak kain yang perlu ditukarkan untuk mendapatkan sekian banyak makanan? Bagaimana hendak mengetahui kadar pertukaran itu? Pertukaran yang tidak mempunyai ukuran yang tertentu, secara tidak disedari, boleh merugikan pihak-pihak yang terlibat dalam urusan pertukaran tersebut.

Bagi mengatasi kedua-dua masalah di atas, al-Ghazali telah membayangkan dua cara yang paling realistik, iaitu:

(1) Bagi mengatasi masalah pertama (masa keperluan yang berbeza), beliau telah mencadangkan kaedah simpanan barang (gudang). Perlu disediakan gudang dan di sinilah timbulnya peranan pemborong atau peniaga yang disebut sebagai saudagar (al-Ghazali 1980: 89) yang memperoleh keuntungan daripada usaha sebagai orang tengah antara pengeluar dengan pembeli (pengguna akhir).

(2) Bagi masalah kedua (ketepatan kadar pertukaran), al-Ghazali telah memestikan pewujudan satu alat pertukaran yang tahan lama yang boleh digunakan secara berterusan yang disebut sebagai "barang tambang' (al-Ghazali 1980: 91). Dari sinilah munculnya keperluan penggunaan wang. Dalam sejarah, matawang Islam yang pertama dicetak ialah pada tahun 15 Hijrah (636 Masihi).

Kebanyakan penulis ekonomi mentakrifkan wang mengikut empat

fungsi klasiknya: Alat pertukaran, pengukur nilai, penyimpan nilai dan media bayaran tertunda. Terhapusnya bunga dan pengenaan zakat menjadikan pemegangan tunai untuk tujuan spekulasi akan lenyap, dan ini semakin meluaskan fungsi utama wang sebagai media pertukaran. Pembekuan wang adalah akar kepada turun naik permintaan wang yang akan menyebabkan kitaran perniagaan (Siddiqi 1983: 16).

Wang mengalami susut nilai seperti juga aset-aset lain. Susut nilai ini berlaku 2.5 peratus setiap tahun (iaitu disusutkan dengan kadar 2.5 peratus zakat). Penyusutan ini akan menjadikan wang terus beredar tanpa berlakunya pembekuan. Ini menjadikan wang terus berperanan penting sebagai media pertukaran dan penyimpan nilai yang stabil.[2]

Wang satu-satunya alat pengukur nilai yang tidak tetap, tidak seperti alat-alat pengukur yang lain, seperti meter, tan, hektar, dan sebagainya. Anehnya sejak sekian lama, manusia masih tidak dapat menyediakan wang dengan nilai yang stabil. Abu Saud (1981: 61) menyorot kegagalan ini berpunca daripada kesalahan fungsi wang sebagai media pertukaran: Membenarkan individu memegangnya tanpa pengenaan kos dan menciptanya dengan hanya melalui penciptaan kredit.

Memegang wang juga membawa maksud menangguhkan sebahagian daripada urusniaga pertukaran. Untuk menjadikan wang sebagai penyimpan nilai, maka wang perlulah digerakkan ke arah fungsi utamanya sebagai media pertukaran (Abu Saud 1981: 61). Fungsi wang sebagai pembayaran tertunda berkait dengan fungsi media pertukaran dan penyimpan nilai. Kemampuan wang untuk mengekalkan kuasa beli dan nilainya akan menjamin prestasi keuntungan pemberi pinjam. Walau bagaimanapun, kenaikan tingkat harga umum atau inflasi akan mengakibatkan kerugian kepada pemberi pinjam, sedangkan antara punca inflasi ialah adanya kadar bunga dan penciptaan kredit.

## PERMINTAAN DAN PENAWARAN WANG

### Permintaan Wang

Chapra menegaskan permintaan terhadap wang secara asasnya ditentukan oleh tujuan urusniaga dan awasan (dipetik daripada Siddiqi 1983: 37). Pemegangan wang bagi tujuan spekulasi menjadi kurang penting

---

2 Walau bagaimanapun, dasar kewangan masih diperlukan bagi kestabilannya.

dalam ekonomi Islam jika dibandingkan dengan ekonomi lazim. Seterusnya, Metawally (1983: 67) menegaskan permintaan wang bagi tujuan ini (spekulasi) tidak harus wujud kerana Islam tidak membenarkan spekulasi.

Penciptaan wang dalam ekonomi tanpa riba adalah berorientasikan pelaburan dan tidak berorientasikan pinjaman. Keadaan ini ditambah dengan pengurusan keselamatan dan kebajikan sosial yang wujud dalam masyarakat Islam menyebabkan keperluan permintaan wang bagi tujuan awasan akan berkurangan.

## Kos Memegang Wang

Pemegangan wang melibatkan kos:

(1) Kos melepas, iaitu keuntungan lain, misalnya keuntungan pelaburan yang dilepaskan kerana memegang wang.
(2) Kos zakat, iaitu 2.5 peratus zakat yang terpaksa dibayar kerana membekukan wang.
(3) Kos tabungan, kesulitan serta kebimbangan kerosakan, kemusnahan atau kecurian.
(4) Kos pengorbanan yang memaksa pemegangnya melepaskan sebahagian daripada penggunaan semasa.

Walau bagaimanapun, kos pemegangan wang dalam ekonomi Islam adalah minimum kerana seperti yang telah dinyatakan bahawa:

(1) Permintaannya bagi tujuan spekulasi lebih rendah, lebih-lebih lagi adanya pernyataan oleh setengah-setengah penulis Islam bahawa spekulasi itu sendiri adalah dilarang.
(2) Permintaan bagi tujuan awasan juga rendah kerana wujudnya pengurusan keselamatan dan kebajikan sosial dalam masyarakat Islam.
(3) Permintaan bagi urus niaga juga rendah kerana individu Islam tidak berbelanja berlebihan, sebaliknya hanya untuk mencukupkan keperluan yang sederhana.

Ini menjadikan permintaan jumlah wang berkurangan, oleh itu, kos pemegangannya juga dapat diminimumkan. Pemegangan wang yang rendah sepatutnya dapat menggalakkan penggunaan wang bagi tujuan pelaburan kerana tujuan ini lebih berdaya keluaran dan menguntungkan.

Oleh sebab itu mengikut pandangan al-Jarhi, permintaan wang merupakan fungsi songsang bagi kadar pulangan pelaburan. Maksudnya, kadar pulangan yang tinggi akan mengurangkan permintaan pemegangan wang bagi tujuan urus niaga, sebaliknya akan melepaskannya bagi tujuan pelaburan (dipetik daripada Siddiqi 1983: 39).

### Penawaran Wang

Penawaran wang dalam sesebuah ekonomi adalah bergantung pada tiga pihak: Bank pusat (kerajaan), bank perdagangan dan orang ramai (Md. Zhahir *et al.* 1988: 235). Ketiga-tiganya mempengaruhi peredaran wang dalam ekonomi. Bank pusat sebagai agensi kerajaan boleh menguncup dan mengembangkan penawaran wang melalui dasar yang sesuai dengan keadaan ekonomi.

Bank perdagangan pula dengan alat pembiayaan yang berbagai-bagai dapat mempengaruhi edaran wang melalui kemudahan keuntungan dan perkhidmatan yang diberikan. Tingkah laku orang ramai terhadap ekonomi dan bank perdagangan juga meninggalkan kesan terhadap kedudukan penawaran wang dalam ekonomi.

## INSTITUSI KEWANGAN

Jika ditinjau dari segi sejarah, hanya beberapa buah institusi kewangan Islam yang telah pernah wujud dalam masyarakat Islam, iaitu baitulmal,[3] takaful dan wakaf (Othman Alhabshi 1989: 109). Walau bagaimanapun, perbincangan tentang institusi kewangan tidak harus terbatas kepada institusi yang tersebut di atas, sebaliknya perlu dikembangkan dengan membentuk beberapa institusi lain yang sesuai dengan Islam selaras dengan keperluan masa dan masyarakat.

Pada umumnya, institusi kewangan Islam boleh dibahagikan kepada beberapa kategori, iaitu bank, bukan bank, institusi kebajikan dan institusi pengawas.

### Bank Perdagangan

Ejen terpenting dalam sistem kewangan ialah bank. Bank moden

---

3 Saya keberatan untuk memasukkan baitulmal sebagai salah satu daripada institusi kewangan kerana asal pembentukannya adalah lebih kepada ekonomi fiskal (lihat Hasan 1990: 67).

(Barat) boleh mencipta wang melalui pemberian hutang kepada kerajaan, pengeluar, pengguna, peniaga dan lain-lain. Walau bagaimanapun, dalam proses pemberian hutang, sistem bank Barat lebih menitikberatkan "kebolehan" penghutang untuk membayar balik hutang dari aspek daya pengeluaran wang yang dihutangkan (Iqbal dan Khan 1981: 13). Sebaliknya, sistem bank Islam dari segi pemberian dan perbelanjaan wangnya kepada pelanggan, lebih menitikberatkan aspek daya pengeluaran, khususnya melalui kaedah perkongsian untung antara bank dengan pihak pengguna wang.

Bank Islam adalah bank perdagangan yang beroperasi tanpa unsur-unsur riba. Idea operasi urusan bank secara perkongsian untung (musyarakah dan mudarabah) telah bermula pada tahun 1930-an atau 1940-an (Siddiqi 1981: 29–30 dan 1983: 22). Asas bank Islam ialah konsep keuntungan melalui operasi musyarakah dan mudarabah, dan bukannya bunga yang dikenakan terhadap pinjaman. Konsep operasi bank Islam ini dilaksanakan dari segi pembiayaan bank kepada pelanggan, manakala bagi tabungan pelanggan, konsep mudarabah digunakan.

*Sumber Modal.* Selain sumber saham, secara umumnya bank memperoleh dana melalui tabungan urusniaga dan tabungan pelaburan (Khan dan Mirakhor 1989: 41–42), manakala Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) mengelaskan sumber tersebut kepada akaun semasa, akaun tabungan dan akaun pelaburan (Bank Islam Malaysia Berhad 1983: 13–15).

Bagi akaun semasa, penyimpannya tidak mendapat apa-apa bahagian keuntungan bank, sebaliknya dikenakan bayaran perkhidmatan (kalau perlu) kerana kemudahan cek yang diberi oleh bank. Sementara akaun tabungan lebih merupakan tabungan jimat-cermat pelanggan. Walau bagaimanapun, bank boleh memberikan bahagian keuntungan atau kemudahan hutang tanpa bunga (qardh ul-hasan).

Tujuan penyimpan bagi akaun pelaburan lebih kepada keuntungan. Dalam hal ini, bank menjadi usahawan manakala penyimpan menjadi pemilik modal — operasi mudarabah. Pembahagian kadar keuntungan dipersetujui antara kedua-dua belah pihak, misalnya 70–30. Tabungan ini sama seperti simpanan 'tetap' di bank yang mengamalkan kadar bunga.

Di samping kemudahan akaun yang tersebut di atas, bank Islam juga menerima tabungan daripada penyimpan terpilih, daripada kerajaan atau syarikat dalam bentuk akaun pelaburan khas. Seperti juga dalam akaun pelaburan biasa akaun ini beroperasi berasaskan konsep

mudarabah (Bank Islam Malaysia Berhad t.t: pecahan 7.4).

Dalam hal akaun semasa dan tabungan, bank akan meminta keizinan daripada penyimpan untuk menggunakan wang tersebut, sesuai dengan konsep amanah dalam Islam. Bezanya, pemegang akaun tabungan akan mendapat bahagian keuntungan daripada penggunaan dananya, sementara pemegang akaun semasa tidak mendapat apa-apa bahagian.

*Penggunaan Dana.* Bagi tujuan perkhidmatan (kepada orang ramai) dan mencari keuntungan pelaburan, bank akan menggunakan dana yang terkumpul mengikut beberapa keperluan penggunaan; keperluan rizab, pelaburan, pembiayaan, hutang dan perkhidmatan lain. Keperluan rizab merupakan rizab yang wajib terhadap bank bagi memenuhi pelbagai tujuan, seperti yang berikut:

(1) Rizab tunai, iaitu sejumlah tertentu (pada kadar tertentu) harta cair bank yang perlu diperuntukkan (disimpan) dalam bank bagi memenuhi kehendak pelanggan, seperti untuk tujuan pengeluaran, pelaburan atau pinjaman pelanggan.
(2) Rizab bank merupakan simpanan bank di bank pusat. Tujuannya yang utama ialah untuk melindungi penyimpan dan juga sebagai alat bagi bank pusat mengawal penawaran wang dalam edaran.
(3) Rizab kerajaan. Tujuan rizab ini adalah untuk membolehkan kerajaan menjalankan projek pelaburan dan juga projek sosial yang biasanya tidak menarik minat pelabur swasta.

Sementara pelaburan dan pembiayaan disediakan untuk melaksanakan projek, untuk memperoleh harta atau modal pusingan. Bank boleh melibatkan diri dalam sesuatu projek sama ada secara langsung atau secara penyertaan. Pelaburan langsung terjadi apabila bank menyumbangkan semua modal dan usaha dalam sesuatu projek pelaburan. Contohnya:

(1) *Pelaburan murabahah (jual beli tambahan untung).* Bank membeli sesuatu barang dan menjualkannya kepada pembeli pada harga yang boleh menutup kos asal bersama-sama tambahan keuntungan.
(2) *Bai' bithaman ajil (jualan harga tangguh).* Pembelian sesuatu aset oleh bank bagi memenuhi kehendak pelanggan yang akan membayar aset tersebut secara ansuran untuk satu tempoh yang tertentu. Harga jualan aset oleh bank telah pun mengambil kira kos belian dan margin keuntungan bank. Harga jualan ini telah disetuju terima oleh kedua-dua pihak.

(3) *Jualan salam (jualan secara tempahan).* Pembeli membayar seluruh harga barang, sedangkan penjual menangguhkan penyerahan barang tersebut. Jual beli secara ini sah jika beberapa syarat dipenuhi, seperti sifat barang telah nyata, ditetapkan jumlah atau kadar dan tempoh penyerahannya.

(4) *Ijarah (sewa).* Pembelian sesuatu aset oleh bank demi memenuhi kehendak pelanggan bagi tujuan disewakan kepada pelanggan tersebut bagi tempoh dan kadar tertentu.

(5) *Bai ul-takjiri (sewa beli).* Sama konsepnya dengan ijarah, tetapi dalam pembiayaan ini, kedua-dua pihak telah bersetuju bahawa sehingga satu masa tertentu pelanggan akan membeli aset ini daripada bank pada kadar harga yang dipersetujui. Jumlah sewa yang telah dibayar sebelumnya akan diambil kira sebagai sebahagian daripada harga pembelian aset tersebut.

Pelaburan penyertaan pula lebih merupakan pelaburan berkongsi dengan usahawan tertentu, contohnya:

(1) *Musyarakah.* Bank bersama-sama usahawan (pelanggan) masing-masingnya menyumbangkan modal dalam projek yang akan dijalankan berdasarkan perkongsian. Masing-masing berhak dari segi pengurusan projek tersebut. Keuntungan akan dibahagi mengikut persetujuan.

(2) *Penyertaan ekuiti.* Bank membeli saham syarikat yang menjalankan projek tertentu.

(3) *Mudarabah.* Bank membekalkan modal berbentuk wang kepada usahawan sepenuhnya. Bank cuma berhak mengawasi usahawan dan boleh menarik balik modalnya sekiranya usahawan menyeleweng. Keuntungan daripada usaha ini dibahagi mengikut persetujuan yang telah dibuat. Sebarang kerugian akan ditanggung oleh bank, kecuali jika kerugian berpunca daripada kecuaian usahawan.

Surat kredit merupakan kemudahan atau pembiayaan perdagangan, khususnya pembiayaan jangka pendek yang biasanya diberikan kepada pelanggan yang menjalankan perdagangan luar negeri (import). Dalam pembiayaan jenis ini, bank Islam menyediakan berbagai-bagai surat

(1) Surat kredit berasaskan *wakalah.* Pelanggan memberitahu bank tentang jenis dan sifat barang yang hendak diimport/dibeli. Pe-

langgan membayar harga barang tersebut dengan sepenuhnya dan bank meletakkan wang bayaran tersebut dalam akaun deposit dengan berlandaskan *wadi'ah*. Bank mengeluarkan surat kredit kepada pelanggan dan menjelaskan pembayaran barang tersebut dengan menggunakan wang deposit pelanggan. Bank mengenakan komisen dan perbelanjaan pengurusan yang lain kepada pelanggan berkenaan.

(2) Surat kredit berasaskan musyarakah. Hampir sama seperti surat kredit wakalah, cuma bank berkongsi dengan pelanggan membayar sebahagian harga barang tersebut. Walau bagaimanapun, pelanggan akan menguruskan penjualan barang yang telah diperoleh untuk menghasilkan keuntungan. Segala keuntungan akan dibahagikan mengikut persetujuan. Seperti dalam kes surat kredit wakalah, pelanggan perlu membayar komisen dan perbelanjaan pengurusan kepada bank.

(3) Surat kredit berasaskan murabahah. Pembiayaan cara ini berbeza daripada surat kredit wakalah dari segi pembayaran barang kerana surat kredit murabahah dijelaskan oleh bank dengan menggunakan wangnya sendiri. Kemudiannya, bank menjualkan barang tersebut kepada pelanggan dengan berlandaskan konsep murabahah. Di samping itu, bank juga mengenakan bayaran komisen dan perbelanjaan pengurusan yang lain kepada pelanggan berkaitan dengan kemudahan dan khidmat surat kredit.

Surat jaminan merupakan kemudahan yang biasanya berkait dengan tanggungjawab pelanggan bersabit dengan sesuatu hutang atau pelaksanaan sesuatu tugas terhadap pihak yang lain. Di sini bank sanggup menerima tanggungjawab menjelaskan hutang pelanggan atau membayar gantirugi dengan mengeluarkan surat jaminan kepada pihak ketiga. Bank mungkin menghendaki pelanggan meletakkan sejumlah deposit berlandaskan hukum *wadi'ah*. Bank mengenakan komisen dan perbelanjaan mengurus yang lain yang berkait dengan kemudahan ini.

Qardh ul-hasan (hutang kebajikan) merupakan pemberian hutang kepada pelanggan tertentu, sama ada bagi tujuan pembiayaan projek ekonominya atau bagi tujuan-tujuan lain berdasarkan tanggungjawab sosial, tolong-menolong dan bantu-membantu. Bank tidak akan meminta pembayaran yang melebihi jumlah pinjaman pokok. Walau bagaimanapun, pelanggan disyorkan memberikan sumbangan (hadiah) kepada bank yang telah membantunya. Tempoh dan syarat-syarat hutang ditentukan terlebih dahulu.

Di samping itu, bank juga menyediakan perkhidmatan lain, seperti yang disediakan oleh bank perdagangan biasa yang tidak menyalahi hukum syarat. Antaranya ialah:

(1) Pengiriman dan pemindahan wang.
(2) Jual beli mata wang asing.
(3) Pengurusan pelaburan.
(4) Khidmat pemegang amanah dan khidmat syarikat nomini.

## Institusi Bukan Bank

Institusi ini terdiri daripada syarikat kewangan, syarikat pelaburan, syarikat amanah pelaburan, syarikat insurans, koperasi dan bank simpanan.

*Syarikat Kewangan.* Dananya adalah daripada penjualan saham dan akaun tabungan pelaburan. Kegiatannya yang utama ialah membiayai pembelian barang tahan lama dan mempunyai harga yang tinggi, melalui kaedah murabahah dan musyarakah *mutanaqisah.*[4] Di Kuwait, terdapat syarikat seperti ini yang dinamakan sebagai syarikat kewangan Kuwait (1979).

*Syarikat Pelaburan.* Kegiatan tertumpu kepada projek pelaburan untuk menghasilkan keuntungan. Keuntungan yang diperoleh akan diagih antara syarikat dengan penyimpan dan juga pemegang saham. Kaedah perniagaannya ialah melalui musyarakah dan mudarabah. Contoh syarikat ini ialah syarikat Pelaburan Islam Berhad (1978) di Emirate Arab Bersatu.

*Syarikat Amanah Pelaburan.* Kegiatannya yang utama ialah untuk membeli saham pelbagai syarikat yang terlibat dalam pelaburan ekuiti. Contoh syarikat ini ialah Amanah Pelaburan Nasional, seperti yang terdapat di Pakistan.

*Koperasi.* Institusi yang mementingkan kebajikan sosial ahli-ahlinya seperti bantuan dan kemudahan kepada ahli dari segi pembelian barang keperluan, termasuk peralatan, kenderaan dan perumahan. Di samping itu, ahli juga mendapat dividen daripada saham yang dimiliki. Contohnya, Koperasi Belia Islam (KBI), Koperasi Muslimin dan Koperasi al-Hilal (KoHilal).

---

4 Merupakan satu kontrak perkongsian yang berakhir dengan pemilikan sepenuhnya oleh satu pihak dan dengannya juga bermakna berakhirnya perkongsian.

*Syarikat Insurans.* Dana bagi Syarikat Takaful ini diperoleh daripada penjualan saham dan caruman. Pada asasnya caruman ini dianggap sebagai tabungan pelaburan. Wang ini diagihkan kepada dua akaun, akaun khas dan akaum am peserta. Dana dalam akaun khas akan digunakan bagi membayar sebarang pampasan atau sumbangan kepada setiap pencarum yang mengalami kemalangan. Sementara dana am akan digunakan bagi pelaburan dan belanja pengurusan. Keuntungan daripada pelaburan ini akan diagihkan antara syarikat dengan pencarum.

*Agensi Tabungan.* Bank simpanan tergolong dalam kategori ini, walaupun namanya bank. Bank simpanan tidak tergolong dalam kategori bank kerana sumber dana dan kegiatannya yang terhad. Bank simpanan menerima wang daripada penyimpan hanya dalam bentuk akaun tabungan. Dana ini akan dilaburkan oleh bank untuk menghasilkan keuntungan. Terpulanglah kepada bank untuk memberikan bahagian keuntungan yang diperoleh ini kepada penyimpan ataupun perkhidmatan-perkhidmatan lain yang dirasakan sesuai. Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH) juga boleh dimasukkan dalam golongan ini.

## Institusi Kebajikan

Ini merupakan institusi yang bukan sahaja mementingkan keuntungan, tetapi juga mementingkan kebajikan, iaitu memberikan beberapa bentuk perkhidmatan dan bantuan kepada pihak-pihak tertentu. Antara institusi-institusi seperti ini ialah kumpulan wang persaraan, pajak gadai, dan institusi amal jariyah.

*Kumpulan Wang Persaraan.* Dikenali juga sebagai Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Dana yang diperoleh daripada caruman pekerja dan majikan, sebahagian besarnya digunakan untuk membiayai projek ekonomi kerajaan melalui pelaburan Mudarabah. Keuntungan pelaburan akan dibahagikan antara institusi ini dengan kerajaan. Sementara institusi pula akan mengagihkan keuntungan ini kepada para pencarum. Apabila seseorang pekerja itu telah bersara, seluruh jumlah caruman berserta keuntungan akan diserahkan kepada pekerja tersebut.

*Pajak Gadai.* Merupakan institusi yang bergiat semata-mata untuk memberikan pinjaman (hutang) kepada orang ramai, terutamanya pelanggan yang kesesakan wang. Pajak gadai bukan merupakan institusi yang bertujuan untuk mengaut keuntungan daripada kesem-

pitan pelanggan. Pelanggan akan dikehendaki menyediakan cagaran berserta bayaran perkhidmatan daripada hutang yang diperolehnya. Pelanggan yang tidak mampu memulangkan semula wang hutangnya akan diberikan peringatan dan masa tambahan. Kalau pelanggan itu masih gagal, maka cagaran itu akan dijual. Wang daripada jualan ini akan digunakan untuk membayar hutang bersama-sama kos perkhidmatan dan bakinya akan dipulangkan kepada pelanggan. Oleh sebab institusi ini lebih bercorak kebajikan, maka dana seharusnya dibiayai oleh kerajaan.

*Institusi Amal Jariyah.* Institusi ini adalah berlandaskan amalan sedekah dan amal jariyah yang memang dituntut dalam Islam. Contoh institusi ini ialah Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YPEIM), yang ditubuhkan pada 1976. Sebagai institusi amal jariyah, YPEIM memperoleh sumber kewangan daripada derma, sedekah dan amal jariyah orang Islam. Separuh (50 peratus) daripada sumbangan itu akan diagihkan kepada masyarakat yang memerlukan pembiayaan dalam bidang ibadat, pendidikan, kebajikan dan pembangunan ekonomi. Bakinya akan dilaburkan bagi menghasilkan keuntungan, dan daripada keuntungan ini pula sebanyak 50 peratus akan dijariyahkan, manakala bakinya akan dilaburkan semula (Othman Alhabshi 1989: 112).

## Institusi Pengawas: Bank Pusat

Peranan dan tanggungjawab bank pusat adalah tidak berubah dalam ekonomi Islam (Ziauddin 1986: 5). Bank pusat diperlukan bagi mengawal dan mengawasi semua kegiatan kewangan supaya pengaliran dan penggunaan dana dalam sistem kewangan berkenaan dapat dilakukan dengan cekap dan berkesan serta menepati kehendak syariat. Bank pusat merupakan satu-satunya institusi yang diberi peranan untuk menguruskan penawaran wang dalam ekonomi. Bank pusat akan menentukan pertumbuhan wang yang diperlukan setiap tahun bagi mencapai objektif ekonomi negara.

Dalam keadaan tertentu, bank pusat bertindak sebagai pembantu atau penyelamat kepada sesebuah institusi kewangan yang menghadapi masalah. Bank pusat juga berkhidmat kepada kerajaan, misalnya dari segi menentukan dasar kewangan kerajaan dari semasa ke semasa. Bank pusat juga boleh menyumbangkan sejumlah modal yang tertentu kepada kerajaan untuk pembiayaan pembangunan ekonomi dan sosial. Oleh itu, dalam keadaan ini, bank pusat bertindak sebagai bank kepada kerajaan

dan juga bank kepada institusi kewangan.

### Persoalan Baitulmal

Seperti bank pusat, baitulmal juga merupakan pengawas kepada perjalanan ekonomi. Hanya yang berbeza ialah bank pusat berperanan mengawas perjalanan kewangan, sebaliknya baitulmal lebih berperanan dalam sistem fiskal. Oleh sebab itu, kebanyakan penulis Islam menamakan baitulmal sebagai "Perbendaharaan Negara" kerana tugasnya ialah untuk menguruskan hasil negara dari segi pengumpulan dan perbelanjaannya.

Memang tidak dinafikan bahawa baitulmal pernah terlibat secara langsung dalam membiayai petani dan peniaga dalam operasi perniagaan dan pertanian mereka. Khalifah Othman al-Affan pernah mengeluarkan wang baitulmal kepada seorang Yahudi bagi tujuan perniagaan secara konsep mudarabah. Begitu juga Hajjaj Ibn Yusuf pernah memberi pinjaman kepada petani daripada sumber baitulmal (Hailani 1986: 73–74). Dalam konteks ini, baitulmal juga berfungsi sebagai institusi kewangan. Namun begitu, fungsi ini bukanlah merupakan sifat utama baitulmal. Supaya tugasnya tidak menjadi sulit, eloklah pengawasan terhadap persoalan ekonomi kewangan diselaraskan oleh bank pusat, manakala perkara yang berkait dengan persoalan fiskal dan belanjawan diserahkan kepada pengendalian baitulmal, sesuai dengan namanya sebagai "Rumah Harta".

## TEORI KEWANGAN

Isu dalam teori kewangan Islam berkisar kepada persoalan pembentukan konsep perkongsian untung bagi menggantikan bunga dalam urusniaga institusi kewangan khususnya hubungan antara penyimpan-bank dan bank-usahawan. Kedua-dua nisbah perkongsian untung, iaitu antara bank dengan penyimpan dan antara bank dengan usahawan ditentukan oleh permintaan dan penawaran (Siddiqi 1983: 125). Keseimbangan nisbah perkongsian untung akan dapat memastikan simpanan deposit di bank mempunyai penawaran yang mencukupi secara berkekalan, dan boleh dilaburkan demi memenuhi permintaan usahawan dan peniaga, dan pelaburan bagi kehendak bank sendiri berpandukan kadar keuntungan projek yang dijangkakan.

Modal sebagai faktor pengeluaran mempunyai harga bukan dalam bentuk kadar bunga yang telah ditentukan, tetapi dalam bentuk kadar

pulangan yang dijangkakan. Sistem perkongsian untung lebih cekap daripada sistem yang berasaskan bunga. Institusi kewangan atau bank yang beroperasi secara bunga lebih menitikberatkan kebolehan penghutang membayar balik hutangnya (Iqbal dan Khan 1981: 13, Siddiqi 1983: 126). Sebaliknya, dalam sistem tanpa bunga, bank sebagai pembiaya menitikberatkan daya pengeluaran dan prospek keuntungan daripada projek tersebut. Kejayaan projek yang diceburi oleh usahawan bermakna juga kejayaan bank kerana kejayaan ini dapat mempengaruhi kadar pulangan yang akan diperoleh. Ini menjadikan bank terlibat secara langsung dalam projek usahawan sama ada secara kontrak mudarabah atau musyarakah. Fakta ini menguatkan hujah bahawa pembiayaan pelaburan secara Islam akan berjaya memperuntukkan sumber kepada penggunaan yang lebih berdaya keluaran yang tidak terdapat pada pembiayaan secara bunga (Siddiqi 1983: 126).

Sistem tanpa bunga lebih adil dan saksama kerana tidak membebani usahawan yang tidak mendapat keuntungan daripada projek yang dibiayai oleh bank. Berbeza dengan sistem riba yang pembiaya (pemilik modal) dijamin pulangannya, walaupun nilai daya pengeluaran daripada pelaburan belum dapat dipastikan. Ini menjadikan pemilik modal bertambah kaya walaupun dalam keadaan penggunaan modal tersebut gagal untuk menambahkan kekayaan (keuntungan). Dalam sistem tanpa bunga, sebarang keuntungan yang diperoleh daripada pembiayaan projek usahawan akan diagihkan secara meluas, bukan sahaja dinikmati oleh usahawan dan bank, tetapi juga penyimpan akan memperoleh pulangan yang lebih baik (Siddiqi 1983: 127).

Sistem bunga lebih cenderung menyebabkan inflasi kerana pinjaman bank mewujudkan penciptaan wang dalam ekonomi, yang tidak disertai dengan penciptaan tambahan nilai. Apabila berlakunya kerugian atau usahawan bankrap, bank tanpa bunga menerima bayaran balik kurang daripada jumlah yang telah diberikan. Ini mengurangkan jumlah modal wang jika dibandingkan dengan nilai barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan (Siddiqi 1983: 127–128).

Walau bagaimanapun, kajian yang lebih teliti masih diperlukan bagi membentuk sistem kewangan Islam sebelum sistem ini diamalkan. Dengan kajian ini, sistem kewangan Islam akan benar-benar berjaya menangani masalah kewangan dunia. Yang masih menjadi penghalang ialah kefahaman dan kesediaan masyarakat menerima idea Islam. Memang sukar untuk menjadikan keseluruhan ejen-ejen ekonomi bertingkah laku menurut yang dikehendaki oleh ajaran Islam. Tidak semua usahawan dapat dibentuk supaya tidak menipu atau menyalah-

gunakan modal yang dibiayai oleh bank bagi tujuan pengusahaan yang berdaya keluaran.

Penyalahgunaan ini merugikan bank sebagai rakan perkongsian usahawan. Oleh sebab kurangnya unsur percaya-mempercayai inilah, maka BIMB tidak banyak menceburkan diri dalam projek pelaburan yang berasaskan konsep untung (mudarabah dan musyarakah).

## DASAR KEWANGAN

Dasar kewangan merupakan dasar yang berhubung dengan penentuan dan penyusunan wang dari segi kuantiti, kesediaan dan kosnya. Objektif lazim dasar kewangan ialah pertumbuhan ekonomi, keadilan agihan, kestabilan harga dan imbangan pembayaran (Siddiqi 1983: 32). Objektif ini di samping beberapa pengubahsuaian juga dinyatakan oleh Chapra (1983), Iqbal dan Khan (1981), Ziauddin *et al.*, (1983) dan Chapra (1985).

Para ulama' bersepakat bahawa kebajikan setiap orang dan penghindaran kesengsaraan merupakan objektif asas syariat. Ini meliputi memenuhi keperluan asas, pembasmian segala angkara yang merosakkan dan tidak menyenangkan, membaiki kualiti kehidupan — baik dari segi kebendaan mahupun kerohanian (Iqbal dan Khan 1981: 24, Chapra 1985: 35). Bagi mencapai maksud ini, tenaga manusia dan segala sumber perlu digunakan secara berkesan dan penuh.

Keadilan sosioekonomi dan keseimbangan agihan pendapatan dan harta adalah berasaskan konsep persaudaraan antara umat Islam (Iqbal dan Khan 1981: 35, Chapra 1985: 35). Islam membasmikan ketakseimbangan pada peringkat dasar dan punca terjadinya masalah ini, di samping mengagihkan harta melalui zakat, cukai, dan bentuk-bentuk agihan yang lain (Iqbal dan Khan 1981: 23, Chapra 1985: 36–37).

Selain itu, Islam mengutamakan keadilan dan kebaikan dalam segala urusan manusia. Inflasi, kemelesetan ekonomi dan pengangguran tidak dapat diterima dalam Islam kerana kesan buruknya (Iqbal dan Khan 1981: 26, Chapra 1983: 31). Oleh itu, negara Islam berdiri untuk membasmikan atau meminimumkan ketakstabilan ekonomi dan nilai wang dengan mencegahnya pada peringkat akar terjadinya inflasi dan kemelesetan — seperti hutang tanpa riba atau hutang secara qardh ul-hasan (Chapra 1985: 38).

Islam menggalakkan mobilisasi tabungan bagi menghasilkan pembangunan ekonomi dalam keadaan yang seimbang. Islam mencela sorokan dan timbunan tabungan, sebaliknya Islam menggalakkan

penggunaan tabungan secara berdaya keluaran (Chapra 1985: 44), misalnya dengan melaburkannya bagi membangunkan ekonomi demi kesejahteraan manusia seluruhnya.

Di samping itu, Islam menggalakkan penyediaan perkhidmatan-perkhidmatan lain kepada orang ramai secara berkesan. Sumber kewangan dan modal perlu digerakkan dan disediakan kepada mereka yang boleh menggunakannya secara berdaya keluaran serta membentuk pasaran wang peringkat pertama dan peringkat kedua (Chapra 1985: 44–45) bagi mewujudkan mobilisasi sumber kewangan yang cekap.

## Alat Dasar Kewangan

Dengan penghapusan kadar bunga, dua alat penting dasar kewangan Barat, iaitu kadar diskaun dan operasi pasaran terbuka perlu ditukar dengan sistem lain yang sesuai dengan Islam. Siddiqi (1970: 104–105) menggantikan kadar diskaun dengan nisbah pembiayaan semula dan operasi pasaran terbuka dengan jual beli saham industri. Beliau juga mencadangkan satu alat baru dasar kewangan, iaitu nisbah perkongsian untung (Siddiqi 1983: 33 dan 47), di samping alat dan kelaziman yang lain (Siddiqi 1976: 106–131). Iqbal dan Khan (1981: 28–32) dan Chapra (1985: 194–207) juga membincangkan alat dasar kewangan yang sesuai dengan Islam.

*Nisbah Pembiayaan Semula.* Bank perdagangan boleh mendapat tambahan tunai bagi memenuhi kehendak pelanggan yang di luar jangkaan daripada bank pusat secara tanpa riba. Siddiqi (1970: 105) meletakkan nisbah asas pembiayaan ini pada 25 peratus. Pembiayaan ini adalah untuk tempoh sementara sahaja dan akan ditarik balik apabila keadaan permintaan tunai pelanggan bank kembali normal (Siddiqi 1976: 117). Nisbah pembiayaan semula ini dapat ditingkatkan dan diturunkan mengikut keadaan. Dalam keadaan inflasi, nisbahnya akan dikuncupkan. Begitu juga pembiayaan penggunaan terpilih boleh juga digunakan oleh bank pusat (Siddiqi 1970: 105, 1976: 119).

Sebaliknya, The Council of Islamic Ideology, Pakistan (1983: 167) mengutarakan agar nisbah perkongsian untung antara bank pusat dengan bank perdagangan sebagai pengganti kepada kadar diskaun.

*Nisbah Perkongsian Untung.* Bank pusat juga boleh menentukan nisbah perkongsian untung usahawan yang mendapat pembiayaan bank (Siddiqi 1983: 33). Walau bagaimanapun, perubahan nisbah ini lebih wajar bagi kontrak perniagaan yang akan dimulakan, sebaliknya bagi perniagaan yang sedang berjalan, persetujuan daripada kedua-dua pihak

(pemodal dan usahawan) diperlukan.

*Jual Beli Saham Perniagaan.* Alat ini dapat menggantikan operasi pasaran terbuka dengan andaian harga saham yang secara relatifnya stabil terdapat dalam keadaan kuantiti yang mencukupi (Siddiqi 1970: 105). Melalui bank pusat, kerajaan boleh mengeluarkan saham bagi tujuan pembiayaan sektor awam dengan menggunakan konsep perkongsian untung. Saham ini boleh dijualkan kepada bank perdagangan, institusi kewangan dan orang ramai, dan bank pusat boleh membelinya balik pada harga pasaran atau pada harga yang lebih tinggi (Siddiqi 1976: 122). Al-Jarhi (1983: 86) pula mengajukan penjualan dan pembelian sijil simpanan pusat, manakala The Council of Islamic Ideology, Pakistan (1983: 174) mengemukakan sekuriti dividen bagi mengisi tempat dalam operasi pasaran terbuka.

*Nisbah Rizab.* Bank perdagangan dikehendaki menyimpan sejumlah wang tertentu (biasanya 10–20 peratus) daripada simpanan liabilitinya[5] di bank pusat. Nisbah ini boleh diubahsuaikan mengikut keperluan dan pencapaian dasar kewangan (Iqbal dan Khan 1981: 31, Chapra 1985: 198).

Di samping nisbah rizab, nisbah tunai juga dapat memainkan peranan sebagai alat dasar kewangan. Bank pusat boleh menentukan nisbah tunai yang perlu dipegang oleh bank perdagangan bagi menghadapi permintaan pelanggan.

*Sijil Simpanan Pusat.* Penggunaan alat ini dicadangkan oleh al-Jarhi (1983: 86), M. Iqbal dan Khan (1981: 32). Pemegang sijil ini mempunyai bahagian dalam simpanan bank pusat. Bank pusat akan melaburkannya dalam bank perdagangan. Pelbagaian pelaburan ini ditambah dengan penyertaan institusi terpenting kewangan (bank pusat dan bank perdagangan) menjadikan alat ini sebagai satu-satu alat selamat (al-Jarhi 1983: 81–82).

*Penawaran dan Peredaran Wang.* Bank pusat perlu menentukan keperluan pertumbuhan penawaran wang (*M*) setiap tahun selaras dengan matlamat ekonomi dari segi pertumbuhan dan nilai wang.

Begitu juga bank pusat perlu mengatur pertumbuhan wang dalam edaran dan wang yang terdapat dalam bank pusat ($M_0$). Walaupun penciptaan wang merupakan hak istimewa bank pusat, namun wang yang terhasil daripadanya hanya layak digunakan bagi perkara-perkara

---

5 Chapra (1988: 188) mengehadkan peratus keperluan ini hanya terhadap tabungan permintaan.

yang berorientasikan kebajikan masyarakat bagi menyempurnakan matlamat dan kehendak masyarakat Islam. Wang ini perlu digunakan sebahagiannya untuk membiayai projek yang boleh meningkatkan cita-cita umat — dari segi persaudaraan dan kesatuan (Iqbal dan Khan 1981: 29–30, Chapra 1985: 195–196).

Bank pusat patut memperuntukkan sebahagian $M_0$ untuk kerajaan dalam bentuk tanpa bunga bagi tujuan pembiayaan projek sosial; sebahagian yang lain untuk bank perdagangan dalam bentuk mudarabah bagi menggerakkan kegiatan ekonomi dalam sektor swasta. Sementara sebahagian yang lain diuntukkan kepada institusi kewangan tertentu yang juga perlu mengambil kaedah mudarabah (Iqbal dan Khan 1981: 30, Chapra 1985: 196).

*Peruntukan Awam (Rizab Kerajaan).* Peratus tertentu (katakan sehingga 25 peratus) daripada tabungan permintaan (iaitu tabungan semasa) bank perdagangan perlu diuntukkan kepada kerajaan bagi projek sosial secara tanpa bunga (Iqbal dan Khan 1981: 30, Chapra 1985: 196–197).

*Penentuan Tingkat Bumbung Kredit Bank.* Tingkat bumbung hutang dan pembiayaan yang diberikan oleh bank perdagangan diperlukan bagi memastikan bahawa jumlah penciptaan kredit selaras dengan matlamat kewangan. Peruntukan tingkat bumbung bagi setiap bank perlu dilakukan mengikut asas yang sesuai supaya tidak melemahkan pertumbuhan bank itu sendiri (Chapra 1985: 200). Mana-mana bank yang melewati tingkat bumbung kredit, dikehendaki menyimpan sejumlah wang yang sama dengan lebihan tersebut di bank pusat sehinggalah penyelarasan semula dapat dilakukan oleh bank (The Council of Islamic Ideology, 1983: 163–164).

*Peruntukan Kredit Terpilih.* Supaya kredit yang diberi oleh bank itu mencapai sasaran ekonomi (Islam), maka perlu dipastikan bahawa (Iqbal dan Khan 1981: 31, Chapra 1985: 200):

(1) Peruntukan kredit membawa kepada pengeluaran yang optimum dan kepada agihan barang dan perkhidmatan yang diperlukan oleh masyarakat.
(2) Faedah kredit dinikmati oleh masyarakat.

Sementara kaedah lain termasuklah pujukan moral — melalui hubungan peribadi bank pusat, nasihat dan pertemuan (Siddiqi 1983: 34, Chapra 1985: 202). Tabungan permintaan kerajaan di bank perdagangan; kerjasama antara bank-bank perdagangan dengan naung-

an bank pusat bagi menyelesaikan masalah kecairan (Chapra 1985: 204). Nisbah peminjaman, iaitu kredit daripada tabungan permintaan bank yang akan dihutangkan kepada pelanggan mengikut kaedah qardh ul-hasan (Siddiqi 1983: 33).

# BAB 11

# EKONOMI FISKAL

Kalau ekonomi kewangan berkait dengan persoalan penentuan kuantiti optimum wang atau kadar pertumbuhan optimum stok wang (Miller dan Pulsinelli 1989: 513), maka ekonomi fiskal[1] pula berkait dengan persoalan perbelanjaan, hasil pencukaian dan hutang kerajaan bagi mencapai matlamat ekonomi negara (Miller dan Pulsinelli 1989: 476).

Dalam ekonomi Islam, baitulmal merupakan daerah dan pusat ekonomi fiskal. Kedua-duanya berkait kuat antara satu dengan yang lain. Sesuai dengan namanya sebagai "rumah harta", institusi baitulmal berfungsi sebagai pengawal perbendaharaan negara, baik dari segi penentuan perbelanjaan, hasil kutipan mahupun hutang negara.

## ASAS EKONOMI FISKAL ISLAM

### Zakat dan Baitulmal

Zakat dan baitulmal merupakan dua institusi asas dalam pembentukan sistem fiskal Islam. Al-Quran ada menyebut kalimah zakat beberapa kali beriringan dengan solat. Zakat bukanlah perkara baru, tetapi telah sedia ada sejak sekian lama dan dikenali serta diamalkan oleh masyarakat dan negara Islam yang lampau. Keberkesanan zakat dari segi menjamin kesejahteraan sesebuah negara telah terbukti keung-

1 Apabila menentukan keseimbangan agregat, ekonomi (dasar) kewangan mewakili keluk penawaran (keluk *LM*), manakala ekonomi (dasar) fiskal ialah keluk permintaannya (keluk *IS*).

gulannya sebagai alat ekonomi fiskal terpenting yang pernah disebut dalam al-Quran.

Kesejahteraan ekonomi pada masa pemerintahan khalifah Umar Abdul Aziz (99 Hijrah) daripada kerajaan Umaiyah adalah kesan daripada pelaksanaan tanggungjawab pemerintah (kerajaan) yang sempurna terhadap rakyatnya, iaitu hasil negara dapat dibelanjakan ke arah yang benar-benar dapat memberi faedah yang maksimum keada rakyat. Oleh itu, pada masa pemerintahannya kutipan hasil zakat melebihi daripada keperluan penggunaan (belanjawan lebihan) sehingga pembayar zakat terpaksa mencari golongan yang berhak menerimanya (Firdaus 1977: 191).

Sejajar dengan hasil negara dan zakat, baitulmal merupakan satu lagi institusi ekonomi fiskal Islam yang penting selain sebagai gedung hasil negara, baitulmal juga merupakan sebuah institusi yang berperanan membangun dan menyelesaikan masalah masyarakat di negara Islam dari segi ekonomi, sosial dan kebajikan (Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan 1989: 6).

Pada zaman Rasulullah, sumber pendapatan negara telah diagihkan tanpa ditangguh, di samping wujudnya dasar belanjawan seimbang (pendapatan menyamai perbelanjaan) menyebabkan baitulmal tidak diperlukan untuk menjaga dan menyimpan lebihan harta (Hailani Muji Tahir 1986: 1). Hanya pada zaman Umar al-Khattab kedudukan baitulmal berubah dengan berkembangnya wilayah dan perolehan hasil negara Islam. Dengan cadangan Khalid ibn al-Walid, tertubuhlah *diwan* yang kemudiannya dikenali sebagai baitulmal (lihat Hailani Muji Tahir 1986: 1–2).

Pada zaman pemerintahan Umar Abdul Aziz, berlaku lebihan hasil negara sehingga dikeluarkan arahan supaya lebihan itu diberikan kepada mereka yang memerlukan bantuan (Hailani Muji Tahir 1986: 2). Mengikut al-Mas'udi, pada al-Mansor (khalifah daripada kerajaan Abasiyah) meninggal dunia, hasil kekayaan negara berjumlah 810 juta dirham (dipetik daripada Hailani Muji Tahir 1986: 3). Bukti di atas menunjukkan bahawa pemerintah Islam yang silam telah berjaya menggunakan hasil baitulmal dengan cekap dan berkesan secara yang hak, bermanfaat untuk kesejahteraan rakyatnya, tidak membazir dan menyeleweng.

## Zakat dan Matlamat Dasar Sosioekonomi

Faridi (1983: 28) menggariskan empat matlamat dasar sosioekonomi

dalam negara Islam, iaitu:

(1) Keadilan atau kesamaan.
(2) Peruntukan keperluan sosioekonomi masyarakat atau kebajikan sosial.
(3) Mengembangkan sumber ekonomi masyarakat atau pertumbuhan ekonomi.
(4) Pembaikan persekitaran kebudayaan masyarakat.

Matlamat ini adalah manifestasi daripada al-Quran dan al-Sunnah dan telah dilaksanakan dalam sistem sosioekonomi yang mudah pada zaman Rasulullah dan pada zaman khalifah al-Rashidin.

Zakat merupakan mekanisme fiskal dan pengagihan yang terpenting dalam ekonomi Islam. Walau bagaimanapun, sumber zakat yang pada satu ketika mungkin terhad dan tidak mencukupi bagi perbelanjaan kebajikan menyebabkan alat pembantu yang lain diperlukan. Al-Quran dan al-Sunnah sendiri telah mengakui ini dengan mengajukan keperluan sedekah. Dalam keadaan sekarang apabila keperluan pembangunan semakin meningkat, maka hasil zakat semata-mata tidak akan memadai. Dalam konteks sebegini, zakat lebih merupakan usaha minimum ke arah memenuhi keperluan ini (lihat Faridi 1983: 29). Alat-alat lain sebagai pelengkap kepada zakat ialah kharaj, jizyah, fai, ghanimah, usyur dan sebagainya, sama ada merupakan ketetapan nas ataupun ijtihad khalifah Islam.

## PERANAN EKONOMI FISKAL

### Implikasi Ideologi Terhadap Ekonomi Fiskal

Ekonomi Islam adalah ekonomi yang berasaskan pegangan ideologi. Oleh itu, sistem ekonomi Islam memberi beberapa implikasi terhadap peranan dasar ekonomi, khususnya dasar fiskal, misalnya:

(1) Kutipan zakat tanpa mengira keadaan ekonomi dan ketentuan penggunaannya, menjadikannya sebagai "dasar fiskal tersedia" yang unik (Iqbal dan Khan 1981: 50, Metwally 1983: 60–61). Berasaskan sebab di atas, zakat tidak dianggap sebagai alat dasar fiskal (Iqbal dan Khan 1981: 50, Metwally 1983: 61). Sementara penulis lain menganggap zakat sebagai alat dasar fiskal di masa lalu (Salama 1983: 105, dan berperanan amat penting dalam dasar dan operasi fiskal Islam (Faridi 1981: 121).

(2) Penghapusan kadar bunga dan menggantikannya dengan unsur lain akan mengubah ciri-ciri dasar kewangan dan dasar fiskal (Iqbal dan Khan 1981: 50). Demi mencapai keseimbangan dalam pasaran wang, Metwally (1983: 62), mencadangkan agar kadar cukai harta yang "tidak diguna" diperkenalkan bagi menggantikan kadar bunga.
(3) Peranan hutang dalam dasar fiskal amat kecil kerana kaedah pembiayaan telah bertukar daripada pinjaman kepada konsep perkongsian untung (Iqbal dan Khan 1981: 50).
(4) Bagi keperluan jihad (perang) dijangkakan setiap rakyat akan sedia berkorban bukan sahaja diri (nyawa), tetapi juga seluruh harta mereka (Iqbal dan Khan 1981: 51).
(5) Hak pencukaian tidak terhad kepada zakat, tetapi terdapat jenis-jenis pungutan lain yang dibenarkan dalam Islam (Iqbal dan Khan 1981: 51, Faridi 1983: 29–30).
(6) Kerajaan bertanggungjawab membelanjakan dan membantu individu atau bahagian yang mundur dari segi ekonomi dan kefahaman serta kesedaran tentang Islam (Iqbal dan Khan 1981: 50, Metwally 1983: 62).
(7) Negara Islam adalah negara kebajikan yang meliputi kebajikan kebendaan dan kerohanian. Negara bertanggungjawab melindungi agama, nyawa, keturunan, akal dan harta warganegaranya (Iqbal dan Khan 1981: 50–51).

## Kepentingan Peranan Dasar Fiskal

Metwally menegaskan bahawa dasar fiskal lebih berperanan dalam ekonomi Islam jika dibandingkan dengan ekonomi bukan Islam (Metwally 1983: 60–61). Di samping perkara (1) dan (3) di atas, beliau memberikan satu alasan lagi menjadikan dasar fiskal lebih berperanan. Ini kerana secara relatif peranan dasar kewangan dalam ekonomi Islam agak terhad jika dibandingkan dengan sistem ekonomi yang lain. Metwally (1983: 60) menghujahkan bahawa:

(1) Kadar bunga dalam ekonomi Islam tidak berperanan. Oleh itu kadar bunga sebagai alat dasar yang penting kewangan tidak wujud.
(2) Islam melarang perjudian, termasuk beberapa jenis spekulasi dan urus niaga hadapan. Ini menyebabkan operasi pasaran terbuka tidak lagi berkesan dan permintaan wang untuk spekulasi tidak wujud.

Setengah-setengah penulis menganggap peranan dasar fiskal sama ada dalam ekonomi Islam atau bukan Islam sama penting (Abu Ali 1983: 88). Dasar fiskal tidak kurang pentingnya juga jika dibandingkan dengan dasar kewangan. Ini kerana walaupun kadar bunga, khususnya dalam kadar bank dan dalam operasi pasaran terbuka tidak wujud, tetapi terdapat beberapa cadangan dan alternatif bagi unsur-unsur ini, misalnya nisbah pembiayaan semula (Siddiqi 1970: 105) atau nisbah perkongsian untung (The Council of Islamic Ideology, Pakistan 1983: 167) bagi kadar bank, dan jual beli saham (Siddiqi, 1970: 105) atau jual beli sijil simpanan pusat (al-Jarhi 1983: 86) atau sekuriti bank pusat (The Council of Islamic Ideology, Pakistan 1983: 174) bagi menggantikan bon dan sekuriti kerajaan dalam operasi pasaran terbuka.

## Objektif Dasar Fiskal

Kerajaan melalui baitulmal bertanggungjawab memastikan keselesaan hidup rakyatnya. Kerajaan diamanahkan bukan sahaja untuk pencapaian kesejahteraan dan kebajikan ekonomi, tetapi juga berusaha meningkatkan kerohanian dan penyebaran risalah ajaran Islam seluas yang mungkin (Iqbal dan Khan 1981: 49).

Dasar fiskal dan dasar kewangan mempunyai objektif asas yang sama, iaitu dari segi pertumbuhan, pengagihan dan kestabilan. Begitu juga dasar fiskal Islam akan digunakan bagi mencapai objektif yang sama seperti dalam ekonomi bukan Islam (Metwally 1983: 61, Salama 1983: 99). Walaupun objektif kedua-duanya sama, namun matlamat kebajikan yang ingin dicapai adalah berbeza kerana konsep kebajikan Islam lebih luas, bukan sahaja merangkumi kebajikan kebendaan di dunia, tetapi juga kebajikan di akhirat (Salama 1983: 99). Dasar fiskal Islam perlu dijadikan alat untuk mencapai objektif yang terkandung dalam ajaran Islam atau objektif yang boleh merealisasikan pelaksanaan syariat, peningkatan keimanan dan akhlak.

*Kestabilan Ekonomi.* Kestabilan nilai mata wang perlu dipertahankan. Kestabilan nilai benar wang merupakan satu kemestian untuk proses pembangunan berjalan licin (Salama 1983: 101). Inflasi, kemelesetan ekonomi dan pengangguran tidak diterima dalam Islam kerana kesannya yang buruk (Iqbal dan Khan 1981: 26, Chapra 1983: 31). Tentang deflasi, Ibn Khaldun telah menyedari keadaan ini sejak berabad-abad yang silam dengan mengatakan jika pemerintah (sultan) memberhentikan aliran kewangan kepada orang ramai, ini akan menyebabkan kemelesetan (dipetik daripada Salama 1983: 101). Untuk

mencapai kestabilan ekonomi, negara Islam perlu mengurangkan pergantungan pada negara-negara luar bukan Islam, sebaliknya mengeratkan hubungan perdagangan, kerjasama dan dasar mampu diri di kalangan negara Islam. Di samping itu, sistem hasil dan perbelanjaan negara Islam perlu boleh ubah dan anjal supaya sistem itu dapat digunakan sebagai alat penstabil ekonomi. Oleh sebab alat zakat kadarnya tetap, maka alat-alat cukai yang lain merupakan alat utama dalam dasar fiskal dalam mencapai keseimbagan pasaran wang.

*Pertumbuhan dan Pembangunan.* Ini meliputi memenuhi keperluan asas, membasmi segala punca yang merosakkan dan tidak menyenangkan, membaiki kualiti kehidupan, baik kebendaan mahupun kerohanian (Iqbal dan Khan 1981: 2, Chapra 1985: 35). Bagi mencapai tujuan ini, segala sumber, termasuk tenaga manusia perlu digunakan secara berkesan dan sepenuhnya. Hukuman akan dikenakan terhadap milik sumber yang tidak digunakan sepenuhnya (Salama 1983: 102).

Kegiatan pelaburan dalam negara Islam perlu merangkumi pelaburan pembangunan manusia, sumber kebendaan dan juga pelaburan pembangunan rohani dan nilai akhlak masyarakat. Pembangunan kebendaan tidak harus menjadi matlamatnya, tetapi sebaliknya pembangunan ini akan dijadikan alat (Salama 1983: 102), untuk kesempurnaan pembangunan "Insan rabbani".

*Kesaksamaan Agihan.* Agihan harta yang saksama telah ditunjukkan oleh Rasulullah dan para pemimpin Khalifah al-Rashidin, khususnya dari segi pembahagian hadiah dan harta rampasan perang *ghanimah* ataupun *fai.* Mereka membahagikan harta secara adil mengikut keperluan dan tanggungan. Malah orang bukan Islam sendiri tidak diabaikan dari segi pembahagian harta baitulmal, seperti yang pernah dilakukan oleh Khalifah Umar Abdul Aziz (Salama 1983: 104).

Islam juga menganjurkan kesaksamaan dan demokrasi ekonomi, iaitu setiap orang diberikan peluang yang sama untuk memperoleh keperluan hidup mereka (Metwally 1983: 61–62). Golongan yang kurang berada digalakkan berusaha lebih, di samping diberikan peluang untuk memperoleh bahagian kekayaan golongan yang berada melalui zakat.

*Peruntukan Sumber.* Dalam Islam, sumber hanya digunakan dalam bentuk yang boleh membawa seseorang itu kepada kebajikan di dunia dan di akhirat. Oleh itu, kecekapan peruntukan sumber ini perlu juga dilihat dari aspek keharmonian antara keperluan kebendaan dengan kerohanian (Salaman 1983: 100). Sumber juga tidak boleh digunakan secara membazir dan secara tidak *syar'iy.* Cara memperolehnya juga

mesti selaras dengan syariat.

Sumber awam pula perlu digunakan bagi menghasilkan keperluan orang ramai (rakyat) — seperti pertahanan, keselamatan, jalan raya, jambatan, terusan, asas pembangunan ekonomi, pendidikan dan kesihatan. Kerajaan perlu mengatur sistem pasaran supaya dapat menjamin kebajikan rakyat di dunia dan di akhirat (Salama 1983: 100).

*Dakwah.* Dasar fiskal Islam perlu membantu bahagian-bahagian ekonomi yang lain (termasuk negara Islam lain) supaya sama-sama mendapat kemajuan. Pada masa yang sama, penyebaran dan pengembangan dakwah Islam perlu disampaikan seberapa luas yang mungkin mengikut kemampuan berasaskan rasa tanggungjawab yang perlu dipikul bersama-sama sebagai tugas fardu kifayah. Oleh itu sebahagian perbelanjaan negara Islam perlu diperuntukkan dan disalurkan ke arah usaha ini (Metwally 1983: 62, Iqbal dan Khan 1981: 50).

## KOMPONEN EKONOMI FISKAL

Ekonomi fiskal mengandungi tiga komponen terpenting, iaitu sumber hasil, perbelanjaan dan hutang negara (Iqbal dan Khan 1981: 52).

### Sumber Hasil Kerajaan

Sumber hasil kerajaan Islam silam terdiri daripada zakat, kharaj, jizyah, usyur (Iqbal dan Khan 1981: 52–530) ghanimah, fai dan sedekah. Kesemua sumber ini dijelaskan secara syarak. Sementara sumber-sumber lain yang dibenarkan ialah seperti cukai tak langsung, bayaran dan caj pengguna, pelaburan kerajaan, hutang awam (Salama 1983: 111), harta tidak berwaris (atau berwaris, tetapi tidak dapat menghabiskan harta), harta *luqatah* (tercicir), harta galian, rikaz, harta wakaf dan wasiat (Kadir Ismail 198: 9).

Keseluruhan sumber ini boleh dikelaskan kepada dua kumpulan, iaitu sumber bermasa dan sumber tidak bermasa (tidak menentu). Sumber bermasa merupakan sumber yang dikumpulkan pada masa tertentu dalam setahun — seperti zakat, kharaj, jizyah dan usyur. Sementara sumber tidak bermasa merupakan sumber yang dipungut tidak mengikut masa yang tertentu, sebaliknya bergantung pada kewujudan harta tersebut — seperti harta galian, rikaz, satu perlima daripada ghanimah, harta peninggalan orang yang tidak mempunyai waris (atau ada waris, tetapi pusaka masih berlebihan), harta *luqatah*

(tercicir), harta yang tidak diketahui pemiliknya (atau harta tanpa pemilik), harta wakaf dan wasiat.

*Zakat*. Zakat merupakan ibadat dan wajib dikeluarkan oleh orang Islam yang mampu. Jenis-jenis zakat yang diwajibkan adalah terdiri daripada zakat fitrah, buah-buahan dan bijian, binatang ternakan, perniagaan, emas dan perak, galian dan rikaz.

Kewajipan mengeluarkan zakat ditentukan oleh Allah, manakala nisab serta kadar penentuannya diketahui daripada penjelasan hadis Nabi. Zakat fitrah wajib dibayar oleh setiap individu Muslim pada setiap akhir bulan Ramadan berasaskan makanan tertentu (asasi) pada kadar sebanyak satu gantang (2.27 kilogram).

Zakat tanaman yang diwajibkan ialah bijian dan buah-buahan yang boleh mengenyangkan, boleh disukat, ditimbang dan disimpan (tahan lama). Zakatnya ialah 5 peratus atau 10 peratus (bergantung pada kaedah sistem pengairan yang digunakan) dikenakan bagi tanaman yang telah mencukupi nisab (iaitu 5 ausuq = 700 kilogram) bagi setiap kali menuai.

Zakat perniagaan dikenakan terhadap barang yang diniagakan dan tidak terhadap barang modal (atau harta tetap, seperti tapak bangunan, bangunan, jentera dan alat pengeluaran). Zakat ini dikenakan terhadap keuntungan bersih, wang tunai dan stok (inventori) akhir pada masa setahun setelah mencapai paras nisab (bernilai 89.28 gram emas atau 625 gram perak) pada kadar 2.5 peratus.

Pada dasarnya, emas dan perak adalah barang galian. Emas dan perak yang disimpan wajib dikeluarkan zakatnya sebanyak 2.5 peratus setiap tahun. Nisab zakatnya ialah 200 dirham (89.28 gram bagi emas dan 625 gram bagi perak). Pada umumnya, harta galian (*maadin*) termasuk emas dan perak dan harta rikaz (harta peninggalan orang purba) dikenakan cukai 20 peratus (*al-khumus*) bagi setiap kali melombong/menjumpai galian tersebut tanpa syarat nisab (lihat Hailani Muji Tahir 1986: 17–19).

*Kharaj (Cukai Tanah)*. Kharaj dikenakan terhadap tanah yang dibuka oleh orang Islam secara peperangan atau damai yang tidak dibahagikan kepada pejuang-pejuang Islam, sebaliknya dijadikan harta negara (seperti yang dilakukan oleh Khalifah Umar al- Khattab) dengan pemiliknya yang asal dan orang Islam sendiri boleh menggunakan tanah tersebut dan mengambil manfaatnya dengan dikenakan cukai kharaj. Kharaj dikenakan mengikut keluasan tanah dan juga mengikut hasil keluaran tanaman, yang masing-masingnya lebih dikenali sebagai *nizam al-masahah* dan *nizam al-muqasamah* (Hailani Muji Tahir 1986: 21).

Cukai tanah sawad,[2] dalam zaman pemerintahan Umar al-Khattab dikenakan sebanyak 14 dirham setiap ekar yang ditanam dengan gandum. Pada pihak yang lain, Rasulullah s.a.w. juga telah mengenakan cukai terhadap orang Yahudi yang menduduki daerah Khaibar dikenakan cukai Kharaj sebanyak 50 peratus daripada hasil keluaran tanah tersebut. Walau bagaimanapun, nilai kharaj yang dikenakan tidaklah tetap, sebaliknya mengikut cara pengairan (Subhi al-Saleh 1983: 34–35).

Namun begitu, cukai kharaj ini dikecualikan daripada dua jenis tanah, iaitu:

(1) Tanah yang dimiliki oleh orang kafir yang kemudiannya memeluk Islam, tanpa melalui peperangan.
(2) Tanah yang dimiliki oleh pejuang-pejuang Islam yang diperoleh daripada rampasan perang yang dibahagi-bahagikan oleh khalifah.

Dua jenis tanah ini juga dikenali sebagai *tanah usyur* yang dikenakan zakat 10 peratus atau 5 peratus (1/10 atau 1/20) daripada hasil tanah (Subhi al-Saleh 1983: 37, A. Kadir Ismail 1984: 18).

Kharaj merupakan hasil utama negara Islam sejak zaman pemerintahan khalifah Umar al-Khattab sehinggalah ke zaman kemerosotan tamadun Islam (Salama 1983: 106). Dianggarkan bahawa hasil kharaj yang dipunggut di Iraq, Mesir, Berga, Afrika dan Cyprus pada masa khalifah al-Rashidin ialah sejumlah 200 juta dirham (Salama 1983: 110).

*Jizyah (Cukai Diri).* Ini merupakan cukai yang dikenakan terhadap kafir zimmi yang tinggal di negara Islam (*jizyah al-ru'us*). Cukai ini dikenakan sebagai balasan menolong dan menjaga keselamatan, melindungi mereka daripada musuh atau sebagai balasan kerana mereka dapat mengambil faedah daripada sumber kepentingan awam dan kerana mereka dapat menikmati hak-hak Islam (A. Kadir Ismail 1984: 22). Antara hak-hak mereka ialah persamaan dan kebebasan diri, harta benda, kehormatan dan agama menurut yang dinyatakan oleh hadis yang maksudnya: "Hanya mereka memberi harta mereka supaya mereka memperoleh bagi mereka apa yang untuk kita dan bertanggungjawab seperti kita bertanggungjawab."

---

2 Tanah sawad ialah tanah subur yang terletak di antara Sungai Dijlah dengan Furat di Iraq (Subhi al-Saleh 1983: 34).

Jizyah juga berfungsi sebagai penyeimbang kewajipan mengeluarkan zakat yang dikenakan ke atas orang Islam. Kalau kharaj ditentukan hukumnya secara ijtihad, sebaliknya jizyah, ditentukan berdasarkan nas al-Quran (Subhi al-Saleh 1983: 38) dan hadis. Al-Quran dalam surah al-Taubah, 9 ayat 29, ada menyebut perkara ini.

Jizyah dikenakan terhadap tiga golongan (lihat subhi al-Saleh 1983: 39) iaitu:

(1) Orang kaya, kadar yang dikenakan terhadap mereka ialah 48 dirham.
(2) Golongan sederhana, kadar yang dikenakan terhadap mereka ialah 24 dirham.
(3) Golongan fakir,[3] tetapi boleh bekerja (mampu), dikenakan 12 dirham.

Namun begitu, golongan miskin, orang tua, orang sakit yang tidak sembuh, orang yang cacat serta lemah, orang buta, orang gila, pendeta, wanita, kanak-kanak dan hamba yang masih dalam pemilikan tuannya tidak dikenakan jizyah. Ini kerana biasanya mereka tidak melakukan sebarang pekerjaan (Subhi al-Saleh 1983: 39–40, Hailani Muji Tahir 1986: 27).

Di samping itu terdapat satu lagi bentuk jizyah yang khusus dan dikenakan terhadap negara kafir yang mahu tunduk kepada pemerintahan negara Islam dan rela hidup di bawah naungan negara Islam dengan membayar cukai perlindungan yang dikenali sebagai *jizyah al-sulh.* Kadar cukai boleh berbeza-beza mengikut persetujuan dan perjanjian bagi tempoh yang tertentu. Cukai ini lebih berbentuk ufti. Negara Islam bertanggungjawab memberi perlindungan terhadap negara dan rakyat yang membayar cukai ini (Hailani Muji Tahir 1986: 25–26).

*Ghanimah dan Fai.* Ghanimah ialah harta orang kafir yang diperoleh oleh orang Islam secara kemenangan atau kekerasan. Harta rampasan terbahagi kepada empat jenis iaitu meliputi tentera musuh

---

3 Ulama mempunyai pendapat yang berbeza dari segi istilah fakir dan miskin. Setengah-setengahnya mengatakan bahawa fakir itu lebih sengsara daripada orang miskin, manakala setengah-setengah berpendapat sebaliknya. Ada juga ulama yang berpendapat bahawa golongan fakir ialah golongan (yang tidak berada) di kalangan orang Islam, dan golongan miskin ialah golongan (yang tidak berada) di kalangan orang kafir zimmi yang tinggal di negara Islam (Cahyono Nurdin 1986: 58).

yang ditawan, wanita dan kanak-kanak yang ditawan, tanah dan harta kekayaan yang dirampas (Subhi al-Saleh 1983: 44). Wanita dan kanak-kanak boleh dibahagi-bahagikan dan tidak harus dibunuh, tanah yang ditinggalkan secara rela oleh musuh menjadi milik negara, manakala tanah yang pemiliknya terbunuh, sebanyak empat perlima menjadi milik pejuang-pejuang Islam atau yang membunuhnya (Subhi al-Saleh 1983: 4–5) atau boleh menjadi milik atau harta wakaf umat Islam (sesuai dengan arahan yang pernah dilakukan oleh Khalifah Umar al-Khattab) dan satu bahagian lagi (iaitu bahagian Nabi) menjadi milik baitulmal.[4] Sementara harta yang boleh alih (seperti alat perang) menjadi milik pejuang Islam.

*Al-fai* pula ialah harta yang diperoleh oleh pihak Islam secara jalan damai (afwan). Bagi harta yang tidak boleh alih (seperti tanah), pembahagiannya boleh ubah, seperti juga harta ghanimah yang tidak boleh alih. Tetapi, harta boleh alih, hendaklah diwakafkan (dimiliknegarakan) dan hasilnya dibelanjakan oleh pemerintah untuk kepentingan orang Islam (Hailani Muji Tahir 1986: 15–16).

*Usyur (Cukai Import).* Pada asalnya, al-usyur bermaksud satu persepuluh cukai perdagangan yang dikenakan oleh Khalifah Umar al-Khattab terhadap barang dagangan yang dibawa masuk ke negara Islam. Oleh itu, usyur juga dikenali sebagai cukai import atau cukai kastam. Khalifah Umar pernah mengenakan cukai import terhadap pedagang kafir harbi yang membawa masuk barang dagangannya ke negara Islam sebanyak 10 peratus sebagai timbal balas, negara kafir mengenakan cukai terhadap pedagang Islam yang masuk ke negara mereka sebanyak 10 peratus (A. Kadir Ismail 1984: 26: Hailani Muji Tahir 1986: 27). Cukai import terhadap kafir zimmi ialah sebanyak 5 peratus, manakala bagi pedagang Islam, sama ada dari negara luar ataupun dalam negeri, cukai importnya ialah 2.5 peratus.[5]

Nisab bagi cukai import ialah 200 dirham atau 20 mithqal tanpa haul. Walau bagaimanapun, Subhi al-Saleh menyatakan bahawa cukai import hanya dikenakan sekali sahaja dalam setahun kepada seseorang

---

4 Sekiranya tanah yang ditanam itu dibiarkan pemilik asal untuk terus memilikinya atau ditinggalkan untuk kepentingan umat keseluruhannya, maka tanah itu menjadi tanah kharaj. Jika diberikan kepada pejuang-pejuang Islam, maka tanah itu menjadi tanah usyur (Hailani Muji Tahir 1986: 16), iaitu tanah yang dikenakan zakat tanaman (Hailani Muji Tahir 1986: 24).

5 Cukai import bagi orang Islam cuma 2.5 peratus, manakala kafir zimmi ialah 5 peratus kerana orang Islam telah pun dikenakan zakat sebanyak 2.5 peratus.

pedagang tanpa mengira berapa kali ia keluar masuk pada tahun tersebut (Subhi al-Saleh 1983: 6).

Al-Usyur tergolong dalam hukum yang berpandukan ijtihad, khususnya dari segi penetapan kadarnya terhadap kafir zimmi dan harbi. Tidak ada nas al-Quran dan tidak diketahui pada masa Rasulullah s.a.w., cukai ini hanya diketahui pada zaman Umar al-Khattab.

*Harta Tidak Berwaris dan Harta Tiada Pemilik.* Antara sumber baitulmal ialah harta si mati yang tidak mempunyai waris ataupun mempunyai waris, tetapi tidak dapat menghabiskan semua pusaka itu. Kedua-dua harta tersebut mengikut mazhab Syafii adalah kepunyaan baitulmal. Walaupun begitu, ada setengah-setengah pendapat yang mengatakan bahawa bagi pusaka yang tidak boleh dihabiskan, waris lebih berhak daripada baitulmal. Begitu juga dengan harta *luqatah* (tercicir), barang amanah, hutang, pinjaman, jika sudah tidak diketahui pemiliknya, maka dijadikan milik baitulmal.

*Wakaf dan Wasiat.* Wakaf yang dimaksudkan di sini ialah penyerahan penggunaan harta (mutlak atau manfaatnya) bagi kepentingan bukan pemiliknya (Hailani Muji Tahir 1986: 31). Wakaf ini terbahagi kepada dua jenis: wakaf zuriat (keturunan) dan wakaf kebajikan (Subhi al-Saleh 1983: 7). Wakaf jenis pertama lebih khusus diperuntukkan kepada keturunan sahaja. Wakaf kebajikan pula (wakaf jenis pertama juga berbentuk kebajikan, kerana semua wakaf adalah untuk kebajikan) adalah lebih luas dan umum kegunaannya, tidak terhad kepada kegunaan keturunannya sahaja.

Di samping itu, pembahagian wakaf juga boleh dilihat dari segi penggunaannya — sama ada penggunaan khusus atau penggunaan umum (Hailani Muji Tahir 1986: 31). Penggunaan khusus bermakna harta wakaf itu dan hasil daripadanya tidak digunakan untuk tujuan-tujuan selain yang telah ditentukan oleh pewakaf, berbeza dengan penggunaan umum yang tidak ditentukan penggunaannya, sebaliknya untuk segala bentuk kebajikan umat Islam. Pemerintah mempunyai amanah untuk mengurus dan menggunakan harta tersebut dan hasil pendapatan daripada harta wakaf tersebut akan menjadi sumber baitulmal. Bagi harta wasiat yang dihasilkan melalui wasiat orang yang sakit tenat, sedangkan dia mempunyai waris, maka bahagian harta wasiat yang boleh diluluskan setelah ia mati ialah tidak lebih daripada satu pertiga bahagian hartanya.

*Harta Nazar dan Kafarat.* Harta nazar dan kafarat menjadi sebahagian sumber baitulmal. Apabila seseorang itu bernazar, wajiblah ia menunaikannya, sekiranya gagal, maka ia dikenakan kafarat.

Kafarat dikenakan terhadap seseorang yang melakukan kesalahan syarak, seperti melanggar nazar, bersumpah palsu, berjimak pada bulan puasa dan melakukan zihar. Harta nazar dan kafarat ialah harta baitulmal yang digunakan khusus bagi kepentingan golongan fakir dan miskin.

*Sumber lain* ialah sedekah, hadiah, derma, keuntungan pelaburan kerajaan, dan sumber halal yang lain.

Kesimpulannya, setiap sumbangan adalah kebajikan yang memberi manfaat kepada penerima, sama ada individu atau kumpulan atau institusi dan organisasi. Sumbangan boleh diberikan secara langsung, tanpa perantaraan kepada penerima atau secara tidak langsung melalui pemerintah (baitulmal) atau melalui agensi-agensi baitulmal yang tertentu.

Sumbangan juga boleh diterima dari dalam atau luar negeri, sama ada daripada orang Islam atau bukan Islam kerana Rasulullah diberitakan ada menerima sumbangan tersebut untuk kepentingan Islam (A. Kadir Ismail 1984: 38).

## Penggunaan dan Perbelanjaan

Sumber kewangan Islam sama ada yang berbentuk sumber wajib (seperti sumber zakat dan nazar) sumber *tatawwuk* (seperti wakaf dan wasiat) atau sumber yang tidak bertentangan dengan nas (seperti beberapa bentuk cukai yang dikenakan oleh ulilamri), boleh disalurkan secara langsung tanpa perantaraan kepada penerima atau secara tidak langsung melalui pemerintah (baitulmal). Dalam hal pembahagian ini ulama'-ulama' mazhab Syafii mempunyai lima aliran pemikiran (Cahyono Nurdin 1986: 71–72).

(1) Afdal menyerahkan kepada penguasa (baitulmal), tetapi jika penguasa itu tidak adil, maka lebih baik harta itu dibahagi-bahagikan kepada penerima secara langsung.
(2) Afdal menyerahkan kepada penguasa yang adil, tetapi jika penguasa tidak adil maka afdal diserahkan kepada penerima secara langsung.
(3) Afdal menyerahkan kepada penguasa, baik harta zahir atau harta tidak zahir, tanpa mengira keadilan penguasa.
(4) Afdal menyerahkan harta zahir kepada penguasa, manakala harga tidak zahir, afdal diserahkan kepada penerima secara langsung.
(5) Afdal membahagi-bahagikan zakat harta zahir atau tidak zahir

kepada penerima secara langsung.

Apabila membelanjakan harta baitulmal, penguasa tidak boleh menggunakannya dengan sewenang-wenangnya. Harta awam perlu dibelanjakan bagi mencapai matlamat negara Islam: membaiki taraf hidup dan kesejahteraan; keselamatan dan pertahanan; kemudahan keperluan serta menjaga keselamatan harta dan nyawa rakyatnya (Salama 1983: 114). Penguasa atau pemerintah tidak berhak menggunakannya demi kepentingan diri sendiri atau kumpulannya, lebih-lebih lagi setengah-setengah harta tersebut telah dikhususkan penggunaannya secara nas. Sementara sebahagian yang lain, penguasa diberi kebebasan menentukan penggunaannya, itu pun dalam ruang lingkup meningkatkan kebajikan dan kemaslahatan awam.

Telah diriwayatkan bahawa Rasulullah pernah bersabda yang maksudnya: "Sesiapa yang mengambil, walaupun satu jarum daripada wang awam akan dipertanggungjawabkan pada hari akhirat nanti." Oleh itu, sebelum Sayyidina Abu Bakar wafat, beliau telah mengarahkan anaknya (Aishah) supaya menyerahkan baki harta fai kepada Sayyidina Umar (Salama 1983: 114).

Orang mati yang berhutang (Salama 1983: 115) serta bayi dan kanak-kanak juga mendapat tanggungan baitulmal. Khalifah Othman telah memberikan elaun sebanyak 50 dirham kepada bayi yang baru dilahirkan dan 100 dirham bagi bayi yang berumur lebih satu tahun (Salama 1983: 116). Dalam keadaan apabila hasil baitulmal begitu banyak, segala keperluan jihad, termasuk pembelian kuda, senjata, perbelanjaan perjalanan dan pembiayaan keluarga yang ditinggalkan boleh disediakan oleh wang negara (Salama 1983: 116).

Di samping itu, kerajaan boleh menggunakan wang baitulmal bagi tujuan pelaburan. Walid Ibn Abdul Malik (khalifah Umaiyyah), telah menubuhkan satu jabatan baru yang bertanggungjawab terhadap projek pelaburan kerajaan, termasuklah projek kedai, kilang, tanah dan bangunan (Salama 1983: 111).

Secara ringkas penggunaan harta baitulmal adalah untuk kebajikan rakyat *darul Islam* seluruhnya, sama ada kebajikan itu diterima secara khusus dan langsung atau sebaliknya. Penggunaan tersebut boleh dikelaskan seperti jaminan sosial dan maslahat awam.

*Jaminan Sosial* lebih merupakan bentuk agihan secara langsung dan khusus kerana penerimaan itu terhad kepada golongan yang tertentu sahaja. Antara golongan yang menerima peruntukan mengikut kategori jaminan sosial ialah golongan asnaf yang lapan, anak yatim dan janda, orang tua, orang sakit, penganggur dan mangsa bencana alam.

Golongan Asnaf yang lapan disebut dalam al-Quran surah al-Taubah yang bermaksud:

> "Sesungguhnya sedekah (zakat) itu hanyalah untuk golongan fakir, miskin, amil, mualaf, hamba yang memerdekakan dirinya, orang yang berhutang, untuk jalan Allah dan untuk musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. Ini sebagai sesuatu ketetapan yang diwajibkan oleh Allah dan Allah Maha Mengetahui Lagi Maha Bijaksana".
>
> (al-Quran 9: 60)

Kelapan-lapan golongan ini mempunyai hak yang sama daripada hasil kutipan zakat, malah harta zakat itu sendiri memang khusus untuk kelapan-lapan golongan ini. Walau bagaimanapun, ada sebahagian sumber lain juga dibelanjakan untuk sebahagian asnaf yang lapan ini.

Antara asnaf ini, secara umumnya fakir dan miskin mendapat perhatian yang lebih. Selain golongan ini mendapat sebanyak satu perlapan bahagian daripada hasil zakat, mereka juga mendapat bahagian daripada sebahagian sumber baitulmal yang lain. Mengikut al-Quran (surah al-Anfal: 1) orang miskin mendapat peruntukan sebanyak 4 peratus daripada harta ghanimah.[6] Sementara golongan fakir secara zahirnya tidak mendapat bahagian dalam ghanimah. Begitu juga halnya dengan harta fai yang menyamai ghanimah dalam pembahagiannya kepada fakir miskin (al-Quran surah al-Hasyr: 7). Orang fakir dan miskin juga mendapat sebahagian hasil nazar, kafarat, rikaz dan galian.

Golongan musafir yang kehabisan perbelanjaan, selain mendapat bahagian daripada hasil zakat, mereka juga mendapat peruntukan ghanimah dan al-fai sebanyak 4 peratus (iaitu satu bahagian daripada satu perlima bahagian) (Subhi al-Saleh 1983: 42–46).

Kalau sumber harta khas ini, khususnya zakat tidak mencukupi untuk diagihkan kepada asnaf, maka Islam memberi kebenaran untuk menggunakan sumber harta lain dalam baitulmal untuk menampung kekurangan itu. Harta tersebut ialah jizyah, kharaj, usyur, harta pusaka tanpa waris atau yang tidak dapat dihabiskan oleh waris, harta dalam bentuk sedekah tatawwuk (sunat), termasuk wakaf, derma, bantuan dan hadiah, sebahagian harta ghanimah dan fai, dan lebihan harta zakat,

---

6 Khalifah Abu Bakar telah menggugurkan bahagian Rasulullah dan kerabatnya daripada harta ghanimah, ini menjadikan bahagian satu perlima itu dibahagikan kepada tiga bahagian sahaja (Hailani Muji Tahir 1986: 15).

sekiranya tiada asnaf yang berhak menerimanya.

Anak yatim ialah anak-anak yang kematian ayah sebelum anak itu sampai umur dengan tidak meninggalkan harta. Sementara janda pula ialah perempuan yang ditinggalkan suami (mati atau bercerai) yang tidak mempunyai pembiayaan hidup dan tidak mempunyai keupayaan untuk berusaha. Rasulullah s.a.w. pernah bersabda yang maksudnya:

> "Barang siapa mati meninggalkan anak-anak dan isteri (dalam keadaan tidak mempunyai belanja), maka sayalah yang akan membelanjanya dan jika meninggalkan harta, maka harta itu kepunyaan warisnya dan sayalah yang akan menerima pusaka daripada yang tidak mempunyai waris".
>
> (Hadis Riwayat Abu Daud)

Hadis di atas menunjukkan bahawa pemimpin (negara) mempunyai tanggungjawab terhadap anak yatim dan janda yang ditinggalkan tanpa kemampuan untuk berbelanja. Oleh itu, pembiayaan untuk mereka adalah melalui perbendaharaan baitulmal.

Orang yang sudah lanjut usia dan orang sakit perlu penjagaan dan rawatan, lebih-lebih lagi mereka yang kurang berada. Bagi yang berada, kalau keperluan penjagaan dan rawatan melebihi keupayaan harta mereka, maka mereka juga layak dibantu.

Pada masa pemerintahan Khalifah Umar al-Khattab, dilaporkan seorang tua dan cacat (buta) berketurunan Yahudi dan penderita penyakit kusta berketurunan Nasrani pun mendapat bahagian baitulmal (Cahyono Nurdin 1986: 64). Malah khalifah Umar juga telah menyediakan seorang pelayan yang digaji oleh negara kepada seorang cacat anggota tangan (kanan) dan memberikan bantuan makanan dan keperluan lain daripada baitulmal kepada orang tersebut (Cahyono Nurdin 1986: 49).

Orang tua atau cacat atau anak yatim yang dipelihara atau ditanggung oleh orang lain sebagai penjaganya, maka penjaga tersebut layak mendapat bantuan negara.

Dari segi pengangguran, penganggur boleh bersifat sementara, akibat daripada majikan yang bankrap (Cahyono Nurdin 1986: 50) atau kerana keperluan modal bagi berdikari dengan berusaha sendiri (Hailani Muji Tahir 1986: 43). Mereka juga layak mendapat bahagian daripada hasil negara.

Bantuan negara juga perlu disalurkan kepada mangsa bencana alam, seperti banjir, kebakaran, gempa bumi, gunung berapi, kemarau dan kelaparan. Pada zaman, Khalifah Umar al-Khattab pernah berlaku

bencana besar, iaitu kekurangan makanan dan beliau telah mengarahkan supaya semua gabenornya memberikan sumbangan mereka berserta sumbangan rakyat di setiap daerah gabenor tersebut kepada perbendaharaan negara. Hasil yang dikumpulkan telah dibahagi-bahagikan kepada seluruh penduduk yang menderita (Cahyono Nurdin 1986: 53).

Sementara *maslahat awam* lebih merupakan perbelanjaan demi kepentingan rakyat jelata tanpa mengira golongan sasaran. Dasar pelaksanaannya ialah untuk kebajikan dan kesejahteraan rakyat jelata; terserahlah kepada pemerintah menentukan dan menggunakannya mengikut pilihan keutamaannya yang difikirkan sesuai oleh "Majlis Syura". Antara perbelanjaan yang boleh dimasukkan dalam kategori ini ialah seperti pembayaran gaji pegawai, pembangunan projek infrastruktur dan projek-projek pembangunan yang lain yang boleh memberi faedah dan manfaat kepada orang ramai.

Pemerintah, gabenor, kadi, mufti, tentera, polis, bomba dan pengawal sempadan perlu digaji kerana pekerjaan ini menjadikan mereka terputus daripada usaha mendapat sumber nafkah yang lain.

Sementara pembangunan infrastruktur terdiri daripada dua jenis, iaitu luaran dan dalaman (Hailani Muji Tahir 1986: 45). Infrastruktur luaran lebih mengutamakan aspek fizikal, manakala infrastruktur dalaman pula lebih menekankan aspek persediaan keimanan, mental dan kemahiran.

Pendidikan dan pembelajaran amat perlu untuk mewujudkan pelaksanaan pengetahuan teknik yang sesuai dengan keperluan umat, sebagai juga perlunya tarbiyah kefahaman keimanan dan kerohanian. Persediaan dan keupayaan mental, kalbu dan fizikal ini akan mewujudkan pembangunan yang dinamik dan seimbang dengan mudah.

Infrastruktur luaran yang berbentuk fizikal dan kebendaan juga semestinya disediakan sesuai dengan infrastruktur dalaman. Malah menjadi tanggungjawab pemerintah untuk menyediakan kemudahan asas, seperti bekalan air, api, pusat kesihatan, kemudahan jalan raya, jambatan dan alat perhubungan yang lain, tempat beribadat dan kebajikan melalui biaya baitulmal.

Kesemua infrastruktur ini penting dilaksanakan untuk membangunkan umat *darul Islam*. Keperluan ini ternyata begitu mendesak memandangkan umat Islam di seluruh dunia sekarang telah ketinggalan bukan sahaja dari pembangunan kebendaan, malah dari segi kerohanian yang semakin mengalami kemerosotan dan keruntuhan.

Projek-projek pembangunan yang lain mestilah untuk kepentingan

rakyat, iaitu boleh memberi faedah dan manfaat kepada seluruh rakyat jelata.

Pemerintah boleh melaksanakan projek yang kurang menarik perhatian swasta, seperti industri alat senjata, perusahaan makanan asas atau projek sosial yang kurang menghasilkan keuntungan. Pelaksanaan projek ini dibiayai oleh baitulmal. Oleh sebab kerajaan mendapat pembiayaan negara, maka tidaklah wajar kerajaan melakukan penyelewengan terhadap peruntukan dan projek tersebut.

Khalifah Walid Ibn Abdul Malik telah menubuhkan sebuah jabatan baru, khas untuk tujuan mengendalikan urusan projek pelaburan kerajaan, termasuk tanah, bangunan, kedai dan kilang (Salama 1983: 111). Kerajaan boleh menceburi berbagai-bagai projek, sama ada secara bersendirian atau secara perkongsian untung melalui kaedah musyarakah dan mudarabah.

Di samping itu, kerajaan melalui agensi-agensi tertentu, wajar menyalurkan bantuan dalam bentuk pinjaman (hutang) atau subsidi kepada usahawan yang kurang mampu untuk berdikari atau mahu membesarkan operasinya yang ternyata boleh memberi kepentingan kepada orang ramai. Kesemua bentuk bantuan ini boleh diambil daripada baitulmal. Ini dapat dilihat dalam peristiwa Hajjaj Ibn Yusuf yang memberi pinjaman (hutang) daripada perbendaharaan baitulmal kepada petani sebanyak dua juta dirham. Pinjaman (berbentuk pembiayaan mudarabah) kepada orang bukan Islam juga pernah dilakukan oleh Khalifah Othman bin Affan kepada orang Yahudi bagi tujuan perniagaan (Hailani Muji Tahir 1986: 73–74).

Daripada penjelasan tentang sumber hasil dan perbelanjaan harta baitulmal dapatlah disimpulkan di sini bahawa:

(1) Ada bahagian harta yang bukan menjadi hak baitulmal. Penggunaan harta ini tidak boleh ditentukan oleh pemerintah (imam). Dalam hal ini, baitulmal hanya menjaga dan memelihara harta tersebut untuk sementara waktu sebelum disampaikan kepada orang yang berhak. Contohnya, hasil zakat dan empat perlima harta ghanimah. Walau bagaimanapun, harta ini boleh digunakan untuk tujuan lain demi kepentingan penerima (seperti untuk dilaburkan) hanya setelah mendapat izin daripada penerimanya.
(2) Ada pula bahagian harta yang menjadi hak baitulmal. Penggunaannya terserah kepada pemerintah (imam) dan ijtihad, asalkan dapat memenuhi maslahah am (kepentingan awam). Contohnya, satu

bahagian daripada satu perlima bahagian harta ghanimah dan fai, hasil cukai, harta tidak berwaris dan derma.

### Hutang

Islam mengharamkan kadar bunga, oleh itu, segala bentuk hutang mesti bebas daripada kadar bunga, dan ini menjadikan sumber hutang dalam Islam lebih terhad. Dari satu segi yang lain, Islam juga mengutamakan hutang dalam negeri secara sukarela berasaskan semangat keislaman dan tolong-menolong. Di samping itu, mungkin juga "hutang wajib" boleh dikenakan sama ada secara langsung atau tidak langsung melalui bank pusat, jika keadaan sumber negara betul-betul meruncing (Kahf 1983: 15). Walau bagaimanapun, hutang yang berlebihan daripada bank pusat boleh memberi kesan terhadap tingkat harga umum (Iqbal dan Khan 1981: 59). Hutang juga dapat diperoleh dari negara-negara Islam yang lain sebagai kerjasama berdasarkan ukhuwah dan umat. Namun begitu, hutang adalah jalan terakhir setelah segala usaha untuk menambahkan perbendaharaan tidak mungkin diperoleh lagi.

## ALAT DASAR FISKAL

Zakat menduduki tempat terpenting dalam dasar dan operasi fiskal Islam. Kadarnya yang ditentukan memberikan unsur kestabilan kepada hasil awam yang secara khususnya dapat memastikan kestabilan belanjawan (Faridi 1981: 121). Pada masa yang lampau, negara Islam menggunakan zakat dan kharaj serta sumber lain sebagai alat fiskal (Salama 1983: 105).

### Zakat

Ciri terpenting sistem fiskal Islam ialah kewujudan zakat sebagai mekanisme pengagihan yang tersendiri. Dengan kadarnya yang tetap serta penggunaannya yang pasti telah membolehkan kesaksamaan agihan pendapatan dicapai jika zakat dilaksanakan secara yang betul (Salama 1983: 105). Dengan itu, zakat dengan bentuknya yang tersendiri merupakan alat dasar fiskal yang dapat menangani masalah pengagihan yang merupakan salah satu daripada objektif ekonomi yang terpenting. Di samping itu, zakat secara automatik boleh menstabilkan jumlah pendapatan dan guna tenaga (Faridi: 124–125).

Walau bagaimanapun, setengah-setengah penulis Islam tidak

menganggap zakat sebagai alat fiskal kerana ketetapan kadarnya serta kepastian perbelanjaannya (Metwally 1983: 61, 63, Iqbal dan Khan 1981: 50). Biarpun begitu, harus diingat bahawa zakat mempunyai kadar yang tidak sama antara satu harta dengan harta yang lain (Abu Ali 1983: 88), serta masa pengutipannya boleh diubah-ubah dalam sesuatu tahun mengikut keperluan ekonomi negara (Hailani Muji Tahir dan M. Akhir Hj. Yaacob 1983: 158).

## Kharaj

Tidak seperti zakat, kadar kharaj boleh berubah mengikut beberapa ketentuan. Kadarnya pernah menjadi 50 peratus daripada hasil keluaran tanah atau 14 dirham setiap ekar tanah yang ditanami dengan gandum (Subhi al-Saleh 1983: 34-35). Kadarnya dikurangkan apabila wujud kesulitan terhadap petani. Kebolehan ini menjadikan kharaj sebagai satu lagi alat dasar fiskal Islam yang penting (Salama 1983: 106).

Kharaj memenuhi kedua-dua bentuk keadilan: mendatar dan menegak. Sayyidina Umar pernah mengarahkan pegawai-pegawainya supaya mengenakan kharaj tidak lebih daripada empat dinar seekar kepada petani dan memungutnya selepas menuai. Dari segi keadilan menegak, kharaj mempunyai kadar yang berubah-ubah mengikut kesulitan pengairan dan dekatnya dengan pasaran (Salama 1983: 107).

Keadilan pengenaan kharaj akan membawa kesan positif terhadap pertumbuhan ekonomi. Pada zaman Sayyidina Umar al-Khattab, jumlah hasil kharaj yang tinggi (100 juta dinar) adalah hasil daripada keadilan ini. Menurut Abu Yusuf, kharaj yang dikenakan secara tidak adil dianggap sebagai faktor kemelesetan ekonomi dan kekurangan hasil pungutannya (lihat Salama 1983: 108).

## Cukai-cukai yang Lain

Jizyah, al-usyur, cukai galian dan cukai harta yang tidak digunakan boleh diubah-ubah kadarnya mengikut keadaan dan keperluan matlamat ekonomi.

Jizyah pernah secara puratanya dipungut pada kadar 28 dirham seorang. Kadarnya boleh diturun atau dinaikkan mengikut kedudukan seseorang, iaitu kaya atau miskin. Semakin kaya seseorang maka semakin bertambah kadar bayarannya. Begitu juga dengan cukai import (usyur). Khalifah Umar pernah mengenakan cukai itu kepada orang kafir harbi sebanyak 10 peratus, kepada kafir zimmi sebanyak 5 peratus,

dan kepada pedagang Islam sebanyak 2.5 peratus.

Cukai galian boleh dikenakan sebanyak 20, 5 atau 2.5 peratus mengikut ijtihad pemerintah. Cukai ini boleh ditentukan sebanyak 20 peratus sesuai untuk dikiaskan dengan harta rikaz, 10 atau 5 peratus jika dikiaskan dengan zakat tanaman atau 2.5 peratus jika dikiaskan dengan zakat emas dan perak (Hailani Muji Tahir 1986: 17–18).

Cukai harta yang "tidak digunakan" yang ditegaskan oleh Metwally (1983: 67) merupakan cukai yang dikenakan terhadap pendapatan atau harta yang tidak digunakan. Kadar cukai ini juga boleh berubah dan pengutipannya boleh dilakukan bila-bila masa jika perlu. Kadar cukai ini juga boleh mengambil alih tempat kadar bunga dari segi penentuan keseimbangan pasaran wang. Pertambahan kadar cukai ini akan mengurangkan permintaan wang bagi tujuan awasan dan urusniaga (Metwally 1983: 67).

## Prinsip Dasar Pencukaian

Kebanyakan sarjana Islam berminat untuk membincangkan kebolehan negara mengenakan cukai selain zakat. Dalam hal ini, Imam Malik pernah berkata: "Jika perbendaharaan tidak mempunyai dana atau keperluan untuk tentera bertambah, iaitu melebihi keupayaan perbendaharaan, negara mempunyai hak untuk memungut cukai terhadap orang kaya dengan segera sehingga kepada peringkat yang boleh memenuhi keperluan tersebut dan sehingga hasil terdapat di perbendaharaan" (dipetik daripada Kahf 1983: 146). Daripada kenyataan tersebut dapat dirumuskan bahawa lima prinsip pengenaan cukai baru ialah;

(1) Hasil tidak mencukupi.
(2) Perbelanjaan pertahanan.
(3) Cukai yang dikenakan tidak melebihi keperluan.
(4) Cukai secara sementara.
(5) Cukai dikenakan terhadap golongan kaya.

Ibn Hazm pula hanya membenarkan cukai sekiranya hasil zakat tidak mencukupi bagi memenuhi keperluan golongan fakir dan miskin (dipetik daripada Kahf 1983: 147). Hujah di atas menunjukkan bahawa pengenalan cukai tambahan, selain zakat adalah harus dalam keadaan yang tertentu.

Apabila mengenakan cukai tambahan ini, beberapa prinsip, di

samping lima prinsip yang disebutkan di atas perlu dijadikan panduan, antaranya ialah:

(1) Perbelanjaan untuk menjamin taraf kehidupan yang wajar.
(2) Menjamin dan meningkatkan nilai Islam.
(3) Pengeluaran dan pembangunan yang dapat menjamin taraf kehidupan yang wajar.
(4) Bantuan kepada mangsa bencana alam atau peperangan.
(5) Cukai yang tidak menyulitkan, sebaliknya jelas, adil dan mudah.
(6) Pengecualian cukai jika terbukti mempunyai tanggungan keluarga yang besar atau hutang yang perlu dan sentiasa dibayar.

## MEKANISME DASAR FISKAL

Dalam sistem ekonomi lazim, perjalanan sistem fiskal bergantung pada dua institusi — swasta dan kerajaan. Namun dalam Islam, sistem fiskal diperkuatkan lagi dengan sebuah institusi lain, iaitu "institusi sukarela" yang bermotifkan sosial dan bukan keuntungan. Kegiatan sukarela ini terdiri daripada kegiatan individu dan sosial yang tidak dibentuk untuk mencapai keuntungan ekonomi atau kebendaan pelakunya, tetapi sebaliknya untuk menghasilkan manfaat ekonomi yang lebih menyeluruh (Iqbal dan Khan 1981: 60, Faridi 1983: 34–35). Walaupun dari segi operasi, kegiatan tersebut menyamai sektor swasta, tetapi berbeza dari segi objektif dan perlakuannya. Begitu juga kegiatan itu berbeza daripada sektor awam (kerajaan) kerana tidak merupakan kewajipan, sebaliknya secara sukarela yang digerakkan oleh sifat taqwa. Bukti empirik dan sejarah menunjukkan bahawa sebahagian besar sumber kewangan dan ekonomi di negara-negara Islam berpunca daripada sektor sukarela ini (Faridi 1983: 35).

Perjalanan dasar fiskal Islam dapat dilihat melalui pencapaian beberapa objektif yang ditentukan seperti pertumbuhan dan pembangunan, kestabilan ekonomi, agihan yang seimbang, dan peruntukan sumber.

### Pertumbuhan dan Pembangunan

Sumbangan sektor sukarela dalam bentuk sedekah, wakaf, derma, wasiat dan kebajikan lain menjadikan golongan kurang berada berupaya untuk menambahkan perbelanjaan (penggunaan). Dengan kecenderungan mengguna sut yang tinggi, penerima bantuan ini akan membelan-

jakan sebahagian besar perolehan itu untuk penggunaan (Faridi 1983: 37). Permintaan pengguna yang bertambah ini akan menggerakkan pengeluaran dalam ekonomi.

Pengeluaran dan pelaburan memerlukan tabungan. Oleh sebab Islam mengharamkan bunga, maka kegiatan tabungan modal ini adalah dalam bentuk penyertaan penyimpan dalam perusahaan yang akan menghadapi risiko untung rugi secara bersama-sama. Modal boleh dikumpulkan daripada individu Muslim dalam bentuk saham dan tidak dalam bentuk bon. Keuntungan adalah dalam bentuk dividen dan tidak dalam bentuk bunga (Metwally 1983: 73).

Projek ekonomi kerajaan (projek yang bermotifkan keuntungan) boleh disertai oleh rakyat secara pembelian saham yang untung ruginya ditanggung bersama. Bagi projek yang lebih bercorak sosial (bukan keuntungan), kerajaan boleh mendapat sumber pembiayaan daripada hasil awam, cukai atau keuntungan daripada projek ekonomi yang disertai atau dijalankan oleh kerajaan (Metwally 1983: 73).

Kerajaan juga boleh mendapat pembiayaan wang bagi menghadapi masalah yang khusus, seperti dalam menghadapi perang, iaitu dengan mengenakan cukai tambahan, hutang atau bantuan sukarela daripada mana-mana sumber, khususnya daripada rakyatnya sendiri. Namun begitu, tambahan cukai itu seharusnya selaras dengan kemampuan rakyat dan tidak terlalu menekan dan membebankan mereka. Hutang pula mesti bebas daripada bunga. Sementara bantuan sukarela adalah bentuk pengorbanan dan jihad rakyat terhadap *daulah* Islam.

## Kestabilan Ekonomi: Inflasi dan Pengangguran

Dalam ekonomi Islam yang tertutup, inflasi tarikan permintaan lebih mungkin berlaku daripada inflasi tolakan kos sebab dalam ekonomi Islam wujud keharmonian di antara pekerja dengan majikan (Metwally 1983: 72). Kedua-dua pihak tahu tanggungjawab masing-masing, khususnya di hadapan Allah. Bagi mengatasi inflasi, kerajaan Islam boleh menaikkan kadar cukai, menahan dana baitulmal daripada dibelanjakan atau dengan berbelanja sedikit (Metwally 1983: 72–73).

Berhubung dengan pengangguran, berbeza daripada sistem ekonomi lazim, Islam menghadapi masalah pengangguran melalui institusi zakat (Iqbal dan Khan 1981: 83) dan pengenaan cukai terhadap harta yang tidak digunakan (Metwally 1983: 70). Jika kadar zakat dan kadar cukai ini lebih tinggi daripada kadar kerugian yang dijangkakan dalam pelaburan, maka lebih banyak pelaburan akan dilakukan.

Zakat dan cukai ini juga secara langsung akan merupakan bayaran pindahan kepada golongan miskin dan sederhana yang kecenderungan menggunanya tinggi. Agihan ini menambahkan penggunaan dan akan merapatkan jurang antara pendapatan dengan penggunaan. Pertambahan perbelanjaan penggunaan akan memungkinkan peningkatan kadar untung usahawan dan akhirnya akan menggerakkan pertambahan pelaburan persendirian. Pengenaan zakat dan cukai terhadap harta yang "tidak digunakan" akan menghindarkan berlakunya penyorokan, dan sebaliknya merangsangkan pelaburan. Pungutan dan perbelanjaan zakat boleh bertindak sebagai agen penstabilan dalam ekonomi (Faridi 1983: 44).

## Agihan yang Seimbang

Islam memandang berat terhadap penumpuan harta dan kekayaan hanya pada segelintir golongan (al-Quran 59: 7). Islam mahukan agar harta dan kekayaan tersebut dapat memberi manfaat kepada orang ramai. Dalam hal ini, zakat, faraid, wasiat, sedekah, nafkah wajib, dan penghapusan riba merupakan alat terpenting, unik dan tersendiri untuk menangani masalah tersebut. Walau bagaimanapun, kerajaan masih boleh menggunakan alat-alat lain dalam bentuk cukai bagi mencapai objektif di atas. Dengan itu, bermakna mekanisme agihan harta dalam Islam lebih banyak jalan keluarnya jika dibandingkan dengan sistem semasa yang ada sekarang.

Agihan yang seimbang juga dapat dicapai melalui perbelanjaan kerajaan. Penyediaan keperluan awam, seperti kesihatan, pendidikan, kediaman dan perlindungan akan membantu golongan yang tidak berupaya dan tidak berada secara tidak langsung. Ini sudah tentu akan mengurangkan beban dan penderitaan mereka. Program jaminan sosial juga dapat membantu mencapai objektif tersebut.

Sektor sukarela juga dapat menyumbangkan bantuan kepada pengeluaran barang-barang keperluan golongan kurang berada. Khidmat sosial dan kerohanian ini juga menjadi satu sumber bantuan yang berharga dalam menghadapi masalah kekusutan.

## Peruntukan Sumber

Peruntukan sumber mesti dapat memberikan faedah maksimum kepada masyarakat. Peruntukannya mesti cekap dalam konteks mewujudkan keadaan keharmonian dan keseimbangan di antara keperluan kebendaan

dengan kerohanian (Iqbal dan Khan 1981: 60). Di sinilah pentingnya peranan institusi sukarela yang mengambil kira keperluan kerohanian dan akhlak, yang tidak dapat dipenuhi oleh institusi pasaran (swasta) kerana kemampuannya hanyalah terhadap keperluan kebendaan. Sementara institusi awam (kerajaan) mengawasi, mengawal, mengarah dan menyediakan panduan dan kemudahan agar operasi tersebut mencapai objektif.

# BAB 12

## PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN

Adalah menjadi kemuliaan dan kemestian untuk mendapatkan sesuatu, manusia berusaha dan bekerja. Islam mewajibkan usaha dan kerja, sebaliknya Islam mengutuk kemalasan dan bersifat berserah diri semata-mata kepada nasib. Setiap usaha yang dilakukan secara teratur merupakan perancangan. Tujuan pengaturan dan pengurusan ialah supaya dapat menghasilkan sesuatu natijah yang dikehendaki, baik dari segi dunia mahupun akhirat. Penghasilan natijah yang baik ini merupakan pembangunan. Oleh itu, program hidup setiap Muslim perlu diarahkan kepada pencapaian pembangunan kebendaan dan kerohanian secara bersepadu.

### PANDANGAN ISLAM TENTANG PERANCANGAN

Dengan perancangan, seseorang, kaum dan masyarakat itu tidak hanya berpeluk tubuh menunggu takdir. Perancangan tidak bererti menolak takdir atau kurang berkeyakinan atau kurang berpuas hati dengan qada' dan qadar Allah. Oleh sebab masalah qada' dan qadar penuh "rahsia", iaitu tidak siapa mengetahui keadaan dan kesudahan kehidupannya, maka manusia lebih perlu kepada usaha dan kerja bagi memastikan kesudahan yang baik bagi dirinya.

#### Perancangan dan Iradat Allah

Walaupun manusia berkedudukan lebih tinggi daripada segala ciptaan (makhluk) yang lain,[1] namun manusia masih mempunyai sifat-sifat

1 Keistimewaan manusia daripada makhluk lain ialah akal, kefahaman dan kemam-

yang sama dengan haiwan dan tumbuhan lain dari segi sifat *musayyar* (telah dibentuk dan ditentukan) — tidak memiliki iradat atau ikhtiar (usaha) sama sekali ('Ulwan 1988: 5). Kelahiran, kematian, perjalanan organ – pernafasan dan perjalanan darah sama ada ketika terjaga atau tidur – misalnya, tiada kuasa bagi manusia untuk memahaminya.

Manusia hanya mempunyai sifat *mukhayyar* dalam perbuatan, iaitu manusia memiliki kebebasan dan ikhtiar untuk menerima atau menolaknya, misalnya syariat Allah ('Ulwan 1988: 8), setelah ditunjuk jalan yang benar melalui perutusan para Rasul. Semuanya masih dalam jangkauan kemampuan dan iradat manusia.

Tugas para Rasul ialah menjelaskan *manhaj* (cara) yang paling unggul dan lurus kepada manusia yang perlu mereka ikuti agar tidak mengikuti jalan yang sesat dalam kehidupan ini ('Ulwan 1988: 4). Seruan para Rasul ialah terhadap kebaikan dan mencegah kejahatan dalam ruang lingkup yang mampu dilakukan oleh manusia.

Demikianlah Allah telah memberikan akal kepada manusia untuk membezakan antara yang baik dengan yang tidak baik. Allah juga menggariskan *manhaj* yang sempurna kepadanya melalui ajaran para Rasul untuk diikuti.

Dalam soal perancangan, manusia juga mempunyai ikhtiar dan pilihan daripada berbagai-bagai bentuk perancangan yang ada. Sebagai seorang Islam, perancangan yang perlu dipilih ialah perancangan yang dapat menjamin kesudahan yang baik, khususnya kebaikan dan kesejahteraannya di akhirat.

## Perancangan dan Takdir Allah

Firman Allah yang bermaksud "... Ia (Allah) menyesatkan siapa sahaja yang dikehendaki dan menunjukkan siapa sahaja yang dikehendaki ..." (al-Quran, 16: 93). Hadis Rasulullah yang maksudnya "... kemudian menjadi mudhghah (segumpal daging) selama 40 hari pula, kemudian diutuskan oleh Allah akan malaikat, maka ditiupkan kepadanya roh dan disuruh menuliskan empat macam: rezekinya, ajalnya, amalnya dan nasib buruk baiknya" (Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim).

Nas di atas menunjukkan bahawa keadaan dan kedudukan masa

---

puan untuk membezakan sesuatu. Dengan keistimewaan ini, apabila mukalaf, maka terserahlah kepadanya untuk memilih sama ada menerima atau menolak syariat Allah ('Ulwan 1988: 7).

depan manusia adalah dalam genggaman, kekuasaan dan ketentuan Allah. Kalau seseorang itu ditakdirkan sesat, miskin dan ditentukan masa kematian, maka takdir itu pasti akan berlaku. Oleh itu, timbul persoalan keadilan, mengapa Allah menjadikan seseorang itu sesat dan miskin, sedangkan orang lain mendapat hidayat dan murah rezeki.

Makna hidayat di dalam al-Quran mengandungi dua pengertian ('Ulwan 1988: 26): "menunjukkan" (*al-dalalah*) dan "pertolongan" (*al-inayah*). Semua manusia, sama ada kafir mahupun Muslim "ditunjuki" oleh Allah akan *manhaj*nya melalui perutusan dan bimbingan para Rasul. Oleh itu terserahlah kepada manusia untuk mengikutinya atau mengkufurinya. Inilah keadilan Allah bertindak menghukum hanya setelah diberikan bimbingan dan peringatan.

Hidayat yang bererti "pertolongan" merupakan dorongan untuk melakukan kebaikan. Bagi orang yang mahu beriman dan mahu berbuat kebaikan, Allah akan memberikan petunjuk kepada mereka.

Hidayat Allah, rezeki, ajal dan kedudukan seseorang adalah ketentuan mutlak Allah. Tidak siapa yang boleh mempersoalkan setiap ketentuan Allah. Segala ketentuan Allah adalah berasaskan sifat-Nya Yang Maha Mengetahui. Allah mengetahui sejak azali kedudukan seseorang itu sebelum ia dicipta. Berasaskan pengetahuan inilah Allah menentukan qada' dan qadar. Allah juga bersifat adil, maka tidak mungkin Allah menyesatkan orang yang berhak mendapat petunjuk ('Ulwan 1988: 28) juga tidak mungkin Allah menyusahkan rezeki seseorang yang berhak mendapat kesenangan. Oleh yang demikian, siapakah orang yang Allah kehendaki mendapat petunjuk? Mereka ialah orang yang membuka hati kepada petunjuk, yang membuka akal kepada kebenaran, yang mencari dan menerima *manhaj* secara ikhlas dan jujur, dan tunduk kepada din-Nya dengan penuh ketaatan dan penyerahan ('Ulwan 1988: 29). Maka mereka inilah yang akan ditolong Allah untuk mendapatkan petunjuk.

Dalam hal yang sama, Allah memberi kebebasan kepada manusia untuk mencari rezeki yang halal, secara yang halal, dan Allah memberi kemudahan serta pertolongan untuk memperoleh rezeki tersebut. Mereka yang bertaqwa dan berusaha secara ikhlas dan jujur berhak mendapat rezeki tersebut. Sedangkan manusia tidak sedikit pun mengetahui rahsia qada' dan qadar Allah. Maka tugas manusia hanyalah berusaha dalam perkara-perkara yang terupaya.

Usaha baik dan usaha jahat seseorang akan menentukan nasibnya pada masa depan — baik di dunia mahupun di akhirat. Usaha baik seseorang atau kaum ataupun masyarakat akan mendapat ganjaran

rahmat dan keberkatan Allah. Sebaliknya, usaha jahat akan mendapat kesengsaraan dan azab. Rahmat Allah akan ditarik dan digantikan dengan azab sekiranya manusia menjadi derhaka, maksiat, ingkar dan kufur terhadap Allah, seperti yang berlaku terhadap Karun dan Firaun. Sebaliknya, azab Allah akan digantikan dengan rahmat-Nya jika manusia itu menjadi taat kepada Allah, firman Allah yang bermaksud:

> "... sesungguhnya Allah tidak mengubah keadaan sesuatu kaum, sehingga mereka mengubah keadaan yang ada pada diri mereka sendiri ...."
>
> (al-Quran 13: 11)

Ibn Kathier dalam mentafsir ayat di atas menukilkan bahawa Ibn Abi Hatim meriwayatkan daripada Ibrahim yang berkata: Allah telah mewahyukan kepada seorang di antara nabi-nabi Bani Israel, "Katakanlah kepada kaummu bahawa tidak ada penduduk sebuah desa atau penghuni sebuah rumah yang taat dan beribadat kepada Allah, kemudian mengubah keadaan mereka, dan bermaksiat, melainkan diubahkan oleh Allah keadaan mereka, suka dan senang menjadi keadaan yang tidak disenangi" (Tafsir Ibnu Katsier 1988: 432).

Perancangan tidak bermakna menolak takdir atau kurang berkeyakinan atau kurang berpuas hati terhadap takdir, qada' dan qadar Allah. Sebenarnya usaha dan perancangan itu sendiri adalah mengarah kepada qada' dan qadar Allah. Pernah pada satu ketika berlaku wabak penyakit (taun). Rasulullah telah melarang keluar masuk dari dan ke kawasan wabak tersebut. Larangan masuk menunjukkan usaha kita untuk menghindarkan diri daripada dijangkiti oleh wabak tersebut. Sementara larangan keluar, membawa erti tawakal kita kepada qada' dan qadar Allah, iaitu tidak semestinya kita akan dihinggapi penyakit, walaupun tinggal di kawasan yang berpenyakit. Ini bererti usaha dan perancangan dibenarkan, malah digalakkan dalam Islam, asalkan tidak mengingkari keyakinan bahawa sesuatu itu terjadi kerana ketentuan Allah. Larangan Tuhan bukan terhadap membuat perancangan, tetapi keyakinan yang membelakangi kuasa Allah.

## Syarat Melaksanakan Perancangan

Ahmad (1985: 9–10) telah memberikan tiga syarat landasan yang perlu ada dalam perancangan, iaitu taqwa kepada Allah, merancang hari esok dan bertaqwa menjalankan perancangan. Eloklah diperjelaskan syarat-

syarat di atas serta ditambah dengan syarat-syarat lain yang perlu ada dalam perancangan.

Taqwa kepada Allah bererti beribadat sepenuhnya terhadap Allah dengan mengerjakan segala yang disuruh dan meninggalkan segala yang dilarang. Dalam hal merancang, manusia mestilah berada pada landasan yang hak dan tetap pendiriannya dengan menjauhi segala yang terlarang supaya perancangan itu tidak menyeleweng kepada maksiat.

Untuk mendapat hasil yang dikehendaki, umat Muslim perlu merancang, dan tidak sepatutnya melihat hari depan dengan penuh kekaburan dan meraba-raba. Umat Muslim tidak sepatutnya bersikap malas, menunggu, berpeluk tubuh dan bertawakal untuk hari esok, baik esok di dunia ataupun esok dalam konteks akhiratnya.

Usaha merupakan satu ciri penting kepada pencapaian matlamat. Usaha yang hak akan mendapat ganjaran pahala di sisi Allah. Manusia akan berusaha dalam batas kemampuannya serta kemampuan yang diizinkan oleh Allah. Dalam bidang yang tidak termampu dan tidak mendapat keizinan Allah, akan hanya membawa kepada kerosakan fizikal, mental dan kerohanian jika manusia ingin terus berusaha.

Doa ialah satu bentuk usaha lagi yang sifatnya lebih kepada gerak kerja kerohanian. Setelah usaha fizikal dilaksanakan, maka usaha seterusnya adalah berdoa semoga perancangan yang dibuat akan mencapai matlamat yang dihajati.

Sebelum, semasa dan sesudah perancangan dijalankan, kita perlu bertaqwa terus-menerus. Bertawakal kepada Allah akan hasil daripada usaha dan perancangan yang dilakukan sama ada Allah memberi keputusan yang dihajati atau sebaliknya. Kita wajib berpuas hati dengan hasil yang telah diputuskan oleh Allah. Oleh itu, kita dilarang bersifat angkuh dengan kebolehan perancangan, sebaliknya kita perlu bersifat tawakal terhadap hasil tersebut.

Bertawakal bermaksud bahawa Allah yang menentukan segala-galanya. Usaha dan perancangan yang kita lakukan itu hanya bersifat ikhtiar yang tidak dapat mempengaruhi qada' dan qadar Allah. Usaha dan perancangan hanyalah *asbab* dan bukannya ketentuan. Begitu juga dalam usaha melaksanakan perancangan. Kita perlu sentiasa bersabar dan bertaqwa dengan segala bentuk halangan dan rintangan yang dihadapi kerana itu adalah cubaan Allah.

## PERANCANGAN HIDUP MUSLIM

Seseorang mukmin perlu berfikir, bekerja dan beramal untuk hari esok.

Bukan sahaja esok bagi kehidupan di dunia, tetapi juga kehidupan di akhirat yang berkekalan. Perancangan yang silap akan membawa kecelakaan yang berkekalan di akhirat dalam bentuk azab dan sengsara api neraka. Sementara perancangan yang mengikut garis-garis panduan Islam dan tidak menyalahi ajaran Islam akan menjadikan seseorang itu berada pada kesudahan yang menyenangkan, penuh dengan kenikmatan dan kedamaian di syurga Allah.

## Objektif Perancangan dan Hukum Tabii

Keseluruhan bahagian alam sejagat ini saling bergantung dan bantu-membantu antara satu dengan yang lain. Kesemua bahagian ini diatur oleh satu kuasa yang sering dinamakan sebagai hukum tabii.[2] Manusia, matahari, bulan, bintang, dan sebagainya berjalan mengikut ketetapan hukum alam.

Manusia sebagai sebahagian alam sejagat, dalam banyak perkara, bebas bergerak dan bertindak mengikut kemahuannya. Jika manusia memilih untuk bertindak sesuai dengan kehendak Allah, maka ia akan berada dalam keadaan yang sejajar dengan keseluruhan alam sejagat, iaitu bergerak pada arah yang sama dengan keseluruhan alam sejagat. Maka tidaklah berlaku gangguan, halangan atau pintasan perjalanan alam sejagat (Khan 1969: 14–15). Dalam masyarakat yang jahil, mereka akan memilih dan bertindak secara yang berlawanan dengan perjalanan alam sejagat. Pertentangan arah perjalanan inilah yang menyebabkan kekecohan, kekusutan, kesulitan dan huru-hara.

Tujuan asal alam sejagat bergerak ke arah yang sama adalah untuk mewujudkan keharmonian dan kesejahteraan kepada seluruh sistem. Kegagalan untuk memahami tujuan ini menyebabkan manusia bertindak mengikut keperluan dan kepentingan nafsu diri. Oleh itu, Islam merancang supaya objektif setiap subsistem (termasuk sistem kehidupan manusia) berjalan selaras dengan hukum tabii supaya keharmonian dapat dicapai.

Objektif utama perancangan dalam Islam adalah berpandukan prinsip kemanfaatan dan pemeliharaan golongan miskin (Mannan 1986: 367). Walau bagaimanapun, mungkin terdapat banyak objektif sampingan hasil daripada penggunaan prinsip tersebut dan mungkin menimbulkan konflik antara objektif tersebut. Islam menyelesaikan

---

2 Islam menamakannya sunnatullah.

konflik tersebut berpandukan kaedah kemanfaatan dan kemudaratan.[3]

## Perancangan Hidup Orang yang Bertaqwa

Orang yang bertaqwa memenuhi program hidupnya dengan mengisi kehendak rohani, aqli dan jasmani (Abdul Halim 1990: 15). Rohani diisi dengan ibadat, zikir, wirid, sabar, syukur, reda, tawakal, pemaaf, khusyuk dan tawaduk. Allah telah menjadikan sesuatu ibadat itu wajib – misalnya solat dan puasa — dan kita perlu berusaha untuk menunaikan ibadat ini dengan ikhlas dan khusyuk dan menghiasinya dengan ibadat yang sunat untuk mendapat keredaan yang lebih daripada Allah.

Aqli pula diisi dengan mengaut ilmu, membuat kajian, menganalisis dan menyelidik, berfikir dan bertafakur, bermuzakarah dan bermusyawarah (Abdul Halim 1990: 15). Orang yang bertaqwa sentiasa menggerakkan akal fikirannya supaya sentiasa bekerja untuk maju ke hadapan dengan menguasai berita-berita dan isu-isu semasa untuk dinilai mengikut ukuran syariat (Abdul Halim 1990: 16).

Sementara jasmani diisi dengan kerja fizikal yang dilakukan untuk memenuhi keperluan dan hak peribadi, keluarga dan masyarakat. Jasmani adalah kenderaan bagi roh. Jasmani tidak akan sihat tanpa digerakkan untuk bekerja. Orang yang bertaqwa bukan sahaja ringan tulang untuk memenuhi keperluan dirinya, tetapi juga sentiasa ingin bekerja demi manfaat orang lain. Bahkan dirasakan kerja untuk orang lain juga merupakan tanggungjawabnya.

## Perancangan Hari Esok

Hari esok bagi Islam meliputi esok "jangka singkat" di dunia dan esok "abadi" di akhirat (Hasan 1990: 85). Perancangan yang hak adalah perancangan yang dapat memuatkan kedua-dua tempoh singkat dan abadi.

Kehidupan abadi mempunyai hubungan yang kuat dengan perancangan jangka singkat. Perancangan yang hanya tertumpu terhadap kehidupan jangka sementara di dunia akan membawa kecelakaan kepada kehidupan abadi di akhirat. Oleh itu, setiap Muslim perlu merancang kehidupan mereka untuk kedua-dua kehidupan. Sebagai-

---

3 Lihat penjelasannya di bawah tajuk pemilihan matlamat dalam bab ini.

mana kita mengkehendaki kehidupan yang sejahtera di dunia, maka begitulah juga perlu dirancang untuk kehidupan yang sejahtera di akhirat, termasuk di kubur, mahsyar dan titian sirat. Merancang kehidupan di dunia secara yang dikehendaki oleh syarak dan menggunakan hasil kejayaan perancangan di dunia untuk kejayaan di akhirat juga bermakna merancang untuk akhirat.

Umat Muslim perlu menyediakan perancangan bagi menghadapi mati. Bagi tujuan menghadapi mati, kehidupan jangka singkat di dunia perlu diselaraskan dengan keperluan kehidupan abadi di akhirat. Oleh itu, perancangan yang lengkap perlulah mengambil kira perancangan jangka singkat dalam rangka pencapaian matlamat perancangan abadi. Kita perlu melihat perancangan itu secara rantaian yang lengkap kerana matlamat akhir kehidupan manusia adalah "*al-falah* di dunia dan di akhirat". Oleh itu, antara kedua-dua peringkat perancangan ini tidak harus wujud konflik.

Perancang Barat tidak sedikit pun mengambil kira keperluan hidup selepas kehidupan alam dunia (*fana*), sebaliknya hanya menumpukan perancangan terhadap kehidupan yang dekat (dunia) berbentuk kebendaan. Menurut Keynes, "dalam jangka panjang, kita semua telah mati" (dipetik daripada Sharif 1970: 89). Ajaran sekular berfahaman bahawa agama dan hal-hal keduniaan merupakan dua perkara yang terpisah, tidak boleh dicampuradukkan.

Perancangan sekular yang diarahkan kepada pencapaian kemajuan kebendaan, menjadikan manusia hamba dan penyembah kepada kebendaan. Pangkat, harta dan kuasa dipandang sebagai kemuliaan yang perlu direbut oleh setiap individu. Sedangkan perkara-perkara inilah yang kerap membawa kepada keruntuhan kemanusiaan. Perancangan yang mengetepikan aspek kerohanian dan nilai akhlak kehidupan telah menjahanamkan manusia sendiri. Manusia telah lupa akan status mereka sebagai khalifah dan hamba Allah di dunia. Clive Bell pernah mengatakan bahawa "tamadun (kebendaan) itu adalah sesuatu yang palsu" (dipetik daripada Sharif 1970: 96). Masyarakat Barat mula mencari sesuatu selain kebendaan sebagai jalan mencapai kedamaian, setelah ternyata kebendaan semata-mata tidak berupaya memuaskan keperluan fizikal dan rohani secara serentak.

## CIRI-CIRI PERANCANGAN YANG BAIK

Perancangan yang baik ialah perancangan yang munasabah, iaitu untuk dilaksanakan dan boleh dilaksana; yang berkembang, iaitu untuk

perubahan, untuk menyelesaikan masalah dan bersifat sejagat; cara membuat keputusan yang wajar; pencapaian matlamat yang unik; perencanaan operasi yang sistematik serta bijaksana dan mempunyai kawalan pelaksanaan yang baik.

### Perancangan yang Munasabah

Perancangan yang diatur adalah untuk dilaksanakan. Perancangan semata-mata tanpa pelaksanaan adalah sia-sia dan tidak menghasilkan manfaat. Perancangan dan pelaksanaan merupakan dua perkara yang berhubung kait. Kita tidak mahu merancang sesuatu yang kita tidak kerjakan, begitu juga kita tidak mahu membuat kerja yang kita tidak rancang (Abdul Halim 1990: 36).

Untuk membolehkan perancangan dilaksanakan, perancangan itu mestilah munasabah, iaitu boleh dicapai. Perancangan mestilah dipadankan dengan kemampuan untuk melaksanakannya dari segi tenaga kerja atau kelengkapan dan teknologi yang ada.

### Perancangan yang Berkembang

Setiap perancangan mestilah bersifat "alam sejagat", iaitu sesuai dengan fitrah semula jadi manusia dan diterima oleh seluruh manusia. Fitrah yang paling asas pada jiwa manusia ialah keinginan untuk bernaung di bawah satu kuasa yang tiada ada tandingannya, oleh itu, bawalah manusia kepada naungan kekuasaan Allah (Abdul Halim 1990: 28).

Manusia juga ingin kedamaian dan keamanan. Kedamaian jasmani dapat dipenuhi dengan menyediakan keperluan kebendaan. Misalnya, kemiskinan memerlukan penyediaan makanan dan keperluan asas lain yang mencukupi. Begitu juga dengan ketenangan dan kedamaian rohani. Oleh sebab ketenangan dan kedamaian jiwa yang hakiki hanya dapat diperoleh melalui *zikrullah*, maka manusia mesti diajar, dilatih dan dididik supaya sentiasa berzikir dan ingat kepada Allah (Abdul Halim 1990: 29). Maksud firman Allah:

> "(Iaitu) orang yang beriman dan hati mereka menjadi tenteram dengan mengingati Allah. Ingatlah hanya dengan mengingati Allah hati menjadi tenteram".
>
> (al-Quran 13: 28)

Perancangan yang dibuat mestilah dapat mewujudkan perubahan daripada keadaan yang kurang baik kepada keadaan yang lebih baik,

secara kebendaan mahupun kerohanian. Abdul Halim (1990: 32) menyebut dua bentuk perubahan: Manusia (sama ada fikiran atau jiwanya) dan fizikal yang bercorak kebendaan. Kedua-dua perubahan ini saling bantu-membantu; perubahan fizikal menyebabkan perubahan jiwa dan fikiran. Sebaliknya, perubahan jiwa dan fikiran boleh mengarahkan perubahan kebendaan yang sihat.

Perancangan juga seharusnya dapat menyelesaikan masalah masyarakat dan umat. Masalah besar umat ialah terhakisnya keimanan. Dari segi masalah ekonomi, boleh dikatakan bahawa kebanyakan orang atau negara Islam mewah dengan kebendaan. Masalah kemunduran dan kemiskinan yang berlaku berpunca daripada kurangnya ketaqwaan umat Islam, yakni golongan kaya mementingkan diri sendiri, manakala golongan yang kurang berada berlagak seperti orang berada dengan berbelanja boros dan membazir. Oleh itu, perancangan perlu ditumpukan terhadap menyelesaikan kemunduran iman supaya dengan itu juga kemunduran ekonomi dapat dipermudahkan. Lagipun kemunduran ekonomi merupakan masalah semasa yang kecil jika dibandingkan dengan masalah iman.

## Cara Membuat Keputusan

Pembuatan keputusan sama ada berasaskan pemusatan atau 'desentralisasi' adalah berkaitan dalam Islam (Saiful 1986: 34) jika keputusan itu berasaskan *syura*. Umat Islam dianjurkan bermusyawarah untuk membuat sebarang keputusan besar atau kecil. Al-Quran mengkhususkan satu surah dengan nama "syura", yang di dalamnya terdapat ayat yang bermaksud:

> "... sedang urusan mereka (diputuskan) secara musyawarah sesama mereka ...."
>
> (al-Quran 42: 38)

Dalam banyak hal, Rasulullah bermusyawarah dengan para sahabatnya untuk mencapai satu-satu keputusan. Oleh itu, amalan musyawarah merupakan amalan Islam yang ada dalilnya untuk diikuti. Musyawarah merupakan tukar-menukar fikiran yang tujuannya untuk menyatukan fikiran serta mewujudkan perasaan bahawa keputusan yang diambil adalah keputusan majoriti dan bersama. Musyawarah menjadikan perancangan dan keputusan menjadi lebih berkat dan diredai Allah.

## Pemilihan Matlamat

Matlamat atau objektif boleh dinyatakan secara kuantitatif atau secara kualitatif, dipelbagaikan atau diringkaskan dan dihadkan kepada satu (Zakaria 1988: 4).

Islam membahagikan matlamat ini kepada dua: Matlamat perantaraan dan matlamat akhir yang hakiki. Matlamat yang akan dicapai daripada muamalat *mal* merupakan matlamat perantaraan, yang diharapkan dapat membantu mencapai matlamat akhir, iaitu "*al-falah*". Pencapaian matlamat perantaraan yang diusahakan secara Islam, diniatkan ikhlas kerana Allah serta natijahnya juga digunakan untuk tujuan agama Allah, maka matlamat akhir akan dapat dicapai serentak dengan pencapaian matlamat perantaraan.

Islam memberikan panduan bagaimana matlamat yang lebih ringkas itu dipilih daripada berbagai-bagai matlamat yang mungkin bertentangan antara satu dengan yang lain:

(1) Memilih yang lebih bermanfaat daripada berbagai-bagai manfaat yang ada (Mannan 1986: 367).
(2) Memilih yang kurang memberi mudarat daripada berbagai-bagai mudarat yang ada (Mannan 1986: 367).
(3) Memilih yang boleh menolak kerosakan daripada yang boleh memberi kemanfaatan (Zakaria 1988: 7).

## Perencanaan Operasi

Perencanaan ini merupakan susunan peringkat-peringkat program yang akan dilaksanakan. Penyusunan program-program ini mestilah sistematik dan bijaksana. Rancangan mestilah disusun secara rapi, dengan mengambil kira keperluan permintaannya, sumber modal dan tenaga manusia (Zakaria 1988: 9–10), serta mengambil kira kemungkinan yang akan terjadi, termasuk halangan dan masalah yang akan dihadapi (Abdul Halim 1990: 25) dan jalan penyelesaian masalah tersebut supaya pencapaian matlamat perancangan tidak tergugat.

## Kawalan Perancangan

Kawalan ini diperlukan bagi memastikan matlamat perancangan dapat dicapai. Pelaksanaan perancangan perlu diawasi supaya pelaksanaannya benar-benar berada dan berjalan pada landasan yang telah ditetapkan, tidak berlaku penyimpangan dan penyelewengan. Kawalan secara tidak

langsung dapat dilaksanakan melalui kaedah pemberian ganjaran dan denda (Zakaria 1988: 11–12).

## PEMBANGUNAN ISLAM DARI PERSPEKTIF EKONOMI

Teori Marxis melihat pembangunan hanyalah pembangunan ekonomi yang merupakan sebahagian daripada konsep kebendaan. Perancang ekonomi yang menyimpang daripada pandangan ini dianggap sebagai borjuis (Nyang 1976: 11). Begitu juga dengan konsep pembangunan kapitalis, tidak memberi tempat kepada peranan agama. Pertimbangan akhlak adalah di luar pertimbangan ekonomi. Sedangkan pembangunan dalam Islam adalah pembangunan yang meliputi semua aspek pembangunan kebendaan (ekonomi) dan pembangunan insan secara keseluruhannya.

Pembangunan Islam meletakkan manusia di tengah-tengah fokus proses ekonomi. Peranan dan kegiatan manusia dikira dari segi kesanggupan memenuhi kehendak kerohanian dan akhlaknya, di samping keberkesanan industrinya (Nyang 1976: 13).

Islam menganggap bahawa pembangunan ekonomi merupakan "latihan fizikal dan usaha kerohanian diri manusia" (Nyang 1976: 12). Kegiatan ekonomi manusia bukan sahaja untuk memuaskan diri terhadap keperluan fizikal. Sebaliknya, manusia yang mempunyai tugas dan tanggungjawab terhadap penciptanya merasa perlu membangunkan akhlak dan rohaninya. Oleh itu, pembangunan Islam merangkumi pembangunan jasmani (kebendaan) dan kerohanian (termasuk fikiran).

### Konsep Pembangunan

Pendekatan Barat tentang pembangunan ekonomi dicapai melalui penukaran sumber kebendaan untuk manusia. Sumber kebendaan akan dieksploitasi secara maksimum yang mungkin demi menghasilkan kemewahan manusia. Pendekatan Islam lebih menekankan penukaran dan perubahan sumber kemanusiaan (Khan 1969: 8).

Pembangunan Islam juga bererti evolusi manusia, tetapi dalam skop yang berbeza dengan konsep evolusi Barat. Evolusi dalam Islam bererti memandu dan mengubah masyarakat yang jahil kepada masyarakat Islam (Khan 1969: 8). Malah ajaran Islam adalah untuk tujuan tersebut.

Jika masyarakat telah dibina berasaskan syarak, maka masyarakat itulah masyarakat yang bertamadun dan membangun (Khan 1969:10).

Sebab itulah era Rasulullah dinamakan sebagai era *Khairul qurun* (kurun terbaik) kerana masyarakatnya adalah masyarakat *rabbani*, masyarakat syariat dan hampir dengan Allah.

Secara ringkas, pembangunan dalam Islam dilahirkan melalui pembangunan sumber kemanusiaan, khususnya pembangunan kerohanian, di samping bentuk pembangunan yang lain, seperti keintelektualan, bakat, kemahiran dan kemampuan untuk menghasilkan kebendaan.

Pendekatan Islam terhadap pembangunan mempunyai asas falsafah yang tersendiri yang terdiri daripada tauhid (keesaan Allah), rububiyyah (peraturan dan penyusunan Allah dari segi kekuasaan mencipta, memberi, menghidupkan, mematikan, memandu kehidupan), khalifah (wakil Allah di bumi) dan tazkiyyah (kesucian jiwa dan ketinggian akhlak), (Khurshid Ahmad 1981: 178–179).

## Unsur-unsur dalam Pembangunan

Seperti yang telah dijelaskan, konsep pembangunan Islam adalah bersifat komprehensif dan bersepadu, iaitu meliputi aspek akhlak – kerohanian dan kebendaan (al-Batriq 1977: 38). Pembangunan akan ditumpukan terhadap pengoptimuman kesejahteraan manusia. Akhlak dan kebendaan, kerohanian dan fizikal, ekonomi dan sosial tidak terpisah. Kesejahteraan inilah yang akan melewati kesejahteraan sementara (dunia) — iaitu kesejahteraan yang abadi di akhirat.

Fokus usaha pembangunan dan inti proses pembangunan ialah manusia. Pembangunan bererti pembangunan manusia dan persekitaran fizikal serta sosiobudayanya. Tidak seperti konsep pembangunan lazim yang menekankan persekitaran fizikal, sebaliknya Islam menganggap bahawa diri manusia sendirilah yang merupakan tempat sebenar kegiatan pembangunan. Bukan sahaja faktor fizikal yang diambil kira — seperti sumber fizikal, modal, buruh, organisasi, pendidikan dan kebolehan, — malah faktor kemanusiaan — seperti sikap, insentif, rasa dan aspirasi — juga menjadi pembolehubah alat yang akan meluaskan dasar pembangunan lagi dalam ekonomi (lihat Khurshid Ahmad 1981: 179).

Sebagai pembangunan yang bersifat pelbagai dimensi, Islam menggalakkan perseimbangan antara pelbagai faktor — kebendaan dengan kerohanian, kuantitatif dengan kualitatif, luaran dengan dalaman. Islam menentang kekufuran dan kezaliman, sebaliknya menganjurkan kesyukuran dan keadilan. Proses pembangunan mesti digerakkan

melalui konsep syukur dan keadilan. Oleh itu, menjadi prinsip kehidupan sosial Islam untuk mewujudkan kesetaraan penggunaan dan agihan serta perhubungan semua manusia berasaskan hak dan keadilan, di samping penggunaan segala sumber anugerah Allah dan persekitaran fizikal secara yang paling optimum demi kebaikan rakyat jelata.

## Asas Pembangunan

Pembangunan Islam bererti memaju dan membangunkan manusia daripada semua bidang kepada tingkat pencapaian yang lebih tinggi (Qutb 1977: 1). Walau bagaimanapun, pencapaian bidang ini tidak akan membawa makna dan tidak akan dapat membezakannya dengan pembangunan lazim yang ada, tanpa melalui tahap pertama yang menjadi asas pembangunan, iaitu peringkat kerohanian atau *tazkiyat al-nafs* (Qutb 1977: 1).

Manusia sebagai tumpuan pembangunan, perlu benar-benar dapat memperhambakan diri kepada Allah, baik dari segi ibadat khas dan khusus mahupun dari segala segi kehidupan harian. Segala tingkah laku manusia mestilah selaras dengan kehendak Allah. Di sinilah pentingnya usaha ke arah kesuburan dan keutuhan iman supaya benar-benar dapat memandu segala tingkah laku manusia.

Usaha memupuk dan mengukuhkan iman bukanlah merupakan usaha *ad-hoc* dan sambil lewa, sebaliknya merupakan usaha yang bersungguh-sungguh dan berterusan. Untuk tujuan inilah Rasulullah menghabiskan masa 13 tahun bagi membangunkan umat Muslim sebelum dibangunkan negara Islam bagi membolehkan dilancarkan program pembangunan ekonomi, sosial, pengetahuan dan tamadun secara awam (bernegara).

Inilah bentuk pembangunan yang ditunjuk oleh Rasulullah: Membangunkan kerohanian sebelum perkara-perkara luaran yang lain. Pembangunan yang bermula daripada diri manusia ini ternyata menghasilkan kejayaan, seperti yang telah terbukti dalam sejarah perkembangan Islam.

## Matlamat Dasar Pembangunan

Penulis-penulis Islam mengemukakan beberapa matlamat, objektif dan sasaran perancangan pembangunan bagi masyarakat Islam. Antaranya pembangunan sumber manusia, peningkatan pengeluaran, pembangunan seimbang, pembaikan kualiti kehidupan, pertahanan, perkem-

bangan teknologi dan penyelidikan, dan pengurangan pergantungan pada negara asing.

*Pembangunan Sumber Manusia.* Pembangunan sumber manusia seharusnya menjadi objektif utama dalam dasar pembangunan Islam. Di samping akhlak dan kerohanian, pembangunan sumber manusia juga perlu mengambil kira sikap dan aspirasi yang betul, pembentukan sikap dan keperibadian, pendidikan, pengetahuan, latihan dan penyelidikan yang diperlukan dalam pelbagai kegiatan demi menghasilkan pembangunan (Khurshid Ahmad 1981: 180-181) yang memberi manfaat kepada seluruh masyarakat.

Islam tidak memandang mudarat kepada bilangan manusia yang ramai. Malah Rasulullah berbangga dengan umatnya yang ramai bilangannya. Kekuatan agama Islam terletak pada bilangan penganut (Hasan-uz-Zaman 1979: 20). Walau bagaimanapun, bilangan sahaja tidak bermakna, kalau kualiti Islam tiada dalam diri mereka. Begitu juga mesti terdapat dasar untuk menjadikan mereka (termasuk juga sumber-sumber lain) berdaya keluaran, bekerja dan tidak menganggur (al-Batriq 1977: 39).

*Peningkatan Pengeluaran.* Merupakan pertumbuhan yang berterusan dan berkekalan dalam pengeluaran negara dari segi kuantiti, kualiti, kecekapan dan campuran keluaran yang betul. Memberi keutamaan dan galakan kepada pengeluaran yang dihalalkan, lebih-lebih lagi barang keperluan asas. Manakala barang yang diharamkan dan tidak digalakkan perlu dikawal, dihad atau disekat (Khurshid Ahmad 1981: 181).

Corak pengeluaran dan pelaburan perlu diselaraskan dengan keutamaan Islam dan kehendak umat. Secara kasar, terdapat tiga tingkat keutamaan (Khurshid Ahmad 1981: 181), iaitu:

(1) Pengeluaran dan penawaran yang tinggi terhadap makanan dan barang keperlan asas.
(2) Keperluan pertahanan.
(3) Pengeluaran mampu diri bagi barang modal utama.

Pemerintahan Islam silam pernah membina empangan dan saliran bagi menambahkan pengeluaran pertanian, khususnya di Mesir dan Iraq. Di Basra sahaja dikatakan terdapat 120 000 saliran (Hasan-uz-Zaman 1979: 18).

*Pembangunan Seimbang.* Meliputi bukan sahaja pembangunan yang harmoni dan seimbang antara wilayah-wilayah dan antara sektor-

sektor ekonomi, seperti yang diperkatakan oleh Khurshid Ahmad (1981: 182), tetapi juga pembaikan ke arah kesaksamaan agihan pendapatan dan harta (Hasan-uz-Zaman 1979: 15, al-Batriq 1977: 40).

*Pembaikan Kualiti Kehidupan.* Merupakan pembaikan ke arah kebajikan ekonomi, sosial dan akhlak semua lapisan masyarakat (Khurshid Ahmad 1981: 181). Ini termasuklah pembaikan corak penggunaan daripada yang haram, membazir dan mewah kepada yang memadai (Hasan-uz-Zaman 1979: 14); keselamatan dan penawaran yang cukup melalui pengangkutan yang baik (Hasan-uz-Zaman 1979: 17- 18); penyediaan kemudahan dan bantuan kepada rakyat (Hasan-uz-Zaman 1979: 19–20); perlindungan pengguna melalui institusi al- hisba (Hasan-uz-Zaman 1979: 21) infrastruktur fizikal dan sosial (al-Batriq 1977: 39); dan kestabilan harga (al-Batriq 1977: 39), khususnya barang keperluan (Hasan-uz-Zaman 1979: 17). Bagi Khurshid Ahmad (1981: 181) pembaikan kualiti kehidupan ini memerlukan paling tidak tiga perkara yang berikut: Penciptaan pekerjaan, jaminan sosial secara berkesan, dan kesaksamaan agihan pendapatan dan kekayaan.

*Perkembangan Teknologi dan Penyelidikan.* Perkembangan ini mesti sesuai dengan keadaan keperluan dan aspirasi negara Islam (Khursid Ahmad 1981: 182). Usaha mencipta teknologi sendiri, amat perlu. Untuk mencapainya, memerlukan penyelidikan yang bersungguh-sungguh. Bidang teknologi dan penyelidikan sains perlu dipertingkatkan untuk mempertingkatkan kebolehan manusia menyelesaikan masalah dan membolehkan mereka membentuk dasar yang lebih maju dan tepat (al-Batriq 1977: 40).

*Pertahanan.* Al-Quran mengarahkan umat (negara) Islam untuk sentiasa bersiap sedia menghadapi musuh (al-Quran 8: 60). Ini memerlukan satu dasar pertahanan yang bukan sahaja tertumpu terhadap tenaga ketenteraan, malah meliputi bidang yang lebih menyeluruh, termasuk pembinaan kilang senjata, sistem hubungan yang cekap, dan pengeluaran peralatan perang yang lain, seperti kapal perang (Hasan-uz-Zaman 1979: 21–22).

*Pengurangan Pergantungan pada Negara Asing.* Umat Islam dikehendaki membebaskan diri mereka daripada cengkaman negara kufar (Khurshid Ahmad 1981: 182) dan menjadi kefarduan pula untuk mengeratkan perhubungan antara negara-negara Islam dalam segala hal supaya masing-masing saling bantu-membantu dan sokong-menyokong antara satu dengan yang lain.

Dengan kedudukan mereka sebagai khalifah, umat Islam tidak harus menjadi alat kepada kepentingan negara kufar. Kesatuan dan

kerjasama perlu diwujudkan bagi keutuhan umat bukan sahaja dari segi kekuatan ekonomi semata-mata, malah dari segi kekuatan politik supaya negara Islam tidak diperalatkan seperti yang berlaku sekarang ini.

## MODUL PEMBANGUNAN INSAN[4]

Model pembangunan sumber manusia bukan Islam terlalu menitikberatkan pencapaian kekuatan akal dan ketahanan fizikal sehingga menafikan kepentingan hakikat kerohanian dan keunggulan kekuatan dalaman. Di samping itu, model ini lebih melihat manusia sebagai alat yang sentiasa boleh dimanipulasikan (Hasan 1987: 5). Oleh itu, Modul Bina Insan (MBI) telah diperkenalkan untuk menambah, melengkap dan mengimbangi model Barat (Hasan 1987: 5).

### Andaian Modul Bina Insan

Modul Bina Insan ini dirancang dan selari dengan mengambil andaian-andaian (Hasan 1987: 6) yang berikut:

(1) Kegiatan pembangunan tidak mungkin dapat berjalan dengan lancar seandainya sumber kekuatan dalaman manusia tidak dibangunkan terlebih dahulu.
(2) Kekuatan yang dapat melahirkan dorongan atau penggemblengan luaran yang berkesan tidak akan tercapai tanpa dorongan dan penggemblengan sumber kekuatan dalaman terlebih dahulu.
(3) Semangat daya tahan dan berdaya juang tidak akan kekal tanpa menanam semangat bekerja untuk keredaan Allah.
(4) Kesatuan ketahanan fizikal dan kerohanian tidak mungkin terhasil tanpa usaha membina kekuatan dalaman.

### Matlamat Modul Bina Insan

Matlamat MBI adalah untuk melahirkan kefahaman dan keinsafan di kalangan pegawai (dan pekerja serta umat seluruhnya) tentang keper-

---

4 Tajuk ini adalah ringkasan daripada Modul Bina Insan tulisan Dr. Hasan Haji Mohd. Ali daripada kertas kerjanya yang berjudul "Masalah Pembinaan Sikap dan Sistem Nilai: Keperluan Pendekatan, Pembangunan Insan", Ogos 1987.

luan mengubah, membina dan mengekalkan sikap menjadi pekerja (dan pejuang) terbaik (Hasan 1987: 6–7), di hadapan negara dan kerajaan Allah.

Modul ini juga bertujuan untuk membina jambatan ilmu yang dapat menghubungkan pendekatan Barat dan Timur dan pendekatan tempatan, serta pendekatan keagamaan - Islam (Hasan 1987: 7), bagi membolehkan umat meletakkan perspektif dorongan dan penggemblengan di tempat yang sewajarnya.

### Metodologi Bina Insan

Penekanan MBI adalah terhadap kefahaman dan penghayatan ilmu, melahirkan kemahiran dan suasana kerohanian yang dijangka dapat mengubah sikap dan sistem nilai. Modul ini berbentuk pelbagai disiplin yang dikendalikan secara latihan yang menyeluruh (Hasan 1987: 7).

Pada umumnya, Modul Bina Insan mengandungi empat komponen kegiatan (Hasan 1987: 7–8), iaitu:

(1) Kegiatan bilik kuliah. Ceramah, forum dan bengkel bagi mendedahkan kepada aspek dorongan atau penggemblengan luaran dan dalaman.
(2) Kegiatan surau atau masjid. Solat berjemaah, kuliah Subuh, kuliah Maghrib, qiamullail, dan sebagainya bagi kekuatan kerohanian, menyedari akan tujuan dan tanggungjawab hidup.
(3) Kegiatan *riadah*. Menekankan pembinaan jasmani bagi melahirkan daya tahan fizikal.
(4) Kegiatan kokurikulum. Lawatan dan perkelahan untuk mewujudkan semangat setiakawan.

Gabungan Keempat-empat kegiatan ini akan menyatupadukan kekuatan rohani dan jasmani, mewujudkan semangat kesatuan dan kekitaan berdasarkan perhambaan setiap diri kepada Allah (Hasan 1987: 8), yang akhirnya akan mewujudkan pasukan kerja yang berkekalan.

## MODEL PEMBANGUNAN MANUSIA

Tujuan dan fokus pembangunan adalah manusia, kerana "faktor" manusialah yang akan menentukan maju mundurnya dan bangun runtuhnya sesuatu tamadun.

Usaha membangunkan manusia tidak semudah usaha membangunkan kebendaan (seperti membina rumah), sebab yang dibangunkan bukan daripada benda yang mati, tetapi hidup, malahan berakal, berperasaan dan bernafsu. Kita boleh mengambil contoh — Jepun dan Turki sebagai bukti yang menunjukkan bahawa pembangunan kebendaan itu lebih mudah daripada pembangunan kemanusiaan. Jepun sebagai negara yang pernah musnah dalam Perang Dunia II, pada masa yang singkat telah pulih dengan menjadi negara perindustrian yang pasaran barangnya telah menembusi negara yang menghancurkannya dahulu, iaitu Amerika Syarikat. Sementara Turki yang pernah pada satu ketika dahulu merupakan penaung seluruh tamadun kemanusiaan, sehingga kini (lebih setengah abad) masih tidak dapat dipulihkan daripada keruntuhannya akibat racun materialisme, sekularisme dan nasionalisme.

Hanya dengan iman yang kukuh (iaitu paling tidak iman pada peringkat *aiyan*) dan bukannya iman taklid (atau iman ilmu) manusia mampu melaksanakan pembangunan yang dikehendaki (Ashaari 1981: 6). Di mana sahaja mereka berada, mereka sentiasa sedar bahawa Allah sentiasa mengawasi mereka, mereka sentiasa dapat merasakan kehebatan Allah dan dengan rasa keredaan akan melaksanakan apa sahaja yang diperintah dan meninggalkan apa sahaja yang ditegah-Nya, tanpa memilih-milih dan banyak soal. Orang inilah yang sanggup menghadapi ujian Allah, baik dalam bentuk kesenangan ataupun dalam bentuk kesusahan. Hanya orang yang seperti inilah yang layak dan mampu membangunkan dirinya dan masyarakatnya. Sebaliknya, orang yang tidak mempunyai sifat-sifat ini akan menjadi perosak, penindas dan peruntuh kemanusiaan.

## Model Kepimpinan dan Pembangunan

Usaha membangunkan manusia perlu dimulai daripada iman dan daripada diri sendiri, sebelum keluarga, masyarakat dan negara (lihat Ashaari 1981: 2-3 dan 11–12). Begitu juga, pembangunan kerohanian perlu mendahului pembangunan kebendaan. Manusia Islam perlu melatih diri mereka mengerjakan amal dan disiplin Islam secara ikhlas dan berterusan. Mereka perlu memaksa diri mereka melawan syaitan dan nafsu.

Khalifah Umar Abdul Aziz (daripada Bani Umaiyah) adalah contoh kejayaan pembangunan manusia. Beliau dapat mengubah zaman yang penuh dengan kemewahan dan penyelewengan telah dapat

ditukarkan pada masa yang singkat (30 bulan). Beliau yang pernah hidup bermewah-mewah sebelumnya telah membuangkan segala-galanya (dengan memasukkan semua harta — termasuk segala perhiasan isterinya — ke dalam baitulmal), menjadi seorang yang zuhud dan kuat berjaga malam. Beliau menjadi contoh dan teladan kepada rakyatnya; "kepemimpinan melalui teladan" yang diamalkan. Pada zamannyalah Allah mencurahkan kemakmuran dan kedamaian lantaran usaha khalifah yang penuh dengan ketaqwaan. Pada zaman beliau, kutipan zakat tidak dapat diagihkan kepada fakir atau miskin kerana tidak seorang pun layak menerimanya lantaran semuanya telah menjadi mewah. Dikatakan sehingga pembayar zakat terpaksa mencari golongan yang berhak menerima zakat (Firdaus 1977: 191).

Beliau merupakan seorang tokoh pembangunan umat. Hanya orang yang seperti beliaulah yang sepatutnya diberikan tugas yang besar untuk memimpin manusia kepada pembangunan yang menyeluruh khususnya pembangunan kemanusiaan yang kini tidak ada dalam jadual perancangan dan pembangunan negara Islam.

# BAB 13

## HUBUNGAN ANTARABANGSA

Dunia Islam bukanlah dunia yang tertutup. Dalil syarak menunjukkan keharusan berhubung dengan dunia luar yang bukan Islam.[1] Fakta sejarah telah membuktikan bahawa hubungan luar Islam telah lama terjalin dan ternyata memberi manfaat kepada dunia Islam, khususnya perkembangan Islam itu sendiri.

Pada zaman kegemilangan pemerintahannya, dunia Islam menjadi tumpuan dan pusat perkembangan tamadun manusia. Berbeza dengan keadaan yang wujud sekarang: dunia Islam berfungsi sebaliknya. Dunia seluruhnya, malah dunia Islam sendiri tidak memberi tumpuan kepada Islam, sebaliknya memberi tumpuan dan keutamaan kepada dunia luar bukan Islam, menjadikan dunia Islam sebagai alat dan bahan eksploitasi dunia luar, tunduk dan sentiasa mengharapkan sesuatu yang boleh memberi manfaat kebendaan daripada hubungan yang wujud. Untuk menjadikan dunia Islam unggul semula, maka dunia Islam perlu kembali kepada Islam.

### SEJARAH HUBUNGAN LUAR ISLAM

Sejak sebelum Islam, masyarakat Arab terkenal dengan tabiat bermusafir, khususnya bagi tujuan perniagaan. Tanah Hijaz yang kontang, tidak mempunyai potensi pertanian menyebabkan mata pencarian penduduknya adalah bergantung pada perniagaan secara keseluruhan-

---

1 Muamalat diharuskan dengan orang bukan Islam, kecuali dalam kes al-Quran dan senjata, iaitu tidak sah menjual al-Quran kepada orang kafir dan senjata kepada kafir harbi (Lubis, 1976: 103).

nya (Sobri 1988:1). Jalan yang dibina di bahagian utara (untuk ke Sham) dan di selatan (untuk ke Yemen dan Bahrain) merupakan jalan perniagaan yang menghubungkan berbagai-bagai negara di dunia Arab pada ketika itu.

Pada zaman kerajaan Islam, perhubungan yang berbentuk ini diteruskan, malah meliputi bukan sahaja ekonomi, tetapi juga peringkat diplomatik yang ternyata menguntungkan masyarakat dan negara Islam.

## Hubungan Luar Arab

Meskipun kabilah Quraisy bukan merupakan sebuah kerajaan di Hijaz, namun kerana pengaruh mereka yang besar telah menyebabkan mereka dilayan oleh kerajaan-kerajaan jiran setaraf dengan sebuah kerajaan. Dengan kemudahan dan pengaruh yang ada, kabilah ini telah mengirimkan peniaga mereka ke negara-negara jiran. Melalui wakil mereka, kabilah ini telah berjaya mengadakan beberapa perjanjian dengan beberapa buah kerajaan. Misalnya, Hasham dengan kerajaan Syria, Nawfal dengan kerajaan Iraq, Muttalib dengan kerajaan Yemen dan Abdus Shams dengan Raja Abyssinia (Sobri 1988: 3). Keempat-empat buah kerajaan yang mengadakan perjanjian perdagangan ini dinamakan *ashab-al-aylaf* (Sobri 1988: 4).

Selain faedah perniagaan, orang Quraisy juga dapat bertukar-tukar kebudayaan dan tamadun. Hasil pertembungan kebudayaan ini menyebabkan kabilah Quraisy amat berpengaruh dari segi kekayaan, politik, pendidikan dan kebudayaan (Sobri 1988: 4–5).

## Hubungan Luar Islam

Kejayaan penubuhan negara Islam pertama di Madinah oleh Rasulullah diikuti dengan perkembangan dan perluasan wilayah Islam pada era pemerintahan kerajaan Bani Umaiyah dan Abasiyah telah memesatkan hubungan perniagaan lagi, dengan hasil mahsul yang semakin meningkat dan berbagai-bagai jenis.

Kerajaan Islam yang berpusat di Timur Tengah mempunyai kedudukan baik dari segi geografi kerana mempunyai kuasa pengawalan terhadap laluan utama laut, dengan Laut Merah dan Teluk Farsi sebagai laluan negara di sebelah Timur, Laut Mediterranean sebagai laluan perdagangan negara Barat, manakala Laut Kaspia sebagai laluan negara di sebelah utara (Abdul Bari 1972: 304).

Pada zaman pemerintahan kerajaan Umaiyah, telah wujud hubung-

an perniagaan dengan Sind, India dan China. Pelabuhan al-Iraq digunakan untuk mengeksport kapas, pakaian sutera, mutiara, tamar dan minyak wangi, manakala importnya ialah kelapa, pisang, permaidani, gading gajah dan dadah (ubatan?). Walau bagaimanapun, jumlah import sentiasa lebih rendah daripada jumlah eksportnya (Abdul Bani 1972: 304). Untuk mengeratkan hubungan, pemerintah Islam juga telah menghantar utusan (diplomat) ke China.

## Kepentingan Hubungan Luar Islam

Kepentingan perdagangan telah meletakkan negara Islam berada pada tingkat ekonomi yang memuaskan. Menurut laporan, tingkat pendapatan terendah setahun pada zaman pemerintahan khalifah Hisham (724–743 Masihi) ialah 200 dirham. Golongan yang berpendapatan kurang daripada jumlah ini akan berhak menerima zakat. Bukan setakat pendapatan yang lumayan, bahkan harga barang makanan utama juga sentiasa berada pada paras yang sederhana (Abdul Bari 1972: 305).

Di samping kepentingan perdagangan (ekonomi), negara Islam juga merupakan pusat perkembangan tamadun pada ketika itu. Pada hakikatnya, pedagang-pedagang Islam yang bertaburan di seluruh alam juga merupakan pendakwah. Begitulah juga halnya dengan saudagar-saudagar Gujerat yang berdagang di Nusantara. Berkat usaha dakwah mereka, kebanyakan penduduk Nusantara kini menganut Islam.

Sejak zaman sahabat lagi pendakwah Islam telah mula melangkah kaki ke negara-negara luar, termasuk Asia, dan ada yang sampai ke negeri China.

Sesuai dengan status orang Islam sebagai khalifah Allah, maka memang wajar mereka menjalankan tugas memimpin manusia seluruhnya kepada jalan yang benar lagi lurus. Usaha menyebarkan segala ilmu yang berteraskan keislaman juga merupakan bakti yang bernilai keakhiratan.

Seorang penulis Jerman menyatakan bahawa "selama 800 tahun tamadun Arab seperti matahari melintasi kota-kota dunia Timur hingga ke negara-negara Barat" (lihat Schmidt 1955: 193).

Bolehlah dikatakan bahawa tamadun pada Zaman Pertengahan dipengaruhi oleh Arab (Islam) kerana kebanyakan tulisan terdapat dalam bahasa Arab (Schmidt 1955: 193). Oleh sebab kemajuan di tangan orang Arab, maka penulisan, termasuk oleh penulis bukan Islam pun adalah dalam bahasa Arab, sehingga dikatakan cara berpakaian mereka pun secara Arab (Islam). Negara Timur (Islam) merupakan guru

yang tidak ada tandingannya kepada dunia Barat dalam ilmu falsafah, matematik, astronomi dan perubatan. Semua masalah yang timbul dari abad ke-12 hingga ke-16 di Eropah telah pun dikaji dan dijawab pada abad ke-10 hingga ke-12 di Timur (lihat Schmidt 1955: 197).

## DUNIA ISLAM KINI

Hubungan Islam dengan dunia luar pada zaman kegemilangannya berbeza dengan hubungannya zaman kegelapan kini, lebih-lebih lagi setelah terlucutnya kekuasaan pemerintahan secara berkhalifah apabila dunia Islam telah berpecah dan dijajah. Kalau dahulu dunia Islam menjadi penerang dan pembimbing tamadun dunia, kini sebaliknya dunia Islam hanya sentiasa mahu mencari perlindungan dan bimbingan yang kadang-kadang nyata daripada musuhnya sendiri.

### Dunia Ketiga

Kebanyakan negara Islam[2] adalah negara Dunia Ketiga, iaitu negara yang mempunyai taraf pembangunan ekonomi, sosial dan politik yang rendah. Kelemahan ini memudahkan negara Barat yang maju untuk memperalatkan dan terus menindas negara ini, di samping sedikit bantuan yang diberi. Setiap bantuan yang dihulurkan oleh negara luar terdapat tuntutan yang perlu dipenuhi dan dipikul oleh negara Islam. Negara Islam yang kebanyakannya kaya dengan sumber asli, bahan mentah dan barang pertanian lebih manfaatkan kekayaan itu untuk negara maju dan membantu mereka untuk terus maju dan mewah. Dari satu segi yang lain, negara Islam juga menjadi tempat lambakan pasaran barang negara maju yang kurang berkualiti, iaitu barang ini tidak diterima oleh negara maju yang lain.

### Penundukan dan Pergantungan Luar

Tidak dapat dinafikan negara minyak di Timur Tengah adalah negara-negara kaya yang setaraf kekayaan itu dengan negara maju di Eropah. Namun seperti negara Dunia Ketiga yang lain, negara ini terus-menerus menjadikan dunia luar sebagai tempat pergantungan.

---

2 Negara Islam dalam konteks ini bermaksud negara yang majoriti penduduknya beragama Islam serta diperintah oleh orang Islam.

Negara minyak Arab tidak pernah bebas bertindak dalam menentukan dasar politik, ekonomi dan dasar harga minyaknya. Negara maju tidak akan membenarkan sebarang perubahan, termasuk politik di Timur Tengah yang boleh menjejaskan kepentingan mereka. Sebagai contoh, penubuhan negara Islam Iran amat tidak disenangi oleh Amerika Syarikat dan sekutu-sekutunya. Setiap kelahiran negara yang mahu menjadikan Islam sebagai dasar pemerintahan akan bermakna wujudnya usaha ke arah penyatuan seluruh umat. Keadaan ini tentunya akan menjadi persaingan dan ancaman kepada kuasa besar. Perang Teluk (1991) yang baru berlalu merupakan satu lagi bukti negara Islam tidak pernah bebas untuk bertindak. Oleh sebab kepentingan tertentu, negara Islam sanggup bersekutu dengan kuasa besar menyokong dan membantu untuk membunuh umat Islam Iraq, sedangkan krisis Teluk asalnya merupakan krisis keluarga negara Islam, yang perlu diselesaikan secara "adik beradik", bukan dengan menjemput musuh.

Amerika Syarikat sendiri tidak akan membiarkan penyatuan seluruh Arab, walaupun atas dasar nasionalis Saddam Hussein. Oleh itu, negara maju dan kuasa besar tersebut sentiasa mahu melihat negara Islam ini terus berada dalam keadaan berpecah dan menganut fahaman yang lebih liberal supaya senang mengikut telunjuk mereka. Dalam banyak keadaan, hubungan antarabangsa di kalangan negara Islam lebih merupakan alat dan "pak turut" kepada negara maju.

## Bentuk Pergantungan Luar

Negara Islam bergantung pada dunia luar, khususnya dunia bukan Islam hampir dalam semua aspek. Kebanyakan keperluan fizikal, ilmu dan sebahagian keperluan kerohanian diperoleh dan diimport dari dunia bukan Islam.

*Keperluan Fizikal.* Termasuklah barang keperluan harian, barang modal, peralatan dan senjata, dan barang keluaran industri berat. Yang jelas ialah negara Islam mengimport sebahagian besar peralatan dan senjata dari negara luar. Setiap negara Islam membelanjakan berjuta-juta dolar hanya untuk membeli kapal perang dan peluru berpandu. Negara Islam juga banyak mendapat bantuan bersyarat dari negara maju, yang menyebabkan negara ini tunduk kepada kehendak negara maju.

*Ilmu.* Hampir kesemua ilmu diambil dari Barat. Eropah dan Amerika Syarikat menjadi tempat tumpuan penting bagi sumber ilmu ini. Negara Islam tidak ketinggalan dengan menghantar rakyatnya

belajar di universiti-universiti di negara tersebut, walaupun di negara Islam sendiri, khususnya di universiti Timur Tengah ada menawarkan ilmu yang sama. Begitu juga dengan teknologi, semuanya bergantung kepada teknologi Barat yang belum tentu sesuai dengan iklim negara Islam.

*Kerohanian.* Negara maju yang sekular menawarkan idea kebendaan sebagai matlamat kehidupan. Dengan kebendaanlah segala-galanya akan dapat dicapai. Maka jadilah manusia itu hamba kepada kebendaan, termasuk manusia Muslim yang mengimport dan bekerja keras untuk ini. Pemisahan cara dan matlamat kehidupan daripada keagamaan akan meruntuhkan asas kefahaman agama dan aqidah Islam itu sendiri. Maka menjadi sempitlah Islam dan tidak munasabah untuk diamalkan sebagai "cara hidup".

Kebendaan yang berbentuk keduniaan bukanlah makanan kerohanian dan jauh sekali daripada matlamat kehidupan. Kebendaan tidak dapat memberi kedamaian rohani kerana kebendaan hanya makanan bagi jasmani. Kekuatan Islam bukan terletak pada kebendaan, tetapi pada kerohanian. Perang Badar menjadi bukti bahawa kekuatan kerohanian mampu mengalahkan kekuatan kebendaan.

Tamadun kebendaan Barat yang mengagumkan telah mempengaruhi negara Islam untuk meniru seperti Barat juga. Keyakinan kepada kuasa kebendaan menjadikan keyakinan (dan sekaligus keimanan) kepada Allah akan luntur. Oleh itu, untuk menjadikan negara Islam kuat, maka perlulah dipulih dan diperkuatkan kerohanian rakyatnya supaya dalam setiap gerak geri mereka akan sentiasa mendapat bantuan Allah.

Begitulah dunia dan kuasa Barat melemahkan Islam melalui jarum yang halus yang boleh merosakkan aqidah dan kecintaan kepada Islam, setelah usaha secara terbuka dan berdepan gagal memisahkan Islam daripada penganut-penganutnya. Ternyata usaha halus ini berjaya, kerana yang terkena jarum ini tidak menyedari bahawa dirinya telah terpesong. Usaha ini juga telah berjaya menjadikan seseorang Islam lebih liberal dan tidak fundamentalis: apabila berdepan dengan sebarang masalah, segera difatwakan "serba boleh".

## KERJASAMA NEGARA ISLAM

"Sesungguhnya orang mukmin adalah bersaudara ...." (maksud al-Quran 49: 10). Bertolak daripada konsep persaudaraan inilah sewajarnya wujud kesatuan dan perhubungan yang erat di kalangan negara

Islam dalam segala hal, supaya masing-masing saling bantu-membantu, sokong-menyokong antara satu dengan yang lain.

Dengan kedudukannya sebagai khalifah di dunia, orang dan negara Islam tidak harus menjadi alat kepada kepentingan negara kafir, malah menjadi tuntutan dan kefarduan umat untuk membebaskan diri daripada terus tunduk dan berada dalam cengkaman mereka. Kesatuan dan kerjasama perlu diwujudkan bagi keutuhan umat bukan sahaja dari segi kekuatan ekonomi semata-mata, malah dari segi kekuatan politik supaya menjadi negara kesatuan yang unggul dan disegani.

## Prospek Kerjasama

Memang menjadi harapan setiap rakyat di negara Islam untuk sentiasa berada dalam keadaan kerjasama di kalangan mereka. Namun begitu, usaha ke arah ini akan menghadapi jalan sukar kerana setiap negara Islam mempunyai tujuan dan kepentingan yang tersendiri.

Secara realiti, negara Islam diperintah oleh golongan elit yang mempunyai kepentingan tertentu secara individu yang perlu dipertahankan dan kebiasaannya kepentingan ini menyimpang daripada ajaran Islam (Khan 1989: 22). Begitu juga negara Islam yang banyak berhubung dan terikat dengan negara bukan Islam, di samping kelemahan umat Islam sendiri dalam mengamalkan Islam menyebabkan kerjasama hanya mungkin kepada bidang-bidang yang boleh menguntungkan dari segi kebendaan dan bukannya keuntungan keagamaan (Khan 1984: 22).

Selagi kepentingan individu dan kepentingan kebendaan dan bukannya kepentingan umat serta kepentingan keagamaan yang menjadi matlamat setiap negara Islam, selagi itu kerjasama antara mereka adalah kerjasama kepura-puraan yang tidak ada lebihnya daripada kerjasama yang wujud kalangan negara-negara bukan Islam.

## Perancangan Bersepadu

Walaupun kebanyakan negara Islam mundur, namun mereka mempunyai potensi pembangunan ekonomi yang besar, mempunyai kesemua bahan yang perlu bagi mencapai kadar pertumbuhan yang tinggi — dari segi guna tenaga, sumber asli dan modal (Siddiqi 1977: 33–34). Negara Islam, sepatutnya bersatu dari segi ekonomi. Dengan itu, sekretariat Islam perlu menggerakkan usaha ini.

## Penyelarasan Dasar Ekonomi

Walaupun negara Islam kaya dengan anugerah sumber, namun anugerah ini tidak sama rata. Ada negara yang tanahnya luas, begitu juga dengan penduduknya ramai (seperti Pakistan dan Turki), ada yang tanahnya kecil, tetapi mempunyai penduduk yang ramai (seperti Bangladesh dan Indonesia), ada yang tanahnya luas, tetapi penduduknya sedikit (seperti Arab Saudi) dan ada juga yang tanahnya kecil dan penduduknya sedikit tetapi kaya dengan sumber asli (seperti Kuwait dan Bahrain).

Kedudukan pemilikan sumber yang tidak seimbang merupakan masalah kepada pembangunan. Negara yang kaya dengan sumber asli menghadapi masalah guna tenaga, begitu juga negara yang kaya dengan sumber tenaga manusia menghadapi masalah kekurangan sumber asli. Keadaan ini mewujudkan defisit imbangan perdagangan, ketaksaksamaan agihan pendapatan dan pengangguran di kalangan negara Islam. Oleh yang demikian, penyelarasan dasar ekonomi di kalangan negara Islam amat perlu demi membaiki campuran sumber dan mencapai peruntukan sumber yang optimum di peringkat *supranational.*

## Kerjasama Ekonomi

Antara pakatan ekonomi yang wujud di kalangan negara Islam[3] termasuklah:

(1) The Arab Common Market (ACM).
(2) The Maghreb.
(3) The East African Economic Community (EAEC).
(4) Regional Cooperation for Development (RCD).
(5) The West African Customs Union (WACU).
(6) The Central African Custom and Economic Union (CACEU).

Kesatuan tersebut tidak membawa kemajuan yang banyak kepada pembangunan negara-negara yang terlibat. Ada yang hanya wujud pada kertas sahaja seperti ACM, dan ada yang terkubur pada peringkat awal-awal lagi (Quraishi 1977: 73).

Quraishi (1977: 73), menganjurkan supaya diwujudkan "blok

---

3 Kesatuan ekonomi yang wujud ini ada antaranya dianggotai sama oleh negara bukan Islam.

ekonomi Islam" dengan mengambil nama-nama seperti yang berikut:

(1) The Union of World Islamic Nations (UWIN).
(2) The Muslim League of Nations (MLN).
(3) The Muslim Common Market (MCM).
(4) The Muslim Economic Community (MEC).

Juga dicadangkan supaya dijalankan kajian yang mendalam bagi tujuan pembentukan ekonomi bersepadu di kalangan negara Islam.

Antara bentuk kerjasama ekonomi yang boleh diwujudkan di kalangan negara Islam ialah:

(1) ***Bantuan ekonomi kepada negara Islam yang mundur.*** Negara Islam yang kaya dengan minyak sewajarnya meletakkan keutamaan menolong negara saudara yang mundur untuk mengambil alih bantuan negara perindustrian (Siddiqi 1977: 34).

    Di samping bantuan, pelaburan oleh negara yang kaya dengan minyak perlu juga dialihkan dari perindustrian ke negara Islam yang mundur, biarpun rendah pulangannya.
(2) ***Kerjasama perdagangan.*** Yang pentingnya ialah kerjasama barang makanan, pertanian, bahan mentah dan barang kelengkapan jentera. Negara maju telah mengenakan tarif terhadap import barangan keluaran negara mundur, termasuk negara Islam. Mereka telah menyatukan mereka dalam ikatan dan perjanjian ekonomi yang akan memberikan keistimewaan import di kalangan anggota mereka sahaja. Oleh itu, tidak ada cara lain, kecuali diwujudkan ikatan yang sama di kalangan negara Islam seperti yang diamalkan oleh negara maju.
(3) ***Badan kewangan Islam.*** Negara Islam banyak berhutang dengan dunia luar, termasuk negara dan agensi kewangan asing. Hutang yang mempunyai kadar bunga amatlah membebankan. Oleh itu, negara Islam perlu menubuhkan atau mengukuhkan badan kewangan Islam bagi keperluan negara anggota, seperti Bank Pembangunan Islam, Bank Islam Antarabangsa, Bank Dunia Islam dan Tabung Kewangan Islam supaya dunia Islam dapat mempengaruhi dan mencorakkan sistem kewangan antarabangsa sedikit sebanyak.

## Kerjasama Bukan Ekonomi

(1) ***Kerjasama teknik.*** Ini termasuklah perpindahan, bantuan dan

pertukaran kepakaran di kalangan negara Islam. Kerjasama perlu diwujudkan dari segi penyelidikan, termasuk teknologi, komunikasi, ketenteraan dan pembangunan.

(2) ***Kerjasama kerohanian.*** Penyebaran dan penyaluran dakwah Islamiah secara berkesan di negara Islam melalui pendekatan baru yang menitikberatkan kesedaran dan tanggungjawab setiap insan, termasuk pemimpin dan rakyat. Kesedaran kerohanian dan pemupukan kekuatan kerohanian merupakan senjata ampuh untuk menghadapi cabaran dunia kebendaan. Setelah seluruh penganut Islam secara puratanya telah dapat ditanam dengan kekuatan kerohanian, maka bolehlah dilakukan tindakan penting, iaitu dunia Islam tidak akan bergantung pada kekuatan ketenteraan semata-mata bagi menghadapi musuh. Dengan itu, perbelanjaan ketenteraan yang melibatkan berjuta-juta dolar nilainya bolehlah dikurangkan dan digunakan peruntukan ini bagi tujuan berfaedah yang lain.

Dakwah juga perlu diusaha dan disebarkan di kalangan negara bukan Islam, supaya mereka memahami dan tertarik dengan kesejahteraan Islam, paling tidak boleh mengendurkan konfrantasi mereka terhadap Islam.

## KESATUAN NEGARA ISLAM

Kesatuan yang unggul ialah kesatuan yang berasaskan ideologi, yang melampaui batas kepentingan ekonomi dan kebendaan yang lain. Kesatuan yang berasaskan ideologi adalah kesatuan ampuh yang tidak mungkin tergugat dengan sebarang pengaruh dan unsur kebendaan. Kesatuan tersebut tidak mengenal batas masa, geografi, bangsa, warna kulit dan kelas.

### Komanwel Islam

Komanwel Islam yang dicadangkan oleh Muslehuddin ialah komanwel yang tidak berbentuk ketat, sebaliknya berbentuk boleh ubah berdasarkan kebebasan, toleransi dan kerjasama (Muslehuddin 1970: 79–80). Maka komanwel yang seperti ini tidak lebih seperti komanwel British yang merupakan persatuan yang dibentuk bagi tujuan keperluan dan kehendak kebajikan keduniaan negara anggota.

Komanwel bentuk ini masih tidak dapat melambangkan ikatan

persaudaraan Muslim yang sebenar kerana mereka tidak sanggup berkorban untuk anggota yang lain. Tanda persaudaraan mestilah dibuktikan melalui pengorbanan, tanpa pergorbanan bermakna masing-masing masih mementingkan diri sendiri, sedangkan setiap Muslim dikehendaki menyayangi saudara mereka seperti mereka menyayangi diri mereka sendiri. Ini kerana orang Islam seumpama satu badan atau satu bangunan, tidak mungkin terpisah antara satu dengan lain.[4] Oleh itu, tidak ada satu pun, kecuali agama yang mempunyai kuasa untuk mewujudkan bentuk kesatuan yang lebih mantap.

## Sistem Pemerintahan Berpusat

Negara komanwel Islam boleh diubahsuaikan kepada sistem pemerintahan berpusat. Demi kejituan, keutuhan dan kekuatan Islam, sistem kepemimpinan berpusat perlu diwujudkan semula. Semenjak Islam berpecah menjadi negara kecil, lebih banyak pertelagahan wujud antara satu dengan yang lain. Begitu juga dalam isu-isu yang berkait dengan kepentingan umat Islam setiap negara mempunyai pendapat yang berbeza sehingga tidak ada keseragaman dalam hal-hal yang memerlukan kesepakatan.

Sistem pemerintahan berpusat tidak semestinya melucutkan jawatan presiden atau perdana menteri yang terdapat dalam setiap negara Islam. Mereka masih boleh bertindak sebagai ketua negara masing-masing, tetapi dalam bentuk pengawasan dan arahan daripada pemerintah pusat — presiden agung atau perdana menteri komanwel Islam. Bentuk pemerintahan ini memerlukan pengorbanan setiap negara. Oleh sebab pemimpin negara Islam yang ada sekarang dijangkakan tidak akan bersedia berkorban untuk tujuan ini, maka langkah berperingkat-peringkat terpaksa dilalui terlebih dahulu. Pertama, yang perlu dilakukan ialah dakwah kepada rakyat dan pemimpin Islam supaya betul reda dan bersedia untuk hidup dan mati kerana Islam. Jika umat Muslim telah bersedia untuk menerima Islam, maka peringkat yang berikutnya lebih senang untuk dicapai, iaitu penggabungan seluruh negara Islam di bawah satu kepemimpinan khalifah Islam, seperti sistem khalifah yang

---

4 Sabda Nabi yang bermaksud:
"Perumpamaan orang beriman sesamanya cinta-mencintai, sayang-menyayangi dan bantu-membantu antara sesamanya, seumpama satu tubuh. Apabila salah satu anggota sakit, anggota lain akan turut merasainya sama." (Hadis Riwayat Muslim).

lampau. Hanya pada ketika itulah Islam boleh muncul sebagai kuasa besar dunia untuk menggantikan kuasa Amerika Syarikat dan Rusia. Barulah Islam digeruni bukan kerana kehebatan dan kekuatan kebendaan, tetapi kerana kekuatan kerohanian dan kejituan kesatuan umatnya.

# BIBLIOGRAFI


Abdalati Hammudah 1981. *Islam Dalam Sorotan.* Surabaya: Penerbit PT Bina Ilmu.

Abdul Bari 1972. "Economic Aspects of the Muslim State During Caliph Hisham (A.H. 105–A.D. 724–743)". *The Islamic Culture* Jil. 46, Oktober, hlm. 297–305.

Abdul Hadi Awang 1985. *Muqaddimah Aqidah Muslimin.* Kuala Lumpur: Gedung Gua.

Abdul Halim Abbas 1990. *Perancangan dan Perkhidmatan.* Kuala Lumpur: Penerangan Al-Arqam.,

Abdul Halim Ismail 1990 (20–22 Julai). "The Teaching of Islamic Economics: Practioner's Point of View", kertas kerja dlm. Bengkel Pengajaran Ekonomi Islam, anjuran Universiti Islam Antarabangsa di Langkawi.

Abdul Kadir Audah 1983. *Harta dan Pemerintahan dalam Islam.* Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.

Abdul Kadir Ismail 1984. "Baitulmal Islam," kertas seminar Baitulmal peringkat Kebangsaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Abdul Rahim, M. 1979. "The Philosophical Background of The Economics of Islam", dlm. *Thoughts on Islamic Economics*, Islamic Economics Research Bureau Bangladesh, hlm. 305–315.

Ab. Rashid Dail 1984. *Prinsip Ekonomi Islam.* Kajang: Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur Tengah.

Abu Ali, S. 1983, "Comment on Fiscal Policy in an Islamic Economy" dlm. Ziauddin Ahmad, M. Iqbal dan M.F. Khan (ed). *Fiscal Policy and Resource Allocation in Islam.* Islamabad: Institute of Policy Studies, hlm. 87–91.

Abu-Saud, M. 1981. "Money, Interest and Qirad," dlm. Khurshid Ahmad (ed). *Studies in Islamic Economics*, Islamic Foundation. Leicester: hlm. 59–84.

Abu-Saud, M. 1984. "Towards Islamic Economics" kertas kerja dlm. Third International Seminar on Islamic Thought, Kuala Lumpur, 26– 31 Julai.

Abu Sulayman, A.H. 1976. "The Theory of the Economics of Islam: The Economics of Tawhid and Brotherhood" dlm. The Muslim Students Association of the USA and Canada. *Contemporary Aspects of Economic Thinking in Islam*. American Trust Publication, hlm. 8–38.

Afzal-Ur-Rahman 1974. *Economic Doctrines of Islam*, Jil. I. Lahore: Islamic Publication Ltd.

Afzal-Ur-Rahman 1975. *Economic Doctrines of Islam*, Jil. II, Lahore: Islamic Publications Ltd.

Ahmad, H.Z.A. 1985. "Hidup Dalam Taqwa, Takdir, Rencana," majalah *al-Muslimah*. Disember.

Aidit Ghazali 1986. "Pengeluaran," kertas kerja dlm. kursus Jangka Pendek Ekonomi Islam, Julai – Disember Universiti Islam Antarabangsa, Petaling Jaya.

al-Assal, Ahmad Mahmud dan F.A. Abdul Karim 1981. *Sistem Ekonomi Islam: Prinsip-prinsip dan Tujuannya* Singapura: Al- Haramain Pte. Ltd.

al-Batriq, Y.A. 1977. "Planning for Economic Development in an Islamic Framework," dlm. *Islam and Development*, hlm. 36–40

al-Fanjari, M. Syauqi 1988. *Ekonomi Islam Masa Kini*. Kuala Lumpur: Penerbit Darulfikir.

al-Ghazali 1980. *Ihya Ulumiddin*, Jil. 5. Indonesia: Percetakan Menara Kudus.

Alias Othman, 1986. *Apakah ciri-ciri Khusus Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.

al-Jarhi, M.A. 1983. "A Monetary and Financial Structure for an Interest-Free Economy: Institutions, Mechanism and Policy", dlm. Ziauddin Ahmad *et al.*, (ed). *Money and Banking in Islam*. Islamabad: Institute of Policy Studies, hlm. 69–87.

al-Jarhi, M.A. 1985. "Towards an Islamic Macro Model of Distribution: A Comparative Approach". *Journal of Research in Islamic Economics*. Jil. 2, Bil. 2, hlm. 1–29.

al-Jazairi A. Bakar Jabir 1987. *Akhlak Muslim*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.

al-Mazini, A.A. 1989. *Panduan Mengeluarkan Zakat*. Petaling Jaya: al-Rahmaniah,

al-Sadr, M.B. 1982. *Iqtisaduna*, Jil. 2, Bahagian 1. Teheran: World Organization for Islamic Services.

Anas Zarqa, t.t "Social Welfare Function and Consumer Behavior: An Islamic Formulation of Selected Issues".

Anas Zarqa 1983. *Ekonomi Islam: Satu Pendekatan kepada Kebajikan Manusia*. Kuala Lumpur: Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri.

Anwar, Muhammad 1987. *Modelling Interest: Free Economy: A Study in Macro-Economics and Development*. Virginia: The International Institute of Islamic Thought.

Arif, Muhammad 1989. "Towards Establishing the Microfoundation of Islamic

Economics: The Basis of The Basic," dlm. Aidit Ghazali dan Syed Omar (ed). *Reading in the Concept and Methodology of Islamic Economics.* Petaling Jaya: Pelanduk Publication. hlm. 82–95.

Ashaari Mohammad 1981. *Huraian ke Arah Membangun Negara dan Masyarakat Islam.* Kuala Lumpur: Penerangan Darul Arqam.

Ashaari Mohammad 1983 (22 Oktober). "Falsafah Ibadah dalam Islam," kertas kerja di Simposium Falsafah Islam, anjuran Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Babilli, M. Muhammad 1988. *Ekonomi dari Kaca Mata Islam.* Kuala Lumpur: Yayasan Islam Terengganu.

Bank Islam Malaysia Berhad, t.t. *Bank Islam Malaysia Berhad: Organisation and Operations.* Kuala Lumpur: BIMB.

Cahyono Nurdin, D. 1986. *Harta dan Jaminan Sosial Menurut Syariat Islam.* Kuala Lumpur: Pustaka Al-Mizan.

Chapra, M.U. 1970. *The Economic System of Islam – A Discussion of its Goal and Nature.* London: Islamic Cultural Centre.

Chapra, M.U. 1981. "The Islamic Welfare State and its Role in the Economy" dlm. Khurshid Ahmad (ed). *Studies in Islamic Economics.* Leicester: The Islamic Foundation, hlm. 143–169.

Chapra, M.U. 1983. "Monetary Policy in an Islamic Economy", dlm. Ziauddin Ahmad (ed). *Money and Banking in Islam.* Islamabad: Institute of Policy Studies, hlm. 27–46.

Chapra, M.U. 1985. *Towards a Just Monetary System.* Leicester: The Islamic Foundation.

Choudhury, M.A. 1986. *Contributions to Islamic Economic Theory: A Study in Social Economics.* Hong Kong: The MacMillan Press Ltd.

el-Awa, Muhamad S. 1980. *On the Political System of the Islamic State.* Indiana: American Trust Publications.

Fachruddin, F.M. 1982. *Ekonomi Islam.* Jakarta: Penerbit Mutiara.

Faridi, F.R. 1981. "Zakat and Fiscal Policy," dlm. Khurshid Ahmad (ed). *Studies in Islamic Economics*, Leicester: The Islamic Foundation, hlm. 119–130.

Faridi, F.R. 1983. "A Theory of Policy Fiscal in an Islamic State", dlm. Ziauddin Ahmad, M. Iqbal dan M.F. Khan (ed). *Fiscal Policy and Resource Allocation in Islam.* Islamabad: Institute of Policy Studies, hlm. 27–45.

Farid, Mohd. 1986. "Sistem Hisbah dalam Islam", kertas kerja dlm. kursus Jangka Pendek Ekonomi Islam, anjuran Universiti Islam Antarabangsa, Julai-Disember.

Firdaus, A.N. 1977. *Kepimpinan Umar Abdul Aziz.* Jakarta: Penerbitan Publicita.

Hailani Muji Tahir dan M. Akhir Hj. Yaacob 1983. *Islam dan Beberapa Persoalan Semasa*, (1) Bangi: Penerbitan *al- Rahmaniah.*

Hailani Muji Tahir 1986. *Pengenalan Tamadun Islam dalam Institusi Kewangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hamzah Ismail dan Shahbari Salamon 1982. "Ke Arah Pelaksanaan Sistem Ekonomi Islam di Malaysia," kertas kerja Seminar Intelek Islam di Malaysia, ke-2, Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur Tengah (PBMITT) Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Hasan Hj. Mohd. Ali 1987. "Masalah Pembinaan Sikap dan Nilai: Keperluan Pendekatan Pembangunan Insan," kertas kerja dlm. Kursus Pembangunan Insan, Anjuran Majlis Perbandaran Kuantan, di Dewan Majlis Perbandaran Kuantan, 28 Ogos.

Hasan, Surtahman Kastin 1990a. *Masalah Ekonomi dan Alam Sekitar: Penyelesaian Islam*, Bandar Baru Bangi: Penerbit Karyawan.

Hasan, Surtahman Kastin 1990b. *Ekonomi Islam*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsan Malaysia.

Hasan-uz-Zaman 1979. *The Objectives of Economics Policy,* di majalah *Islamiyah* Jil. 3/81. hlm. 13–22.

Ibn Katsier 1988. *Terjemah Singkat Tafsir Ibnu Katsier* Jil. 4. Kuala Lumpur: Victory Agencies.

Ibn Taymiyah 1982. *Public Duties in Islam: The Institution of the Hisba.* Leicester: The Islamic Foundation.

Iqbal, M. dan M.F. Khan 1981. *A Survey of Issues and a Programme for Research in Monetary and Fiscal Economics of Islam.* Islamabad: Institute of Policy.

Ishak Mohd. Rejab 1983. *Islam sebagai Agama Sejagat.* Kuala Lumpur: Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri (al-Yakin), Siri 24.

Ishak Mohd. Rejab 1985. *Kepimpinan dalam Islam.* Bangi: Jawatankuasa Da'wah Fakulti Pengajian Islam, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Islahi, Abdul Azim 1985. "Ibn Taymiyah's Concept of Market Mechanism". *Journal of Research in Islamic Economics,* Jil. 2, Bil. 2, hlm. 55–64.

Ismail Awang 1983. *Mengenal Iman, Murtad, Kufur, Syirik, Munafiq, Zalim, Fasiq menurut al-Quran dan al-Sunnah.* Kota Bharu: Pustaka Menara.

Jabatan Penerangan Malaysia 1983. *Bank Islam Malaysia: Penubuhan dan Operasinya* Kuala Lumpur.

Kahf, Monzer 1973. "A Contribution to the Study of the Economics of Islam", mimeo Universiti of Utah, Amerika Syarikat Julai.

Kahf, Monzer 1981. "A Contribution to the Theory of Consumer Behaviour in an Islamic Society" dlm. Khurshid Ahmad (ed). *Studies in Islamic Economics*, Leicester: The Islamic Foundation, hlm. 19–36.

Kahf, Monzer 1982. *Ekonomi Islam.* Kuala Lumpur: Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM).

Kahf, Monzer 1983. "Taxation Policy in an Islamic Economy", dlm. Ziauddin Ahmad, M. Iqbal dan M.F. Khan (ed). *Fiscal Policy and Resource Allocation in Islam.* Islamabad: Institute of Policy Studies, hlm. 131–153.

Kahf, Monzer 1989. "Islamic Economics System – A Review" dlm. Aidit Ghazali dan Syed Omar (ed). *Reading in the Concept and Methodology of Islamic Economics.* Petaling Jaya: Pelanduk Publications, hlm. 69–81.

Khan, M.A. 1969. "Concept of Development in Islam". *The Criterion,* Ogos, hlm. 7–16.

Khan, M.A. 1982. "Appendix: Al-Hisba and the Islamic Economy", dlm. Ibn Taymiyah. *Public Duties in Islam.* Leicester: The Islamic Foundation, hlm. 135–150.

Khan, M.A. 1983. *Issues in Islamic Economics.* Lahore: Islamic Publications Ltd.

Khan, M.A. 1984a (26–31 Julai). "Islamic Economics: The State of Art", Kertas Kerja dlm. *Third International Seminar on Islamic Thought, anjuran International Institute of Islamic Thought,* Kuala Lumpur.

Khan, M.A. 1984b. "Islamic Economics: Nature and Need", *Journal of Research in Islamic Economics* . Jil. 1, Bil. 2, hlm. 55–61.

Khan, M.F. 1984. "Macro Consumption Function in an Islamic Framework". *Journal of Research in Islamic Economics,* Jil. 1, Bil. 2, hlm. 124.

Khan, M.S. dan A. Mirakhor 1989. "The Financial System and Monetary Policy in an Islamic Economy," *Journal of King Abdul Aziz University,* Jil. 1, hlm. 39–58.

Khurshid Ahmad 1981a. "Economic Development in an Islamic Framework" dlm. Khurshid Ahmad (ed) *Studies in Islamic Economics.* Leicester: The Islamic Foundation, hlm. 171–188.

Khurshid Ahmad 1981b. *Islam: Prinsip Dasar dan Kerakteristiknya.* Bandung: Perpustakaan Salman ITB.

Khurshid Ahmad 1982. "Editor's Preface" dlm. Ibn Taymiyah *Public Duties in Islam.* Leicester: The Islamic Foundation, hlm. 5– 11.

Kementerian Pelajaran 1981. *Konsep Ibadat dalam Islam.* Kuala Lumpur: Unit Dakwah, Bahagian Pelajaran Agama, (al-Yakin), Siri 1.

Lubis, M.A.T. 1976, *Ilmu Fiqih.* Medan: Firma Islamiyah.

Mahsin Hj. Mansor 1984. *Undang-undang Perdagangan Islam.* Kuala Lumpur: Alharamain Sdn. Bhd.

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan 1989. *Baitulmal Wilayah Persekutuan.* Kuala Lumpur: Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.

Mannan, M. Abdul 1989. *Ekonomi Islam: Teori dan Praktis,* Jil. I, Kuala Lumpur: A.S. Noordeen.

Md. Akhir Haji Yaacob 1987. *Penjelasan Istilah Fiqh Mu'amalat.* Kuala Lumpur: al-Rahmaniah.

Md. Zhahir, Md. Zyadi dan Zulkifly Osman 1988. Makroekonomi: Prinsip dan Amalan. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.

Metwally, M.M. 1983. "Fiscal Policy in an Islamic Economy", dlm. Ziauddin Ahmad M. Iqbal dan M.F. Khan (ed). *Fiscal Policy and Resource Allocation in Islam.* Islamabad: Institute of Policy Studies, hlm. 59–81.

Miller R.L. dan R.W. Pulsinelli 1989. *Modern Money and Banking*. Singapura: McGraw-Hill Book Co.

Mohammad Thalib 1980. *Tuntutan Berjual Beli Menurut Hadith Nabi*, Singapura: al-Haremain Pte. Ltd.

Mohd. Azmi 1988. "Pengurusan Tenaga Manusia: Pembiayaan", kertas kerja dlm. Kursus Jangka Pendek Perniagaan Islam, Januari–Jun, Universiti Islam Antarabangsa, Petaling Jaya.

Mohd. Nor Abd. Ghani dan Md. Rusly Bahazin 1983. *Khidmat dan Ibadat*, Bahagian Agama Islam. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri, (al-Yakin), Siri 33.

Muslehuddin, M. 1970 (Disember). "Commonwealth of Islamic Countries and the Muslim World Bank". *The Criterion*, hlm. 74–94.

Nungsari A.R. dan Abdul Rahim Anuar 1990 (20–22 Julai). "A Revaluation of Contemporary Economic Theory", kertas kerja dalam Bengkel Pengajaran Ekonomi Islam, anjuran Universiti Islam Antarabangsa, di Langkawi.

Nyang, S.S. 1976 (Januari). "The Islamic State and Economic Development: A Theoretical Analysis". *The Islamic Culture*, Jil. 50.

Othman Alhabshi, S. 1989. *Islam, Ekonomi dan Pengurusan*. Shah Alam: Penerbitan Hizbi.

Qadri, A.A. 1969 (Oktober). "The Shari'ah and Other Economic System". *The Criterion*, hlm. 39–53.

Quraishi, A.A. 1977. "Problems and Prospects of Coordinating Common Economic Policies Among Muslim Countries". *Outlines of Islamic Economics*. Association of Muslim Social Scientists, Indiana, hlm. 67–74.

Qutb, S.M. 1977. "The Islamic Basis of Development", dlm. *Islam and Development*. The Association of Muslim Social Scientists, Indiana, hlm. 1–11.

Rus'an, H. 1963. *Ibn Khaldun Tentang Sosial dan Ekonomi*. Jakarta: Penerbit Bulan Bintang.

Sadeq, A.H.M. 1987. "Economic Growth in an Islamic Economy", kertas kerja dlm. International Seminar on Islamic Economics, Kulliyah Economics, Universiti Islam Antarabangsa.

Saedon, Mahmud 1990 (2–22 Julai). Hubungan antara Fiqh Muamalah dengan Ekonomi, kertas kerja di Bengkel Pengajaran Ekonomi Islam di Langkawi, anjuran Kulliyah Ekonomi Universiti Islam Antarabangsa.

Saefuddin, A.M. 1984. *Nilai-nilai Sistem Ekonomi Islam*. Jakarta: CV. Samudera.

Saiful Azhar 1986 (Julai–Disember). "Pembangunan dari Kaca Mata Islam", kertas kerja Kursus Jangka Pendek Ekonomi Islam, Universiti Islam Antarabangsa, Petaling Jaya.

Saiful Azhar 1986 (Julai–Disember). "Penggunaan", kertas kerja dalam Kursus Jangka Pendek Ekonomi Islam, Kuala Lumpur.

Salama, A.A. 1983. Fiscal Policy of an Islamic State, dlm. Ziauddin Ahmad, M.

Iqbal dan M.F. Khan (ed). *Fiscal Policy and Resource Allocation in Islam.* Islamabad: Institute of Policy Studies, hlm. 99–118.

Sattar, M.A. 1976. "Ibn Khaldun's Contribution to Economic Thought", *Economic Thinking in Islam*, hlm. 109–116.

Schmidt, G. 1955 (Julai). "The Influences of Islamic World on European Civilisation". *The Islamic Culture*, Jil. 29, hlm. 191–214.

Schumpeter, J.A. 1972. *History of Economics Analysis.* London: George Allen and Unwin Ltd.

Sencca, J.J. dan M.K. Taussig 1979. *Environmental Economics.* Edisi 2. New Jersey: Prentice-Hall Inc.

Sharif, M.R. 1970. *Islamic Social Framework.* Lahore: Sh. Muhammad Ashraf ash-Shiddieqy, T.M. Hasbi, (t.t.). *Fungsi Aqidah dalam Kehidupan Manusia dan Perpautannya dengan Agama*, Penerbit Menara Kudus.

Siddiqi, A.H. 1977 (Julai–Oktober). "Economic Cooperation Among the Muslim Countries", *al-Ittihad*, Jil. 14, hlm. 30–36.

Siddiqi, M.N. 1970. *Some Aspects of the Islamic Economy.* Lahore: Islamic Publication Ltd.

Siddiqi, M.N. 1976. *Banking Without Interest.* Lahore: Islamic Publications Ltd.

Siddiqi, M.N. 1979. *The Economic Enterprise in Islam.* Lahore: Islamic Publications Ltd.

Siddiqi, M.N. 1981. *Muslim Economic Thinking.* Leicester: The Islamic Foundation.

Siddiqi, M.N. 1983. *Issues in Islamic Banking: Selected Papers.* Leicester: The Islamic Foundation.

Sobri Salamon 1988. *Perniagaan Menurut Pandangan Islam.* Kuala Lumpur: Al-Rahmaniah/Hizbi.

Sobri Salamon 1989. *Ekonomi Islam: Pengenalan Sistem dan Kemungkinan.* Petaling Jaya: Al-Rahmaniah.

Subhi al-Saleh 1983. *Sistem Ekonomi dan Kewangan dalam Islam.* Bangi: Al-Rahmaniah.

Taufiq Idris 1982. *Prinsip Hidup Muslim.* Surabaya: PT Bina Islam.

The Council of Islamic Ideology, Pakistan 1983. "Elimination of Interest from the Economy", dlm. Ziauddin Ahmad *et al.*, (ed), *Money and Banking in Islam.* Islamabad: Institute of Policy Studies, hlm. 103–200.

Ulwan Abdullah Nasih 1988. *Masalah Taqdir*, Thinker's Library Sdn. Bhd., Malaysia.

Ulwan Abdullah Nasih 1989. *Pengenalan Syariah Islamiyah, Fiqh dan Sumber-sumbernya.* Kuala Lumpur: Pustaka Salam.

Uzair, M. 1981. "Some Conceptual and Practical Aspects of Interest Free Banking", dlm. Khurshid Ahmad (ed), *Studies in Islamic Economics.* Leicester: The Islamic Foundation, hlm. 37–57.

Watson, D.S. 1972. *Price Theory and Its Uses.* Edisi 3. New York: Houghton Mifflin Company.

Yusuf, S.M. 1957 (Januari). "Land, Agriculture and Rent in Islam", *The Islamic Culture*, Jil. 31, hlm. 27–39.

Zakaria Man 1986 (Julai–Disember). "Pengagihan Pendapatan dan Harta", Kursus Jangka Pendek Ekonomi Islam, anjuran Universiti Islam Antarabangsa.

Zakaria Man 1988 (Januari–Jun). "Pengurusan Tenaga Manusia: Perancangan dan Kawalan Firma", kertas kerja dalam Kursus Jangka Pendek Perniagaan Islam, anjuran Kulliyah Ekonomi Universiti Islam Antarabangsa.

Ziauddin Ahmad, *et al.*, (ed) 1983. *Money and Banking in Islam*. Islamabad: Institute of Policy Studies.

# INDEKS